

JURNAL

PSIKOLOGI DAN KAUNSELING

JOURNAL OF PSYCHOLOGY AND COUNSELLING



TAHUN 2024 . JILID 2 . BILANGAN 13 . ISSN 1985-3602

Faktor Jantina Terhadap Pengurusan Tingkah Laku Remaja ke Arah Membangunkan Malaysia

MADANI

Mazli Sham binti Abdullah (Ph.D)

Hubungan Antara Sokongan Sosial dan Daya Tahan Terhadap Kesejahteraan Psikologi Pelajar di Daerah Gombak

Mohd Hafiz bin Mat Hussin

Strategi Meta-Tingkah Laku dan Hubungannya Dengan Kemahiran Penyelesaian Masalah Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah

Zurairhan binti Abu Bakar

Konsep Kendiri Multidimensi Guru Baharu Terhadap Motivasi Bekerja di Daerah Pekan:

Satu Kajian Tinjauan

Siti Nor Mariani Salleh

Norhusna binti Abu Bakri

Azlina binti Anmeri

Suhaila binti M. Harun Narasit

Juaraimi bin Mohammad

Pembangunan dan Pengujian Modul Bimbingan Kelompok Berdasarkan Strategi WDEP bagi Menangani Isu Psikologi Murid Berprestasi Rendah

Nurul Fathihah binti Nor Azhar

Prof. Dr. Ahmad Jazimin bin Jusoh (Ph.D)

Meneroka Faktor yang Mempengaruhi Tekanan Emosi dalam Kalangan Pelajar Perempuan di Kolej Matrikulasi

Faradila binti Zainal Abidin

Zubaidah binti Zakaria

Kajian Tinjauan Terhadap Pengurusan Emosi Warga Pendidikan Daerah Lubok Antu

Ellan Balang Lau Chui Hsiang

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen *Generalized Anxiety Disorder-7 (Gad-7)* dalam Kalangan Murid Sekolah di Malaysia

Haziq Azree Yazid

Fauziah binti Mohd Sa'ad, (Ph.D)

Tahap Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Guru Pelatih IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan

Shahida Nalini binti Mat Sabri

Nurulaini binti Moshidi

Zawiyah binti Zali

Hj. Hatim Aziwir bin Zaadun Zabir

Shafie Majid

Aplikasi Model ABC – REBT Terhadap Klien *Autism Spectrum Disorder (ASD) with Psychosis and Behavioral Major Depression Disorder (MDD)* Menggunakan Pendekatan *Play Therapy*

Nur Hafiza binti Mohd Akhir

Gaya Belajar Murid Rendah di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Kota Tinggi

Ibrahim bin Ya'akub

Hakcipta Terpelihara:

Jurnal Psikologi dan Kaunseling diterbitkan setiap tahun oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Penulisan yang diterbitkan adalah di dalam Bahasa Melayu. Pandangan para penulis dalam jurnal ini, tidak mewakili pandangan Bahagian Psikologi dan Kaunseling atau Kementerian Pendidikan Malaysia. **Tidak dibenarkan menyalin** bahagian artikel, ilustrasi dan isi mana-mana kandungan buku Jurnal Psikologi dan Kaunseling ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun **sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit dan penulis.**

Alamat surat-menyurat:

Koleksi Jurnal Penyelidikan Psikologi dan Kaunseling Bahagian Psikologi dan Kaunseling Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 1, Blok E9, Kompleks E Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya

Telefon: 03 88721681

Faks: 03 88721680

Reka bentuk dan dicetak oleh:

FABULOUS FIVE RESOURCES

Lot 1742, No 10-8,

Jalan Cengal Taman Setapak,

53000 Kuala Lumpur

Hakcipta Bahagian Psikologi dan Kaunseling 2024



Kandungan	ii
Sidang Pengarang	iv
Pengenalan Ringkas	v
Dari Meja Penyunting	vi
Faktor Jantina Terhadap Pengurusan Tingkahlaku Remaja ke Arah Membangunkan Malaysia MADANI	1-12
Mazli Sham binti Abdullah, Ph.D	
Hubungan Antara Sokongan Sosial dan Daya Tahan Terhadap Kesejahteraan Psikologi Pelajar di Daerah Gombak	13-34
Mohd Hafiz bin Mat Hussin	
Strategi Meta-Tingkah Laku Dan Hubungannya Dengan Kemahiran Penyelesaian Masalah Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah	35-56
Zurairhan binti Abu Bakar	
Konsep Kendiri Multidimensi Guru Baharu Terhadap Motivasi Bekerja di Daerah Pekan: Satu Kajian Tinjauan	57-92
Siti Nor Mariani binti Salleh Norhusna binti Abu Bakri Azlina binti Anmeri Suhaila binti M. Harun Narasit Juraimi bin Mohammad	
Pembangunan dan Pengujian Modul Bimbingan Kelompok Berdasarkan Strategi WDEP bagi Menangani Isu Psikologi Murid Berpencapaian Rendah	93-114
Nurul Fathihah binti Nor Azhar Prof. Dr. Ahmad Jazimin bin Jusoh, Ph.D	



Meneroka Faktor yang Mempengaruhi Tekanan Emosi dalam Kalangan Pelajar Perempuan di Kolej Matrikulasi Faradila binti Zainal Abidin Zubaidah binti Zakaria	115-126
Kajian Tinjauan Terhadap Pengurusan Emosi Warga Pendidikan Daerah Lubok Antu Ellan Balang Lau Chui Hsiang	127-140
Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen <i>Generalized Anxiety Disorder-7 (Gad-7)</i> dalam Kalangan Murid Sekolah di Malaysia Haziq Azree bin Yazid Fauziah binti Mohd Sa'ad, Ph.D	141-162
Tahap Kecerdasan Emosi dalam Kalangan Guru Pelatih IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan Shahida Nalini binti Mat Sabri Nurulaini binti Moshidi Zawiyah binti Zali Hj. Hatim Aziwir bin Zaadun Zabir Shafie bin Majid	163-176
Aplikasi Model ABC - REBT Terhadap Klien <i>Austism Spectrum Disorder (ASD) with Psychosis and Behavioral Major Depression Disorder (MDD)</i> Menggunakan Pendekatan <i>Play Therapy</i> Nur Hafiza binti Mohd Akhir	177-188
Gaya Belajar Murid Menengah Rendah di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Kota Tinggi Ibrahim bin Ya'akub	189-202
Biodata penulis	203-208



SIDANG PENGARANG

Penaung

Puan Hajah Salmiah Monshie
Setiausaha Bahagian
Bahagian Psikologi dan Kuanseling

Penasihat

Puan Maheran Alias
Timbalan Setiausaha Bahagian
(Cawangan Pembangunan Strategik)

Ketua Editor

Dr. Hajah Mazli Sham Abdullah
Ketua Penolong Setiausaha(Ketua Unit)

Penolong Editor

Encik Mohd Hafiz Mat Hussin
Puan Zuraihan Abu Bakar
Dr.Nordiana Abd Rahim

Panel Pakar dan Penilai

Raba' Aton Adawiah @ Robiah Mohd Yusif, Ph.D (UMT)
Suhaili Arifin, Ph.D (UMT)
Badruddin Hassan, Ph.D (IPGKDRI)
Prof. Madya Dr. Nurul' Ain Mohd Daud, Ph.D (UPSI)
Dr. Hapsah Md Yusof, Ph.D (UPSI)

Urusetia

Umi Sarina Abdullah



PENGENALAN RINGKAS

Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Ditubuhkan secara rasminya pada 1 Mac 2008 dengan memainkan peranan untuk memenuhi aspirasi merealisasikan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Pengurusan psikologi Versi 1.0 (2022) : Pengurusan Psikologi Dalam Perkhidmatan Awam Lampiran PO.3.1.1(E) Aplikasi Penyelidikan Psikologi. Hasrat ini seiring dengan visi BPsK iaitu Peneraju, Pemerkasaan Kesejahteraan Insan dan juga misi BPsK dalam Pembestarian Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling Untuk Memperkembangkan Potensi Individu Bagi Memenuhi Aspirasi Negara.

Objektif penubuhan BPsK adalah untuk :

1. Menyedia dan menguruskan perkhidmatan psikologi dan kaunseling untuk kesejahteraan individu, organisasi dan komuniti;
2. Memberi kesedaran kepada warga KPM akan kepentingan perkhidmatan psikologi dan kaunseling dalam menguruskan kehidupan seharian;
3. Meningkatkan pengetahuan dan kecekapan kaunselor organisasi ke tahap optimum dan berterusan;
4. Menyediakan pendidikan kesihatan dan kaunseling berteraskan etika dan menepati peruntukan perundangan;
5. Melestarikan kelangsungan perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada *stake-holder*.

Dalam usaha untuk memantapkan modal insan maka sistem pendidikan kita perlu berupaya melahirkan generasi muda serta warga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran global. Sehubungan itu, objektif dan peranan Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsK) dari aspek Psikologi dan Kaunseling perlulah merentasi semua inisiatif yang terdapat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) tersebut serta disiplin kerja di KPM itu sendiri. Kaunselor Organisasi perlulah berusaha melengkapkan diri untuk sama-sama berperanan membantu warga KPM dalam menjayakan PPPM. Pelaksanaan aktiviti BPsK yang menjurus kepada aspek pembangunan, pencegahan dan pemulihan perlu di terjemahkan menerusi aktiviti penyelidikan, pembangunan modul, sesi kaunseling, ujian psikometrik, klinik kaunseling bergerak, sarana psikososial dan sebagainya. Komitmen dan usaha yang berterusan mampu meningkatkan kualiti profesionalisme kaunselor organisasi BPsK ke arah menjamin kesejahteraan modal insan pada masa kini dan untuk masa hadapan.

DARI MEJA PENYUNTING

Penerbitan Jurnal Psikologi dan Kaunseling bilangan ketiga belas ini merupakan kompilasi hasil kajian dan penulisan para kaunselor dan juga pengamal-pengamal kaunseling yang sentiasa mencari sesuatu pembaharuan dalam perkhidmatan psikologi dan kaunseling. Jurnal ini memuatkan artikel berbentuk hasil penyelidikan daripada kaunselor-kaunselor pendidikan, ahli-ahli psikologi sama ada psikologi kaunseling, psikologi pendidikan atau bidang-bidang yang menjurus kepada psikologi kaunseling itu sendiri. Perkara ini selaras dengan objektif penerbitan jurnal iaitu memberi peluang kepada para penyelidik dalam bidang psikologi dan kaunseling untuk berkongsi pengalaman melalui penulisan yang diterbitkan. Hasil penerbitan ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh semua pembaca termasuk pengamal bidang psikologi dan kaunseling.

Penyelidikan merupakan satu kaedah untuk mendapatkan penyelesaian terhadap sesuatu persoalan yang berlaku. Aspek memahami sesuatu persoalan merupakan langkah pertama bagi menangani sesuatu masalah. Justeru penyelidikan membolehkan kita lebih memahami masalah yang dihadapi, memahami isu yang kita perhatikan serta bergerak secara progresif ke arah penambahbaikan secara berterusan. Budaya penyelidikan yang beretika, bersifat saintifik dan empirikal wajar menjadi amalan agar dapat menghasilkan satu kajian yang berimpak tinggi. Penghasilan jurnal ini merupakan sebahagian daripada proses penyelidikan yang berlaku.

Budaya penyelidikan perlu diterapkan dalam kalangan pengamal perkhidmatan psikologi dan kaunseling bagi menggalakkan lebih banyak penerbitan pada masa akan datang. Hasil penyelidikan dikongsi bersama dengan pengamal kaunseling dan penyelidik yang lain yang akan meningkatkan profesionalisme perkhidmatan psikologi dan kaunseling di Malaysia. Pihak sidang editor jurnal mengalu-alukan hasil penulisan ilmiah sama ada berbentuk konseptual atau penyelidikan untuk dimuatkan di dalam jurnal seterusnya. Terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada para penyumbang artikel, pewasit, editor dan semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha memastikan jurnal ini berjaya diterbitkan.

Sekian, Salam Malaysia MADANI

Ketua Penyunting

Faktor Jantina Terhadap Pengurusan Tingkahlaku Remaja Ke Arah Membangunkan Malaysia Madani

Mazli Sham Abdullah, Ph.D

*Bahagian Psikologi dan Kaunseling
mazlisham@moe.gov.my*

Abstrak

Pembangunan potensi remaja secara holistik dan bersepadu untuk mencipta insan yang seimbang telah termaktub dalam falsafah pendidikan di Malaysia ke arah membangunkan Malaysia madani. Namun, kajian terkini secara berasingan menunjukkan pengurusan tingkah laku kebanyakan remaja adalah pada tahap membimbangkan. Kes-kes salah laku terkadang ramai melibatkan remaja lelaki. Namun, pada masa kini terdapat juga remaja perempuan yang terlibat dalam salah laku. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor jantina terhadap pengurusan tingkah laku remaja. Kajian ini dijalankan dengan reka bentuk kajian tinjauan kuantitatif. Sampel kajian ini adalah seramai 557 orang remaja tingkatan empat yang dipilih secara rawak berlapis. Pengedaran satu set soal selidik ditujukan bagi mendapatkan data yang dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS 24). Ujian MANOVA melalui Multivariate Pillai's Trace dijalankan bagi mengenalpasti perbezaan pengurusan tingkahlaku pelajar mengikut jantina. Hasil analisis menunjukkan bahawa secara keseluruhan jantina tidak memberi perbezaan signifikan terhadap pengurusan tingkah laku pelajar yang ditunjukkan oleh nilai Pillai's Trace adalah 0.987 pada aras signifikan melebihi 0.05 ($p = 0.063$, $F = 2.450$). Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan implikasi pada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia untuk tidak memberikan perbezaan rawatan dalam latihan pengurusan tingkah laku sama ada remaja lelaki mahupun perempuan.

Kata Kunci: *Pengurusan tingkah laku, jantina, remaja*

Pengenalan

Masa remaja ialah masa yang penting bagi seorang anak. Ia merupakan masa peralihan antara masa kanak-kanak kepada masa dewasa atau masa yang penting dalam menentukan hala tuju jati diri murid remaja. Kes-kes gejala sosial yang berlaku dalam kalangan murid remaja semakin meningkat selari dengan perkembangan semasa (Cheng 2014). Kes-kes tersebut dapat menjejaskan akademik dan sahsiah murid remaja seperti disiplin tegar, vandalisme, geng motor, penagih dadah, kesalahan juvana dan lain-lain. Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad (2011) mengemukakan bahawa gejala sosial tersebut berkait rapat dengan pengurusan tingkah laku murid remaja. Pembangunan modal insan penting untuk pertumbuhan inklusif, mewujudkan peluang yang saksama dan pasaran pekerjaan yang teguh.

Pembangunan modal manusia dan kesejahteraan sosial adalah penting untuk meningkatkan produktiviti. Kajian pengurusan tingkah laku murid juga pernah dikemukakan bertahun-tahun lepas oleh Khalim Zainal dan Wan Zulkifli (2009) bahawa ia merupakan salah satu perkara yang patut diambil berat. Ini kerana masalah murid yang terkait pengurusan tingkahlaku di sekolah semakin membimbangkan. Perkara ini terbukti apabila 80 peratus masa guru dihabiskan untuk mengatasi masalah tingkahlaku murid khususnya murid remaja. Antara masalah pengurusan tingkahlaku di sekolah adalah tingkahlaku berunsur jenayah, berunsur lucah, kurang sopan, laku musnah, ponteng sekolah dan kenakalan lain. Pengurusan tingkah laku juga menjadi salah satu perkara yang mustahak kerana perkembangan pelajar remaja pada masa kini semakin membimbangkan.

Wang dan Peck (2013) mengemukakan bahawa tahap kematangan mental dan sosial pelajar remaja masih berada tahap sederhana. Tahap kematangan tersebut menjadikan pelajar remaja kadang-kadang berdepanan dengan pelbagai tekanan emosi dan sosial. Semenjak akhir-akhir ini pelbagai pihak mula menaruh kebimbangan tentang pelbagai gejala sosial yang melanda remaja dan seterusnya dapat meruntuhkan akhlak murid masa kini. Kebimbangan tersebut kerana kes-kes salah laku yang semakin meningkat dari tahun ke tahun (Kementerian Pendidikan Malaysia 2012). Kebimbangan yang lain adalah apabila pada zaman dahulu, kes-kes salah laku sentiasa melibatkan murid lelaki sahaja. Namun pada zaman kini, masalah pengurusan tingkah laku juga melibatkan ramai murid perempuan sebagaimana kajian Cheng (2014), Chew dan Shashipriya (2014), Frias-Armenta et al. (2012), Jamilah binti Mohd Noor (2014) dan Mohamed Sofee (2013).

Terdapat kajian lepas yang mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan pengurusan tingkah laku berdasarkan jantina (Siti Rahayah et al. 2011; Yeoh &

Razak 2015). Manakala kajian Nur Aisyah et al. (2013), Siti Salwa dan Norwati (2013) mendapati perkara sebaliknya. Selain itu, Cheng (2014), Jamilah binti Mohd Noor (2014), Muhammad Aziz (2010) dan Reese et al. (2010) mendapati majoriti murid lelaki terlibat dengan salah laku masalah luaran iaitu seperti vandalisme, memukul, mencuri dan bergaduh. Manakala murid perempuan lebih banyak terlibat dalam masalah dalaman. Antara masalah dalaman tersebut iaitu kebimbangan terhadap penampilan diri. Kajian lepas juga mendapati bahawa salah laku seperti tidak berpakaian kemas, datang lewat ke sekolah dan ponteng adalah hampir sama antara murid lelaki dan perempuan (McCullough & Willoughb 2009). Kajian terkini seperti Azizi Yahya et al. (2011) dan Muhammad Aziz et al. (2011) masih melaporkan bahawa masalah pengurusan tingkah laku berlaku dalam kalangan murid lelaki dan murid perempuan. Sebaliknya, kajian Wan Zah et al. (2009) mendapati bahawa murid lelaki lebih ramai terlibat dalam kes pengurusan tingkah laku berbanding dengan murid perempuan. Oleh itu, faktor jantina adalah menarik untuk dikaji sehingga kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor jantina terhadap pengurusan tingkah laku.

Kajian Literatur

Terdapat pelbagai takrifan yang boleh menjelaskan tingkahlaku. Secara am tingkah laku bermakna serupa dengan perkataan reaksi, tindakan, perbuatan atau pun aktiviti. Menurut ahli psikologi Zimmerman dan Kitsantas (2014), tingkahlaku melibatkan proses pemerhatian, merekod dan pengukuran yang terbahagi kepada dua bentuk iaitu tingkahlaku overt (tingkahlaku yang dapat dilihat) dan tingkahlaku covert (tingkahlaku dipendamkan dalam perasaan). Menurutny lagi, sesuatu tingkahlaku hanya dapat diukur berdasarkan kajian soal selidik yang tidak terlepas dari elemen kebolehpercayaan dan kesahannya.

Proses penghasilan pelajar cemerlang dalam peperiksaan bukanlah suatu tugas yang mudah untuk dicapai. Ianya melibatkan inisiatif petbagai pihak terutamanya ibubapa, pensyarah, penglibatan pengaruh rakan-rakan dan yang paling penting disiplin pelaiar tersebut. Pembentukan kecemerlangan pelajar dalam peperiksaan sebenarnya berhubung rapat dengan aspek tingkahlaku semua pihak yang disenaraikan diatas. Oleh itu, tinjauan penilaian aspek tingkahlaku terhadap pembentukan pelajar cemerlang akan dijalankan berdasarkan kepada suatu penyelidikan. Ianya untuk menilai kebenaran dan ketidakbenaran terhadap penggunaan prispip tingkahlaku dalam mempengaruhi pembentukan pelajar cemerlang.

Abdullah Al-Hadi et al. (2001) menyatakan bahawa fenomena tingkah laku disiplin pelajar di Malaysia merupakan satu isu yang semakin kritikal untuk

diberi perhatian. Laporan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (2004) pula banyak berbeza dengan dapatan kajian oleh Abdullah al-Hadi et al. (2001). Laporan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (2004) menyebutkan bahawa isu tingkah laku disiplin pelajar sering mendapat perhatian di negara ini kerana masalah tingkah laku disiplin dalam kalangan mereka didapati semakin hari semakin meningkat dan masalah ini pula banyak diperkatakan melalui media massa.

Terdapat beberapa elemen yang perlu dipertimbangkan dalam memahami aspek tingkah laku pembentukan pelajar cemerlang:

1. Aspek Rangsangan : Ciri-ciri semulajadi dan persekitaran yang dapat membentuk tingkahlaku sebenar. Sebagai contoh, pelajar akan terangsang belajar apabila mendapati rakan-rakannya belajar. Ataupun tingkahlaku rakan-rakan tersebut langsung tidak akan dapat mencetuskan dorongan untuknya turut menelaah pelajaran.
2. Aspek Peneguhan : Ciri-ciri yang dapat mempertingkatkan lagitingkahlaku yang diinginkan. Sebagai contoh, ibubapa memberikan hadiah sebagai galakan untuk anaknya terus berjaya dalam pelajaran.
3. Aspek Paksaan: Ciri-ciri yang dapat menamatkan tingkahlaku yang tidak diinginkan. Sebagai contoh, ibubapa menghentikan elaun bulanan sebagai hukuman terhadap anaknya yang gagal dalam peperiksaan. Penilaian terhadap elemen-elemen di atas akan dibuat berdasarkan dua teori tingkahlaku manusia.

Pengurusan tingkah laku berkait rapat dengan metakognitif dan tingkah laku hasil dari proses metakognitif boleh ditakrifkan sebagai proses pemikiran yang terlibat sebelum seseorang individu melakukan sesuatu tindakan. Kemahiran pengurusan tingkah laku dan kemahiran membuat keputusan memainkan peranan penting dalam tingkah laku kawalan sendiri. Kemahiran metakognitif merupakan salah satu faktor lokus kawalan dalaman yang sangat penting dan diperlukan oleh setiap individu untuk menghadapi sebarang situasi dan cabaran dalam kehidupan (Downing et al. 2007; Majid et al. 2012; Zakri 2015).

Konsep kemahiran metakognisi (iaitu kognisi tentang kognisi – Flavell 1985) telah disintesis dengan konsep tingkah laku (teori tingkah laku terancang Ajzen, teori psikoanalisis Freud, model perkembangan moral Piaget, teori perkembangan moral Kohlberg dan model taakulan prososial Eisenberg). Penggabungan kedua-dua konsep itu dilakukan hasil daripada kefahaman dan analisis bahawa sesuatu tingkah laku itu perlu dirancang, dipantau dan dinilai terlebih dahulu di peringkat eksekutif iaitu di peringkat metakognitif sebelum ia dizahirkan dalam bentuk perlakuan yang boleh diperhatikan dan dinilai. Teori tingkah laku terancang Ajzen ini menjelaskan wujudnya hubungan antara persepsi

terhadap kawalan tingkah laku seseorang dengan sikap terhadap tingkah laku dan norma subjektif dalam mempengaruhi seseorang untuk melakukan dorongan untuk bertingkah laku (niat).

Teori Rogers pula mengemukakan bahawa diri sendiri adalah subjek dan objek dari segala tingkahlaku sama ada dalam aspek perancangan, pemantauan dan penilaian. Selain itu, Rogers mengemukakan bahawa keperibadian adalah konsep sendiri yang merupakan penilaian diri. Penilaian tersebut merupakan gabungan daripada penilaian sendiri dan orang lain. Hasil penggabungan itu, dibentuk satu istilah baharu yang dinamakan sebagai pengurusan tingkah laku. Dalam konteks ini, pengurusan tingkah laku ditakrifkan sebagai proses-proses pemikiran yang terlibat dalam menghasilkan pengurusan tingkah laku pelajar yang baik.

Kajian ini juga berdasarkan Teori Keperibadian Rogers (1962) kerana teori ini berdasarkan *self* atau perubahan berlaku kerana diri peribadi individu tersebut. Ini bersesuaian dengan kajian ini kerana kajian ini menumpukan kepada faktor diri sendiri yang menjadi punca utama dalam pengurusan tingkahlaku dan juga pengaturan sendiri. Teori ini mengemukakan bahawa diri sendiri adalah subjek dan objek dari segala tingkahlaku sama ada dalam aspek perancangan, pemantauan dan penilaian. Dalam kajian ini, pada pengurusan tingkahlaku, diri sendiri lah sebagai subjek yang akan merancang tingkahlaku iaitu menetapkan matlamat perbuatan, mengatur langkah-langkah tertentu bagi memastikan matlamat perbuatan tercapai, menyoal diri sendiri sebelum melakukan perbuatan, merancang tingkahlaku berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan dan agama yang dianutnya. Manakala dalam pemantauan dan penilaian, diri sendiri lah yang menjadi subjek dan objek bagi menyemak kembali niat melakukan sesuatu perbuatan, memastikan perbuatan supaya tidak tersasar daripada matlamat yang telah dirancang, menilai semula baik dan buruk perbuatan-perbuatan supaya tidak menyalahi peraturan sedia ada. Oleh itu, dalam kajian ini terdapat tiga dimensi dalam kemahiran pengurusan tingkah laku iaitu perancangan, pemantauan dan penilaian. Ini merupakan salah satu langkah bagi mencapai hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk merealisasikan kemenjadian murid dari segi kurikulum, kokurikulum dan sahsiah.

Metodologi


Kajian ini dijalankan dengan reka bentuk kajian tinjauan secara kuantitatif. Kajian ini dijalankan di sekolah menengah harian biasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang terbagi menjadi tiga zon. Ketiga-tiga zon tersebut iaitu Zon Keramat, Zon Sentul dan Zon Pudu/Bangsar yang mensasar populasi murid-murid tingkatan empat. Manakala pensampel dipilih menggunakan *stratified random*

sampling (rawak berstrata) kerana sampel kajian yang dipilih adalah berdasarkan profil sampel yang dikaji mengikut jantina. Pensampelan rawak berstrata juga dipilih supaya hasil kajian boleh digeneralisasikan dengan baik. Mengikut kaedah Krejcie dan Morgan (1970) dan ekstrapolasi data, maka daripada populasi 1313 murid lelaki dan 1270 murid perempuan, maka kajian ini melibatkan 248 orang (44.5%) murid lelaki dan seramai 309 orang (55.5%) murid perempuan.

Soal selidik kajian diubahsuai dari *Changing Behaviour in Schools: Promoting Positive Relationships and Wellbeing* oleh Roffey (2011). Soal selidik ini terbahagi kepada 3 dimensi iaitu perancangan, pemantauan dan penilaian menggunakan skala likert lima mata iaitu 1-Langsung Tidak Pernah, 2-Jarang Sekali, 3-Adakala, 4-Kerap Kali dan 5-Sangat Selalu. Satu set soal selidik yang telah diuji kebolehpercayaannya digunakan sebagai instrumen untuk mengutip data. Soal selidik memiliki kebolehpercayaan tinggi sama ada konstruk perancangan (*alpha cronbach* 0.84), pemantauan (*alpha cronbach* 0.81) dan penilaian (*alpha cronbach* 0.82) dengan nilai *alpha cronbach* secara keseluruhan adalah 0.92. Ini bermakna bahawa instrumen kajian memiliki kebolehpercayaan yang tinggi. Data dianalisis dengan Perisian the *Statistical Package for the Social Sciences* 24.0 (SPSS version 24) melalui ujian MANOVA.

Dapatan

Hasil analisis deskriptif berupa kekerapan dan peratusan sampel kajian ditunjukkan Rajah 1.




Rajah 1: Profil sampel kajian

Rajah 1 menunjukkan berdasarkan jantina, seramai 248 orang (44.5%) murid lelaki dan seramai 309 orang (55.5%) murid perempuan. Profil

kajian menunjukkan bahawa majoriti sampel kajian adalah murid perempuan. Bagaimanapun nisbah antara murid perempuan dan murid lelaki adalah hampir seimbang atau nisbahnya tidak melebihi 1.5 (nisbah 1.24). Nisbah ini adalah mencukupi bagi dijalankan analisis perbezaan (Pallant 2011).

Perbezaan min pengurusan tingkah laku antara murid lelaki dan perempuan ditunjukkan Rajah 2 berikut.



Rajah 2: Perbezaan min pengurusan tingkahlaku murid lelaki dan perempuan

Rajah 2 menunjukkan bahawa murid lelaki memiliki skor min lebih rendah berbanding murid perempuan dalam semua dimensi pengurusan tingkah laku sama ada perancangan, pemanatauan dan penilaian tingkahlaku namun perbezaan tersebut tidak signifikan dalam dimensi perancangan dan penilaiain. Manakala pada dimensi pemantauan terdapat perbezaan yang signifikan. Perbezaan min skor pengurusan tingkahlaku ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Ujian Multivariate *Pillai's Trace* pengurusan tingkahlaku dalam kalangan murid berdasarkan jantina

Pemboleh ubah	Nilai <i>Pillai's Trace</i>	Nilai F	DK antara kumpulan	DK Dalam Kumpulan	Sig. (<i>p</i>)
Jantina	0.987	2.450	1	555	0.063

Ujian *Multivariate Pillai's Trace* didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan min skor pengurusan tingkahlaku antara murid lelaki dan murid perempuan dengan nilai $p = 0.063$, $p > 0.05$, begitu juga dengan nilai *partial eta square* yang kecil. Bagaimanapun, bagi memastikan dapatan deskriptif sama ada perbezaan min skor pengurusan tingkahlaku berada pada aras signifikan, analisis ujian MANOVA dapat menjelaskan keputusan kajian selepas mengawal ralat jenis 1 dengan menggunakan kaedah *Bonferroni*. Aras kesignifikan semasa menjalankan pemeriksaan berasingan bagi setiap pemboleh ubah bersandar iaitu perancangan, pemantauan dan penilaian adalah berdasarkan aras alpha *Bonferroni* ($p = 0.05/3 = 0.0167$).

Jadual 2: MANOVA Perbezaan min pengurusan tingkahlaku antara murid lelaki (I) dan murid perempuan (J)

Pemboleh ubah	(I) Kumpulan	(J) Kumpulan	Beza Min (I-J)	Sig.(p)	η^2
Perancangan	3.54	3.59	-0.05	0.341	0.002
Pemantauan	3.49	3.62	-0.13	0.022	0.009
Penilaian	3.66	3.74	-0.08	0.162	0.004

Estimated marginal means

Difference is significant at the 0.0167 level

Adjustment for multiple comparison Bonferroni

Hasil analisis MANOVA menunjukkan bahawa jantina memberi perbezaan signifikan dengan aras signifikan 0.0167 ($p < 0.05$) dan *Adjustment for Multiple Comparison Bonferroni* pada dimensi pemantauan. Manakala perbezaan pengurusan tingkahlaku antara murid perempuan dan murid lelaki pada dimensi perancangan dan penilaian adalah tidak signifikan.

Perbincangan

Pengurusan tingkahlaku murid merupakan pengurusan tingkahlaku merupakan pengurusan semua bentuk tingkahlaku yang dilakukan oleh para murid yang boleh dilihat dalam pelbagai perspektif ataupun pendekatan dalam bidang psikologi antaranya pendekatan behaviorisme, pendekatan kognitif dan pendekatan kognitif sosial sebagaimana dijelaskan dalam Teori Tingkahlaku Terancang (Zakri & Saemah 2015). Manakala Mahmood Nazar (2001) mengemukakan bahawa pengaturan tingkahlaku merupakan pengurusan behaviorisme dimana tingkahlaku boleh diperhatikan dan dikaji dengan meninjau tindak balas seseorang dengan keadaan persekitarannya.

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa jantina tidak memberi perbezaan yang signifikan terhadap pengurusan tingkah laku murid tingkatan empat sekolah menengah harian biasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Cheng (2014), Muhammad Aziz (2010), Reese et al. (2010), Jamilah binti Mohd Noor (2014). Dapatan tersebut mengemukakan bahawa secara keseluruhan tidak terdapat perbezaan pengurusan tingkahlaku berdasarkan jantina. Sama ada murid lelaki dan perempuan memiliki masalah pengurusan tingkahlaku.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa jantina memberi perbezaan pengurusan tingkah laku secara signifikan pada dimensi pemantauan sahaja. Namun, jantina tidak memberi perbezaan signifikan pada dimensi perancangan dan penilaian. Kajian ini memberi makna bahawa murid perempuan memiliki pemantauan pengurusan tingkah laku yang lebih tinggi berbanding dengan murid lelaki. Ini disokong oleh kajian Reese et al. (2010) bahawa murid perempuan memiliki kawalan emosi yang lebih tinggi sehingga pengurusan tingkah laku lebih baik berbanding murid lelaki. Pengurusan tingkah laku murid perempuan seperti pemantauan yang meliputi aktiviti menyemak semula niat, membetulkan pemikiran yang tidak sesuai dilakukan, membandingkan perbuatan yang difikirkan dengan perbuatan yang telah dilakukan bagi tidak tersasar daripada matlamat yang ingin dicapai adalah lebih baik berbanding dengan murid lelaki.

Rumusan

Kertas kerja ini telah menghuraikan tentang pengaruh jantina dalam memberi perbezaan pengurusan tingkah laku pada murid remaja tingkatan empat di sekolah menengah harian biasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sebagai rumusannya, jantina tidak memberi perbezaan yang signifikan terhadap pengurusan tingkah laku murid remaja. Oleh itu, hasil kajian ini memberikan sumbangan kajian terhadap praktikal juga diberikan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memberikan rawatan pengurusan tingkah laku tanpa membezakan jantina. Usaha membangunkan remaja untuk mewujudkan masyarakat madani perlu diperkembangkan agar tidak berlaku diskriminasi terhadap jantina akibat penilaian yang salah.

Rujukan

- Abdullah al-Hadi Muhamed, Rorzumah Baharudin, Rumaya Johari, Mansor Talib, Tan Jo-Pei, Asnarulkhadi Abu Samah & Amna Md. Noor. 2001. Kajian salah laku di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah: Implikasi untuk polisi. Laporan Akhir, Universiti Putra Malaysia.
- Azizi, Y., Sharifuddin, I., Amir, H. & Halimah. 2011. Hubungan di antara konsep sendiri dengan kemahiran komunikasi terhadap pencapaian akademik pelajar di sekolah menengah di Johor Bahru. Universiti Teknologi Malaysia. Institutional Repository.
- Cheng, C. 2014. The predictive effects of self-esteem, moral self, and moral reasoning on delinquent behaviors of Hong Kong young people. *International Journal of Criminology and Sociology* 3: 133-145.
- Downing, K., Ho, R., Shin, K., Vrijmoed, L. & Wong, E. 2007. Metacognitive development and moving away. *Educational Studies* 33(1): 1-13.
- Flavell, J.H. 1985. *Cognitive Development*. Ed.2. New Jersey : Prentice Hall, Inc. Englewood Cliffs.
- Jamilah binti Mohd Noor. 2014. Keberkesanan pendidikan akhlak di sekolah menengah kebangsaan di Seremban Negeri Sembilan. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Khalim Zainal & Wan Zulkifli Wan Hasan. 2009. Pendekatan Islam dalam menangani masalah disiplin tegar dalam kalangan pelajar sekolah: Satu kajian kes. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1: 1-14.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607-610.
- Laporan Lembaga penduduk dari Pembangunan Keluarga Negara. 2004.
- Mahmood Nazar Mohamed. 2001. *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Majid, L., Abdullah, N. & Zakhi, N. H. 2012. Penerapan nilai murni dan pembentukan jati diri kanak-kanak prasekolah melalui penggunaan multimedia. *Jurnal Hadhari Special Edition*: 51-65.
- McCullough, M.E. & Willoughb, B.L.B. 2009. Religion, selfregulation, self-control: Associations, explanations, and implications. *Psychological Bulletin* 135: 69-93.
- Nur Aisyah Mohamad, Zamri Mahamod & Sharala A/P Subramaniam. 2013. Kemahiran meta kognitif dan hubungannya dengan jantina, jenis sekolah dan pencapaian murid dalam pembelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 38(2): 23-32.
- Reese, R.J., Toland, M.D., Slone, N.C. & Norsworthy, L.A. 2010. Effect of client feedback on couple psychotherapy outcomes. *Psychotherapy: Theory, Research, Practice, Training* 47: 616–630.
- Roffey, S. 2011. *Changing Behaviour in Schools: Promoting Positive Relationships and Wellbeing*. London: SAGE Publications Ltd.
- Rogers, D. 1962. *The Psychology of Adolescence*. New York: Appleton-Century-Crofts.
- Siti Rahayah Ariffin, Rosseni Ariffin, Arbaiyah Md. Zin & Nik Noralhuda Nik Mohamed. 2011. Faktor kecerdasan pelbagai dalam pembentukan profil remaja. *Malaysian Journal of Learning Instruction* 8: 1-25.
- Siti Salwa Bte Md. Sawari & Norwati Bt Mansor. 2013. A study of student's general self efficacy related to gender differences. *International Journal of Informative And Futuristic Research* 1(4): 62-67.
- Wan Zah Wan Ali, Sharifah Kartini Said Husain, Mat Rofa Ismail, Habsah Ismail, Rohani Ahmad Tarmizi, Ramlah Hamzah & Mohd. Majid Konting. 2009. Amalan penerapan nilai Matematik dalam bilik darjah. Dlm. Ahmad Fauzi Mohd Ayub & Aida Suraya Md. Yunus (pnyt.). *Pendidikan Matematik & Aplikasi Teknologi*, hlm. 33-66. Selangor, Malaysia: Universiti Putra Malaysia.
- Yeoh Sik Mei & Razak Abd. Samad Yahya. 2015. Hubungan antara kemahiran membuat keputusan dalam Fizik dengan kehidupan seharian dalam kalangan pelajar Fizik. *Journal of Science and Mathematics Letters* 3(1): 31-39.

- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. 2011. Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling* 1: 115-140.
- Zakri, A. & Saemah, R. 2015. Kemahiran meta-tingkah laku dan kemahiran membuat keputusan pelajar bermasalah disiplin dan tidak bermasalah disiplin. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 40(2): 175-183.
- Zimmerman, B.J., & Kitsantas, A. 2014. Comparing students' self-discipline and self-regulation measures and their prediction of academic achievement. *Contemporary Educational Psychology* 39(2): 145-155.

Hubungan Antara Sokongan Sosial Dan Daya Tahan Dengan Kesejahteraan Psikologi Pelajar Tingkatan Empat di Daerah Gombak

Mohd Hafiz Mat Hussin

Bahagian Psikologi dan Kaunseling

hafiz.mathussin@moe.gov.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara sokongan sosial dan daya tahan dengan kesejahteraan psikologi pelajar tingkatan empat di daerah Gombak. Isu yang sering di berlaku adalah minat pelajar akan luntur apabila mempunyai daya tahan kurang baik dan mengakibatkan kesan buruk kepada kesejahteraan diri. Pendekatan kuantitatif digunakan dengan kaedah deskriptif dijalankan dalam kajian kes ini. Kajian ini melibatkan 300 orang pelajar di empat buah sekolah yang terlibat di sekitar Gombak. Kajian ini menggunakan analisis secara deksriptif dan inferensi dengan melihat nilai min, sisihan piawai, nilai korelasi dan regrasi dalam menentukan hubungan setiap pemboleh ubah. Analisis kajian mendapati keseluruhan item daya tahan adalah nilai min $M=3.73$, $SD=.561$ menunjukkan berada di tahap yang tinggi dan psikologikal kesejahteraan adalah dengan nilai min $M=4.53$, $SD=.762$. Selain itu, analisis dapatan kajian hubungan antara sokongan sosial dengan kesejahteraan psikologi mempunyai nilai korelasi pearson $r= .087$, Sig. $p=.135$, hubungan antara daya tahan dengan kesejahteraan psikologi mempunyai nilai korelasi pearson $r= .230^{**}$, Sig. $p=.000$ dan hubungan antara sokongan sosial dan daya tahan dengan kesejahteraan psikologi mempunyai hubungan korelasi $r= .586^{**}$, Sig. $p=.000$. Manakala analisis regrasi pula menunjukkan Daya Tahan mempunyai nilai yang signifikan adalah $\beta =1.161$, $SD= .094$, $t=12.381$ sig=.000 dan kesejahteraan psikologi pula adalah $\beta =.072$, $SD= .069$, $t= 1.049$, sig=.295 dan di mana lebih aras $P (<0.05)$. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial dan daya tahan dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan pelajar tingkatan empat di daerah Gombak dan hipotesis ini diterima.

Kata Kunci: Sokongan Sosial, Daya Tahan, Kesejahteraan Psikologi, Murid, Sekolah

Pengenalan

Kesejahteraan psikologi pelajar adalah penting dalam mengukur kesihatan mental pelajar. Negara Malaysia tidak terkecuali diancam oleh penyakit merbahaya iaitu virus COVID-19 atau dikenali Wabak Coronavirus. Keadaan ini telah memberi implikasi negatif terhadap kesejahteraan psikologi pelajar dan perkara ini boleh menjejaskan aspek kesihatan mental dan kesejahteraan diri pelajar. Terdapat sebuah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa Bersatu (UNESCO, 2020) wabak COVID-19 telah mempamerkan dan mengetengahkan kesan buruk dan menjejaskan pembelajaran pelajar yang telah melibatkan 129 buah negara.

Di China, kesan COVID-19 telah memberi impak yang besar kepada pelajar sekolah dan kesan buruk yang ketara terhadap kesejahteraan psikologi dan tahap kebimbangan pelajar (Cao, W et al., 2020). Terdapat banyak institusi pendidikan telah mengubah kaedah pembelajaran daripada bersemuka secara fizikal kepada pembelajaran secara atas talian yang seterusnya memberi kesan terhadap kesejahteraan psikologi pelajar. Sejak daripada itu, terdapat beberapa sarjana tempatan dan luar turut menyaksikan minat yang besar dalam kajian kesejahteraan psikologi pelajar. Kesejahteraan psikologi telah menunjukkan korelasi dengan pembolehubah kesihatan mental penting lain seperti tekanan (Clemente, Hezomi, Allahverdipour, Jafarabadi, & Safaian, 2016), daya tahan (Sagone & De Caroli, 2014), kesejahteraan (Harris, Martin), & Martin, 2013) dan motivasi pencapaian (Nisa, Qasim & Sehar, 2017). Tujuan kajian yang dilakukan untuk melihat tahap kesediaan dan cabaran yang dialami pelajar semasa berhadapan dengan norma baharu telah memberi implikasi kepada tekanan akademik (Abdul Rashid et al., 2020). Hal ini telah menimbulkan keadaan yang membimbangkan dan tidak menggembirakan pelajar disebabkan oleh pelbagai keperluan yang perlu dipenuhi yang seterusnya mencetuskan tekanan yang dialami oleh pelajar. Pembelajaran secara dalam talian kini telah menjadi norma baharu sehingga menyebabkan pelajar mengalami kemurungan dan kurang bersedia dalam pembelajaran. Dari aspek kesejahteraan, psikologi pelajar akan gagal dalam menyesuaikan diri norma baharu dengan perubahan yang harus ditempuhi (Abdul Rashid et al., 2020).

Pernyataan Masalah

Seluruh negara melaksanakan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan bertindak sebagai mengawal penularan wabak dan risiko jangkitan telah memberi kesan kepada pelbagai lapisan masyarakat. Institusi pendidikan dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO, 2021) telah menyarankan orang ramai untuk menghentikan sebarang bentuk aktiviti. Selaras dengan pengumuman

tersebut, institusi pendidikan juga ditutup dan aktiviti berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran telah bertukar kepada e-pembelajaran atau pembelajaran secara atas talian.

Peranti dalam talian sudah menjadi bahan utama sebagai kegunaan dalam pendidikan dan cabaran norma baharu dalam pembelajaran (Muhamed et al., 2021). Pelajar yang menghadapi jangkitan juga perlu diasingkan daripada keluarga selama dua minggu sekali gus akan memberi tekanan kepada dirinya. Dalam menghadapi cabaran tersebut pelajar perlu mempunyai sokongan sosial dan daya tahan yang tinggi agar tidak memberi kesan buruk kepada aspek kesejahteraan psikologi diri pelajar.

Penilaian sendiri remaja, pembentukan imej sendiri dan menghargai diri adalah elemen sokongan sosial yang terdapat dalam diri setiap individu (Mcmahon SD et al., 2020). Bukan itu sahaja, sokongan sosial turut memainkan peranan untuk melindungi kesihatan mental dan meningkatkan penghargaan diri dalam setiap individu (Ibarra-Rovillard et al., 2011). Sokongan sosial juga boleh dianggap sebagai salah satu sumber luar yang paling penting untuk menghadapi tekanan, dan beberapa kajian telah menunjukkan kesan positif sokongan sosial terhadap daya tahan (Ibarra-Rovillard et al., 2011).

Objektif Kajian

1. Berdasarkan objektif am di atas, lima objektif khusus telah dibentuk iaitu seperti berikut:
2. Untuk menentukan tahap sokongan sosial, daya tahan dan kesejahteraan psikologi pelajar tingkatan empat di daerah Gombak.
3. Untuk menentukan hubungan antara sokongan sosial dan kesejahteraan psikologi pelajar tingkatan empat di daerah Gombak.
4. Untuk menentukan hubungan antara daya tahan dan kesejahteraan psikologi pelajar tingkatan empat di daerah Gombak.
5. Untuk menentukan hubungan antara sokongan sosial dan daya tahan terhadap kesejahteraan psikologi pelajar tingkatan empat di daerah Gombak.
6. Untuk menentukan faktor dominan yang menyumbang kepada kesejahteraan psikologi pelajar tingkatan empat di daerah Gombak.

Sorotan Literatur

Liu et al., (2021) menjalankan satu kajian yang bertujuan untuk mengkaji kesan bersama estem sendiri dan masalah kesihatan mental umum serta kesan bersama estem sendiri dan daya tahan pada awal remaja. Kajian ini melibatkan pelajar seramai 1015 dari sekolah menengah di China. Hasil kajian menunjukkan terdapat kesan negatif estem sendiri terhadap Masalah Kesihatan Mental Umum (MKMU). Estem sendiri dan sokongan sosial meramalkan masalah kesihatan mental umum secara negatif. Sokongan sosial juga secara tidak langsung meramalkan Inventori Kesihatan Mental Pelajar Sekolah Menengah (IKM) secara negatif melalui estem sendiri dan juga kedua-dua aspek estem sendiri dan daya tahan (Liu et al., 2021). Kesan pengantaraan bagi aspek sokongan sosial kepada Masalah Kesihatan Mental Umum MKMU) ialah 27.9%. Jumlah kesan pengantaraan daripada aspek sokongan sosial kepada Masalah Kesihatan Mental Umum (MKMU), kesan pengantaraan melalui kedua-dua estem sendiri dan daya tahan ialah 40.4% . Walau bagaimanapun terdapat kesan positif bersama antara daya tahan dan estem sendiri. Estem sendiri dan sokongan sosial meramalkan daya tahan secara positif. Sokongan sosial juga secara tidak langsung meramalkan daya tahan melalui estem sendiri dan kedua-dua estem sendiri dan Masalah Kesihatan Mental Umum (MKMU).

Selain itu kajian yang dilakukan oleh Liang Huang & Thing Zang (2020) mengenai sokongan sosial, pembangunan psikologi dan kesejahteraan subjektif dalam kalangan pelajar kolej yang belajar secara dalam talian semasa pandemik covid-19. Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan antara sokongan sosial dan kesejahteraan subjektif dalam kalangan pelajar kolej dalam konteks pembelajaran dalam talian semasa Pandemik Covid-19. Kajian ini melibatkan bilangan responden seramai 670 orang pelajar China yang belajar di kolej dan universiti yang berpusat di bandar China. Hasil kajian menunjukkan bahawa konstruk sokongan sosial dikaitkan secara positif dengan kepuasan hidup. Pembangunan psikologi memainkan peranan pengantara antara sokongan sosial dan kesejahteraan subjektif pelajar kolej yang belajar dalam talian semasa COVID-19 pandemik

Daya tahan mempunyai kesan kepada kesejahteraan pelajar dan prestasi serta berperanan efikasi sendiri, matlamat sendiri dan kebimbangan menunjukkan korelasi antara daya tahan dan tahap matlamat sendiri adalah tidak signifikan (Kent Etherton, Debra Steele-Johnson, Kathleen Salvano & Nicholas Kovacs, 2021). Keputusan menunjukkan kesan tidak langsung yang signifikan dari aspek daya tahan terhadap prestasi melalui pemboleh ubah efikasi sendiri dan matlamat sendiri. Kajian ini bertujuan mengkaji mekanisme melalui daya tahan yang mempengaruhi hasil pelajar dalam persekitaran universiti. Seramai 141

pelajar telah terlibat dengan kajian ini. Hasil kajian menunjukkan kegagalan untuk menunjukkan sama ada kesan tidak langsung yang signifikan dari daya tahan terhadap kesejahteraan subjektif melalui pemboleh ubah kebimbangan, atau pada kesejahteraan subjektif melalui pemboleh ubah efikasi sendiri dan kebimbangan. Kajian juga menunjukkan terdapat kesan tidak langsung secara signifikan daya tahan terhadap aspek kebimbangan melalui pemboleh ubah efikasi sendiri (K. Etherton et al, 2021).

Kesejahteraan pelajar dinilai melalui kesejahteraan psikologinya dengan memperlihatkan bagaimana pelajar memainkan peranan yang optimum dalam menjalani kehidupan. Beberapa pengkaji tempatan telah memfokuskan kepada penyelidikan daya tahan dan psikologi terhadap pelajar di jurusan Sains Kesihatan perubatan (Abiola. Olorukooba, & Afolayan, 2017; Chow et al., 2018; Jin & Kim, 2017). Dalam pada masa yang sama, kajian ini menumpukan kepada dua konstruk utama dengan memberi tanggapan bahawa pelahar sering menghadapi cabaran dalam pengajian mereka. Menurut Sourri & Hasanirad (2011) , pelajar perubatan di Tehran di sebuah universiti perubatan yang melibatkan 414 pelajar itu mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan daya tahan dan kesejahteraan psikologi mereka. Begitu juga dengan kajian Bigdeli et al (2013) yang mendapati di Universiti Semnan, seramai 200 pelajar perubatan juga menghadapinya. Dapatan ini turut memperkukuh kajian berkaitan psikologi pelajar.

Menurut Chow et al (2018) mendapati jururawat dalam kalangan pelajar di Hong kong mendapati daya tahan mereka adalah positif sederhana dan kesejahteraan psikologi mereka adalah signifikan. Terdapat hasil yang jelas apabila sarjana di Nigeria juga memperkukuhkan kajian ini seperti kajian Abiola et al., (2017). Sebanyak 67 pelajar Kejurawatan sebagai responden dan mempunyai hubungan yang positif dan signifikan terhadap kesejahteraan psikologi seperti emosi positif, keterlibatan, perhubungan, potensi dan permaknaan diri. Seterusnya, Jin & Kim (2017) telag melakukan kajian kejururawatan juga seramai 271 pelajar di Korea. Hasil dapatannya menunjukkan terdapat hubungan yang positif terhadap daya tahan dan kesejahteraan piskologi. Kajian ini telah menggambarkan bahawa pelajar dalam bidang kejururawatan atau perubatan mempunyai daya tahan yang tinggi.

Metodologi

Pendekatan kuantitatif dan kaedah deksriptif dengan menggunakan analisis korelasi untuk melihat hubungan antara pemboleh ubah kajian. Instrumen kajian ini menggunakan soal selidik digunakan sebagai sebagai alat ukur untuk mendapatkan data daripada responden kajian. Sehubungan itu, kajian ini menggunakan analisis statistik deskriptif dan inferensial. Statistik deskriptif iaitu

kajian yang dijalankan untuk memberikan gambaran lebih terperinci mengenai sesuatu fenomena (Azwar, 2010; Manullang & Pakpahan, 2014; Prasetyo & Jannah, 2006), fakta-fakta dan hubungan antara fenomena secara sistematik dan tepat (Nazir, 1988). Analisis jenis ini hanya melibatkan pelaporan tentang sampel yang diukur dan bukan membuat generalisasi terhadap kumpulan di luar sampel. persampelan boleh membawa kepada sampel wakil rawak yang baik. Perkara ini boleh mengurangkan berlakunya ralat pensampelan dan menjadikan ketepatan lebih tinggi tanpa meningkatkan saiz sampel. Semua responden dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dijadikan sampel kajian. Seramai 300 orang pelajar mengambil bahagian dalam penyelidikan ini. Dalam kajian ini, SPSS versi 27 telah digunakan untuk menganalisis dapatan kajian. Sebelum analisis data dijalankan, pemeriksaan analisis data perlu dijalankan untuk mengawal kesesuaian ujian statistik tertentu contohnya korelasi Pearson. Kajian ini perlu dijalankan untuk menutup setiap maklumat yang diperolehi dan menghapuskan soal selidik sekiranya responden tidak menjawab sebarang item atau memberikan tempoh yang lebih singkat untuk melengkapkan soal selidik. Kajian ini juga diakui dengan kesilapan penerimaan dua kali atau piawai maklumat luar biasa dan menerima maklumat tersebut.

Analisis Dapatan

Demografi kajian menunjukkan bahawa seramai lelaki N=115 (38.3%) dan perempuan N=185 (61.7%). Responden yang berbangsa Melayu N=280 (93.3%), Cina 8 (2.7%), India N=10 (3.3%) dan lain-lain N=2 (0.7%). Jenis sekolah yang terlibat pula ialah Sekolah Menengah Harian N=140 (46.7%), Sekolah Berasrama Penuh 104 (34.7%), Sekolah Vokasional N=9 (3.0%), dan Sekolah Menengah Agama N=47 (15.7%). Lokasi sekolah responden ialah Bandar N=219 (73.0%) dan Luar Bandar N=81 (27.0%).

Jadual 1: Demografi Responden

Tempat Demografi		Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	115	38.3%
	Perempuan	185	61.7%
Kaum	Melayu	280	93.9%
	Cina	8	2.7%
	India	10	3.3%
	Lain-lain	2	0.7%

Tempat Demografi		Kekerapan	Peratus
Jenis Sekolah	Sekolah Menengah Harian	140	46.7%
	Sekolah Berasrama Penuh	104	34.7%
	Sekolah Vokasional	9	3.0%
	Sekolah Menengah Agama	47	15.7%
Tempat Tinggal	Bandar	219	73.0%
	Luar Bandar	81	27.0%

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa multidimensi sokongan sosial dan daya tahan serta kesejahteraan psikologi mempunyai hubungan yang positif dan saling mempengaruhi. Perincian adalah seperti berikut.

Multidimensi Sokongan Sosial

Dapatan kajian mendapati item yang tertinggi nilai min adalah item 3 Keluarga saya mencuba membantu saya. nilai min $M=5.65$, $SD=1.381$, diikuti dengan item 2 Ada seseorang insan penting yang boleh saya kongsi kegembiraan dan kesedihan saya dengan memperoleh nilai min $M=5.52$, $SD=1.457$ dan item 5 Saya mempunyai seseorang insan penting yang menjadi sumber keselesaan yang sebenar kepada saya dengan nilai min $M=5.44$, $SD=1.592$. Dapatan ini menunjukkan berada di tahap yang tinggi.

Terdapat data kajian yang mempunyai tahap sederhana. Item yang mempunyai nilai skor sederhana yang tinggi adalah pada item 12 Saya boleh bercerita mengenai masalah saya dengan kawan-kawan saya nilai min $M=4.73$, $SD=1.717$ diikuti dengan item 7 Saya boleh bergantung kepada kawan-kawan saya sekiranya berlaku masalah nilai min $M=4.70$, $SD=1.744$, Saya boleh bercerita mengenai masalah saya kepada keluarga saya nilai min $M=4.55$, $SD=1.834$. Secara keseluruhannya, multidimensi sokongan sosial dengan nilai min $M= 5.18$, $SD=1.092$ yang menunjukkan berada di tahap yang tinggi.

Jadual 2: Multidimensi Sokongan Sosial

Bil.	Item	Mean	SD	Tahap
1.	Ada seseorang insan penting yang ada bersama ketika saya memerlukannya.	5.31	1.486	Tinggi
2.	Ada seseorang insan penting yang boleh saya kongsi kegembiraan dan kesedihan saya.	5.52	1.457	Tinggi

Bil.	Item	Mean	SD	Tahap
3.	Keluarga saya mencuba membantu saya.	5.65	1.381	Tinggi
4.	Saya mendapat bantuan emosi dan sokongan yang saya perlukan dari keluarga saya.	5.17	1.607	Tinggi
5.	Saya mempunyai seseorang insan penting yang menjadi sumber keselesaan yang sebenar kepada saya.	5.44	1.592	Tinggi
6.	Kawan-kawan saya mencuba untuk membantu saya.	5.29	1.494	Tinggi
7.	Saya boleh bergantung kepada kawan-kawan saya sekiranya berlaku masalah.	4.70	1.744	Sederhana
8.	Saya boleh bercerita mengenai masalah saya kepada keluarga saya.	4.55	1.834	Sederhana
9.	Saya mempunyai kawan yang saya boleh kongsi kegembiraan dan kesedihan saya.	5.38	1.569	Tinggi
10.	Ada seseorang insan penting dalam hidup saya yang mengambil berat mengenai perasaan saya.	5.17	1.691	Tinggi
11.	Keluarga saya sentiasa menolong saya dalam membuat sesuatu keputusan.	5.30	1.461	Tinggi
12.	Saya boleh bercerita mengenai masalah saya dengan kawan-kawan saya.	4.73	1.717	Sederhana
Multidimensi Sokongan Sosial		5.18	1.092	Tinggi

Daya Tahan

Untuk membuat penentuan nilai min setiap skor adalah 1.00 hingga 2.33 (rendah), 2.34 hingga 3.67 (sederhana) dan 3.68 hingga 5.00 (tinggi).

Jadual 3: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.67	Sederhana
3.68 hingga 5.00	Tinggi

Item daya tahan nilai min yang paling tinggi berada pada item 5 iaitu “Saya boleh menjadi diri saya sendiri jika perlu” nilai min $M=4.14$, $SD=.997$, diikuti dengan item 20 “Adakalanya saya perlu memaksa diri untuk melakukan sesuatu perkara sama ada yang suka atau tidak” nilai min $M=4.10$, $SD=.930$ dan item 25 “Tidak mengapa jika ada orang yang tidak suka pada saya” dengan nilai min $M=4.06$, $SD=1.098$.

Dapatan ini menunjukkan terdapat item yang berada di tahap sederhana. Dapatan kajian mendapati item 12 “Saya cuba melupakan semua masalah yang berlaku” memperoleh nilai min $M=3.66$, $SD=1.214$ diikuti dengan item 14 “Saya mempunyai disiplin diri” dengan nilai min $M=3.66$, $SD=1.010$ dan item 18 “Dalam keadaan kecemasan, saya seorang manusia yang boleh diharap” dengan nilai min $M=3.62$, $SD=1.035$. Dapatan keseluruhan item Daya Tahan memperoleh nilai min $M=3.73$, $SD=.561$ menunjukkan berada di tahap yang tinggi.

Jadual 4: Daya Tahan

Bil.	Item	Mean	SD	Tahap
1.	Saya yakin dengan penilaian dan keputusan yang telah saya lakukan.	3.62	.858	Sederhana
2.	Saya biasanya menguruskan sesuatu perkara dalam pelbagai cara mengikut situasi.	3.92	.837	Tinggi
3.	Saya sentiasa mematuhi pelan tindakan yang dibuat.	3.61	.941	Sederhana
4.	Saya boleh mengekalkan minat dalam perkara-perkara yang penting kepada saya.	3.83	.982	Tinggi
5.	Saya boleh menjadi diri saya sendiri jika perlu.	4.14	.997	Tinggi
6.	Saya berasa bangga kerana berjaya mencapai banyak perkara dalam kehidupan.	3.90	1.036	Tinggi
7.	Saya percaya dengan kebolehan diri saya sendiri.	3.80	1.080	Tinggi
8.	Mudah bagi saya bersikap fleksibel mengikut situasi dihadapi.	3.57	1.003	Sederhana

Bil.	Item	Mean	SD	Tahap
9.	Saya merasakan bahawa saya boleh mengendalikan banyak perkara pada satu masa.	3.26	1.138	Tinggi
10.	Saya mempunyai azam yang jelas.	3.52	1.186	Tinggi
11.	Saya jarang tertanya-tanya apa gunanya semua ini.	2.81	1.201	Sederhana
12.	Saya cuba melupakan semua masalah yang berlaku.	3.66	1.214	Sederhana
13.	Saya boleh melalui masa yang sukar kerana saya pernah melaluinya.	3.82	.936	Tinggi
14.	Saya mempunyai disiplin diri.	3.66	1.010	Sederhana
15.	Saya sentiasa berminat dalam banyak perkara.	3.82	.947	Tinggi
16.	Saya biasanya boleh mencari sesuatu untuk ketawa.	3.98	1.050	Tinggi
17.	Saya percaya yang diri saya telah melalui banyak perkara sukar.	3.94	1.031	Tinggi
18.	Dalam keadaan kecemasan, saya seorang manusia yang boleh diharap.	3.62	1.035	Sederhana
19.	Saya biasanya boleh melihat sesuatu perkara dalam pelbagai sudut.	3.68	.976	Tinggi
20.	Adakalanya saya perlu memaksa diri untuk melakukan sesuatu perkara sama ada yang suka atau tidak.	4.10	.930	Tinggi
21.	Hidup saya mempunyai makna.	3.88	.996	Tinggi
22.	Saya akan mengelakkan diri daripada perkara yang saya sendiri tidak boleh buat apa-apa.	3.61	1.017	Sederhana
23.	Apabila berada dalam keadaan sukar, saya biasanya boleh mencari jalan untuk mengatasinya.	3.63	.928	Sederhana

Bil.	Item	Mean	SD	Tahap
24.	Saya mempunyai tenaga mencukupi untuk melakukan apa yang ingin saya lakukan.	3.85	.953	Tinggi
25.	Tidak mengapa jika ada orang yang tidak suka pada saya.	4.06	1.098	Tinggi
Daya Tahan		3.73	.561	Tinggi

Kesejahteraan Psikologi

Penentuan nilai min ditentukan dengan interpretasi bagi mendapatkan tahap bagi skor min. Interpretasi min bagi kesejahteraan psikologi menggunakan tujuh (7) skala likert. Jadual di bawah menunjukkan tahap skor iaitu 1.00-3.00 (rendah), 3.01-5.00 (Sederhana) dan 5.01-7.00 (tinggi).

Jadual 5: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 3.00	Rendah
3.01 hingga 5.00	Sederhana
5.01 hingga 7.00	Tinggi

Dapatan kajian mendapati kesejahteraan psikologi mempunyai nilai skor tertinggi adalah item 11 “Bagi saya, kehidupan adalah proses pembelajaran, perubahan dan pertumbuhan yang berterusan” dengan nilai min $M=5.74$, $SD=1.771$, diikuti dengan item 12 “Saya fikir adalah penting untuk mempunyai pengalaman baharu yang mencabar cara saya berfikir tentang diri saya dan dunia.” nilai min $M=5.63$, $SD=1.614$ dan item 8 Secara umum, saya rasa saya bertanggungjawab ke atas situasi di mana saya tinggal dengan nilai min $M=5.04$, $SD=1.642$.

Konstruk ini mempunyai item berada di tahap sederhana. Item yang mempunyai sederhana tinggi berbanding item lain adalah pada item 17 “Saya mempunyai keyakinan terhadap pendapat saya sendiri, walaupun ia berbeza daripada cara kebanyakan orang berfikir.” dengan nilai min $M=4.93$, $SD=1.698$ diikuti dengan “ Saya menilai diri saya dengan apa yang saya fikir penting, bukan dengan nilai apa yang orang lain fikirkan penting.” dengan nilai min $M=4.88$, $SD=1.768$ dan item 9 “Saya pandai menguruskan tanggungjawab kehidupan

seharian” dengan nilai min $M=4.85$, $SD=1.627$. Keseluruhan nilai min bagi kesejahteraan psikologi adalah dengan nilai min $M=4.53$, $SD=.762$

Jadual 6: Psikologi Kesejahteraan

Bil.	Item	Mean	SD	Tahap
1.	Saya suka kebanyakan bahagian personaliti diri saya	4.83	1.740	Sederhana
2.	Apabila saya melihat kisah hidup saya, saya gembira dengan apa yang telah berlaku setakat ini.	4.74	1.767	Sederhana
3.	Sesetengah orang mengembara tanpa tujuan dalam hidup, tetapi saya bukan salah seorang daripada mereka.	4.80	1.784	Sederhana
4.	Tuntutan dalam kehidupan seharian sering membuat saya kecewa.	4.12	1.498	Sederhana
5.	Dalam banyak cara saya berasa kecewa dengan pencapaian saya dalam hidup.	4.16	1.655	Sederhana
6.	Mengekalkan hubungan rapat adalah sukar dan mengecewakan saya.	4.22	1.836	Sederhana
7.	Saya menjalani kehidupan satu hari pada satu masa dan tidak terlalu memikirkan masa depan.	3.69	1.778	Sederhana
8.	Secara umum, saya rasa saya bertanggungjawab ke atas situasi di mana saya tinggal.	5.04	1.642	Tinggi
9.	Saya pandai menguruskan tanggungjawab kehidupan seharian.	4.85	1.627	Sederhana
10.	Kadang-kadang saya berasa seolah-olah saya telah melakukan semua yang perlu dilakukan dalam hidup.	4.06		Sederhana
11.	Bagi saya, kehidupan adalah proses pembelajaran, perubahan dan pertumbuhan yang berterusan.	1.771		Tinggi

Bil.	Item	Mean	SD	Tahap
12.	“Saya fikir adalah penting untuk mempunyai pengalaman baharu yang mencabar cara saya berfikir tentang diri saya dan dunia.”	1.614		Tinggi
13.	“Orang menggambarkan saya sebagai seorang yang suka memberi, sanggup berkongsi masa saya dengan orang lain.”	1.650		Sederhana
14.	“Saya berputus asa untuk memmbuat penambahbaikan atau perubahan besar dalam hidup saya lama dahulu.”	1.856		Sederhana
15.	“Saya cenderung dipengaruhi oleh orang yang mempunyai pendapat yang kuat.”	1.624		Sederhana
16.	“Saya tidak pernah mengalami hubungan yang baik dan yang dipercayai dengan orang lain.”	1.766		Sederhana
17.	“Saya mempunyai keyakinan terhadap pendapat saya sendiri, walaupun ia berbeza daripada cara kebanyakan orang berfikir.”	1.698		Sederhana
18.	“ Saya menilai diri saya dengan apa yang saya fikir penting, bukan dengan nilai apa yang orang lain fikirkan penting.”	1.768		Sederhana
Psikologi Kesejahteraan		4.53	.762	Sederhana

Hubungan bagi setiap pemboleh ubah

Analisis kajian ini mengukur aspek sokongan sosial, daya tahan dan psikologi kesejahteraan dengan melihat hasil dapatan setiap pembolehubah yang dikaji. Oleh itu, pengkaji menganalisis ujian korelasi mengikut pengukuran pekali korelasi Skala Davies (1971) bagi menentukan kekuatan hubungan setiap pembolehubah.

Jadual 7: Pekali Korelasi Skala Davies (1971)

No.	Julat Min	Tahap Kekuatan
1.	0.70 hingga 1.00	Amat Tinggi
2.	0.50 hingga 0.69	Tinggi
3.	0.30 hingga 0.49	Sederhana Tinggi
4.	0.10 hingga 0.29	Rendah
5.	0.01 hingga 0.09	Diabaikan

(Adaptasi daripada Skala Davies (1971) dalam Teh & Embi (2009))

Hubungan antara sokongan sosial dan kesejahteraan psikologi pelajar tingkatan empat di daerah Gombak.

Dapatan menunjukkan bahawa hubungan antara sokongan sosial dengan kesejahteraan psikologi mempunyai nilai korelasi pearson $r = .087$, Sig. $p = .135$. Dapatan kajian mendapati bahawa sokongan sosial dengan kesejahteraan psikologi mempunyai nilai yang tinggi namun dapatan ini menunjukkan tidak signifikan antara kedua pemboleh ubah kerana melebihi nilai korelasi signifikan dengan nilai $p < 0.05$ yang diuji. Dapatan menunjukkan sokongan sosial mempunyai hubungan yang positif dengan kesejahteraan psikologi dalam diri setiap pelajar namun, ianya tidak saling mempengaruhi kerana dapatan ini menunjukkan boleh percaya akan diri sendiri dalam sesuatu tindakannya.

Jadual 8: Hubungan Sokongan Sosial dengan Kesejahteraan Psikologi

Correlations			
		Sokongan Sosial	Kesejahteraan Psikologi
Sokongan sosial	Pearson Correlation	1	.087
	Sig. (2-tailed)		.135
	N	300	300

N=300

Hubungan antara daya tahan dengan kesejahteraan psikologi pelajar tingkatan empat di daerah Gombak

Dapatan menunjukkan bahawa hubungan antara daya tahan dengan kesejahteraan psikologi mempunyai nilai korelasi pearson $r = .230^{**}$, Sig. $p = .000$. Dapatan kajian mendapati bahawa daya tahan dengan kesejahteraan psikologi mempunyai

nilai yang tinggi dan dapatan ini menunjukkan signifikan antara kedua pemboleh ubah tidak melebihi dari $p < 0.05$ yang diuji. Dapatan menunjukkan daya tahan mempunyai hubungan yang positif dengan daya tahan dengan kesejahteraan psikologi kerana murid mempunyai ketahanan emosi, mental dan fizikal untuk mengawal kesejahteraan diri.

Jadual 9: Hubungan Daya Tahan dengan Kesejahteraan Psikologi

Correlations		Daya tahan	Kesejahteraan Psikologi
Daya tahan	Pearson	1	.230**
	Correlation		.000
	Sig. (2-tailed)	300	300
	N		

Hubungan antara sokongan sosial dan daya tahan terhadap kesejahteraan psikologi pelajar tingkatan empat di daerah Gombak

Dapatan menunjukkan bahawa hubungan antara sokongan sosial dengan kesejahteraan psikologi mempunyai nilai korelasi pearson $r = .586^{**}$, Sig. $p = .000$. Dapatan kajian mendapati bahawa sokongan sosial dengan kesejahteraan psikologi mempunyai nilai yang tinggi dan dapatan ini menunjukkan signifikan antara kedua pemboleh ubah tidak melebihi dari $p < 0.05$ yang diuji. Dapatan menunjukkan daya tahan mempunyai hubungan yang positif dengan sokongan sosial dengan kesejahteraan psikologi kerana murid ini mempunyai banyak sudut sokongan sosial yang membantu mereka dalam pembelajaran.

Jadual 10: Hubungan daya tahan dengan sokongan sosial

Correlations		Sokongan Sosial	Daya tahan
Sokongan sosial	Pearson Correlation	1	.586**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	300	300

Analisis faktor domain pembolehubah kajian

Jadual menunjukkan analisis yang diuji dengan regresi. Nilai R dalam jadual menunjukkan $R = .588$ bermaksud mempunyai hubungan yang baik dengan hubungan predictors. Walaubagaimanapun, terdapat nilai R Square $.345$ yang menunjukkan bahawa sebanyak 58.8% dapatan ini mempunyai hubungan penentuan yang sederhana antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas. Daripada model summary di atas menunjukkan bahawa R square adalah $.341$ yang bermaksud 34 % mempunyai kebolehpercayaan antara IV dan DV dengan std error adalah $SD = .88691$

Model Summary^b

Model	R	R Square	Adjusted Square	R Std. Error of the Estimate
1	.588	.345	.341	.88691

a. Predictors: (Constant), BahagianDR, BahagianC Daya tahan

b. Dependent Variable: BahagianB sokongan sosial

Jadual menunjukkan F ratio dalam analisis ANOVA keseluruhannya menunjukkan model regresi yang digunakan adalah baik antara setiap pemboleh ubah. Dapatan menunjukkan antara kumpulan menunjukkan bahawa $F = 78.340$ $M = 61.623$, sig $.000$ ^b manakala dalam kumpulan pula $M = 233.624$, $p < 0.05$ yang menunjukkan bahawa nilai statistik IV adalah signifikan dengan nilai sig = $.000$ predictors DV.

Anova^a

Model		Sum of Square	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	123.246	2	61.623	78.340	.000 ^b
	Residual	233.624	297	.787		
	Total	356.870	299			

a. Dependent Variable: Bahagian B sokongan sosial

b. Predictors: (Constant), Bahagian DR, Bahagian C Daya tahan

Jadual di atas menunjukkan keputusan analisis hubungan antara pemboleh ubah bersandar dengan pembolehubah bebas iaitu IV dan DV. Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai peringkatan antara keputusan yang dianalisis adalah signifikan dalam kumpulan di mana dapatan tidak melebihi 0.05 (< 0.05) Sig $.000$. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Daya Tahan mempunyai nilai yang signifikan adalah $\beta = 1.161$, $SD = .094$, $t = 12.381$ sig = $.000$ dan kesejahteraan

psikologi pula adalah $\beta = .072$, $SD = .069$, $t = 1.049$, $sig = .295$ dan di mana lebih aras $P (<0.05)$. Oleh itu, dapatan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial dan daya tahan dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan pelajar tingkatan empat di daerah Gombak dan hipotesis ini diterima.

Coefficients^a						
Model B		Unstandardized Coefficients	Std. Error	Standardized Coefficients Beta	t	Sig.
1	(Constant)	1.177	.416		2.829	.005
	Daya tahan	1.161	.094	5.97	12.381	.000
	Kesejahteraan psikologi	-.072	.069	-.051	-1.049	.295

a. Dependent Variable: Bahagian B_sokongan_sosial

Perbincangan

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan, kajian ini membuktikan bahawa multidimensi sokongan sosial dan daya tahan berada pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa multidimensi sokongan sosial mempunyai nilai min $M = 5.18$, $SD = 1.092$ yang menunjukkan berada ditahap yang tinggi. Dapatan keseluruhan item daya tahan adalah nilai min $M = 3.73$, $SD = .561$ menunjukkan berada di tahap yang tinggi dan psikologikal kesejahteraan adalah dengan nilai min $M = 4.53$, $SD = .762$. Hasil kajian ini disokong kajian Azalina Mohd Khir (2020) mengkaji sokongan sosial, penghargaan sendiri dan kemurungan dalam kalangan mahasiswa di Universiti Putra Malaysia. Dapatan kajian ini mendapatu sokongan sosial dalam kalangan pelajar berada di tahap yang sederhana dan perlu diberi perhatian untuk meningkatkan keberkesanan pelajar menuntut ilmu.

Selain itu kajian ini selari dengan kajian Irwan Fariza Sidik et al (2018) yang dilakukan untuk mengenal pasti tahap dan hubungan sokongan persekitaran dalam meningkatkan kemahiran insaniah pelajar pelbagai jenis sekolah. Kajian ini menganalisis data dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferensi untuk mendapatkan kebolehpercayaan data iaitu berada pada tahap yang tinggi 0.896 hingga 0.965. Dapatan kajian menunjukkan keseluruhan tahap sokongan persekitaran (min = 3.95, sisihan piawai = 0.914) dan kemahiran insaniah pelajar (min = 3.81, sisihan piawai = 0.849) masing-masing berada pada tahap sederhana tinggi. Kajian ini menyokong kajian Nur Fatiha Zainuddin (2022), mengenal pasti

tahap motivasi diri, sokongan sosial dan kesejahteraan psikologi pelajar serta mengkaji hubungan antara motivasi diri dan sokongan sosial terhadap kesejahteraan psikologi pelajar universiti. Hasil dapatan kajian menunjukkan sokongan sosial dan kesejahteraan diri memainkan peranan penting dalam memotivasikan diri dengan memperoleh nilai min 5.06 hingga 5.61. Analisis dapatan kajian hubungan antara sokongan sosial dengan kesejahteraan psikologi mempunyai nilai korelasi pearson $r = .087$, Sig. $p = .135$, hubungan antara daya tahan dengan kesejahteraan psikologi mempunyai nilai korelasi pearson $r = .230^{**}$, Sig. $p = .000$ dan hubungan antara sokongan sosial dan daya tahan dengan kesejahteraan psikologi mempunyai hubungan korelasi $r = .586^{**}$, Sig. $p = .000$. Dapatan kajian ini menyokong kajian Irwan Fariza Sidik et al (2018), menunjukkan faktor sokongan persekitaran merupakan elemen penting serta mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemahiran insaniah pelajar dengan nilai ($r = 0.701$) dan sig = 0.000 ($p < 0.01$). Kekuatan hubungan ialah positif kuat

Selain itu, kajian ini menyokong kajian Azalina Mohd Khir (2020), mendapati sokongan sosial iaitu sokongan keluarga, sokongan kawan dan sokongan orang yang penting mempunyai perkaitan signifikan dengan kepuasan hidup ($r = 0.534$, $p = 0.000$), ($r = 0.399$, $p = 0.000$) dan ($r = 0.421$, $p = 0.000$) masing-masing. Hasil kajian ini menunjukkan jantina dengan kepuasan hidup tiada perbezaan yang signifikan. Kajian ini turut menyokong kajian yang dilakukan oleh Siti Syazwani Mohd Farhan (2021), hubungan antara sokongan sosial dan kesihatan mental dalam kalangan pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Hasil kajian mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial dan kesihatan mental dalam kalangan pelajar [$r = -.071$, $k > .05$]. Tambahan, hasil kajian turut menunjukkan tidak terdapat perbezaan kesihatan mental berdasarkan jantina [$t(107) = .965$, $k > .05$]. Namun begitu, hasil analisis turut mendapati terdapat perbezaan kesihatan mental berdasarkan tahun pengajian [$F(4, 104) = 2.584$, $k < .05$].

Kesimpulan

Sokongan sosial di alam persekolahan amat diperlukan oleh pelajar sekolah tambahan pula dengan pelbagai sistem pendidikan yang berubah secara drastik. Umumnya, pelajar sekolah masih lagi bergantung kepada ibu bapa dan guru dalam membimbing mereka membuat keputusan untuk kehidupannya. Namun, pelajar juga boleh bertindak di luar kawalan sekiranya tiada sokongan sosial oleh orang dewasa yang memahami perasaan dan keinginannya dalam dunia remaja dan jiwa yang masih muda. Pertimbangan yang dilakukan mungkin masih lagi kurang matang dan harus dibentuk menjadi seorang pelajar yang berani berhadapan dengan risiko dan keadaan semasa. Pelajar sekolah merupakan anak-anak yang memberi kebanggaan kepada ibu bapa dan berpotensi mendapat kecemerlangan di sekolah. Dalam kesejahteraan psikologi, lebih utama ialah individu mempunyai kesejahteraan mental yang sihat dan berupaya mengawal emosi serta bersosial dengan baik.

Rujukan

- Abdul Rashid Abdul Aziz, Amin Al Haadi Shafie, Zuraina Ali, Nor Dahiah Sulhana Dzainal. (2020). Pengamalan Nilai Agama dalam Mengatasi Kemurungan Semasa Pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 5, Issue 12, (page 31 - 44), 2020 DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.593>
- Abiola Oluwalope & Ojediran Sunday, 2017. "Impact of Budgetary Participation and Organizational Commitment on Managerial Performance in Nigeria," *Accounting and Finance Research*, Sciedu Press, vol. 6(3), pages 1-48, August.
- Azwar, Saifuddin. 2010. *Metode Penelitian*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar
- Cao, W.; Fang, Z.; Hou, G.; Han, M.; Xu, X.; Dong, J.; Zheng, J. The psychological impact of the COVID-19 epidemic on college students in China. *J. Psychiatry Res.* 2020, 287, 112934.
- Carroll J. B., Davies, P., & Richman, B. (1971). *Word Frequency Book*. New York: American Heritage Publishing Co., Inc.
- Chow M. Etl al (2018). Resilience and well-being of university nursing students in Hong Kong: A cross-sectional study, *Journal BMC*
- Clemente, M., Hezomi, H., Allahverdipour, H., Jafarabadi, M. A., & Safaian, A. (2016). Stress and psychological well-being: An explanatory study of Iranian female adolescents. *Journal of Child & Adolescent Behavior*, 4(1), 1000282
- Ibarra-Rovillard MS, Kuiper NA. (2011). *Social support and social negativity findings in depression: perceived responsiveness to basic psychological needs*. *Clin Psychol Rev* 2011;31:342–52
- Irwan Fariza Sidik, and Mohd Mahzan Awang, and Abdul Razaq Ahmad, (2018) Sokongan persekitaran sosial di pelbagai jenis sekolah menengah dalam meningkatkan kemahiran insaniah pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43 (1(SI)). pp. 67-76. ISSN 0126-6020 / 2180-0782

- Liang Huang & Ting Zhang (2021). *Perceived Social Support, Psychological Capital, and Subjective Well-Being among College Students in the Context of Online Learning during the COVID-19 Pandemic*. *Asia-Pacific Edu Res* (2022) 31(5):563–574
- Liu Y, Wang Z, Zhou C, et al. (2014). *Affect and self-esteem as mediators between rait resilience and psychological adjustment*. *Pers Individual Dif* 2014;66:92–7.
- Malkoc, A., & Yalcin, I. (2015). Relationship among resilience, social support, coping and psychological well-being among university students. *Turkish Psychological Counseling and Guidance Journal*, 5(43), 35-43
- Maryam Bigdeli, Bart Jacobs, Goran Tomson, Richard Laing, Abdul Ghaffar, Bruno Dujardin, Wim Van Damme, Access to medicines from a health system perspective, *Health Policy and Planning*, Volume 28, Issue 7, October 2013, Pages 692–704, <https://doi.org/10.1093/heapol/czs108>
- McMahon SD, Felix ED, Nagarajan T.(2020). *Social support and neighborhood tressors among African American Youth: networks and relations to selfworth*. *J Child Fam Stud* 2011;20:255–62.
- Mohd Khir, A., Rodzuwan, N. A., Md. Noor, A., Wan Jaafar, W. M. and Hassan, M. M. (2020) “Sokongan Sosial, Penghargaan Kendiri dan Kemurungan dalam kalangan Mahasiswa di Universiti”, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH), 5(11), pp. 33 - 42. doi: 10.47405/mjssh.v5i11.547.
- Mommaerts K, Lopez NV, Camplain C, Keene C, Hale AM, Camplain R. Nutrition availability for those incarcerated in jail: Implications for mental health. *Int J Prison Health*. 2022 Aug 4;ahead-of-print(ahead-of-print):10.1108/IJPH-02-2022-0009. doi: 10.1108/IJPH-02-2022-0009. Epub ahead of print. PMID: 35916664; PMCID: PMC9757498.
- Muhamad Saiful Bahri Yusoff, Ahmad Fuad Abdul Rahim & MohdJamil Yaacob. (2010). Prevalence and sources of stress among Universiti Sains Malaysia medical students. *The Malaysia Journal of Medical Sciences*, 17(1), 30-37

- Nisa, S. U., Qasim, N., & Sehar. (2017). Relationship of achievement motivation and psychological well-being in adolescents. *International Journal of Applied Research*, 3(12), 102-104
- Phua, J., Jin, S. V., & Kim, J. J. (2017). Uses and Gratifications of Social Networking Sites for Bridging and Bonding Social Capital: A Comparison of Facebook, Twitter, Instagram, and Snapchat. *Computers in Human Behavior*, 72, 115-122. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2017.02.041>
- Souri, H., & Hasanirad, T. (2011). Relationship between resilience, optimism and psychological well-being in students of medicine. *Procedia – Social and Behavioral Science*, 30, 1541 – 1544
- World Health Organization. Coronavirus Disease (COVID-19) Pandemic. Available online: <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019> (accessed on 18 May 2020)
- Zainuddin, Nur Fatimah, and Faridah Mydin Kutty. (2022). “Hubungan Motivasi Diri Dan Sokongan Sosial Terhadap Kesejahteraan Psikologi Pelajar Universiti”. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 7 (2), e001308. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1308>.

Strategi Meta-Tingkah Laku Dan Hubungannya Dengan Kemahiran Penyelesaian Masalah Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah

Zurairhan Abu Bakar

Bahagian Psikologi dan Kaunseling
zurairhan.abakar@moe.gov.my

Abstrak

Meta-tingkah laku ialah proses pemikiran yang terlibat dalam menghasilkan tingkah laku. Sebilangan murid bermasalah dalam tingkah laku adalah kerana murid gagal menyelesaikan masalah yang berlaku dalam diri mereka serta tidak memiliki minda untuk merancang, memantau dan menilai segala bentuk perlakuan sebelum bertindak. Kebiasaannya, murid tidak menggunakan akal rasional mereka untuk berfikir tetapi lebih banyak menggunakan emosi dalam membuat sesuatu keputusan untuk menyelesaikan masalah sehingga terjebak dengan pelbagai masalah tingkah laku. Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan hubungan antara strategi meta-tingkah laku dan kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan murid sekolah menengah. Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kajian kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan. Seramai 319 orang murid sekolah menengah telah dipilih sebagai sampel kajian dengan menggunakan kaedah pensampelan sistematik. Pengumpulan data kajian adalah melalui soal selidik yang telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 26 secara analisis deskriptif dan inferensi. Data dianalisis menggunakan analisis deskriptif yang melibatkan min, frekuensi, peratusan dan sisihan piawai manakala analisis inferensi pula melibatkan ujian t-bebas dan ujian korelasi Pearson. Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap strategi meta-tingkah laku dan kemahiran penyelesaian masalah berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan strategi meta-tingkah laku berdasarkan jantina dan murid perempuan mempunyai skor min yang lebih tinggi berbanding murid lelaki. Selain itu, tidak terdapat perbezaan kemahiran penyelesaian masalah berdasarkan jantina lelaki dan perempuan. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara strategi meta-tingkah laku dan kemahiran penyelesaian masalah. Hal ini menunjukkan semakin tinggi strategi meta-tingkah laku maka kemahiran penyelesaian masalah dapat ditingkatkan dan tingkah laku yang dipamerkan akan lebih positif. Oleh itu, strategi meta-tingkah laku mempunyai perkaitan dengan kemahiran penyelesaian masalah dan dapat membantu murid berfikir sebelum bertindak supaya tidak mengikut perasaan semasa menyelesaikan masalah serta dapat menghasilkan tingkah laku yang boleh diterima persekitaran mereka.

Kata Kunci: *Meta-Tingkah laku, Penyelesaian Masalah, Metakognitif dan Tingkah laku.*

Pengenalan

Pendidikan merupakan medium utama dalam membangunkan masyarakat dan negara untuk menjadi yang lebih baik. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menyatakan hasrat sistem pendidikan Malaysia adalah untuk memastikan setiap murid mencapai potensi sepenuhnya melalui kemahiran kognitif bagi memiliki pemikiran yang kreatif, kritis, berinovasi, menaakul, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah (Bahagian Pembangunan Kurikulum 2014; Farhana Aida et al. 2020). “Salah satu aspek untuk memperkembangkan kemahiran kognitif ialah melalui strategi meta-tingkah laku yang merupakan salah satu faktor lokus kawalan dalaman yang sangat penting untuk menghadapi sebarang masalah dan cabaran dalam kehidupan (Suriana & Muhammad Syawal 2020; Zakri & Saemah 2018).

Meta-tingkah laku ialah proses pemikiran yang terlibat sebelum menghasilkan sesuatu tindakan (Suriana & Muhammad Syawal 2020; Zakri 2014; Zakri & Saemah 2015). Istilah meta-tingkah laku berasal daripada konsep metakognitif yang telah diberi nafas baru melalui proses penyaringan dan penggabungan disiplin ilmu yang mana telah mengaitkan konsep metakognitif dengan konsep tingkah laku (Zakri & Saemah 2015). Menurut Svec & Bechard (1988), menyatakan meta-behavior atau meta-tingkah laku merujuk kepada ‘*thinking about behaving*’ iaitu ‘berfikir tentang bertingkah laku’. Manakala penyelesaian masalah boleh didefinisikan sebagai “proses kognitif yang menggunakan maklumat sebagai usaha mencari cara-cara yang sesuai bagi mencapai matlamat” (Azmiza 2017). Justeru meta-tingkah laku ini adalah satu bidang ilmu yang perlu diterokai dengan lebih luas kerana dijangka mempunyai perkaitan dengan keputusan yang diambil murid (Zakri 2014; Zakri & Saemah 2018) melalui kemahiran penyelesaian masalah dan memberi kesan dan pengaruh besar dalam kehidupan.

Pernyataan Masalah

Strategi meta-tingkah laku dan kemahiran penyelesaian masalah ini adalah sangat penting untuk diterapkan dalam kalangan murid kerana isu masalah tingkah laku murid di negara ini berada pada tahap yang membimbangkan (Johari et al. 2017; Maharam et al. 2017). Keadaan ini amat membimbangkan kerana murid yang terlibat dengan masalah tingkah laku ini merupakan modal insan dan aset penting dalam menentukan masa hadapan negara (Buerah et al. 2015; Mazli Sham & Saemah 2017). Murid sekolah didapati berhadapan pelbagai masalah tingkah laku terutama berkaitan pelanggaran disiplin, kurang motivasi atau malas, tidak menghadiri kelas, ponteng, pencapaian akademik yang rendah, mencuri, merokok

dan malah turut melibatkan masalah yang lebih serius seperti penagihan dadah (Maharam et al. 2017).

Walau pun murid sedar tentang tingkah laku yang dilakukan adalah merupakan kesalahan dan memberikan kesan yang buruk, namun murid masih melakukan tingkah laku negatif sehingga terlibat dengan pelbagai masalah tingkah laku (Hamzaniza & Saemah 2017). Hal ini adalah kerana kebanyakan murid bertindak tanpa berfikir ataupun bertingkah laku tanpa merancang, memantau dan menilai tindakan yang dibuat sehingga menimbulkan masalah. Lazimnya kebanyakan murid tidak menggunakan akal rasional mereka untuk berfikir. Mereka lebih banyak menggunakan emosi dan kemahuan hati mereka dalam membuat sesuatu keputusan untuk menyelesaikan masalah (Hamzaniza & Saemah 2017). Oleh itu, murid perlu mengaplikasikan kemahiran berfikir dengan akal yang rasional sebelum melakukan sebarang tingkah laku yang akan memberi kesan kepada kehidupan mereka. Salah satu pendekatan bagi memperkembangkan kemahiran berfikir murid ialah melalui strategi meta-tingkah laku. Sekiranya seseorang murid ingin berjaya mengharungi zaman mencabar ini, mereka perlulah menguasai strategi meta-tingkah laku agar mereka mampu membuat keputusan yang tepat sebelum mereka mempamerkan sesuatu tingkah laku yang boleh diterima atau sebaliknya (Zakri & Saemah 2018).

Jurang atau lompong kajian ini berbanding kajian-kajian lepas ialah dari segi fokus kajian. Kajian lepas daripada Zakri (2014) berkaitan meta-tingkah laku ini memfokuskan kepada tingkah laku disiplin murid. Tumpuan kajian-kajian lepas berkenaan masalah tingkah laku dalam bilik darjah sering diberikan kepada tingkah laku disiplin berbanding tingkah laku bermasalah dalaman sendiri murid seperti kebimbangan, pengunduran diri dan pengasingan diri (Noor Aini & Norhafizah 2015). Namun dalam kajian ini pengkaji melihat kedua-dua aspek sama ada tingkah laku disiplin dan juga tingkah laku bermasalah lain yang melibatkan permasalahan dalaman pembentukan sendiri murid. Manakala kajian-kajian lepas berkaitan penyelesaian masalah pula banyak memfokuskan kepada penyelesaian masalah dalam mata pelajaran tertentu namun kajian ini pula adalah berkaitan kemahiran penyelesaian masalah dalam membuat keputusan bagi menyelesaikan masalah. Kajian lepas berkaitan meta-tingkah laku iaitu kajian Zakri (2014) juga telah mengkaji perbezaan kemahiran meta-tingkah laku murid bermasalah disiplin dan tidak bermasalah disiplin. Namun dalam kajian ini pengkaji melihat hubungan strategi meta-tingkah laku dan kemahiran penyelesaian masalah berdasarkan semua murid sama ada lelaki dan perempuan.

Lelaki juga dikatakan kurang keterlibatan di sekolah serta mempunyai prestasi yang rendah berbanding perempuan (Nor Aniza et al. 2011). "Keterlibatan

murid membawa maksud penglibatan murid secara aktif dalam aktiviti pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah yang meliputi pelbagai ciri seperti tingkah laku, emosi, kognitif, dan penglibatan psikologi (Lam et al. 2012; Skinner & Pitzer 2012). Murid yang rendah tahap keterlibatan di sekolah sering dilihat sebagai satu tanda pengasingan diri. Hal ini boleh menyebabkan murid membina pelbagai bentuk dimensi negatif dalam diri mereka. Keterlibatan murid juga adalah peramal penting kepada pencapaian dalam pembelajaran. Justeru, keterlibatan murid di sekolah menunjukkan prestasi murid dari segi akademik dan juga tingkah laku terpuji banyak memihak kepada mjurid perempuan berbanding murid lelaki yang menyebabkan timbulnya isu ketidakseimbangan antara jantina”(Hanita & Norzaini 2018). Oleh itu melalui kajian ini juga pengkaji ingin menentukan perbezaan tahap strategi meta-tingkah laku dan kemahiran penyelesaian masalah berdasarkan jantina.

Kajian ini penting kerana setiap murid mempunyai masalah tanpa mengira sama ada murid bermasalah disiplin atau tidak bermasalah disiplin serta murid yang mempunyai prestasi akademik baik ataupun lemah. Selain itu, strategi meta-tingkah laku ini sangat penting kerana peringkat ini, murid perlu berfikir sebelum bertindak dengan merancang, memantau dan menilai setiap tindakan yang ingin dilakukan. Manakala kemahiran penyelesaian masalah sangat diperlukan dalam proses pemikiran ini kerana murid perlu membuat keputusan terbaik untuk menyelesaikan masalah. Justeru, murid yang tidak mempunyai strategi meta-tingkah laku dan kemahiran penyelesaian masalah ini akan bertindak tanpa merancang, memantau dan menilai keputusan yang diambil sehingga murid menghadapi konflik dan terjebak dengan tingkah laku yang tidak sesuai ataupun terlibat dengan pelbagai masalah tingkah laku.

Kini tiba masanya satu jalan penyelesaian daripada diri murid itu sendiri perlu diaplikasikan supaya murid boleh berfikir dengan menggunakan kemahiran berfikir dengan akal yang rasional sebelum melakukan sebarang tingkah laku. Proses berfikir ini melibatkan strategi meta-tingkah laku dan kemahiran penyelesaian masalah kerana murid perlu merancang, memantau dan menilai bagi membuat keputusan untuk menyelesaikan masalah sebelum bertindak. “Strategi meta-tingkah laku dijangka mempunyai saling kaitan dengan membuat keputusan dalam menyelesaikan masalah sehingga dapat membantu menangani isu masalah tingkah laku dalam kalangan murid” (Zakri & Saemah 2015).

Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan bagi mengenal pasti tahap strategi meta-tingkah laku dan kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan murid dan menentukan hubungannya antara keduanya.

Objektif Kajian

Objektif Umum

Secara umum objektif kajian adalah untuk melihat “hubungan strategi meta-tingkah laku dan kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan murid sekolah menengah.

Objektif Khusus

1. Mengenal pasti tahap strategi meta-tingkah laku “dalam kalangan murid sekolah menengah.
2. Mengenal pasti tahap kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan murid sekolah menengah.
3. Menentukan perbezaan strategi meta-tingkah laku “dalam kalangan murid sekolah menengah berdasarkan jantina.
4. Menentukan perbezaan kemahiran penyelesaian masalah “dalam kalangan murid sekolah menengah berdasarkan jantina.
5. Menentukan hubungan antara “strategi meta-tingkah laku dan kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang dikenal pasti untuk menjawab soalan berikut:

1. Apakah tahap strategi meta-tingkah laku dalam kalangan murid sekolah menengah.
2. Apakah tahap kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan murid sekolah menengah.
3. Adakah terdapat perbezaan strategi meta-tingkah laku dalam kalangan murid sekolah menengah berdasarkan jantina.
4. Adakah terdapat perbezaan kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan murid sekolah menengah berdasarkan jantina.”
5. Adakah terdapat hubungan antara strategi meta-tingkah laku dan kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan murid sekolah menengah.

Hipotesis Kajian

Berikut adalah hipotesis bagi kajian ini:

a) Hipotesis nol, H_0

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara strategi meta-tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah berdasarkan jantina.

b) Hipotesis nol, H_0

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar sekolah menengah berdasarkan jantina.

c) Hipotesis nol, H_0

Tidak terdapat hubungan antara strategi meta-tingkah laku dan kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Tinjauan Literatur

Kajian lepas berkaitan meta-tingkah laku masih baru dan tidak banyak lagi dijalankan sama ada daripada dalam dan luar negara. Namun begitu ada beberapa kajian daripada dalam dan luar negara berkenaan meta-tingkah laku atau '*meta-behavior*'. Kajian Zakri (2014), telah membuat kajian berkenaan kemahiran meta-tingkah laku, kemahiran membuat keputusan dan tingkah laku disiplin murid yang bertujuan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan kemahiran meta-tingkah laku dan kemahiran membuat keputusan dalam kalangan murid tidak bermasalah disiplin dan murid bermasalah disiplin. Melalui kajian Zakri (2014) menemukan terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran meta-tingkah laku dan kemahiran membuat keputusan antara murid bermasalah disiplin dan tidak bermasalah disiplin iaitu murid tidak bermasalah disiplin adalah lebih baik berbanding dengan murid bermasalah disiplin.

Manakala kajian Suriana (2020) telah membuat kajian kuasi eksperimen yang bertujuan melihat keberkesanan Modul Diari Magnet ke atas peningkatan kemahiran meta tingkah laku murid. Kajian Suriana (2020) menemukan bahawa kemahiran meta tingkah laku dalam kalangan murid boleh ditingkatkan menerusi latihan membina pengetahuan, kepercayaan dan menyusun perancangan, pemantauan dan penilaian melalui penulisan diari yang berstruktur sebagai strategi memantapkan proses berfikir sebelum bertindak. Selain itu, Suriana & Muhammad Syawal (2020) pula membincangkan peranan kemahiran meta-tingkah laku yang melibatkan meta-pengetahuan dan strategi meta-tingkah laku dalam meningkatkan kemahiran murid untuk menguasai pembelajaran secara berkesan." Muhammad Syawal et al. (2021) telah menulis berkaitan berfikir tentang tingkah laku daripada perspektif meta-tingkah laku dalam pendidikan yang bertujuan untuk mengetahui bagaimana konsep metakognitif dapat disesuaikan dalam konteks tingkah laku. Justeru itu, kajian-kajian lepas ini menunjukkan bahawa meta-tingkah laku ini sangat penting dalam mempengaruhi seseorang individu untuk merancang, memantau dan menilai tindakannya dalam kehidupan seharian.

Manakala kajian lepas daripada luar negara iaitu menurut Svec & Bechard (1988), menyatakan *meta-behavior* atau meta-tingkah laku merujuk kepada ‘*thinking about behaving*’ iaitu ‘berfikir tentang berkelakuan’. Svec & Bechard (1988) dalam kajiannya yang bertajuk *An Introduction to a Meta-behavioral Model with Implication for Social Skills Training for Aggressive Adolescents* telah memperkenalkan model meta-tingkah laku yang menggabungkan konsep metakognitif dengan persekitaran untuk memperoleh kemahiran sosial. Model “*meta-behavioral*” ini mencadangkan ciri-ciri tertentu seperti persekitaran, matlamat dan sendiri dalam meramalkan sesuatu tindakan. Penggunaan model ini juga dapat membantu para profesional melatih murid yang agresif dalam kemahiran sosial.

Selain itu beberapa kajian lepas daripada luar negara telah mengaitkan meta-behavior atau meta-tingkah laku dengan regulasi sendiri. De la Fuente et al. (2018), dalam kajian penyelidikannya ada mengaitkan meta-tingkah laku dengan Teori Regulasi Kendiri (*Self-Regulation Theory*) yang bertujuan untuk mengesahkan bahawa latihan kesedaran regulasi sendiri dan tahap tingkah laku murid dengan menggunakan strategi mengatasi dapat menghasilkan perubahan. Melalui pemerhatian terhadap kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dengan strategi mengatasi menunjukkan penurunan emosi negatif yang ketara. Manakala menurut López-Madrigal et al. (2021) regulasi sendiri adalah sebagai pemboleh ubah meta-tingkah laku telah menarik banyak perhatian dalam beberapa dekad kebelakangan ini. Pelbagai kajian telah dijalankan untuk menentukan dan mengukurnya. Melalui kajian lepas ini menunjukkan kepentingan menggunakan kemahiran meta-tingkah laku dan dapat menunjukkan perbezaan tahap tingkah laku murid yang lebih baik.

Daripada kajian Zakri (2014) menyatakan bahawa istilah meta-tingkah laku berasal daripada konsep metakognitif yang telah diberi nafas baru melalui proses penyaringan dan penggabungan disiplin ilmu yang mana telah mengaitkan konsep metakognitif dengan konsep tingkah laku. Oleh itu, kajian lepas meta-tingkah laku juga boleh diambil daripada konsep metakognitif (Zakri & Saemah 2015). Justeru, kajian lepas yang mengaitkan konsep metakognitif dan tingkah laku ialah seperti kajian Hamzaniza & Saemah (2017) mengenai hubungan metakognitif dan tingkah laku sosial. Menurut Hamzaniza & Saemah (2017), kemahiran metakognitif yang tinggi didapati dapat mengurangkan masalah tingkah laku sosial yang negatif kerana dengan merancang, memantau dan menilai setiap perbuatan, tingkah laku sosial negatif remaja dapat dikurangkan. Dapatan ini menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap kemahiran metakognitif, semakin rendah tahap tingkah laku sosial negatif remaja. Hal ini menunjukkan bahawa murid yang sedar tentang kesilapan yang dilakukan akan memperbaikinya jika

perlu. Mereka juga akan cenderung membuat pemantauan dan refleksi dalam apa sahaja perkara yang dilakukan. Dalam kajian Zakri & Saemah (2015) juga menemukan bahawa semakin tinggi tahap meta-tingkah laku seseorang, semakin positif tingkah laku yang dizahirkan. Strategi meta-tingkah laku adalah berkesan untuk diaplikasikan oleh murid dalam membuat keputusan dalam hal pembelajaran. “Ini berkaitan dengan keputusan dan tindakan yang dibuat oleh murid untuk mengoptimalkan persekitaran pembelajaran mereka” (Williamson, 2015).

Manakala kajian lepas yang berkaitan dengan metakognitif dan penyelesaian masalah ialah kajian daripada U Azizah et al. (2019) menunjukkan bahawa tahap kemahiran dan kesedaran metakognitif murid dalam menyelesaikan masalah pada peringkat kemahiran merancang sebelum belajar berada pada tahap rendah pada permulaannya dan menjadi tinggi apabila belajar strategi metakognitif. Menurut Prem & Amit (2015) pula, setelah belajar strategi metakognitif maka murid dapat memperkasakan kemahiran metakognitif pada peringkat merancang dalam penyelesaian masalah. Prem & Amit (2015) menyatakan murid lebih baik apabila mereka mengatur proses berfikir atau menggunakan kemahiran metakognitif dalam proses menyelesaikan masalah. Kajian Zacharoula & Anastasios (2020) pula menyatakan metakognitif menyebabkan perubahan dan mempunyai hubungan yang signifikan secara statistik dalam tingkah laku murid. Perubahan signifikan secara statistik dikesan juga dalam penggunaan bantuan metakognitif. Melalui kemahiran metakognitif dengan menggunakan kemahiran penyelesaian masalah dapat menghasilkan tingkah laku positif (Williamson 2015; Zakri & Saemah 2015). Oleh itu analisis dapatan kajian-kajian lepas hubungan metakognitif dan tingkah laku dalam penyelesaian masalah menunjukkan hubungan yang signifikan.

Metakognitif memainkan peranannya dalam penyelesaian masalah khususnya dalam menetapkan matlamat, menilai perkembangan matlamat dan membuat pembetulan yang sepatutnya. Menurut satu kajian yang dijalankan oleh Swanson (1990), “murid yang mempunyai tahap metakognitif yang tinggi adalah lebih cekap dalam menyelesaikan sesuatu masalah berbanding dengan individu yang mempunyai tahap metakognitif yang rendah.” Individu yang mempunyai tahap metakognitif yang tinggi tidak memerlukan langkah yang banyak dalam mencapai penyelesaian masalah berbanding dengan individu yang mempunyai tahap metakognitif yang rendah. Swanson (1990) juga menambahkan satu lagi faktor yang boleh membantu individu yang mempunyai tahap metakognitif yang rendah boleh mencapai penyelesaian dengan baik jika mereka mempunyai sikap ingin mencapai penyelesaian masalah yang tinggi (Fatin Aliah, 2005; Seth et al., 2007).

Dapatan kajian-kajian lepas berkaitan hubungan metakognitif dan penyelesaian masalah menunjukkan mempunyai hubungan yang positif (Khairatul Muna et al., 2017; Noorzeliana Idris et al., 2015; Siti Rahayu & Erina Hertanti, 2020; Yahya & Habibeh, 2016). Menurut Simon (2019), yang menyatakan penggunaan kemahiran dan strategi metakognitif dapat membantu murid dalam penyelesaian masalah. Hal ini menunjukkan bahawa apabila murid mempunyai kemahiran dan strategi metakognitif maka murid dapat menyelesaikan masalah dengan baik. Maka disimpulkan bahawa daripada kajian-kajian lepas menunjukkan murid yang mempunyai strategi meta-tingkah laku dan kemahiran penyelesaian masalah dapat mengelak daripada melakukan tingkah laku yang tidak sesuai atau pun terlibat dengan masalah tingkah laku.

Kaedah/Metodologi

Reka bentuk Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap strategi meta-tingkah laku dan kemahiran penyelesaian masalah serta menentukan hubungan antara keduanya serta perbezaan berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Kajian ini adalah kajian kuantitatif dengan menggunakan reka bentuk kaedah tinjauan. Kajian tinjauan dianggap sesuai untuk mencari hubungan di antara beberapa pemboleh ubah. Selain itu, kajian tinjauan merupakan kajian yang menghurai isu-isu dan masalah dalam pelbagai perspektif terutamanya yang melibatkan sikap, pandangan, kepercayaan, perasaan, tingkah laku dan persepsi serta kajian yang mengkaji sesuatu fenomena (Kementerian Pendidikan Malaysia 2018).

Sampel

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar tingkatan empat iaitu seramai 1674 orang daripada sekolah menengah di Putrajaya. Pemilihan sampel diambil daripada 11 buah sekolah menengah di Putrajaya berdasarkan pensampelan sistematik dengan menggunakan jadual Krejcie & Morgan (1970) iaitu seramai 317 orang. Namun begitu, sebilangan responden simpanan perlu juga turut dipilih daripada populasi atas sebab jika terdapat situasi di mana responden tidak memberi kerjasama atau apa-apa juga keadaan seperti berpindah atau berada di luar kawasan. Oleh itu bilangan sampel kajian ialah seramai 319 orang murid.

Instrumentasi

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik yang diadaptasi dan diubahsuai daripada kajian Zakri (2014) yang bertajuk “Meta-Tingkah Laku, Membuat Keputusan dan Tingkah Laku dalam Kalangan Pelajar.” Soal selidik ini mengandungi 3 bahagian iaitu “bahagian A (Maklumat pelajar) Bahagian B (Strategi Meta-Tingkah Laku) dan Bahagian C”(Kemahiran Penyelesaian Masalah). Selain itu, soal selidik digunakan dalam kajian ini tidak dibina sendiri oleh pengkaji sebaliknya diadaptasi dan diubahsuai daripada kajian Zakri (2014). Hal ini kerana soal selidik yang digunakan dalam kajian tersebut telah mendapat pengesahan dan penilaian daripada pakar dari segi kesahan kandungan serta mendapat nasihat dan pandangan daripada tiga orang pakar kesahan yang dilantik bagi meningkatkan kualiti kajian yang dijalankan. Selain itu, empat orang murid juga telah dipilih untuk menentukan kesahan bagi mengetahui kefahaman murid tersebut terhadap soalan yang ingin dikaji sebelum menjalankan kajian sebenar. Justeru terdapat sedikit pengubahsuaian dilakukan oleh pengkaji bagi menyesuaikan konstruk yang ingin diuji dengan pemboleh ubah kajian. “Kajian rintis telah dijalankan terhadap 50 orang murid tingkatan empat yang tidak terlibat dengan kajian ini dan bukan dari sampel sebenar. Data kajian rintis dianalisis untuk menentukan kebolehpercayaan dengan nilai alpha cronbach 0.94.”

Analisis Data

Kaedah pengumpulan data adalah dengan menggunakan instrumen soal selidik kajian yang disebar luas kepada sampel secara atas talian menerusi pautan yang diberikan menggunakan perisian “*google form*”. Data yang telah diperolehi adalah diproses dengan menggunakan perisian “*Statistical Package for the Social Science*” (SPSS) versi 26 secara analisis deskriptif dan inferensi. Bagi melaporkan setiap persoalan kajian, analisis deskriptif yang digunakan adalah analisis min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan. Manakala analisis inferensi pula melibatkan ujian t- tidak bersandar untuk menentukan perbezaan berdasarkan jantina dan korelasi Pearson untuk menentukan hubungan.

Dapatan Kajian

Data dianalisis secara analisis deskriptif dan analisis inferensi. Dapatan kajian diperolehi berdasarkan persoalan kajian seperti berikut.

- 1) Apakah tahap strategi meta-tingkah laku dalam kalangan murid sekolah menengah.

Jadual 1: Tahap Strategi Meta-Tingkah Laku dalam kalangan pelajar

	N	Min	Sisihan Piawai	Tahap Kemahiran	Skor min dan Tahap Keseluruhan
Meta Perancangan	319	3.73	.618	Sederhana Tinggi	3.80 Sederhana Tinggi
Meta Pemantauan	319	3.78	.687	Sederhana Tinggi	
Meta Penilaian	319	3.88	.712	Sederhana Tinggi	

Jadual 2: Interpretasi Skor Min Julat Skala Tahap

Skor Min	Ukuran Tahap
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: Nunnally & Bernstein (1994)

Bagi mengenal pasti tahap strategi meta-tingkah laku dan kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan murid sekolah menengah ialah dengan menggunakan analisis deskriptif melalui skor min. Interpretasi skala min julat skala tahap adalah merujuk kepada jadual 2 (Nunnally & Bernstein, 1994). Dapatan daripada jadual 1 menunjukkan skor min konstruk tahap strategi meta-tingkah laku ialah 3.80. Manakala skor min bagi subkonstruk meta-tingkah laku iaitu meta-perancangan 3.73, meta-pemantauan 3.78 dan meta-penilaian 3.88 yang berada pada tahap sederhana tinggi. Oleh itu, secara keseluruhannya skor min tahap strategi meta-tingkah laku berada pada tahap sederhana tinggi.

Keseluruhan bagi tahap strategi meta-tingkah laku menunjukkan item skor min yang paling rendah ialah item soalan B5.1 iaitu “Sebelum saya melakukan sesuatu tingkah laku, saya terlebih dahulu mendapatkan pandangan masyarakat sekeliling saya” dengan skor min 2.78. Hal ini menunjukkan bahawa murid kurang mementingkan pandangan masyarakat apabila melakukan sesuatu tingkah laku. Manakala item skor min yang paling tinggi bagi tahap strategi meta-tingkah laku ialah item soalan B11 iaitu “Saya memikirkan semula tingkah laku

yang ingin dilakukan sekiranya saya rasa tidak sesuai untuk dilakukan” dan B14 “Saya menilai semula perbuatan baik atau buruk yang akan saya lakukan” serta B17 iaitu “Saya menyoal diri saya sekiranya ada cara yang lebih mudah untuk saya melakukan sesuatu perbuatan secara berkesan dengan skor min 4.28. Oleh itu menunjukkan ramai murid memilih untuk memikirkan dan menilai semula tingkah laku yang tidak sesuai. Selain itu bagi item soalan pilihan iaitu B5, B9 dan B15 dengan skor min paling tinggi ialah murid memilih agama yang dianuti dan juga pandangan ibu bapa sebelum melakukan tindakan. Oleh itu dapat difahami bahawa kebanyakan murid tingkatan empat sekolah menengah di Putrajaya mementingkan pandangan agama dan ibu bapa sebelum melakukan sebarang tindakan.

Secara kesimpulannya analisis dapatan kajian bagi tahap strategi meta-tingkah laku bagi meta-perancangan, meta-pemantauan dan meta-penilaian berada di tahap sederhana tinggi. Daripada ketiga-tiga konstruk strategi meta-tingkah laku yang meliputi meta-perancangan, meta-pemantauan dan meta-penilaian menunjukkan murid tidak mementingkan pandangan masyarakat untuk melakukan sesuatu kerana mempunyai skor min yang paling rendah. Selain itu hasil dapatan menunjukkan bahawa murid memikirkan semula tingkah laku sama ada sesuai atau tidak untuk dilakukan kerana mempunyai skor yang paling tinggi dalam ketiga-tiga konstruk. Skor min yang paling tinggi bagi tahap strategi meta-tingkah laku ialah konstruk meta-penilaian dengan skor min 3.88. Oleh itu, analisis dapatan kajian tahap strategi meta-tingkah laku berada pada tahap sederhana tinggi iaitu skor min 3.80.

Dapatan: Tahap Strategi Meta-tingkah laku berada pada tahap sederhana tinggi iaitu skor min 3.80

- 2) Apakah tahap kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan murid sekolah menengah.

Jadual 3: Tahap Kemahiran Penyelesaian Masalah dalam kalangan pelajar

	N	Min	Sisihan Piawai	Tahap Kemahiran	Skor min dan Tahap Keseluruhan
I-Identify Problem	319	3.56	.580	Sederhana Tinggi	3.57 Sederhana Tinggi

	N	Min	Sisihan Piawai	Tahap Kemahiran	Skor min dan Tahap Keseluruhan
D-Develop Alternatives	319	3.59	.624	Sederhana Tinggi	3.57 Sederhana Tinggi
E-Execute a Solution	319	3.38	.559	Sederhana Tinggi	
A-Assess the Results	319	3.80	.715	Sederhana Tinggi	

Dapatan daripada jadual 3 menunjukkan skor min konstruk tahap kemahiran penyelesaian masalah ialah 3.57. Manakala skor min bagi subkonstruk iaitu *Identify problem* 3.56, *Develop alternatives* 3.59, *Execute a solution* 3.38 dan *Assess a results* 3.80 yang berada pada tahap sederhana tinggi. Skor min yang paling tinggi bagi tahap kemahiran penyelesaian masalah ialah konstruk *Assess the results* dengan skor min 3.80. Oleh itu, analisis dapatan kajian Tahap Kemahiran Penyelesaian Masalah berada pada tahap sederhana tinggi iaitu skor min = 3.57 dan $sp = 0.538$. Keseluruhannya item skor min yang paling rendah bagi tahap kemahiran penyelesaian masalah ialah item bahagian C soalan C17 iaitu “Saya mengikut perasaan saya semasa membuat keputusan untuk menyelesaikan masalah” dengan skor min 2.71. Hal ini menunjukkan murid tidak mengikut perasaan semasa membuat keputusan untuk menyelesaikan masalah. Namun begitu kekerapan dan peratus pelajar yang paling tinggi ialah item C17 “Saya mengikut perasaan saya semasa membuat keputusan untuk menyelesaikan masalah” bagi skala “Adakala”. Hal ini menunjukkan adakala pelajar lebih ramai mengikut perasaan semasa menyelesaikan masalah. Manakala item skor min paling tinggi bagi tahap kemahiran penyelesaian masalah ialah item bahagian C soalan C6 “Saya berfikir dahulu sebelum membuat pilihan penyelesaian masalah” dengan skor min 4.13. Hal ini menunjukkan ramai pelajar memilih untuk berfikir dahulu sebelum membuat pilihan untuk menyelesaikan masalah.

Dapatan: Tahap Kemahiran Penyelesaian masalah berada pada tahap sederhana iaitu skor min 3.56

- 3) Adakah terdapat perbezaan kemahiran meta-tingkah laku dalam kalangan murid sekolah menengah berdasarkan jantina.

Hipotesis nol (H_0) – Tidak terdapat perbezaan kemahiran meta-tingkah laku berdasarkan jantina.

Jadual 4: Perbezaan strategi meta-tingkah laku berdasarkan jantina

Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	t	df	Sig. (2 hujung)
Lelaki	151	3.71	.637	-2.385	317	.018
Perempuan	168	3.87	.593			

* $p < 0.05 = H_0$ ditolak (Terdapat perbezaan)

Jadual 4 adalah hasil dapatan ujian t-bebas yang menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi strategi meta-tingkah laku berdasarkan jantina lelaki dan perempuan, nilai $t = -2.385$ dan $sig. = 0.018(p < 0.05)$. Hal ini menunjukkan hipotesis nol adalah ditolak iaitu terdapat perbezaan strategi meta-tingkah laku berdasarkan jantina. Ini bermakna skor min strategi meta-tingkah laku pelajar perempuan adalah lebih tinggi berbanding pelajar lelaki.

Bagi menentukan perbezaan strategi meta-tingkah laku dan kemahiran penyelesaian masalah berdasarkan jantina ialah melalui analisis inferensi. Oleh itu, analisis inferensi dijalankan dengan menggunakan ujian t-bebas telah dijalankan bagi menentukan perbezaan strategi meta-tingkah laku berdasarkan berdasarkan jantina. Dapatan ujian t daripada jadual 4 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi strategi meta-tingkah laku berdasarkan jantina lelaki dan perempuan, nilai $t = -2.385$ dan $sig. = 0.018(p < 0.05)$. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan strategi meta-tingkah laku berdasarkan jantina dan hipotesis nol adalah ditolak.

Dapatan: Terdapat perbezaan Strategi Meta-Tingkah laku berdasarkan Jantina

- 4) Adakah terdapat perbezaan kemahiran penyelesaian masalah “dalam kalangan murid sekolah menengah berdasarkan jantina.

Hipotesis nol (H_0) – Tidak terdapat perbezaan kemahiran penyelesaian masalah berdasarkan jantina.

Jadual 5: Perbezaan Kemahiran penyelesaian masalah berdasarkan Jantina

Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	t	df	Sig. (2 hujung)
Lelaki	151	3.56	.521	-174	317	.0862
Perempuan	168	3.57	.555			

$p > 0.05 = H_0$ gagal ditolak (Tidak terdapat perbezaan)

Selain itu, analisis inferensi dengan menggunakan ujian t-bebas telah dijalankan bagi menentukan perbezaan kemahiran penyelesaian masalah berdasarkan berdasarkan jantina. Dapatan ujian t daripada jadual 5 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi kemahiran penyelesaian masalah berdasarkan jantina lelaki dan perempuan, nilai $t = -0.174$ dan $\text{sig.} = 0.862(p > 0.05)$. Hal ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan kemahiran penyelesaian masalah berdasarkan jantina dan hipotesis nol adalah diterima atau gagal ditolak.

Dapatan: Tidak terdapat perbezaan Kemahiran Penyelesaian Masalah berdasarkan Jantina

- 5) Adakah terdapat hubungan antara strategi meta-tingkah laku dan kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan murid sekolah menengah.

Hipotesis nol H_0 : Tidak terdapat hubungan antara strategi meta-tingkah laku dan kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan murid sekolah menengah.

Jadual 6: Analisis korelasi antara Strategi meta-tingkah laku dan kemahiran penyelesaian masalah

		Strategi Meta-Tingkah laku	Kemahiran Penyelesaian Masalah
Strategi Meta-tingkah laku	Pearson Correlation Sig. (2-tailed) N	1 319	0.513** 0.000 319
Kemahiran Penyelesaian Masalah	Pearson Correlation Sig. (2-tailed) N	0.513** 0.000 319	1 319

$P < 0.05 = H_0$ ditolak (Terdapat hubungan)

Bagi menentukan hubungan antara strategi meta-tingkah laku dan kemahiran penyelesaian masalah ialah melalui analisis inferensi. Oleh itu, analisis inferensi dengan menggunakan ujian pekali korelasi Pearson untuk menentukan hubungan antara strategi meta-tingkah laku dalam kalangan murid sekolah menengah yang dikaji. Dapatan daripada jadual 6 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara skor strategi meta-tingkah laku dan kemahiran penyelesaian masalah dalam

kalangan responden yang dikaji, nilai $r = .513$ dan $\text{sig.} = 0.000(p = <0.05)$. Hal ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara strategi meta-tingkah laku dan kemahiran penyelesaian masalah. Oleh itu hipotesis nol ini ditolak.

Dapatan: Terdapat hubungan antara strategi meta-tingkah laku dan kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Perbincangan

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap strategi meta-tingkah laku dan kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan murid adalah pada tahap sederhana tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa tahap strategi meta-tingkah laku dan penyelesaian masalah ini masih di tahap yang belum memuaskan. Justeru strategi meta-tingkah laku ini perlu ditingkatkan melalui pengajaran secara langsung dan pengajaran secara tidak langsung bagi membolehkan peningkatan penggunaan strategi meta-tingkah laku supaya murid dapat menyelesaikan masalah dengan lebih baik seterusnya tingkah laku positif dapat ditingkatkan. Menurut Zakri & Saemah (2015) “usaha meningkatkan strategi meta-tingkah laku melalui proses pengajaran dan pembelajaran ini berupaya menjadikan pelajar lebih “metakognitif” dalam menangani sebarang situasi dan cabaran yang mereka hadapi dalam kehidupan mereka”(Zakri 2014; Zakri & Saemah 2018).

Dapatan kajian perbezaan strategi meta-tingkah laku berdasarkan jantina lelaki dan perempuan menunjukkan terdapat perbezaan strategi meta-tingkah laku antara murid lelaki dan perempuan. Manakala dapatan kajian perbezaan kemahiran penyelesaian masalah berdasarkan jantina pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan kemahiran penyelesaian masalah antara murid lelaki dan perempuan. Hal ini menunjukkan bahawa proses berfikir murid lelaki dan perempuan untuk bertindak adalah berbeza. Justeru, keterlibatan murid di sekolah menunjukkan prestasi murid dari segi akademik dan juga tingkah laku terpuji banyak memihak kepada murid perempuan berbanding pelajar lelaki”(Hanita & Norzaini 2018). Namun dalam menyelesaikan masalah murid lelaki dan perempuan adalah sama semasa membuat keputusan penyelesaian masalah. Dapatan kajian ini adalah sama dengan kajian Fadillah et. al (2021) yang menyatakan kedua-dua jantina sama ada responden lelaki atau perempuan mempunyai kemahiran penyelesaian masalah secara sama-rata (Fadillah et al. 2021).

Manakala dapatan kajian bagi menentukan hubungan strategi meta-tingkah laku dan kemahiran penyelesaian masalah menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara strategi meta-tingkah laku dan kemahiran penyelesaian masalah. Kajian-kajian lepas berkaitan hubungan metakognitif

dan penyelesaian masalah menunjukkan mempunyai hubungan yang signifikan (Khairiatul Muna et al., 2017; Noorzeliana Idris et al., 2015; Siti Rahayu & Erina Hertanti, 2020; Yahya & Habibeh, 2016). Hal ini menunjukkan bahawa apabila murid mempunyai strategi meta-tingkah laku maka murid dapat menggunakan kemahiran penyelesaian masalah dengan baik sebelum bertindak.

Kesimpulan

Meta-tingkah laku ialah proses pemikiran yang terlibat dalam menghasilkan tingkah laku atau boleh didefinisikan sebagai proses berfikir sebelum bertindak. Meta-tingkah laku merupakan satu strategi yang berkait rapat dengan ciri peribadi serta kejayaan dalam pembelajaran dan tingkah laku terpuji di sekolah. Strategi meta-tingkah laku ini boleh mempengaruhi tingkah laku seseorang. Murid yang berfikir sebelum bertindak berkemungkinan besar berjaya. Namun nilai fikir dan bila perlu bertindak selepas berfikir juga menyumbang kejayaan tindakan. Proses berfikir sebelum bertindak ini merupakan proses pemikiran melalui strategi meta-tingkah laku mengandungi komponen meta-perancangan, meta-pemantauan dan meta-penilaian sebelum seseorang bertindak. Selain itu juga strategi meta-tingkah laku ini juga dapat membantu murid menyelesaikan masalah dengan baik melalui kemahiran penyelesaian masalah sebelum bertindak. Oleh itu, pengkaji berharap kajian ini memberi impak yang besar dalam membantu murid membentuk tingkah laku yang lebih baik.

Secara kesimpulannya, implikasi kajian strategi meta-tingkah laku ini dapat membantu seseorang individu dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi dan berguna dalam tingkah laku kawalan sendiri. Semakin tinggi tahap strategi meta-tingkah laku maka kemahiran penyelesaian masalah dapat ditingkatkan dan tingkah laku yang dipamerkan akan lebih positif. Selain itu, kajian ini boleh dijadikan sumber maklum balas yang sesuai kepada semua pihak dalam merancang strategi yang sesuai dan menyeluruh bagi menangani masalah tingkah laku dalam kalangan murid yang semakin serius. Oleh itu, usaha perlu dilakukan untuk meningkatkan strategi meta-tingkah laku dan kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan murid. Dicadangkan agar lebih banyak kajian berkaitan dengan meta-tingkah laku dijalankan pada masa akan datang agar murid dapat berfikir sebelum bertindak dan tidak terjebak dengan pelbagai isu masalah tingkah laku. Justeru, strategi meta-tingkah laku mempunyai banyak manfaat dan kepentingan dalam membantu murid sedar tentang cara mereka berfikir dan meneroka pelbagai idea penyelesaian masalah.

Rujukan

- Azmiza Ahmad. (2017). *Kesan Modul IDEA-i terhadap pengaturan sendiri, kemahiran penyelesaian masalah, efikasi sendiri kreatif dan kemahiran mengurus tingkah laku dalam kalangan pelajar*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Buerah Tunggak, Shanah Ngadi, & Hamimah Abu Naim. (2015). Delinkuen pelajar dan cadangan penyelesaiannya menerusi model pembangunan sahsiah remaja/pelajar muslim bersepadu. *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 7(2), 11-30–30.
- De la Fuente, J., Mañas, I., Franco, C., Cangas, A. J., & Soriano, E. (2018). Differential effect of level of self-regulation and mindfulness training on coping strategies used by university students. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 15(10), 1–20. <https://doi.org/10.3390/ijerph15102230>
- Fadillah Ismail, Ahmad Aidil Nasir, Roziana Haron, & Nur Azila Kelewon. (2021). Mendominasi kemahiran penyelesaian masalah secara kritis melalui penglibatan kokurikulum Badan Beruniform Bulan Sabit Merah Malaysia. *Research in Management of Technology and Business UTHM*, 2(1), 446–455.
- Farhana Aida Mohd Khalid, Nik Nur Ainaa Athirah Rozaimi, & Hafsa Taha. (2020). Perlakuan metakognitif pelajar tingkatan empat di sekolah Hulu Selangor dalam menyelesaikan masalah matematik. *Journal of Science and Mathematics*, 8(2), 74–85.
- Fatin Aliah Phang Abdullah. (2005). *Hubungan dan Peranan Kemahiran Metakognitif Dalam Menyelesaikan Masalah Fizik Di Kalangan Pelajar Sains Tingkatan Empat*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Hamzaniza Nor Hamdan, & Saemah Rahman. (2017). Hubungan antara kemahiran metakognitif dan tingkah laku sosial remaja. *Prosiding Seminar Kebangsaan Sains Dan Psikologi Dalam Pendidikan 2017*, 246–255.
- Hanita Mohd Yusoff, & Norzaini Azman. (2018). Pencapaian akademik murid lelaki dan perempuan : Peranan Sokongan Pembelajaran. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 15(2), 257–287.

- Johari Talib, Maharam Mamat, Maznah Ibrahim, & Zulkifli Mohamad. (2017). Perbaikan tingkah laku bermasalah kanak-kanak sekolah rendah melalui Terapi Kognitif-Tingkah laku. *Southeast Asia Psychology Journal*, 5, 1–11.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Kemahiran berfikir aras tinggi: Aplikasi di sekolah*. Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Khairiatul Muna, Rahmat Eko Sanjaya, Syahmani, & Iriani Bakti. (2017). Metacognitive skills and students' motivation toward chemical equilibrium problem solving ability: A correlational study on students of XI IPA SMAN 2 Banjarmasin. *AIP Conference Proceedings*, 1911. <https://doi.org/10.1063/1.5016001>
- Lam, S. F., Jimerson, S., Kikas, E. C., C., Verga, F. H., Nelson, B., Hatzichristou, C., Polychroni, F., Basnett, J., Duck, R., Farrell, P., Liu, Y., Negovan, V., Shin, H., Stanculescu, E., Wong, B. P. H., & Yang, H. & Zollneritsch, J. (2012). Do girls and boys perceive themselves as equally engaged in school? The result of an international study from 12 countries. *Journal of School Psychology*, 50(1), 77–94.
- López-Madrigal, C., de la Fuente, J., García-Manglano, J., Martínez-Vicente, J. M., Peralta-Sánchez, F. J., & Amate-Romera, J. (2021). The role of gender and age in the emotional well-being outcomes of young adults. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 18(2), 1–20. <https://doi.org/10.3390/ijerph18020522>
- Maharam Mamat, Maznah Ibrahim, Zulkifli Mohamad, & Johari Talib. (2017). Perbaikan tingkah laku bermasalah kanak-kanak sekolah rendah melalui Terapi Kognitif-Tingkah laku. *Southeast Asia Psychology Journal*, 5(October 2018), 1–11. www.cseap.edu.my/sapj/index.php/journal/full/5-1.pdf
- Mazli Sham Abdullah, & Saemah Rahman. (2017). Kemahiran membuat keputusan dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Seminar Serantau*, 124–127.
- Muhammad Syawal Amran, Suriana Mohd Zain, Khairul Azhar Jamaludin, & Shahlan Surat. (2021). Thinking about behavior : Perspective on meta-behavior in education. *Frontiers in Psychology*, 12(August),1–5.<https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.727116>

- Noor Aini Ahmad, & Norhafizah Abu Hanifah. (2015). Tahap pengetahuan guru pendidikan khas apabila mengurus tingkah laku murid bermasalah pembelajaran. *Asiz Pacific Journal of Educators and Education*, 30, 73–88. <https://doi.org/10.1007/978-3-642-29477-8>
- Noorzelianna Idris, Norazilawati Abdullah, & Saniah Sembak. (2015). Kesedaran metakognisi dan pemahaman konsep dalam penyelesaian masalah matematik. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 5(2), 23–40.
- Nor Aniza Ahmad, Zalizan Mohd Jelas, & Manisah Mohd Ali. (2011). The relationship between learning styles and strategies with academic achievement based on gender and type of school. *The International Journal of Learning: Annual Review 1*, 7(10), 265–278. <https://doi.org/10.18848/1447-9494/CGP/v17i10/47240>
- Nunnally & Bernstein. (1994). *Psychometric Theory*. McGraw-Hill.
- Prem Pratap Sigh, & Amit Sisodiya. (2015). Mathematics problem solving using metacognition aspect. *Binary Journal of Data Mining & Networking*, 5(1), 05–07. <https://doi.org/10.5138/bjdmn.v5i1.1636>
- Seth Sulaiman, Fatin Aliah Phang Abdullah, & Marlina Ali. (2007). Kemahiran Metakognitif Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Negeri Johor Dalam Menyelesaikan Masalah Fizik. Laporan Teknikal, *Vot 75161*, 1–59.
- Simon Adjei Tachie. (2019). Meta-cognitive skills and strategies application: How this helps learners in mathematics problem-solving. *Eurasia Journal of Mathematics, Science and Technology Education*, 15(5), 1305–8223. <https://doi.org/10.29333/ejmste/105364>
- Siti Rahayu, & Erina Hertanti. (2020). Students' metacognitive awareness and physics problem solving ability and correlation between them. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Fisika Al-BiRuNi*, 9(2), 207–215. <https://doi.org/10.24042/jipfalbiruni.v9i2.6009>
- Skinner, E. A. & Pitzer, J. R. (2012). *Developmental Dynamics of Student Engagement, Coping, and Everyday Resilience*. In L. Sandy Christenson, Amy L. Reschly & Cathy Wylie (Eds), *Handbook of Research on Student Engagement*. Springer.

- Suriana Mohd Zain. (2020). Keberkesanan modul Diari Magnet ke atas peningkatan kemahiran meta-tingkah laku pelajar. *In Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Suriana Mohd Zain, & Muhammad Syawal Amran. (2020). Peranan kemahiran meta-tingkah laku terhadap pencapaian pembelajaran. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Ke-5 (PASAK5 2020)*, 5(November), 2013–2025.
- Svec, H., & Bechard, J. (1988). An introduction to a metabehavioral model with implications for social skills training for aggressive adolescents. *Psychological Reports*, 62(1), 19–22. <https://doi.org/10.2466/pr0.1988.62.1.19>
- Swanson, H. L. (1990). Influence of metacognitive knowledge and aptitude on problem solving. *Journal of Educational Psychology*, 82(2), 306–314. <https://doi.org/https://doi.org/10.1037/0022-0663.82.2.306>
- U Azizah, H Nasrudin, & Mitarlis. (2019). Metacognitive skills: A solution in chemistry problem solving. *Journal of Physics: Conference Series*. <https://doi.org/10.1088/1742-6596/1417/1/012084>
- Williamson, G. (2015). Self-regulated learning : an overview of metacognition, motivation and behaviour. *Journal of Initial Teacher Inquiry*, 1, 25–27.
- Yahya Safari, & Habibeh Meskini. (2016). The effect of metacognitive instruction on problem solving skills in Iranian students of health sciences. *Global Journal of Health Science*, 8(1), 150–156. <https://doi.org/10.5539/gjhs.v8n1p150>
- Zacharoula Papamitsiou, & Anastasios A. Economides. (2020). The impact of on-demand metacognitive help on effortful behaviour: A longitudinal study using task-related visual analytics. *Journal of Computer Assisted Learning*, January, 1–18. <https://doi.org/10.1111/jcal.12472>
- Zakri Abdullah. (2014). *Kemahiran meta-tingkah laku, kemahiran membuat keputusan dan tingkah laku disiplin pelajar*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zakri Abdullah, & Saemah Rahman. (2015). Kemahiran meta-tingkah laku dan kemahiran membuat keputusan pelajar bermasalah disiplin dan tidak bermasalah disiplin. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 40(2), 175–183.

Zakri Abdullah, & Saemah Rahman. (2018). *Kemahiran meta-tingkah laku dan membuat keputusan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Konsep Kendiri Multidimensi Guru Baharu Terhadap Motivasi Bekerja Di Daerah Pekan:Satu Kajian Tinjauan

Siti Nor Mariani Salleh¹, Norhusna Abu Bakri², Azlina Anmeri³,
Suhaila M. Harun Narasit⁴, Juraimi Mohammad⁵,

¹Pejabat Pendidikan Daerah Pekan, ²Jabatan Pendidikan Negeri Pahang,

³⁵Pejabat Pendidikan Daerah Kuantan, ⁴Pejabat Pendidikan Daerah Bera

¹marianasalleh@moe.gov.my, ²norhusna@moe.gov.my, ³azlina.anmeri@moe.gov.my,

⁴suhaila.mharun@moe.gov.my, ⁵juraimi.mohamad@moe.gov.my

Abstrak

Cabaran guru di era digital memerlukan kesedaran terhadap keupayaan konsep kendiri yang multidimensi agar dapat membantu meningkatkan tahap motivasi bekerja yang lebih cemerlang, berdedikasi, komited serta tekun dalam melaksanakan tugas seharian. Amanah dan bertanggungjawab seorang guru adalah memastikan Pendidikan di Malaysia pada hari ini dapat memberi makna dalam kehidupan seseorang murid. Kajian dijalankan bertujuan mengenalpasti tahap konsep kendiri seorang guru baharu terhadap motivasi bekerja amatlah penting bagi meningkatkan keyakinan diri dan kesempurnaan kendiri serta dapat meningkatkan motivasi bekerja dalam kalangan mereka. Oleh yang demikian kajian ini dijalankan untuk mengukur konsep kendiri serta mengenalpasti hubungan berdasarkan domain konsep kendiri multidimensi terhadap motivasi bekerja dalam kalangan guru baharu yang di lantik di Daerah Pekan. Guru baharu yang terlibat sebagai responden dengan jumlah sample kajian seramai 74 orang. Kajian ini dilaksanakan secara kauntitatif, menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik Konsep Kendiri Multidimensi (SKKM) serta kaedah temubual. Hasil dapatan kajian deskriptif secara keseluruhan menunjukkan bahawa skala yang paling domain pada aspek kendiri fizikal dengan keluarga ($n=.900$) berada pada tahap sangat tinggi manakala aspek kemampuan pada tahap tinggi dan tahap sederhana aspek perasaan. Hasil analisis menggunakan Pearson Correlation mendapati terdapat hubungan positif yang kuat antara aspek keluarga, kemampuan dan perasaan terhadap kerjaya guru yang di perolehi sekaligus dapat meningkatkan motivasi bekerja dalam diri guru baharu sebagai pendidik.

Kata Kunci: Konsep Kendiri Multidimensi, guru baharu, motivasi bekerja.

Pengenalan

Rezeki merupakan rahmat Allah yang paling agung. Menurut (Azlan Saiful, 2022) menjelaskan bahawa rezeki, jodoh dan kematian sudah ditakdirkan oleh Allah SWT, dan akan tetap menjadi rahsia-Nya. Oleh sebab itu, sebagai manusia kita wajib berusaha untuk mendapatkan rezeki tersebut. Selain itu, ia semestinya diringi dengan doa yang sebaik-baiknya kepada Allah dan selebihnya kita serahkan pada takdir dan ketentuan Allah. Oleh yang demikian, seseorang yang diberikan rezeki bekerja sebagai seorang guru baharu perlu lebih bersyukur dengan bentuk rezeki yang di perolehi ini. Hal ini kerana kerjaya sebagai guru amat diminati oleh ramai orang. Akan tetapi kefahaman yang jelas perlu di ketahui sepertimana yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan guru Malaysia menyatakan bahawa *guru adalah yang berpekeriti mulia, berpandangan progresif dan sanitifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin.*

Dari sudut pandang yang berbeza kerjaya sebagai guru adalah merupakan satu profesion. Menurut (Amir Hasan, 2002) menyatakan kriteria yang perlu ada pelengkap kepada profesion keguruan antaranya perlu memiliki ilmu pengetahuan dan kepakaran dalam bidang yang khusus, mempunyai latihan khas, mempunyai kawalan kemasukan seperti memerlukan lesen khusus untuk mengamal, mempunyai kebebasan untuk mengamal, mempunyai autonomi untuk membuat keputusan. Berdasarkan Kod Etika Keguruan Malaysia telah mengariskan ikrar guru dan tanggungjawab terhadap pelajar, ibubapa, masyarakat dan negara, rakan sejawat dan profesion perguruan. Antaranya mereka sepatutnya bersikap adil, peramah, tegas, dedikasi, toleransi, peka, inovatif dan sebagainya. Guru juga perlu mempunyai akauntabiliti terhadap perlakuan dirinya, ilmu pengetahuan, kemahiran -kemahiran, pelajar, ibubapa dan bidang Pendidikan negara.

Telah terbukti bahawa sebagai guru baharu perlu mendalami keperluan konsep sendiri serta keperluan keperibadian yang jelas bagi mendokong tugas yang diamanahkan. Hal ini kerana cabaran menjadi guru amatlah jelas, Namun sebagai penjawat awam yang bersetuju dengan lantikan sebagai guru perlu melihat konsep sendiri dengan lebih baik. Ini kerana sudah pasti dapat membantu motivasi bekerja yang lebih berdisiplin. Sepertimana yang di buktikan dalam konsep sendiri multidimensi bahawa dalam membina keyakinan dan kekuatan diri seseorang perlu melihat imej diri. Menurut (Habidah Asanah, 2019) konsep sendiri boleh didefinisikan sebagai penilaian seseorang ke atas dirinya sendiri

atau bagaimana ia menganggap tentang dirinya sendiri samada secara positif atau negatif. Dalam konteks pendidikan, pembentukan konsep kendiri penting di samping penguasaan dalam bidang ilmu, pengetahuan dan kemahiran dapat dikuasai dengan baik.

Dari sudut yang lain, konsep kendiri ialah persepsi individu terhadap nilai dirinya. Konsep kendiri adalah istilah yang diperkenalkan oleh barat dan dianggap sebagai pusat konsep utama dalam ilmu psikologi. Ini kerana melaluinya seseorang itu boleh memahami tingkah laku manusia yang menjadi matlamat utama dalam ilmu psikologi. Menurut (Aziz Shah, 2014) menjelaskan perihal tentang konsep kendiri adalah tunjang pembentukan dan perkembangan personaliti seseorang. Memahami konsep kendiri seseorang akan memahamkan kita mengenai pelbagai perkara tentang seseorang seperti personaliti, pemikiran, perlakuan dan ramalan masa depannya.

Perkaitan dengan kajian yang di jalankan iaitu konsep kendiri multidimensi terhadap motivasi bekerja adalah sesuatu yang wajar di ketika ini. Hal ini kerana lantikan guru baharu adalah daripada pelbagai keadaan, ada yang bidang perguruan tetapi telah lama menganggur dan masih menunggu untuk bekerja dan ada juga bukan siswazah Pendidikan tetapi telah berjaya ditemuduga dan di lantika sebagai guru. Keadaan ini amat jelas bahawa dengan melihat konsep kendiri guru baharu dengan lebih mendalam melalui tahap domain yang paling tinggi dapat membantu pembentukan karekter seseorang itu untuk menjadi guru yang cemerlang dan berdedikasi selaras dengan hasrat Kementerian melahirkan guru sebagai pengajar, guru sebagai perancang, guru sebagai pelaksana, guru sebagai penilai, guru sebagai pembimbing dan guru sebagai agen perubahan.

Tidak boleh di sangkal lagi, kerjaya sebagai guru merupakan amanah Allah yang perlu dilaksanakan dengan sebaiknya. Oleh yang demikian dapat dilihat bahawa perkaitan antara kerjaya guru serta konsep kendiri amatlah perlu di lihat dari sudut yang positif dan bermakna. Menurut sumber berita pada 17 Februari 2024 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam satu kenyataan memaklumkan seramai 18,792 orang guru baharu telah dilantik sepanjang 2023-2024. Oleh yang demikian seramai 9,155 orang guru ditempatkan di sekolah rendah manakala 9,637 ditempatkan di sekolah menengah. Bertepatan dengan situasi, satu kajian tinjauan akan dilaksanakan bagi mengkaji dan meninjau tahap dan sejauhmana konsep kendiri dalam kalangan guru baharu yang telah dilantik mengadaptasi perkembangan dan persekitaran mereka dengan cabaran kerjaya yang akan dilalui.

Melalui rujukan buku penulisan (Azizi yahya, 2005) menurut (Rogers, 1951) yang mengemukakan konsep sendiri terdiri daripada gabungan antara penilaian sendiri dan penilaian orang lain dengan penilaiannya terhadap persepsi orang lain kepada dirinya. Misalnya jika seseorang itu mempunyai konsep sendiri bahawa dirinya seorang yang baik, dia akan peroleh layanan dan perhatian seperti yang diberikan kepada orang baik. Begitulah besarnya peranan pendidik yang bernama guru. Seorang guru perlu mempunyai pemikiran, emosi serta tingkahlaku yang baik dalam usaha mendidik serta memberikan ilmu kepada murid. Pendapat (Yenti Arsini1, 2023) menyatakan guru merupakan fasilitator utama di sekolah yang fungsinya meneroka, mengembangkan dan mengoptimumkan potensi diri agar menjadi sebahagian daripada masyarakat yang bertamadun. Sanjaya (2012:15) guru adalah orang yang berhadapan langsung dengan murid, dengan sistem pembelajaran guru dapat bertindak sebagai perencana, perancang pembelajaran sebagai pelaksana atau sebaliknya. Peranan guru tidak hanya terbatas sebagai guru (penyampai ilmu), tetapi juga sebagai pembimbing, pengembang dan pengelola kegiatan pembelajaran yang dapat memudahkan kegiatan pembelajaran murid dalam mencapai tujuan yang telah ditetapkan.

Berdasarkan pendekatan model multidimensi yang dipelopri oleh Bracken yang menyatakan konsep sendiri setiap individu adalah membangun bersama persekitaran sebenar mereka yang pelbagai dan unik. Justeru itu, Bracken mengklasifikasikan enam (6) domain konsep sendiri berdasarkan persekitaran utama yang spesifik, iaitu; sosial, kemampuan, perasaan, akademik, keluarga, dan fizikal. Setiap individu dikatakan mempunyai peranan berbeza sebagai agen yang pasif atau negatif dalam domain ini dan mempengaruhi konsep sendiri dengan tahap yang berbeza bagi setiap domain.

Justeru itu dalam kajian tinjauan yang akan dijalankan ini mengfokuskan tahap konsep sendiri mutlidimensi terhadap motivasi bekerja dalam kalangan guru baharu dengan tujuan untuk melihat tahap perkembangan serta persekitaran yang dapat membantu guru baharu dalam kehidupan serta kerjaya mereka. Kesimpulannya, konsep sendiri merupakan penilaian, persepsi atau tanggapan awal individu terhadap diri sendiri sebagai proses pembelajaran yang meliputi kepercayaan, sikap, nilai dan perasaannya. Penilaian, persepsi atau tanggapan terhadap diri yang diperoleh daripada pengalaman yang dilalui dan alam sekeliling boleh berlaku dalam bentuk positif mahupun negatif. Ini kerana apabila pembentukan awal di kesan ianya dapat membantu motivasi bekerja dalam kalangan guru baharu. Yang mana, kita faham bahawa guru baharu masih memerlukan latihan dan kemahiran serta khusus dalam bidang professional sebaik yang mungkin. Jika di lihat dunia pendidikan era digital pada hari ini, jelas memerlukan guru yang tinggi tahap konsep sendiri multidimensi agar dapat

membantu membina kesedaran diri lebih awal dan mempunyai resilience atau daya tahan dalam melaksanakan tugas. Dalam usaha melahirkan keperibadian guru yang unggul dengan menjaga nama baik guru, sekolah dan organisasi, memelihara imej profesion juga jadikan kerjaya guru dapat di perhebatkan seiring dengan Pembangunan dan modenisasi dalam Pendidikan juga seiring dengan Pelan Pembangunan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dalam anjakan ke-4 memrtabatkan kerjaya guru dengan mentranformasi profesion keguruan menjadi profesion pilihan dapat di realisasikan dan tercapai.

Pernyataan Masalah

Menurut (Amir Hasan,2002) dalam buku Penteorian Sosiologi dan Pendidikan menyatakan persaingan dan ketidaksamaan semakin menjurang antara negara-negara maju yang dengan negara membangun dan miskin. Negeri miskin berusaha membangunkan ekonominya. Manakala negara maju ingin mengamalkan dasar-dasar globalisasi. Sebagai contoh perbandingan, dalam masa Pendidikan kita sibuk menyediakan guna tenaga untuk menjadi sebuah negara maju, sedangkan negara maju telah membuat persiapan untuk menduduki langit iaitu menakluki angkasa lepas.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan kenyataan jelas menunjukkan ianya benar terjadi, kini tahun pada awal 2023 antara cabaran pendigitalan Pendidikan negara telah melahirkan teknologi kecerdasan buatan (AI) yang digambarkan sebagai teknologi paling transformatif pada abad ke-21 yang mana ianya sedang membentuk semula setiap industri dan bidang aktiviti manusia termasuk industri pendidik. Sebagai contoh, di dalam bilik darjah, AI berupaya membentuk pembantu maya yang boleh membantu golongan pendidik dan pelajar-pelajar mengurus masa serta menyiapkan tugas dengan cekap. Menariknya, teknologi AI dapat menyediakan sistem pembelajaran diselaraskan dengan keperluan dan kemampuan individu termasuk cara penyampaian, isi kandungan, bahan pembelajaran serta pentaksiran. Akan tetapi pendidikan di Malaysia masih memberikan penekanan kepada Pendidikan sains teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) untuk memastikan kemenjadian murid.

Menurut (Hew Lai Peng, 2023) dalam usaha mencapai aspirasi berkenaan, pihak kerajaan telah menyediakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 berserta garis panduan pembangunan yang lengkap bagi mencapai transformasi sistem pendidikan yang pesat menjelang tahun 2025. Kualiti kepimpinan seseorang guru besar, kualiti guru dan keberhasilan serta kemenjadian murid merupakan aspek-aspek yang terkandung dalam PPPM. Untuk itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu membentuk

golongan pemimpin serta guru yang berkemampuan agar dapat menghasilkan murid berkemahiran tinggi. Usaha ini penting agar pelapis muda Malaysia mampu berdaya saing di peringkat global. Menurut Siti Azaha dan Bity Salwana (2022), KPM berusaha dalam meningkatkan kecemerlangan sekolah dengan memperuntukkan pemimpin dan guru yang cekap agar membangunkan modal insan yang berketerampilan, jati diri yang jitu, berkeperibadian mulia, berkemahiran tinggi dan berpengetahuan bagi mengisi keperluan negara maju. Justeru itu, seorang pemimpin yang berketerampilan perlu di tempatkan di setiap sekolah.

Antara cabaran yang jelas dilihat iaitu kesanggupan dan keyakinan guru baharu dalam melaksanakan tugas dan amanah yang di berikan. Sedia maklum bahawa melalui kenyataan media Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 14 Februari 2024. Pengambilan seramai 6315 orang graduan bukan pendidikan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 secara Contract of Service (COS). Sepanjang tahun 2023, seramai 18,792 orang guru baharu telah dilantik. Seramai 9,155 orang guru telah ditempatkan di sekolah rendah manakala seramai 9,637 orang guru di sekolah menengah. Lonjakan penambahan bilangan guru ini adalah komitmen besar Kerajaan Madani dalam memperkukuh agenda reformasi pendidikan dan memartabatkan kualiti pendidikan negara.

Jika dikaji semula (PPPM) 2013-2025 dalam anjakan (4) empat jelas menampakkan usaha kerajaan melahirkan guru yang berkualiti dengan mengetatkan syarat kemasukkan guru mulai tahun 2013. Antaranya latihan perguruan di universiti awam dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), disamping perlu menduduki ujian kompetensi perguruan melalui Inventori Pemilihan Pendidik Malaysia atau *Malaysian Educators Selesction Inventori* (MEDSI) bagi kemasukkan ke Universiti Awam dan Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG), manakala bagi calon yang lulus melalui temuduga untuk memasuki program latihan perguruan. Seterusnya, melalui program Pembangunan Profesionalisme Berterusan atau *Continuous Professional Development* (CPD) mulai tahun 2013, para guru diberi sokongan untuk mencapai potensi diri sepenuhnya. KPM juga telah melaksanakan laluan kerjaya guru berasaskan kompetensi dan prestasi mulai 2016 bagi meningkatkan laluan kerjaya guru bagi memotivasikan mereka untuk terus komited dalam mendidik murid. Selain itu, Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPP) atau *Unifield Instrument* (UI) telah digunakan sebagai instrument penilaian prestasi bagi tujuan kemajuan kerjaya guru.

Pada masa yang sama, Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) juga sebelum ini telah memohon KPM menawarkan semula jawatan guru sandaran bagi menampung isu kekurangan guru termasuk di Sabah

dan Sarawak. Berdasarkan kajian kesatuan itu, faktor kekurangan guru antaranya berpunca pertambahan sekolah baharu, murid dan kelas selain persaraan awal serta wajib termasuk faktor kesihatan guru. Oleh yang demikian, jelas bahawa ruang dan peluang dalam pekerjaan diberikan kepada guru baharu, namun apa yang menjadi permasalahan adakah personaliti serta keupayaan guru baharu yang dilantik dilihat secara hoslistik. Justeru itu adalah bertepatan dengan situasi dan juga kajian ini di jalankan adalah untuk melihat sejauhmana patent atau bentuk konsep kendiri multidimensi dalam kalangan guru baharu. Ini adalah kerana guru baharu perlu mempunyai kefungsiannya diri yang lebih baik yang mampu memberikan impak kepada keseluruhan samada kepada murid serta organisasi di sekolah.

Menurut (Farah Wazera, 2021) konsep kendiri juga boleh dianalogikan sebagai satu sistem, operasi yang menjalankan komputer mental di mana dapat mempengaruhi kemampuan berfikir dan sebenarnya mempengaruhi sebanyak 88% dalam tahap kesedaran seseorang. Konsep kendiri boleh dibahagikan kepada dua iaitu yang positif dan negatif. Konsep kendiri negatif sentiasa merasakan diri mereka lemah, tidak dapat membuat apa-apa, kurang kompeten dan kehilangan daya tarikan dalam hidup. Manakala, individu dengan konsep kendiri yang positif sebenarnya lebih menghargai diri mereka dan sentiasa beranggapan positif.

Dengan permasalahan yang di nyatakan di atas jelas menunjukkan bahawa pengkaji dapat merasakan bahawa apabila guru yang dilantik dan melalui proses laluan kerjaya sebagai guru yang betul dengan guru yang dilantik yang tidak melalui proses tersebut dapat dirumuskan bahawa profesion keguruan akan menampakan kelemahan tersendiri. Namun melalui kajian konsep kendiri mutlidimensi guru baharu pada asasnya dapat membantu guru tersebut secara personal. Ini kerana konsep kendiri yang jelas dalam kalangan guru baharu mampu memberikan kesedaran awal serta dapat mempertingkatkan motivasi dalam bekerja. Konsep kendiri lahir melalui sistem sokongan serta motivasi dalaman dalam diri seseorang. Apabila seseorang guru menunjukkan minat, kesungguhan, ketekunan serta motivasi yang cemerlang sudah pasti kerjaya guru dapat direalisasikan dengan baik.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap konsep kendiri multidimensi guru baharu terhadap motivasi bekerja serta hubungan konsep kendiri dan secara khusus sepertimana objektif yang dinyatakan.

Objektif Kajian

Terdapat empat (4) objektif khusus dalam kajian ini iaitu;

1. Untuk mengukut tahap konsep sendiri guru baharu Daerah Pekan.
2. Untuk melihat hubungan konsep sendiri guru berdasarkan enam domain konsep sendiri iaitu sosial, kemampuan, perasaan, akademik, keluarga, dan fizikal terhadap motivasi bekerja.
3. Untuk mengenalpasti pengaruh konsep sendiri guru berdasarkan enam domain konsep sendiri iaitu sosial, kemampuan, perasaan, akademik, keluarga, dan fizikal terhadap motivasi bekerja.

Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah:

1. Apakah tahap konsep sendiri guru baharu Daerah Pekan?
2. Apakah hubungan konsep sendiri guru berdasarkan enam domain konsep sendiri iaitu sosial, kemampuan, perasaan, akademik, keluarga, dan fizikal terhadap motivasi bekerja?
3. Apakah pengaruh konsep sendiri guru berdasarkan enam domain konsep sendiri iaitu sosial, kemampuan, perasaan, akademik, keluarga, dan fizikal terhadap motivasi bekerja?

Hipotesis Kajian

Ha¹ : Terdapat hubungan yang signifikan terhadap konsep sendiri guru berdasarkan enam domain konsep sendiri iaitu sosial, kemampuan, perasaan, akademik, keluarga, dan fizikal terhadap motivasi bekerja.

Ha² : Terdapat pengaruh yang signifikan terhadap konsep sendiri guru berdasarkan enam domain konsep sendiri iaitu sosial, kemampuan, perasaan, akademik, keluarga, dan fizikal terhadap motivasi bekerja.

Tinjauan Literatur

Berdasarkan kajian tinjauan ini dijalankan untuk mengetahui tahap amalan kepimpinan multidimensi guru besar serta hubungannya dengan kepuasan kerja dalam kalangan 132 guru dari lima sekolah rendah zon bandar dalam daerah Tampin, Negeri Sembilan. Soal selidik yang diadaptasi daripada *Leadership Orientation* (LO) digunakan bagi meneroka amalan kepimpinan multidimensi guru besar manakala soal selidik yang diadaptasi daripada *Job Satisfaction* ERG Alderfer (JSERGA) digunakan untuk mengukur kepuasan kerja guru.

Dapatan menunjukkan tahap amalan kepimpinan multidimensi yang tertinggi menurut persepsi guru adalah kepimpinan struktural, diikuti dengan kepimpinan simbolik, kepimpinan sumber manusia dan kepimpinan politik. Dapatan bagi tahap kepuasan kerja guru pula menunjukkan keperluan pertumbuhan adalah yang paling tinggi diikuti oleh keperluan perhubungan dan keperluan keberadaan. Dapatan juga menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana yang signifikan antara kepimpinan multidimensi guru besar dan kepuasan kerja guru. Implikasi kajian ialah guru besar memerlukan pendedahan kepada amalan kepimpinan multidimensi agar wujudnya keseimbangan dalam memimpin untuk membantu mereka membuat keputusan yang tepat berdasarkan situasi, seterusnya memberi kesan terhadap kepuasan kerja yang akan memberi impak yang positif terhadap kecemerlangan sekolah.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap amalan kepimpinan multidimensi guru besar dan tahap komitmen guru serta menentukan hubungan antara kepimpinan multidimensi dengan tahap komitmen guru sekolah rendah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Reka bentuk kajian adalah tinjauan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Instrumen soal selidik digunakan dalam kajian dan ditadbirkan secara atas talian melalui aplikasi google form. Seramai 370 orang guru daripada 8644 orang guru yang sedang berkhidmat di sekolah rendah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dilibatkan dalam kajian. Seterusnya, data yang diperolehi dari soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 23.0. Hasil analisis kajian menunjukkan tahap amalan kepimpinan multidimensi guru besar dan tahap komitmen guru berada pada tahap tinggi. Dapatan kajian ini juga menunjukkan wujud hubungan secara signifikan antara kepimpinan multidimensi guru besar dengan komitmen guru. Ini bermakna amalan kepimpinan multidimensi yang diamalkan oleh guru besar secara langsung berupaya meningkatkan komitmen guru-guru. Umumnya, kajian ini amat berguna kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Institut Aminuddin Baki kerana ia boleh dijadikan sebagai panduan dalam merangka dasar, strategi dan latihan kepimpinan kepada guru besar agar dapat meningkatkan komitmen guru di bawah kendalian mereka.

Menurut Puvaneswary dan Muhammad (2022) yang menjalankan kajian mengenai komitmen guru dari 4 buah sekolah rendah Ts25 di daerah Muar mendapati komitmen guru berada pada tahap yang tinggi. Dimensi komitmen afektif mencatatkan skor min yang paling tinggi, diikuti dimensi komitmen normatif dan dimensi komitmen berterusan. Daripada kajian ini, jelas menunjukkan bahawa komitmen guru-guru dari keempat-empat buah sekolah rendah Ts25 adalah baik dan tinggi di mana guru-guru berkomited secara penuh

terhadap sekolah masing-masing. Hasil kajian ini juga sama dengan hasil kajian Amutha Anathuril dan Ramli (2019) yang menunjukkan guru di sekolah rendah dalam zon Kajang adalah tinggi. Daripada kajian ini mendapati guru-guru sangat berkomited dan mempunyai motivasi yang tinggi terhadap sekolah mereka.

Dalam kajian Selamat et al. (2013) yang melibatkan guru-guru dari 340 buah sekolah di Malaysia dan ianya mendapati komitmen guru merupakan faktor utama dalam mencapai kejayaan sekolah. Kajian ini juga menjelaskan bahawa guru yang memiliki komitmen tinggi sering memberi sumbangan yang besar terhadap keberkesanan sekolah kerana mereka sanggup bekerja tanpa paksaan. Komitmen afektif guru didapati tinggi kerana majoriti guru yang ditinjau menyatakan keinginan untuk terus berkhidmat di sekolah masing-masing dan tidak berniat untuk berpindah ke sekolah lain.

Menurut Abdul Rasid, (2021) faktor psikologi seperti konsep sendiri dilihat masih lagi kurang ditekankan sebagai aspek penting dalam menentukan pencapaian akademik. Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat pengaruh konsep sendiri terhadap pencapaian akademik pelajar Institusi Pengajian Tinggi. Kajian berbentuk tinjauan ini menggunakan kaedah persampelan rawak mudah yang melibatkan subjek kajian yang terdiri daripada 160 orang pelajar ($n=160$). Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menghuraikan tahap pencapaian akademik dan tahap konsep sendiri subjek dalam bentuk peratus serta kekerapan. Manakala, analisis regresi digunakan bagi melihat pengaruh factor faktor konsep sendiri terhadap pencapaian akademik. Dapatan kajian dapat dirumuskan seperti berikut; (i) majoriti subjek mempunyai pencapaian akademik pada tahap kepujian (51.9%) (ii) majoriti subjek mempunyai tahap konsep sendiri yang sederhana (61.3%); dan (iii) faktor konsep sendiri yang membawa perubahan kepada pencapaian akademik iaitu peratusan yang paling tinggi menyumbang kepada pencapaian akademik adalah gagasan konsep sendiri personal atau peribadi iaitu sebanyak 17.1 peratus. Justeru, kajian ini berjaya membuktikan bahawa konsep sendiri mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar dan terdapat faktor-faktor konsep sendiri yang menyumbang kepada pencapaian akademik.

Menurut (Rosyida,2021) Peningkatan motivasi guru di tempat kerja adalah satu keperluan dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan. Guru merupakan faktor utama agar sekiranya guru mempunyai motivasi yang tinggi mereka mampu menjadi guru yang setia, inovatif dan produktif. Penyelidikan ini bertujuan untuk memberi kefahaman tentang motivasi guru dalam bekerja dari perspektif Islam. Pendekatan kajian kualitatif digunakan dalam penyelidikan ini untuk memahami pandangan responden. Teknik pengumpulan data melalui temu bual. Responden dalam kajian ini adalah seramai 35 orang guru yang tersebar

di seluruh pulau Jawa. Hasil kajian menunjukkan motivasi guru dalam bekerja dari perspektif Islam adalah kerohanian Islam meliputi keimanan, ketakwaan, dan Ihsan serta ganjaran/ganjaran dan hukuman. Kajian ini jelas mendedahkan bahawa motivasi dari perspektif Islam adalah berbeza dengan motivasi dari perspektif barat.

Kaedah/Metodologi

Rekabentuk Kajian

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif dan inferensi. Dalam kajian ini terdapat dua (2) hipotesis kajian dan tiga (3) persoalan kajian yang dibina berdasarkan objektif kajian. Kajian yang dijalankan berbentuk kuantitatif dengan menggunakan soal selidik dan juga kaedah temubual.

Populasi Kajian

Pemilihan tempat kajian adalah berdasarkan kepada penempatan guru baharu Daerah Pekan yang baru melapor diri di sekolah rendah dan menengah di sekolah-sekolah Daerah Pekan (Sumber Data daripada Sektor Pengurusan Sekolah)

Responden Kajian

Pengkaji memilih responden dalam kalangan guru baharu yang baru dilantik bagi sesi 2023-2024. Lantikan graduan siswazah Pendidikan graduan bukan pendidikan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 secara *Contract of Service* (COS)

Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah daripada Skala Konsep Kendiri Multidimensi (SKKM) oleh Bracken, B. A. 1992. diterjemahkan oleh Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip (2010) yang terdiri daripada 150 item yang menilai 6 subskala konsep kendiri; konsep kendiri sosial, konsep kendiri keupayaan, konsep kendiri afektif, konsep kendiri keluarga, konsep kendiri fizikal dan konsep kendiri akademik. Dapatan analisis kesahan kandungan dan kebolehpercayaan soal selidik dibuktikan kebolehpercayaan alat kajian diukur melalui kaedah *Cronbach Alpha* koefisien nilai kebolehpercayaan alpha ialah .875. Nilai Kebolehpercayaan Skala dan Sub-skala Skala Konsep Kendiri Multidimensi (SKKM) Keseluruhan (150) .757 adalah sederhana tinggi dan nilai-nilai kebolehpercayaan sub skala SKKM juga menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang mencukupi iaitu nilai $\alpha = 0.965$ sehingga nilai $\alpha = 0.974$. Sosial nilai $\alpha = .7.93$ (25) Kemampuan nilai

$\alpha = .770$ (25), Perasaan nilai $\alpha = .744$ (25), skala Keluarga nilai $\alpha = .680$ (25) Fizikal nilai $\alpha = .791$ (25), Akademik nilai $\alpha = .762$ (25). Ini membuktikan bahawa nilai kebolehpercayaan soal selidik SKKM adalah di tahap memuaskan untuk mengukur sub skala konsep sendiri yang dimaksudkan.

Kajian ini adalah berbentuk tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif. Soal selidik digunakan untuk mengenal pasti tahap konsep sendiri multidimensi guru Baharu Daerah Pekan. Instrumen yang digunakan dalam kajian adalah terdiri daripada satu set soal selidik yang mengandungi bahagian demografi dan juga item soal selidik multidimensi dari sudut sosial, kemampuan, perasaan, akademik, keluarga dan fizikal yang diadaptasi dan diubah suai daripada kajian Mohammad Aziz et al (2014). Setiap item yang dibina diikuti dengan lima pilihan jawapan menggunakan skala Likert seperti jadual di bawah:

Jadual 1: Skala Likert 5 Mata

Kod Skala	Skala
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Setuju
4	Sangat Setuju

Seramai 70 guru baharu telah dipilih sebagai responden kajian. Soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 27. Analisis yang digunakan ialah Ujian Korelasi Pearson. Jadual 3 menunjukkan nilai julat bagi kekuatan hubungan yang diadaptasi dari Cohen (1988).

Jadual 2: Nilai julat bagi kekuatan hubungan

Skor Min	Interpretasi
0.00	Tiada Hubungan
<0.19	Sangat Lemah
0.20-0.39	Lemah
0.40-0.69	Sederhana
0.70-0.89	Tinggi
>0.90	Sangat Tinggi

Asas Teoritikal Pembinaan SKMM

Menurut Aziz Shah, (2014) menjelaskan dalam Analisis Statistik Kesahan dan Kebolehpercayaan kajiannya berkaitan dengan Model Konsep Kendiri Multidimensi (MKKM) yang dipelapori oleh Bracken (1996) menyatakan konsep kendiri perlu dinilai secara domain-domain (multidimensi) yang mana terdapat enam domain utama individu dalam persekitaran, iaitu; sosial, kecekapan, perasaan, akademik, keluarga dan fizikal. Walaupun begitu, keenam-enam domain ini tidaklah dianggap berasingan secara mutlak kerana dalam Skala Konsep Kendiri Multidimensi (SKMM) keadaan tertentu ia akan bertindan dengan domain yang lain. Seperti Rajah 1, Model Konsep Kendiri Mutidimensi Bracken (1992), iaitu;

i) Konsep Kendiri Sosial

Berdasarkan konteks sosial, setiap individu berinteraksi secara meluas dalam pelbagai perspektif sosial. Setiap individu yang terlibat dalam interaksi seperti ibu bapa, ahli keluarga, jiran tetangga, rakan sebaya, guru di sekolah dan sebagai mempengaruhi konsep kendiri sosial seseorang.

ii) Konsep Kendiri Kemampuan

Konsep kendiri kemampuan adalah persepsi seseorang terhadap keupayaannya. Sepanjang proses pembesaran setiap individu akan menemui kejayaan atau kegagalan dalam kehidupannya. Berdasarkan kejayaan atau kegagalan yang dicapai pada peringkat tersebut. Akhirnya individu menilai diri mereka dan membuat generalisasi mengenai kemampuan mereka dalam pelbagai persekitaran.

iii) Konsep Kendiri Perasaan

Konsep kendiri perasaan adalah tindakan reaksi atau emosi yang diberikan oleh seseorang berdasarkan penilaian masyarakat terhadap perlakuan atau tindakan dalam sesuatu situasi (Bracken, 1996). Secara prosesnya, ia terbentuk kesan daripada pelbagai situasi dalam kehidupan seharian seseorang yang sama seperti konteks sosial. Apabila seseorang kanak-kanak akan diberi pujian kerana berjaya dalam sesuatu aktiviti, ia akan menimbulkan perasaan atau reaksi yang positif.

iv) Konsep Kendiri Akademik

Mengikut Bracken (1996), dalam persekitaran akademik, seseorang akan menilai bagaimana seseorang yang lain menilai mereka berkenaan prestasi akademik mereka di dalam pelbagai subjek akademik. Pada masa yang sama juga mereka dinilai dan dihakimi oleh rakan sebaya dan para guru berdasarkan prestasi mereka dalam aspek berkaitan akademik.

v) Konsep Kendiri Keluarga

Persekitaran keluarga dalam konteks konsep kendiri keluarga bermaksud pandangan atau kepercayaan seseorang terhadap dirinya oleh sebagai ahli keluarga dalam sebuah keluarga. Kepercayaan ini termasuk perhubungan dan pergantungan sama ada positif atau negatif dalam perkara seperti mendapatkan perhatian, perlindungan, tunjuk ajar, asuhan.

vi) Konsep Kendiri Fizikal

Bracken (1996) menjelaskan konsep kendiri fizikal adalah reaksi individu di sekeliling berdasarkan keadaan fizikalnya, serta perbandingan yang dilakukan oleh seseorang itu dengan individu yang lain. Hasil perbandingan ini akan timbul perasaan positif atau negatif mengenai fizikal dirinya akan menyumbang kepada pembentukan konsep kendiri fizikal.

Dapatan Kajian

Persoalan 1: Apakah tahap konsep kendiri multidimensi guru Baharu Daerah Pekan?

a) Sosial

Dapatan konsep kendiri multidimensi bagi aspek sosial diperincikan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Taburan Maklumbalas Responden Mengikut Frekuensi Min Dan Sisihan Piawai Bagi Konsep Kendiri Multidimensi Bagi Aspek Sosial

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=70)						
		STS 1	TS 2	S 3	SS 4	Min	SP	Tahap
S1	Biasanya saya seorang yang ceria untuk didampingi	-	2	43	5	3.33	.531	2
S2	Orang lain kelihatan tidak berminat bercakap dengan saya	22	41	7	-	1.79	.611	2
S3	Saya seorang yang sangat pemalu	13	36	20	1	2.13	.721	3
S4	Kebanyakan orang sukakan saya	3	4	50	13	3.04	.647	3

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=70)						
		STS 1	TS 2	S 3	SS 4	Min	SP	Tahap
S5	Orang lain mengelakkan diri mereka daripada saya	26	43	1	-	1.64	.512	2
S6	Ramai orang menjadikan saya bahan ketawa	30	38	2	-	1.60	.549	2
S7	Saya tidak diterima oleh orang yang mengenali saya	2	10	51	7	1.59	.525	2
S8	Kebanyakan orang berpendapat saya seorang yang menarik	2	10	51	7	2.90	.593	3
S9	Orang lain seronok bersama dengan saya	-	4	52	14	3.14	.490	2
S10	Pada kebanyakan masa saya rasa diri saya tidak dipedulikan	20	44	6	-	1.80	.580	2
S11	Saya rasa rakan yang berlainan jantina tertarik dengan saya	14	34	20	2	2.14	.767	3
S12	Tiada seorang pun yang ketawa apabila saya berjenaka	20	50	-	-	1.71	.455	1
S13	Kebanyakan orang menghargai diri saya dengan seadanya	-	3	40	27	3.34	.562	2
S14	Saya selalu berasa seperti diketepikan dalam banyak perkara	22	42	6	-	1.77	.594	2
S15	Orang lain bercakap perkara tidak benar tentang saya	20	43	5	7	1.84	.673	3
S16	Saya mempunyai ramai kawan	-	9	40	21	3.17	.636	2

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=70)						
		STS 1	TS 2	S 3	SS 4	Min	SP	Tahap
S17	Saya menghabiskan masa yang banyak dengan merasa kesepian	25	38	5	2	1.77	.705	3
S18	Saya tidak pasti bagaimana untuk berkelakuan apabila bersama seseorang yang tidak saya kenali	16	37	15	2	2.04	.751	3
S19	Orang lain memberitahu rahsia mereka kepada saya	5	11	47	7	2.80	.714	3
S20	Orang lain mencari kesalahan saya	18	45	6	1	1.86	.621	3
S21	Orang lain kelihatan tidak memberi perhatian kepada saya	18	47	5	-	1.81	.546	2
S22	Saya mendapat banyak panggilan telefon daripada kawan-kawan	3	27	30	10	2.67	.775	3
S23	Ramai orang memandang rendah terhadap saya	20	46	3	1	1.79	.587	3
S24	Saya membiarkan orang lain membuli saya keterlaluan	36	34	-	-	1.49	.503	1
S25	Orang lain perlu mengenali diri saya sebelum mereka menyukai saya	2	11	38	19	3.06	.740	3

Sumber: Data Lapangan

Dapatan kajian daripada Jadual 1 di atas menunjukkan skor min tertinggi adalah dengan nilai min 3.33 iaitu bagi item ‘biasanya saya seorang yang ceria untuk didampingi’. Skor min terendah adalah pada item ‘saya membiarkan orang lain membuli saya keterlaluan dengan nilai min 1.49. Kebanyakan item berada pada tahap sederhana. Konsep kendiri multidimensi dalam aspek sosial keseluruhannya berada pada tahap tinggi iaitu 3.33 (SP=0.531). Dapatan ini menunjukkan masih terdapat sebilangan pelajar yang memiliki konsep kendiri sosial yang sosial yang sederhana.

b) Kemampuan

Dapatan konsep kendiri multidimensi bagi aspek kemampuan diperincikan dalam Jadual 2 dibawah:

Jadual 2: Taburan Maklumbalas Responden Mengikut Frekuensi Min Dan Sisihan Piawai Bagi Konsep Kendiri Multidimensi Bagi Aspek Kemampuan

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=70)						Tahap
		STS 1	TS 2	S 3	SS 4	Min	SP	
M1	Saya seorang yang jujur	-	2	48	20	3.26	.502	2
M2	Terlalu kerap kali saya tersalah cakap sesuatu perkara	12	42	15	1	2.07	.666	3
M3	Saya seorang yang terlalu malas	36	31	3	-	1.53	.583	2
M4	Saya seorang yang pandai membuat kelakar	2	20	40	8	2.77	.685	3
M5	Secara asasnya saya seorang yang lemah	22	38	8	2	1.86	.728	3
M6	Saya merasa kebanyakan orang menghormati diri saya	3	7	41	19	3.09	.737	3
M7	Saya tidak pandai meluahkan pendapat saya	14	36	18	2	2.11	.753	3

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=70)						Tahap
		STS 1	TS 2	S 3	SS 4	Min	SP	
M8	Saya seorang yang tegas apabila saya perlu berbuat begitu	-	3	41	26	3.33	.557	2
M9	Saya seorang yang bernasib tidak baik	-	8	40	22	1.73	.679	3
M10	Saya sangat berkeyakinan diri	26	39	3	2	3.20	.628	2
M11	Saya kelihatan tidak mempunyai kawalan terhadap kehidupan saya sendiri	-	8	40	22	1.70	.645	2
M12	Saya kerap kali menanggukkan membuat perkara yang penting sehingga ia sudah kesuntukan masa	28	35	7	-	1.91	.717	3
M13	Saya memberi alasan yang baik kepada orang lain untuk mereka mempercayai saya	20	37	12	1	2.70	.709	3
M14	Saya tidak sebaik seperti mana yang sepatutnya saya jadi	5	16	44	5	2.13	.760	3
M15	Saya tidak berdiam diri apabila saya perlu bertindak	13	38	16	3	3.24	.600	3
M16	Saya seorang yang berjaya dalam kebanyakan perkara	1	3	44	22	2.97	.589	3
M17	Saya mengendalikan hal peribadi saya dengan bertanggungjawab	1	10	49	10	3.46	.530	2
M18	Saya kurang berfikiran waras	-	1	36	33	1.49	.558	2

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=70)						Tahap
		STS 1	TS 2	S 3	SS 4	Min	SP	
M19	Saya selalu kelihatan dalam keadaan bermasalah	38	30	2	-	1.63	.569	2
M20	Saya boleh melakukan banyak perkara dengan baiknya	29	38	3	-	3.19	.621	3
M21	Saya bukan seorang yang sangat pandai	1	5	44	20	2.30	.823	3
M22	Saya seorang yang penakut dalam banyak perkara	13	26	28	3	1.93	.688	3
M23	Orang lain percaya bahawa saya akan membuat sesuatu bersendirian	18	40	11	1	2.40	.769	3
M24	Terlalu kerap kali saya membuat perkara yang bodoh tanpa berfikir	6	36	22	6	1.69	.649	2
M25	Saya membazirkan wang secara bodoh	29	34	7	-	3.26	.502	2

Sumber: Data Lapangan

Dapatan kajian berkaitan konsep kendiri multidimensi dalam aspek kemampuan dalam Jadual 2 diatas menunjukkan 7 item berada di tahap sederhana manakala selebihnya item di tahap sangat rendah dan rendah. Secara keseluruhannya, konsep kendiri multidimensi dalam aspek kemampuan berada pada tahap tinggi iaitu dengan nilai min 3.46 (SP=0.530). Data menunjukkan bahawa guru memiliki konsep kendiri multidimensi yang tahap tinggi bagi aspek kemampuan terutamanya dalam item ‘Saya mengendalikan hal peribadi saya dengan bertanggungjawab’ yang menunjukkan skor terendah iaitu nilai min 1.46. bagi aspek kemampuan adalah pada item “saya kurang berfikiran waras” Jadual 2 memperlihatkan secara keseluruhannya guru baharu memiliki konsep kendiri kemampuan yang sederhana. Kebanyakan guru-guru ini kurang berkeyakinan terhadap kemampuan diri sendiri. Sikap rendah diri yang wujud dalam diri sebilangan guru baharu perlu ditangani bagi memastikan guru baharu berjaya menonjolkan kebolehan masing-masing.

c) Perasaan

Dapatan konsep sendiri multidimensi bagi aspek perasaan diperincikan dalam Jadual 3 dibawah:

Jadual 3: Taburan Maklumbalas Responden Mengikut Frekuensi Min Dan Sisihan Piawai Bagi Konsep Kendiri Multidimensi Bagi Aspek Perasaan

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=70)						
		STS 1	TS 2	S 3	SS 4	Min	SP	Tahap
P1	Saya menikmati kehidupan saya	30	35	4	1	1.66	.657	3
P2	Saya berasa takut kepada banyak perkara	-	3	29	38	3.50	.584	2
P3	Terdapat banyak perkara yang ingin saya ubah tentang diri saya	17	37	13	3	2.03	.780	3
P4	Saya tidak mampu ketawa terhadap diri sendiri dengan begitu mudah	1	13	36	20	3.07	.729	3
P5	Saya bukan seorang yang gembira	7	42	17	4	2.26	.716	3
P6	Saya bangga dengan diri saya	28	37	4	1	1.69	.649	3
P7	Saya berasa saya seorang yang gagal	1	3	31	35	3.43	.650	3
P8	Kehidupan saya adalah mengecewakan	37	31	2	-	1.50	.558	2
P9	Saya gembira dengan diri saya seperti	40	27	2	1	1.49	.631	3
P10	Saya terlalu emosional	3	3	38	26	3.24	.731	3
P11	Saya mempunyai kawalan diri yang baik	21	39	10	-	1.84	.651	2

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=70)						Tahap
		STS 1	TS 2	S 3	SS 4	Min	SP	
P12	Saya selalu mengecewakan diri sendiri	-	5	40	25	3.29	.593	2
P13	Kehidupan saya tidak stabil	26	37	7	-	1.73	.635	2
P14	Saya mempunyai pandangan yang positif terhadap kehidupan	28	36	5	1	1.70	.667	3
P15	Saya kerap kali keliru mengenai perasaan saya	1	3	35	31	3.37	.641	3
P16	Kadang kala saya berasa tidak berharga	19	37	11	3	1.97	.780	3
P17	Saya selalu rasa malu terhadap perkara yang telah saya lakukan	21	39	8	2	1.87	.721	3
P18	Saya kerap kali berasa tidak berdaya	-	40	13	17	2.67	.847	2
P19	Saya berasa disayangi	20	38	12	-	1.89	.671	2
P20	Saya berharap saya boleh menjadi seseorang yang lain	1	1	43	25	3.31	.578	3
P21	Saya berasa tidak selamat	21	36	9	4	1.94	.814	3
P22	Saya seorang yang baik	27	40	2	1	1.67	.607	3
P23	Saya tidak segembira seperti yang saya tunjukkan	1	2	50	17	3.19	.546	3
P24	Saya biasanya sangat relaks	16	39	11	4	2.04	.788	3
P25	Ada masanya saya tidak suka kepada diri sendiri	3	11	40	16	2.99	.752	3

Sumber: Data Lapangan

Jadual 3 di atas menunjukkan taburan data guru baharu berkaitan dengan konsep sendiri multidimensi dalam aspek perasaan yang secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi iaitu 3.50 (SP=0.584). Skor min tertinggi adalah tinggi bagi item ‘saya berasa takut kepada banyak perkara’. Skor min terendah adalah 1.49 bagi item ‘saya gembira dengan diri saya sepertimana cara saya sekarang. 1 item berada pada tahap tinggi, 7 item pada tahap sangat rendah, manakala 6 item pada tahap rendah dan selebihnya berada pada tahap sederhana. Secara keeluruhannya guru baharu ini memiliki konsep sendiri perasaan yang baik namun masih terdapat sebilangan guru yang memiliki penilaian yang negatif terhadap perasaan sendiri yang perlu diberikan perhatian

d) Akademik

Dapatan konsep sendiri multidimensi bagi aspek akademik diperincikan dalam Jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Taburan Maklumbalas Responden Mengikut Frekuensi Min Dan Sisihan Piawai Bagi Konsep Kendiri Multidimensi Bagi Aspek Akademik

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=70)						Tahap
		STS 1	TS 2	S 3	SS 4	Min	SP	
A1	Rakan sekelas biasanya suka idea saya	25	30	12	3	1.90	.837	3
A2	Saya kerap kali berasa tidak bersedia untuk ke kelas	1	6	54	9	3.01	.525	3
A3	Saya pandai dalam matematik	30	34	6	-	1.66	.634	2
A4	Belajar adalah sukar bagi saya	3	19	40	8	2.76	.711	3
A5	Saya biasanya menjawab dengan baik dalam ujian	23	41	6	-	1.76	.600	2
A6	Saya berasa bangga dengan hasil tugasan saya	1	2	51	16	3.17	.538	3
A7	Saya menguasai dengan baik akademik berbanding kebanyakan rakan saya	2	4	46	18	3.14	.643	3

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=70)						
		STS 1	TS 2	S 3	SS 4	Min	SP	Tahap
A8	Saya menyelesaikan tugas dengan baik sebagaimana kebanyakan rakan saya	1	5	38	26	3.27	.658	3
A9	Saya tidak dapat berfikir dengan pantas	1	1	41	27	3.34	.587	3
A10	Saya berusaha lebih bersungguhsungguh berbanding kebanyakan rakan saya	18	36	16	-	1.97	.701	2
A11	Saya tidak faham mengenai banyak perkara yang saya baca	2	7	42	19	3.11	.692	3
A12	Saya dapat belajar dengan senang	14	50	6	-	1.89	.526	2
A13	Saya tidak pernah mempunyai idea yang baik	1	8	46	15	3.07	.621	3
A14	Pensyarah-pensyarah saya suka perlakuan saya di dalam kelas	23	43	4	-	1.73	.563	2
A15	Saya selalu merasa bodoh	7	12	40	11	2.79	.832	3
A16	Kebanyakan pensyarah kelihatan suka pada saya	33	33	4	-	1.59	.602	2
A17	Saya mempunyai tabiat belajar yang buruk	2	7	48	13	3.03	.636	3
A18	Kursus-kursus yang diambil adalah mudah bagi saya	26	37	6	1	1.74	.674	3
A19	Saya tidak selesa berada di politeknik	1	22	35	12	2.83	.722	3

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=70)						
		STS 1	TS 2	S 3	SS 4	Min	SP	Tahap
A20	Saya biasanya membuat kerja dengan bersungguh-sungguh	30	39	1	-	1.59	.525	2
A21	Kebanyakan orang lebih suka bekerja dengan saya berbanding dengan orang lain	1	1	41	27	3.34	.587	3
A22	Pensyarah saya mempunyai pandangan yang rendah terhadap diri saya	3	20	41	6	2.71	.684	3
A23	Kebanyakan mata pelajaran adalah agak mudah bagi saya	22	44	4	-	1.74	.557	2
A24	Saya bukan seorang yang sangat kreatif	2	27	30	11	2.71	.764	3
A25	Saya sering kali merasa puas hati dengan kerja penulisan saya	20	22	26	2	2.14	.873	3

Sumber: Data Lapangan

Jadual 4 di atas menunjukkan taburan data pelajar berkaitan dengan konsep kendiri multidimensi dalam aspek akademik yang secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana iaitu 3.34(SP=0.578). Item yang memiliki nilai min terendah ada dua (2) kebanyakan pensyarah kelihatan suka dan pada saya dan saya biasanya membuat kerja dengan bersungguh-sungguh' dengan nilai min 1.59. Hal ini menunjukkan penilaian pelajar terhadap penerimaan pensyarah terhadap diri mereka adalah agak sederhana.

e) Keluarga

Dapatan konsep kendiri multidimensi bagi aspek keluarga diperincikan dalam Jadual 5 di bawah:

Jadual 5: Taburan Maklumbalas Responden Mengikut Frekuensi Min Dan Sisihan Piawai Bagi Konsep Kendiri Multidimensi Bagi Aspek Keluarga

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=70)						
		STS 1	TS 2	S 3	SS 4	Min	SP	Tahap
K1	Ibu bapa saya mengambil berat tentang kegembiraan saya	1	14	42	13	2.96	.669	3
K2	Keluarga saya membuat saya rasa disayangi	-	-	32	38	3.54	.502	1
K3	Keluarga saya menyusahkan hidup saya	-	-	28	42	3.60	.493	1
K4	Dalam keluarga saya, kami mengambil berat antara satu sama lain	46	24	-	-	1.34	.478	1
K5	Saya rasa dihargai oleh keluarga saya	-	-	29	41	3.59	.496	1
K6	Saya mendapat kegembiraan bersama dengan keluarga saya	-	-	27	43	3.61	.490	1
K7	Ibu bapa saya berminat tentang diri saya	-	-	22	48	3.69	.468	1
K8	Saya berharap saya boleh bertukar	49	21	-	-	1.30	.462	1
K9	Ibu bapa saya tidak mempercayai saya	-	-	32	38	3.54	.502	1
K10	Keluarga saya adalah mesra dan prihatin	45	24	1	-	1.39	.572	3
K11	Ibu bapa saya tidak suka saya berada di sisi mereka	-	-	28	42	3.60	.493	1
K12	Ibu bapa saya membantu saya apabila saya memerlukannya	51	19	-	-	1.27	.448	1

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=70)						Tahap
		STS 1	TS 2	S 3	SS 4	Min	SP	
K13	Saya adalah ahli yang penting dalam keluarga	-	-	25	45	3.64	.483	1
K14	Ibu bapa saya bangga dengan diri saya	-	-	30	40	3.57	.498	1
K15	Keluarga saya tidak memuaskan	-	-	24	46	3.66	.478	1
K16	Tiada satu pun yang saya lakukan dapat memuaskan hati ibu bapa saya	51	18	-	1	1.30	.548	3
K17	Ibu bapa saya hadir ke acara-acara yang penting bagi saya	47	22	-	1	1.36	.566	3
K18	Ibu bapa saya percayakan saya	1	1	34	34	3.44	.605	3
K19	Saya bangga dengan keluarga saya	-	-	29	41	3.59	.496	1
K20	Ibu bapa saya mengambil berat tentang pelajaran saya	-	-	20	50	3.71	.455	1
K21	Keluarga saya adalah salah satu perkara yang paling penting dalam hidup saya	-	1	22	47	3.66	.508	2
K22	Ibu bapa menyayangi diri saya seadanya	-	-	20	50	3.71	.455	1
K23	Saya tidak tahu kenapa keluarga saya tinggal bersama	1	2	22	45	3.59	.625	3
K24	Ibu bapa saya mengambil berat tentang masa depan saya	40	25	5	-	1.50	.631	2

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=70)						
		STS 1	TS 2	S 3	SS 4	Min	SP	Tahap
K25	Rumah saya bukan tempat yang menggembirakan	-	-	23	47	3.67	.473	1

Sumber: Data Lapangan

Berdasarkan Jadual 5, skor min tertinggi ada dua (2) iaitu 3.71 bagi item 'Ibu bapa menyayangi diri saya dan Ibu bapa saya mengambil berat tentang pelajaran saya. Skor min terendah adalah 1,27 bagi item 'Ibu bapa saya membantu saya apabila saya memerlukannya. Konsep kendiri multidimensi dalam aspek keluarga secara keseluruhannya berada 17 pada tahap tinggi. Dalam hal ini, ibu bapa sangat berperanan penting untuk menjalinkan hubungan yang baik dengan anak-anak supaya anak-anak ini lebih berkeyakinan terhadap diri sendiri.

f) Fizikal

Dapatan konsep kendiri multidimensi bagi aspek fizikal diperincikan dalam Jadual 6 di bawah:

Jadual 6: Taburan Maklumbalas Responden Mengikut Frekuensi Min Dan Sisihan Piawai Bagi Konsep Kendiri Multidimensi Bagi Aspek Fizikal

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=70)						
		STS 1	TS 2	S 3	SS 4	Min	SP	Tahap
F1	Saya berasa sempurna	51	15	4	-	1.33	.583	2
F2	Saya adalah seorang yang menarik	7	21	29	13	2069	.894	3
F3	Saya mempunyai bentuk badan yang buruk	-	13	41	16	3.04	.647	2
F4	Apabila saya lihat pada cermin, saya suka apa yang saya lihat	25	35	9	1	1.80	.714	3
F5	Saya sangat cepat berasa letih	-	9	43	18	3.13	.612	2
F6	Saya mempunyai gigi yang kelihatan cantik	12	39	16	3	2.14	.748	3

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=70)						Tahap
		STS 1	TS 2	S 3	SS 4	Min	SP	
F7	Saya kelihatan cantik walau apa pun pakaian yang saya pakai	4	14	38	14	2.89	.790	3
F8	Saya seorang yang hodoh	1	15	39	15	2.97	.701	3
F9	Saya lebih kuat berbanding dengan kebanyakan orang	30	38	1	1	1.61	.597	3
F10	Saya mempunyai bentuk badan yang menarik	3	20	33	14	2.83	.798	3
F11	Saya seorang yang sihat	2	16	38	14	2.91	.737	3
F12	Saya rasa puas hati mengenai penampilan diri saya	-	1	47	22	3.30	.492	2
F13	Saya pandai dalam kebanyakan bidang sukan	-	7	42	21	3.20	.604	2
F14	Saya tidak suka dengan pakaian yang dipadankan dengan diri saya	4	24	31	11	2.70	.805	3
F15	Biasanya saya di antara yang terakhir dipilih untuk menyertai sukan berpasukan	18	50	1	1	1.79	.535	3
F16	Saya mempunyai fizikal yang cergas	15	40	14	1	2.01	.691	3
F17	Rambut saya tidak pernah kelihatan sangat menarik	-	11	46	13	3.03	.589	2
F18	Saya mempunyai kulit yang menarik	22	42	5	1	1.79	.635	3
F19	Saya tidak suka orang melihat susuk tubuh saya	2	17	36	15	2.91	.756	3

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=70)						
		STS 1	TS 2	S 3	SS 4	Min	SP	Tahap
F20	Terdapat beberapa bahagian badan saya yang saya tidak suka dilihat oleh orang lain	2	16	31	21	3.01	.807	3
F21	Pakaian saya kelihatan sesuai dengan saya	4	10	26	30	3.17	.884	3
F22	Saya tidak mempunyai tenaga untuk membuat lebih banyak perkara	-	2	47	21	3.27	.509	2
F23	Berat badan saya adalah berat yang sepatutnya saya miliki	17	37	14	2	2.01	.752	3
F24	Saya akan mengubah penampilan diri saya jika saya boleh lakukan	8	22	32	8	2.57	.844	3
F25	Saya seorang yang bersopan santun	2	11	40	17	3.03	.722	3

Sumber: Data Lapangan

Jadual 6 menunjukkan taburan data pelajar berkaitan dengan konsep kendiri multidimensi dalam aspek fizikal. Tahap konsep kendiri multidimensi dalam aspek fizikal keseluruhannya berada pada tahap sederhana iaitu 3.30 (SP=0.492). Dapatan menunjukkan 4 item daripada 25 item berada pada tahap yang rendah dengan skor min sangat rendah 1.33 bagi item “saya berasa sempurna”.

Persoalan 2: Apakah hubungan konsep kendiri guru berdasarkan enam domain konsep kendiri iaitu sosial, kemampuan, perasaan, akademik, keluarga, dan fizikal terhadap motivasi bekerja?

HUBUNGAN ANTARA KONSEP KENDIRI

		S	K	P	A	K	F
SIKAP	Pearson	1	.604**	.637**	-1.37	-.310**	-.434**
	Correlation						
	Sig. (2-tailed)		.000	.000	.256	.009	.000
	N	70	70	70	70	70	70
KEMAMPUAN	Pearson	.604**	1	.579**	.027	-.127	-.112
	Correlation						
	Sig. (2-tailed)	.000		.000	.822	.296	.358
	N	70	70	70	70	70	70
PERASAAN	Pearson	.637**	.579**	8	.189	-.232	-.283*
	Correlation						
	Sig. (2-tailed)	.000	.000		.117	.053	.018
	N	70	70	70	70	70	70
AKADEMIK	Pearson	-.137	.027	.189	1	-.015	.551
	Correlation						
	Sig. (2-tailed)	.256	.822	.117		.900	.000
	N	70	70	70	70	70	70
KELUARGA	Pearson	-.310**	-.127	-.232	-.015	1	.253*
	Correlation						
	Sig. (2-tailed)	.009	.296	.053	.900		.034
	N	70	70	70	70	70	70
FIZIKAL	Pearson	-.434**	-.112	-.283*	.551**	.253*	1
	Correlation						
	Sig. (2-tailed)	.000	.358	.018	.000	.034	
	N	70	70	70	70	70	70

***. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).*

**. Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).*

Analisis hubungan antara konsep kendiri kemampuan dan keluarga dengan akademik telah dilaksanakan menggunakan *Pearson Correlation* berdasarkan skala interpretasi hubungan Cohen (1988). Hasil analisis mendapati, terdapat hubungan yang sederhana antara kemampuan dengan perasaan ($r = .604$, $n = 637$, $p = .000 < 0.05$). Hubungan yang tinggi juga dilihat pada aspek kendiri fizikal dengan keluarga ($r = .434$, $n = .900$, $p = .000 < 0.05$). Sehubungan itu, dapatan menunjukkan bahawa aspek kendiri perasaan dan keluarga mempunyai hubungan yang kuat dengan aspek kendiri akademik. Hubungan antara konsep kendiri perasaan dan keluarga dengan fizikal menunjukkan konsep kendiri perasaan dan keluarga masing-masing memberi kesan sebanyak 66 dan 55 peratus kepada konsep kendiri fizikal guru baharu. Hal ini bermaksud konsep kendiri perasaan guru baharu dapat ditingkatkan dengan peningkatan kendiri bagi aspek fizikal dan keluarga. Sekiranya guru memiliki tahap kendiri yang tinggi dalam aspek perasaan dan keluarga maka tahap keyakinan kendiri dengan tugas baharu sebagai juga akan meningkat.

Persoalan 3: Apakah pengaruh konsep kendiri guru berdasarkan enam domain konsep kendiri iaitu sosial, kemampuan, perasaan, akademik, keluarga, dan fizikal terhadap motivasi bekerja?

Anova ^a						
Model		Sum of Square	df	Mean Square	F	Sig.
1	<i>Regression</i>	2.789	6	.465	3.066	.011 ^b
	<i>Residual</i>	9.554	63	.152		
	<i>Total</i>	12.343	69			

Dependent Variable: JANTINA

Predictors: (Constant), FIZIKAL, KEMAMPUAN, KELAURGA, AKADEMIK, PERASAAN, SIKAP

Jadual 7 menunjukkan analisis ANOVA untuk melihat pengaruh konsep kendiri berdasarkan jantina. Didapati tiada berpengaruh dengan konsep kendiri multidimensi iaitu pada nilai F (3.066) $P > .05$. Justeru itu, hipotesis nul diterima dan hipotesis alternatif ditolak.

Anova^a						
Model		Sum of Square	df	Mean Square	F	Sig.
1	<i>Regression</i>	6.214	6	1.036	2.114	.064 ^b
	<i>Residual</i>	30.871	63	.490		
	<i>Total</i>	37.086	69			

Dependent Variable: UMUR

Predictors: (Constant), FIZIKAL, KEMAMPUAN, KELAURGA, AKADEMIK, PERASAAN, SIKAP

Jadual 8 menunjukkan analisis ANOVA untuk melihat pengaruh konsep sendiri berdasarkan umur. Didapati tiada berpengaruh dengan konsep sendiri multidimensi iaitu pada nilai F (2.114 $P > .05$). Justeru itu, hipotesis nul diterima dan hipotesis alternatif ditolak.

Ho¹ : Tidak Terdapat hubungan yang signifikan terhadap konsep sendiri guru berdasarkan enam domain konsep sendiri iaitu sosial, kemampuan, perasaan, akademik, keluarga, dan fizikal terhadap motivasi bekerja

Ho² : Tidak Terdapat pengaruh yang signifikan terhadap konsep sendiri guru berdasarkan enam domain konsep sendiri iaitu sosial, kemampuan, perasaan, akademik, keluarga, dan fizikal terhadap motivasi bekerja

Perbincangan

Kepentingan kajian dapat dinilai dalam pelbagai aspek yang meluas. Memandangkan fokus kajian menjerus kepada aspek teoritikal dan praktikal terhadap bidang pendidikan di Malaysia. Pada masa yang sama bidang keilmuan kaunseling, psikometrik, pelaksanaan program kaunseling di sekolah, pejabat Pendidikan Daerah dan Jababatan Pendidikan Negeri dapat dilaksanakan dengan baik. Justeru itu dalam kajian ini mendapati implikasi kajian yang dilaksanakan dapat memberi kepentingan kepada beberapa pihak seperti keperibadian serta personality dalam kalangan guru baharu, warga sekolah serta organisasi, pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri serta Kementerian Pendidikan Malaysia

a) Keperibadian dan Personaliti Dalam Kalangan Guru Baharu

Mengenal kekuatan dan kelemahan diri merupakan titik mula kepada motivasi yang unggul dalam kalangan guru baharu. Dalam konteks ini guru baharu samaada guru pendidikan yang mendapat penempatan atau guru baharu dalam kalangan

graduan bukan pendidikan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 secara *Contract of Service* (COS) yang mendapat tempat. Hal ini kerana walaupun begitu sesiapa sahaja bergelar guru, mereka semestinya menggunakan ruang dan peluang untuk bekerja dengan baik samada dengan diri sendiri mahupun dengan persekitaran. Melalui kajian ini dapat memberi nilai tambah kepada seseorang. Ini kerana konsep kendiri guru tersebut dapat di ukur dan di nilai melalui instrument Skala konsep kendiri multidimensi dan pemerhatian boleh dibuat berdasarkan enam persekitaran yang berbeza atau multidimensi iaitu; sosial, kemampuan, perasaan, akademik, keluarga dan fizikal. Justeru, ini akan menjadi alternatif kepada bidang psikologi, kaunseling dan psikometrik dalam menggunakan soal selidik SKKM dalam penilaian konsep kendiri dan sekaligus membantu guru tersebut menjadi lebih baik.

b) Warga Sekolah Serta Organisasi

Mempunyai guru yang berkebolehan dan berjiwa pendidik menjadi impian semua. Namun begitu membina diri kearah persekitaran yang positif juga merupakan usaha yang baik yang perlu di amalkan. Oleh yang demikian melalui kajian tinjauan ini pada asasnya ia dapat membantu pihak sekolah serta pengurusan organisasi sekolah untuk membina keyakinan serta dapat menilai kemenjadian guru melalui tahap konsep kendiri mereka sendiri. Implikasi kajian ini dapat melahirkan guru yang dapat mengenal potensi serta keupayaan sendiri yangmana dengan kecemerlangan itu sudah pasti kesannya sampai kepada murid-murid serta rakan guru dalam organisasi sekolah.

c) Pejabat Pendidikan Daerah

Implikasi seterusnya kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Melalui kajian ini soal selidik SKKM boleh menjadi alat untuk mengukur tahap konsep kendiri guru dan sebagai penilaian asas untuk menjalankan program intervensi peningkatan konsep kendiri melalui program 3P (Pembangunan, perkembangan serta pemulihan) yang boleh berdasarkan enam domain utama konsep kendiri secara spesifik. Oleh itu, pada masa yang sama program pementoran guru baharu bersama senior di sekolah dan juga khidmat bantu dan pemantuan bersama SIC+ bersama sektor pembelajaran dapat diperkukuhkan lagi apabila skala kendiri guru baharu di terjemahkan. Maka implikasi dalam modul intervensi dapat dijadikan rujukan.

d) Jabatan Pendidikan Negeri

Peranan JPN sebagai nilai tambah dalam membantu Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah agar dapat menguruskan sesuatu perancangan program itu dengan baik. Oleh yang demikian jelas bahawa melalui dapatan kajian ini. Pihak JPN dengan Kerjasama Institut Aminuddin Baki (AIB) dapat memberikan latihan/kursus serta program kepada guru baharu mahupun kepada team SIC+ dalam memastikan keperluan latihan/kursus itu dapat diberikan tepat pada masa dan keperluannya.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, melalui soal selidik (SKMM) yang telah di terjemahkan dengan data kesahan kandungan dan kebolehpercayaan mempunyai nilai pekali yang tinggi iaitu 0.82 dengan nilai minimum dan maksimum melebihi 0.60 adalah satu titik mula kepada pengkaji untuk melihat bahawa skala konsep sendiri multidimensi boleh dijadikan alat ukur untuk membantu seseorang mengenal diri sendiri, mengenal persekitaran dengan baik malah dapat mengaplikasinya dalam kehidupan dengan lebih cepat. Secara teoritikal sendiri perlu dinilai secara multidimensi iaitu melalui enam domain utama konsep sendiri berdasarkan interaksi individu dengan persekitaran, iaitu; sosial, kecekapan, perasaan, akademik, keluarga dan fizikal. Hal ini penting untuk membantu guru baharu meningkatkan motivasi diri dan kerjaya. Justeru dapat dirumuskan bahawa konsep sendiri guru baharu ini berada di tahap sederhana yang memerlukan pelbagai proses latihan dan nilai tambah dalam memastikan konsep sendiri yang akan dihadapi boleh dipengaruhi dengan persekitaran dalam kehidupan dunia sebagai seorang pendidik.

Rujukan

- Abdul Rahman Aroff Zakaria Kasa (1994) Falsafah dan Konsep Pendidikan
Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Adibah Hasanah Binti Abd Halim, Nor Hayati Fatmi Binti Talib, Mohammad
Nizar Bin Mahzir Konsep Kendiri Multidimensi: Satu Kajian Dalam
Kalangan Pelajar Semester Dua Politeknik Banting Selangor.
- Anwar, R. N., & Umar, M. (2021). Motivasi Guru Dalam Bekerja Perspektif
Islam. *Paedagoria: Jurnal Kajian, Penelitian Dan Pengembangan
Kependidikan*, 12(2), 296-302.
- Arip, M. A. S. M., Saad, F. M., Rahman, A. M. A., Salim, S. S. S., Bistaman, M.
N., & Mustafa, M. Arsini, Y., Yoana, L., & Prastami, Y. (2023). Peranan
Guru Sebagai Model Dalam Pembentukan
- Aziz, A. R. A., Nasir, M. A. M., Sawai, R. P., Shafie, A. A. H., & Amat, M. A.
C. (2021). Pengaruh Konsep Kendiri Terhadap Pencapaian Akademik
Pelajar Universiti. *International Journal of Education, Psychology and
Counseling*.B.
- Aziz (2010) Analisis Statistik Kesahan Dan Kebolehpercayaan Soal Selidik Skala
Konsep Kendiri Multi Dimensi (Skkm)(Validity And Reliability
Statistics Of The Multidimensional Self-Concept Scale (Mscs)
Questionnaire). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 28(1).
- Azizi Yahya, Fawziah Yahya, Zurihanmi Zakariya, Noordin Yahaya (2005)
Pembangunan Kendiri Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor
Darul Ta'zim
- Bakar, M. K. B. A., & Alias, B. S. (2020). Hubungan Antara Kepimpinan
Multidimensi Guru Besar Dan Kepuasan Kerja Guru. *Jurnal Pendidikan
Malaysia*, 45(1), 35-41.
- Darus, F., Khairuddin, M., & Abdullah, J. (2021). Amalan Kepimpinan
Multidimensi Pengetua dan Norma-Norma Budaya di MRSM. *Malaysian
Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(6), 147-156.

- Hew Lai Peng, Bity Salwana Alias, Norasmah Othman (2023) Amalan Kepimpinan Multidimensi Guru Besar Dan Hubungannya Dengan Komitmen Guru Di Sekolah Rendah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. Email: Bity@Ukm.Edu.My.
- Mohamed Arip, M. A. S., Salim, S. S., Syed, T., & Yusoff, F (2009). Pembinaan, kesahan dan kebolehpercayaan modul kelompok peningkatan konsep sendiri (MKPKK) berasaskan gabungan rawatan terapi tingkahlaku-kognitif (TTK) dan model konsep sendiri multidimensi (MKKM). Karakter Peserta Didik. Mudabbir
- Mohd Khairy Bazli Abu Bakar & Bity Salwana Alias (2020) Hubungan Antara Kepimpinan Multidimensi Guru Besar Dan Kepuasan Kerja Guru Jurnal Pendidikan Malaysia 45(1)
- Syed Ismail Syed Mustapa, Ahmad Subki Miskon (2013) Guru dan Cabaran Semasa. Siri Pengajian Profesional www.penerbitan-multimedia.com
- Yaacob, N. M., Ishak, R., & Ghani, M. F. A. (2024). Hubungan Kepimpinan Multidimensi Pengetua Dengan Penerimaan Guru Terhadap Digital Education Learning Initiative Malaysia (Delima): Satu Tinjauan Awal. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 11(1), 16-26.

Pembangunan dan Pengujian Modul Bimbingan Kelompok Berdasarkan Strategi WDEP Bagi Menangani Isu Psikologi Murid Berpencapaian Rendah

Nurul Fathihah Nor Azhar¹, Ahmad Jazimin Jusoh, Ph.D²

¹Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa,

²Universiti Pendidikan Sultan Idris

¹nurulfathihah@jpgm.edu.my, ²jazimin@fpm.upsi.edu.my

Abstrak

Fokus utama kajian adalah untuk menangani isu pencapaian akademik murid menggunakan intervensi bimbingan kelompok. Bimbingan kelompok merupakan proses untuk seseorang kaunselor membantu klien mencapai matlamat ke arah perubahan tingkah laku. Kajian ini bertujuan untuk membangunkan Modul Bimbingan Kelompok Teori Pilihan Terapi Realiti (BKTPTR) menggunakan strategi WDEP (want, doing, evaluate dan planning) untuk menangani isu berkaitan i. ketakutan menghadapi kegagalan (KMK), kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi (KKKAP) dan kecerdasan menghadapi cabaran (KMC). Modul ini mengandungi 20 aktiviti meliputi proses penerokaan, perbincangan, alternatif dan solusi yang menyentuh isu KMK, KKKAP dan KMC. Rangka asas pembinaan modul ini adalah berdasarkan Model Pembinaan Modul Sidek (2001). Seramai tujuh orang pakar dalam bidang bimbingan dan kaunseling terlibat dalam proses penilaian kesahan modul ini. Penilaian kesahan dibuat berdasarkan sesi serta aktiviti dan juga penilaian kesahan kandungan berdasarkan Rusell (1974). Hasil penilaian menunjukkan nilai minimum kesahan kandungan 84% manakala nilai maksimum 89%. Seterusnya seramai 30 orang murid sekolah menengah terlibat dalam pengujian kebolehpercayaan modul. Penilaian alpha cronbach menunjukkan nilai kebolehpercayaan keseluruhan modul BKTPTR adalah .98. Keseluruhannya dapatan kajian ini menunjukkan modul yang dibina ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik. Penghasilan modul ini diharapkan mampu membantu pihak KPM, JPN, PPD dan sekolah menangani isu pencapaian murid.

Kata kunci: *Bimbingan kelompok, Teori Pilihan Terapi Realiti, Teknik WDEP, Pencapaian murid.*

Latar Belakang Kajian

Pendidikan merupakan tunjang utama pembangunan modal insan sesebuah negara. Kualiti sistem pendidikan diukur melalui pencapaian akademik meliputi dalam dan luar negara (Doreen & Shahlan, 2021). Namun begitu, pencapaian negara menerusi kedudukan Malaysia dalam *Programme for International Student Assessment* (PISA) bagi tahun 2022 agak membimbangkan kerana prestasi pendidikan negara dilaporkan jatuh merosot. Penilaian domain saintifik menunjukkan Malaysia sekadar berada di kedudukan ke-52 dunia selepas mencatatkan sebanyak 416 markah. Skor ini menunjukkan kemerosotan skor Malaysia sebanyak 22 mata berbanding PISA 2018. Begitu juga skor domain Matematik menunjukkan negara mencatatkan sebanyak 409 markah, menunjukkan penurunan sebanyak 31 mata dan sekadar berada di kedudukan ke-54 dunia. Seterusnya domain bacaan menunjukkan kemerosotan skor sebanyak 27 mata kepada 388 markah dalam PISA 2022. Skor ini meletakkan Malaysia di kedudukan ke-60 dunia. Namun begitu, negara jiran terdekat Malaysia iaitu Singapura menduduki tangga pertama dalam ketiga-tiga kategori tersebut. Beberapa negara Asia lain yang dilihat mendominasi senarai lima teratas laporan berkenaan iaitu Jepun, Macau, Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong (OECD, 2023).

Hal ini bertambah rumit kerana dalam pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2022, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengenal pasti 8.4 peratus daripada keseluruhan calon tidak layak menerima sijil berikutan gagal dalam subjek Bahasa Melayu atau Sejarah atau kedua-duanya (KPM, 2023). Realitinya pelbagai usaha giat dijalankan oleh pihak kementerian pendidikan dalam usaha menangani isu pencapaian murid. Perkara terbukti menerusi agenda keempat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013 - 2025) pihak KPM telah menggerakkan JPN, PPD dan sekolah untuk membangunkan dan melaksanakan intervensi yang sesuai dalam menangani isu pencapaian murid (KPM, 2013). Namun begitu, hasrat KPM masih belum tercapai memandangkan masih terdapat pelajar yang gagal dalam penilaian dalam dan luar negara khususnya dalam penilaian SPM dan PISA. Oleh itu, usaha berterusan terhadap intervensi yang sesuai dalam menangani isu pencapaian murid harus diteruskan.

Kebelakangan ini terdapat beberapa kajian telah mengetengahkan modul sebagai intervensi khusus yang bertujuan membantu menangani pelbagai isu dan masalah yang dihadapi murid sekolah. Walau bagaimanapun, pembangunan setiap modul melibatkan penerapan pelbagai teori dan model yang diselaraskan dengan isu kajian yang ingin mereka selesaikan. Beberapa contoh modul yang dibangunkan dalam dan luar negara adalah untuk membantu murid adalah Modul Kaunseling Kelompok Berdasarkan Teknik Surah Lukman (Mohamad Zainun et al., 2023), Modul Kaunseling Kelompok Berstruktur (K²B) Terapi Rasional

Emotif Tingkah Laku (REBT) Dalam Mengurangkan Kemurungan Remaja (Nor Asikhin, 2022), Modul 3K-CBT Terhadap Konsep Kendiri, Rasa Kepunyaan dan Keterlibatan Murid ponteng (Normadiyahana, Abu Yazid, Mohd Izwan, 2021), Modul Terapi Bermain Adlerian (Linda, 2020), Modul terapi rasional emotif tingkah laku (REBT) terhadap sistem kepercayaan dan estim sendiri dalam kalangan pelatih di Sekolah Tunas Bakti (Asma Mat, 2019), Intervensi Psikoterapi Positif (Abdi et al., 2019) serta Terapi Latihan Kreativiti (Yoosefi, Hassanzadeh dan Fakhri, 2018).

Sorotan kajian lepas juga menunjukkan beberapa pengkaji cenderung membangunkan modul bimbingan kelompok memandangkan pelaksanaan lebih mudah, menjimatkan masa dan tenaga kaunselor di sekolah. Hal ini kerana, berdasarkan surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KP(PP) 0051 1/1/Jilid 8/ (24) bertarikh 3 Ogos 2001 memperakui bahawa nisbah seorang Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) sepenuh masa bersamaan 500 orang murid sekolah, sama ada sekolah menengah atau rendah (Haziq Hazree, 2020; Mansoureh & Masood, 2017; Mohammad Aziz Shah, 2010). Beberapa kajian yang menggunakan pendekatan bimbingan kelompok adalah Modul Bimbingan kelompok Intergrasi REBT- Tazkiyah An nafs (Mohd Zaheran, Md Noor Saper dan Mohamammad Nasir, 2019), Modul Kumpulan Bimbingan TPTR terhadap Penerokaan Kerjaya dan Pembuatan Keputusan Kerjaya (Shukree dan Ahmad Jazimin, 2023), Modul Bimbingan kelompok dalam mengukuhkan perancangan kerjaya, pendidikan, dan persediaan untuk pekerjaan (Xiong, 2022).

Menurut Amna Zanariah (2021) berpendapat pemilihan teori yang tepat penting memandu pengkaji untuk mencapai objektif kajian secara tepat dan jitu. Hal ini kerana akan meningkatkan keupayaan menghasilkan percambahan konstruk dan subkonstruk dalam modul yang dibina. Kajian dalam dan luar negara menunjukkan ramai pengkaji gemar menggunakan TPTR dalam pembangunan modul murid antaranya Shukree dan Ahmad Jazimin (2023), Abdi Zarrin et al. (2019), Haziq Hazree (2020), Yoosefi, Hassanzadeh dan Fakhri (2018), Mason (2018), Hajhosseini, Gholamali dan Beesti (2017) dan Adawiah dan Azemi (2017). Hal ini kerana TPTR ini bersifat terarah dan lebih memudahkan kaunselor untuk membawa klien kepada fokus yang jelas dalam kehidupan mereka.

Secara keseluruhannya pelbagai jenis rawatan berbentuk kajian pembangunan diperkenalkan menggunakan pelbagai teori dan pendekatan bagi membantu murid sekolah yang mengalami pelbagai isu kompleks. Biarpun terdapat pelbagai modul rawatan namun modul yang berasaskan teknik WDEP dalam TPTR masih belum dikaji secara meluas. Namun begitu jurang kajian sebelum ini adalah terhad kerana melibatkan pemboleh ubah, sasaran sampel dan lokasi yang berbeza.

Aspek kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi memainkan peranan penting untuk meningkatkan pencapaian akademik (Bozhani, Momeni dan Moradi, 2023; Hofverberg et al., 2022; Passanisi et al., 2021; Neufeld, Mossière dan Malin, 2020). Murid yang kerap kali mengalami kegagalan dalam memenuhi keperluan asas psikologi akan menyebabkan cenderung membentuk personaliti gagal (Glasser, 1998). Menurut Ryan dan Deci (2017) terdapat tiga keperluan asas psikologi iaitu autonomi, kecekapan dan hubungan yang memberikan kesan yang besar terhadap perkembangan psikologi murid. Passanisi et al. (2021) menyokong pendapat Hofverberg et al. (2022) di mana, penting bagi seseorang murid untuk mengurang rasa kecewa terhadap keperluan asas psikologi serta bergerak ke arah peningkatan kepuasan keperluan asas psikologi untuk menggalakkan peningkatan terhadap prestasi akademik.

Menurut Chuang et al. (2022) berpendapat bahawa ketakutan menghadapi kegagalan mampu menjadi sumber motivasi untuk meningkatkan pencapaian murid. Di samping itu, ketakutan menghadapi kegagalan juga mampu menimbulkan cabaran terhadap murid dan menjadikan mereka berkeinginan untuk berusaha demi berjaya dalam akademik (Anggraini dan Mahmudi, 2021). Penekanan perlu diberikan terhadap usaha untuk meningkatkan tahap ketakutan menghadapi kegagalan agar murid lebih bermotivasi untuk berjaya dalam proses pembelajaran. Walaubagaimanapun, kajian berkaitan faktor ketakutan menghadapi kegagalan masih terhad dalam konteks pendidikan di Malaysia dan perlu disebar luas supaya lebih ramai murid berpencapaian rendah dapat mengubah masa depan ke arah yang lebih baik.

Kajian Mohd Effendi et al. (2022) mendapati isu kecerdasan menghadapi cabaran berkaitan rapat dengan pencapaian murid. Dapatan kajian ini disokong dapatan dalam kajian oleh Lakapu dan Mariana (2020) serta kajian Kuhon (2020) yang mendapati terdapat hubungan yang positif tahap kecerdasan menghadapi cabaran yang tinggi terhadap pencapaian akademik. Seterusnya Hulaikah, Degeng & Murwani (2020) menyatakan bahawa murid yang berpencapaian rendah adalah disebabkan oleh tahap kecerdasan menghadapi cabaran yang rendah berbanding mereka yang berpencapaian tinggi. Bersesuaian itu, kajian Salwana & Norasmah (2021) mendapati keperluan untuk mengkaji perkaitan antara kecerdasan menghadapi cabaran dengan pemboleh ubah lain memandangkan kajian ini masih baru di Malaysia dengan menambahkan pemboleh ubah lain lebih besar dan lebih pelbagai.

Kesimpulannya motif utama kajian ini untuk menghasilkan modul menggunakan strategi WDEP dalam Teori Pilihan Terapi Realiti untuk menangani isu berkaitan kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi (KKKAP),

ketakutan menghadapi kegagalan (KMK) dan kecerdasan menghadapi cabaran (KMC) dalam kalangan murid sekolah. Modul ini mengintegrasikan beberapa teori dan melalui proses pembinaan modul menggunakan Model Sidek (Sidek, 2001).

Objektif Kajian

1. Membangunkan Modul Bimbingan Kelompok menggunakan aplikasi Teknik WDEP (*want, doing, evaluated, planning*) dalam Teori Pilihan Terapi Realiti terhadap murid sekolah menengah.
2. Menyemak ketepatan bahasa dan kefahaman modul BKTPTTR.
3. Mengkaji kesahan kandungan modul BKTPTTR.
4. Mengkaji nilai kebolehppercayaan modul BKTPTTR

Kerangka Teori

Asas pembinaan modul adalah bergantung kepada kerangka teoritikal kajian. Menurut Amna Zanariah (2021) kerangka teoretikal merupakan satu gugusan pernyataan untuk menerangkan data yang saling berhubung kait dengan isu yang pelbagai. Pembinaan modul BKTPTTR berpandukan Teori Pilihan Terapi Realiti (TPTR) sebagai teori utama. Teori ini telah diperkenalkan oleh Glasser pada tahun 1965. Selain itu, pengkaji menggunakan satu teori dan dua model lain yang menyokong kajian ini. Antaranya Teori Keperluan Psikologi Asas (TKAP) yang telah diperkenalkan oleh Ryan & Deci (2000), Model Kepelbagaian Dimensi Ketakutan Menghadapi Kegagalan (MKDKMK) oleh Conroy, Willow dan Metzler (2002) dan Model Kawalan, Pemilikan, Jangkauan dan Ketahanan (MKPJK) yang diperkenalkan oleh Stoltz (1997).

Teori Pilihan Terapi Realiti (TPTR) merupakan satu teori klasik yang telah diperkenalkan oleh Glasser (1965). Teori Pilihan merupakan satu cabang ilmu yang membantu kaunselor untuk memahami masalah yang wujud apabila keinginan pelajar (*quality world*) tidak dapat dipenuhi. Keinginan ini berdasarkan lima keperluan asas (basic needs) dan apabila tidak dipenuhi menyebabkan pelajar cenderung untuk memilih tingkah laku yang tidak berkesan. Secara tidak langsung pilihan ini memberi kesan kepada tingkah laku keseluruhan (total behaviour) dari aspek pemikiran, tingkah laku, perasaan dan fisiologi. Akhirnya menyumbang kepada identiti berjaya atau identiti gagal terhadap pelajar. Sebaliknya Terapi Realiti merupakan aplikasi teori menggunakan strategi WDEP untuk membantu perubahan tingkah laku pelajar (Ahmad Jazimin et al., 2021).

Teori kedua dalam kajian adalah Teori Keperluan Psikologi Asas (TKAP). Ryan & Deci (2000) mengemukakan tiga elemen penting dalam TKAP iaitu autonomi, kecekapan, dan hubungan. Ketiga-tiga elemen ini saling berkaitan antara satu sama lain yang menyumbang kepada kepuasan atau kekecewaan keperluan asas. Oleh itu, pembinaan modul ini memberikan penekanan kepada enam komponen iaitu kepuasan autonomi, kekecewaan autonomi, kepuasan hubungan, kekecewaan hubungan, kepuasan kecekapan dan kekecewaan kecekapan. Menurut Zamarripa et al. (2020) kepuasan keperluan asas psikologi mampu memberi tenaga memberikan keyakinan dan motivasi yang sihat lalu mendorong kesejahteraan, pengembangan serta kesejahteraan hidup namun kekecewaan bersifat sebaliknya.

Pembinaan modul BKTPTTR turut menggabungkan lima dimensi ketakutan menghadapi kegagalan dalam Model Kepelbagaian Dimensi Ketakutan Menghadapi Kegagalan (MKDKMK). Terdapat lima dimensi ketakutan menghadapi kegagalan iaitu ketakutan menghadapi rasa malu dan malu yang melampau, ketakutan penurunan harga diri, ketakutan masa depan tidak pasti, ketakutan hilangnya pengaruh sosial dan ketakutan mengecewakan orang tersayang. Ketakutan menghadapi kegagalan didefinisikan kecenderungan individu mengelakkan diri daripada melakukan kesilapan disebabkan oleh kekurangan diri kerana mengakibatkan rasa malu dan menjejaskan masa depan. Kesannya individu berkecenderungan mengambil risiko, mencuba perkara baru dan kerap menggunakan pendekatan cuba jaya (Conroy et al., 2002).

Seterusnya, empat komponen dalam kecerdasan menghadapi cabaran turut diketengahkan dalam modul ini dengan berlandaskan Model Kawalan, Pemilikan, Jangkauan dan Ketahanan (MKPJK). Kecerdasan menghadapi cabaran merupakan keupayaan individu berhadapan masalah dan melihatnya sebagai satu peluang. Seterusnya peluang yang wujud berupaya menjadi batu loncatan untuk mereka mengubah tingkah laku yang mendorong kepada kejayaan (Stoltz, 1997). Secara keseluruhannya TPTR diaplikasikan dalam keseluruhan peringkat modul ini merangkumi sesi 1 hingga 8. Seterusnya, TKAP digunakan dalam sesi 2 dan 3. MKDKMK pula hanya digunakan dalam sesi 4 dan 5 dalam modul BKTPTTR. Kemudian MKPJK pula hanya digunakan pada sesi 6 dan 7. Rajah 1 menunjukkan kerangka teoretikal kajian ini.

Teori Pilihan Terapi Realiti Glasser (1965)

Teori Keperluan Asas Psikologi (TKAP)

- i. Diperkenalkan oleh Ryan & Deci (2002)
- ii. Kepuasan autonomi dan kekecewaan autonomi

- iii. Kepuasan hubungan dan kekecewaan hubungan
- iv. Kepuasan kecekapan dan kekecewaan kecekapan

Model Kepelbagai Dimensi Ketakutan Menghadapi Kegagalan (MKDKMK)

- i. Diperkenalkan oleh Conroy (2003)
- ii. Ketakutan menghadapi rasa malu dan malu melampau
- iii. Ketakutan akan penurunan harga diri individu
- v. Ketakutan bagi mempunyai masa depan yang tidak pasti
- vi. Ketakutan apabila hilang pengaruh sosial.
- vii. Ketakutan apabila mengecewakan orang tersayang.

Model Kawalan, Pemilikan, Jangkauan & Ketahanan (MKPPJK)

- i. Diperkenalkan oleh Stoltz, 1997
- ii. Kawalan
- iii. Pemilikan
- iv. Jangkauan
- v. Ketahanan

MODUL BIMBINGAN KELOMPOK TEORI PILIHAN TERAPI REALITI (BKTPTR)

Sumber: Nurul Fathihah dan Ahmad Jazimin (2024)


Rajah 1: Kerangka teoretikal pembinaan modul BKTPTR

Pembangunan modul BKTPTR menggunakan strategi WDEP yang telah diperkenalkan oleh Glasser (1965, 1990). WDEP merupakan akronim kepada strategi yang terdapat dalam TPTR yang digunakan oleh fasilitator untuk membantu ahli kelompok mengubah tingkah laku bersesuaian dengan kehendak mereka. Huruf W mewakili wants, needs, and perceptions (kehendak, keperluan dan persepsi). Huruf D merujuk kepada directions and doing (terarah dan lakukan). Kemudian P mewakili planning and commitment (perancangan bertindak dan komited).

Metodologi Kajian

Pembangunan modul BKTPTR adalah berlandaskan Model Sidek (2001). Hal ini kerana model ini lebih komprehensif dalam membantu membangunkan intervensi bimbingan berbanding dengan model-model yang lain (Normadiyahana et al., 2021). Modul BKTPTR telah melalui dua tahap dalam Model Sidek iaitu pertama menyiapkan draf modul lengkap manakala tahap kedua merupakan fasa

untuk mencuba dan menilai modul. Rajah 2 menunjukkan proses yang dilalui bagi membangunkan modul BKTPTTR menggunakan Model Sidek (2001).



Nota: Proses membangunkan modul BKTPTTR menggunakan Model Sidek (2001).

Rajah 2: Proses membangunkan modul BKTPTTR menggunakan Model Sidek (2001).

Fasa Pertama: Penyediaan Draf Modul

Fasa pertama modul BKTPTTR bermula dengan peringkat penyediaan draf modul yang melibatkan proses pembinaan matlamat, mengenal pasti teori, rasional, falsafah, konsep, sasaran, kajian keperluan, menetapkan objektif, pemilihan isi kandungan, pemilihan strategi, pemilihan logistik, pemilihan media, menyatukan draf modul dan draf lengkap terhasil. Matlamat pembinaan modul BKTPTTR untuk menyediakan rawatan dan intervensi kepada murid berprestasi rendah dalam mengatasi tiga isu psikologi iaitu kepuasan dan kekecewaan keperluan asas psikologi, ketakutan menghadapi kegagalan dan kecerdasan menghadapi cabaran. Bagi mencapai matlamat ini gabungan dua teori dan dua model digunakan.

Teori utama yang digunakan ialah Teori Pilihan Terapi Realiti. Rasional penggunaan teori ini adalah kerana ia mempunyai strategi WDEP yang mampu menerangkan prosedur perubahan tingkah laku seseorang manusia (Ahmad Jazimin et al., 2021; Aslan, 2021). Kajian ini turut menggunakan Teori Keperluan Asas Psikologi (TKAP), Model Kepelbagaian Dimensi Ketakutan Menghadapi Kegagalan (MKDKMK) dan Model CORE sebagai teori sokongan untuk pembinaan modul BKTPTR. Pemilihan ketiga-tiga teori dan model ini adalah bersesuaian dengan isu psikologi yang telah difokuskan dalam kajian ini.

Kemudian analisis keperluan dijalankan untuk melihat keperluan pengguna dengan menggunakan dua kaedah iaitu menggunakan (a) kajian kepustakaan dan (b) kajian tinjauan menggunakan soal selidik *google form*. Kajian kepustakaan dilakukan dengan membuat rujukan terhadap buku-buku, artikel jurnal, tesis dan bahan terbitan yang telah ditulis oleh pakar Teori Pilihan Terapi Realiti, TKAP, MKDKMK dan Model CORE. Oleh itu, kepakaran mereka telah dijadikan sumber rujukan mengenal pasti keperluan untuk menjalankan kajian. Kajian tinjauan melalui soal selidik *google form* dilakukan terhadap tiga sasaran kajian keperluan ini iaitu kepada guru bimbingan dan kaunseling, guru mata pelajaran dan murid berpencapaian rendah. Soal selidik dibina sendiri oleh pengkaji dan diadaptasi daripada Masliza Siti dan Nor'ain (2021). Pengkaji mengedarkan soal selidik secara *google form* secara rawak kepada kelompok sasaran.

Seterusnya penetapan objektif kajian dilakukan. Objektif kajian adalah membina modul BKTPTR dan mengukur kesahan dan kebolehpercayaan modul BKTPTR. Bersesuaian itu, pemilihan isi kandungan, pemilihan strategi, pemilihan logistik, pemilihan media dilakukan sehingga terhasilnya draf modul yang lengkap. Draft modul lengkap telah disusun dan selaraskan dalam Rajah 3.

Fasa mencuba dan menilai modul BKTPTR

Fasa kedua adalah proses untuk mencuba dan menilai yang melibatkan tiga langkah (i) menyemak ketepatan bahasa dan kefahaman modul (ii) pengujian kesahan kandungan modul dan (iii) menguji kebolehpercayaan modul BKTPTR.

Menyemak ketepatan bahasa dan kefahaman modul

Proses semakan ketepatan bahasa amat penting untuk memberikan kefahaman yang jelas dalam usaha mencapai matlamat pembinaan modul. Demikian itu, pengkaji sebaik mungkin membina modul BKTPTR dengan menggunakan bahasa dan istilah yang tepat dan sesuai. Bagi tujuan memantapkan penggunaan bahasa

dan meningkatkan kefahaman terhadap modul ini pengkaji menggunakan dua cara iaitu melalui (i) semakan pakar dan (ii) semakan murid sekolah menengah (pengguna modul).

Proses semakan pakar melibatkan dua orang pensyarah kanan dalam bidang kaunseling dari UKM dan UPSI, dua orang kaunselor sekolah, seorang munsyi bahasa, seorang pensyarah bahasa dari Institut Perguruan dan seorang guru bahasa melayu dari sekolah menengah. Manakala proses semakan murid melibatkan 30 orang murid sekolah menengah. Kesemua pakar dan murid ini telah menyemak dan memberikan cadangan untuk penambahbaikan daripada struktur ayat, aspek bahasa dan kefahaman istilah modul BKTPTR. Penilaian laras bahasa dinilai berdasarkan aktiviti menggunakan skala likert 1 hingga 3. Skala 1 bermaksud terdapat pernyataan dan penggunaan istilah yang salah dan perlukan perubahan. Seterusnya skala 2 bermaksud terdapat pernyataan dan penggunaan istilah kurang jelas dan perlukan perubahan dan skala 3 bermaksud pernyataan dan penggunaan istilah yang jelas. Seterusnya teguran terhadap bahasa dan istilah berdasarkan cadangan yang telah diberikan oleh pakar dan murid dipertimbangkan dan diperbaiki supaya lebih tepat dan sesuai. Seterusnya dapatan ketepatan bahasa dan kefahaman modul BKTPTR dianalisis menggunakan skor purata (min) dan sisihan piawai.

Pengujian kesahan kandungan modul BKTPTR

Penentuan kesahan amat penting dalam melengkapkan proses pembinaan modul. Kesahan kandungan merupakan pengukuran sejauh mana modul yang dibina dapat mewakili bidang yang sepatutnya diukur (Sidek, 1997). Mohd Majid (2004) menyatakan kaedah untuk mengukur kesahan modul adalah dengan cara meminta pandangan pakar. Justeru itu, kajian ini menggunakan kaedah pengesahan pakar mengikut sesi dan aktiviti. Seramai 7 orang pakar dilantik untuk membuat kesahan modul. Formula menentukan kesahan modul iaitu jumlah skor yang diisi pakar (x) dibahagi dengan jumlah skor keseluruhan (y) dan didarabkan dengan seratus. Skor peratusan diperolehi hasil pengiraan ialah nilai kesahan modul. Ringkasan formula adalah seperti Rajah 4 di bawah:

$$\frac{\text{Jumlah skor pakar (x)}}{\text{Jumlah skor keseluruhan (y)}} \times 100\% = \text{Kesahan kandungan modul}$$

Sumber: Jamaludin 2008

Rajah 4: Formula penentuan kesahan kandungan

Skala likert sepuluh digunakan untuk menilai kesahan kandungan modul BKTPTTR bermula daripada skala 1 (sangat tidak setuju) hingga 10 (sangat setuju). Pemilihan pakar untuk menilai kesahan modul berdasarkan pengalaman berkhidmat lebih daripada lima belas tahun perkhidmatan dan mempunyai pengalaman dalam membina dan mengendalikan modul. Selain itu, pakar yang dipilih juga berpengalaman menggunakan Teori Pilihan Terapi Realiti dalam mengendalikan bimbingan kelompok dalam tempoh kerjaya mereka. Seterusnya dapatan kesahan kandungan dianalisis menggunakan nilai peratusan.

Pengujian kesahan kebolehppercayaan modul BKTPTTR

Menurut Fraenkel et al. (2019) kebolehppercayaan merupakan ketekalan skor yang diperoleh secara konsisten oleh setiap individu hasil pentadbiran modul dari satu set item ke item yang lain. Chua (2022) pula menyatakan kebolehppercayaan adalah keupayaan memperoleh nilai yang serupa apabila pengukuran yang sama diulangi. Pengujian kebolehppercayaan, membolehkan pengkaji melihat sejauh manakah murid dapat mengikuti kandungan sesuatu modul yang telah dilaksanakan (Rusell, 1974). Kajian ini telah mengadaptasi soal selidik kebolehppercayaan yang diambil daripada penulisan Jamaludin (2008) dan disesuaikan dengan objektif dalam aktiviti modul BKTPTTR. Seterusnya dapatan kebolehppercayaan dianalisis menggunakan alpha cronbach.

Sampel kajian

Seramai 30 orang murid daripada tingkatan 2 dan 4 terlibat dalam pengujian kebolehppercayaan kajian ini.

Dapatan Kajian

Menyemak ketepatan bahasa dan kefahaman Modul BKTPTTR

Jadual 1 menunjukkan dapatan semakan ketepatan dan kefahaman modul BKTPTTR menggunakan skor purata (min) dan sisihan piawai. Penilaian pakar memaparkan Aktiviti 4: Keperluan asasku mendapat skor min terendah iaitu 2.43 dan nilai sisihan piawai .7868. Namun berdasarkan penilaian murid didapati Aktiviti 16: Senarai semak Strategi CORE memperoleh skor terendah dan nilai skor min 2.53 manakala sisihan piawai .5713. Hasil semakan pakar juga menunjukkan beberapa aktiviti mendapat skor min 3.00 iaitu Aktiviti 2: Rangkaian kasih, Aktiviti 7: Dunia sebenarku, Aktiviti 8: Mengenal pasti isu psikologi, Aktiviti 10: Kolam yang indah, Aktiviti 15: Enam buah jendela Aktiviti 16: Senarai semak Strategi CORE, Aktiviti 17: Membuat Perancangan berdasarkan konsep

SAMIC, Aktiviti 18: Jentolak yang kuat, Aktiviti 19: Perjanjian dan pesanan buat diriku.

Jadual 1: Skor purata (min) dan sisihan piawai semakan ketepatan bahasa dan kefahaman modul BKTPTR oleh pakar dan murid.

Nama aktiviti	Semakan pakar (n:7)		Semakan murid (n:30)	
	Skor min	Sisihan Piawai	Skor min	Sisihan Piawai
Aktiviti 1: Colek- colek mesra	2.71	.49	2.97	.18
Aktiviti 2: Rangkaian kasih	3.00	.00	3.00	.00
Aktiviti 3: Epok-epok bom	2.86	.38	3.00	.00
Aktiviti 4: Keperluan asasku	2.43	.79	3.00	.00
Aktiviti 5: Keinginan yang ingin kucapai	2.86	.38	3.00	.00
Aktiviti 6: Pokok keperluan asasku	2.86	.38	2.97	.18
Aktiviti 7: Dunia sebenarku	3.00	.00	3.00	.00
Aktiviti 8: Mengenal pasti isu psikologi	3.00	.00	2.97	.18
Aktiviti 9: Kepelbagaian dimensi ketakutan gagal	2.71	.76	3.00	.00
Aktiviti 10: Kolam yang indah	3.00	.00	2.97	.18
Aktiviti 11: Halangan dan cabaran	2.86	.38	2.87	.43
Aktiviti 12: Kotam hitamku	2.57	.79	2.93	.25
Aktiviti 13: Perbandingan antara murid berjaya dan gagal	2.86	.38	3.00	.00
Aktiviti 14: Akanku tawan puncak Everest	2.71	.76	3.00	.00
Aktiviti 15: Enam buah jendela	3.00	.00	2.83	.38

Nama aktiviti	Semakan pakar (n:7)		Semakan murid (n:30)	
	Skor min	Sisihan Piawai	Skor min	Sisihan Piawai
Aktiviti 16: Senarai semak Strategi CORE	3.00	.00	2.53	.57
Aktiviti 17: Membuat Perancangan berdasarkan konsep SAMIC	3.00	.00	3.00	.00
Aktiviti 18: Jentolak yang kuat	3.00	.00	3.00	.00
Aktiviti 19: Perjanjian dan pesanan buat diriku	3.00	.00	2.97	.18
Aktiviti 20: Lambaian kasih	2.86	.38	3.00	.00

Sementara itu, terdapat beberapa aktiviti hasil semakan murid mendapat skor min 3.00 iaitu Aktiviti 2: Rantainya kasih, Aktiviti 3: Epok-epok bom, Aktiviti 4: Keperluan asasku, Aktiviti 5: Keinginan yang ingin dicapai, Aktiviti 7: Dunia sebenarku, Aktiviti 13: Perbandingan antara murid berjaya dan gagal, Aktiviti 14: Akanku tawan puncak Everest, Aktiviti 17: Membuat Perancangan berdasarkan konsep SAMIC, Aktiviti 18: Jentolak yang kuat dan Aktiviti 20: Lambaian kasih. Tuntasnya, hasil semakan pakar didapati terdapat lapan aktiviti yang menggunakan pernyataan dan penggunaan istilah yang jelas. Hasil semakan murid pula menunjukkan terdapat sepuluh aktiviti menggunakan pernyataan dan penggunaan istilah yang jelas. Selebihnya terdapat beberapa aktiviti yang memerlukan penambahbaikan seperti yang disarankan oleh pakar dan murid.

Kesahan Kandungan Modul BKTPTTR

Menurut Ghazali dan Sufean (2021) sesebuah modul dikatakan mempunyai kesahan yang tinggi apabila memperoleh skor kesahan melebihi 70%. Jadual 2 menunjukkan nilai kesahan sesi dan aktiviti dalam modul BKTPTTR:

Jadual 2: Nilai kesahan bagi sesi dan aktiviti dalam Modul Bimbingan Kelompok Teori Pilihan Terapi Realiti (BKTPTTR) berdasarkan penilaian pakar

Sesi kelompok/ submodul BKTPTTR	Aktiviti/ Pengisian	Peratusan (%)	Pandangan pakar
Sesi 1 Bina hubungan	Akt 1 : Colek-colek manja	85	Diterima
	Akt 2 : Rantainya Kasih		
	Akt 3 : Epok- epok bom		
Sesi 2 Memahami keseluruhan dunia kualiti/ kehendak dalaman dan keperluan asas	Akt 4 : Keperluan asasku	81	Diterima
	Akt 5 : Keinginan yang ingin Kucapai		
	Akt 6 : Pokok keperluan asasku		
Sesi 3 Melihat Dunia sebenar	Akt 7 : Dunia sebenarku	84	Diterima
	Akt 8 : Mengenal pasti isu psikologi		
Sesi 4 Mengenal pasti konflik keperluan asas dan dunia sebenar	Akt 9 : Kepelbagaian dimensi ketakutan gagal	77	Diterima
	Akt 10 : Kolam yang indah		
Sesi 5 Bersedia melakukan dan menunjuk arah	Akt 11 : Halangan dan cabaran	85	Diterima
	Akt 12 : Kotak hitamku		
	Akt 13 : Perbandingan antara murid berjaya dan gagal		
Sesi 6 Arah tuju klien	Akt 14 : Akanku tawan puncak Everest	84	Diterima
	Akt 15 : Enam Buah Jendela		
Sesi 7 Membuat perancangan dan penilaian terhadap perancangan ahli kelompok	Akt 16 : Senarai Semak Strategi CORE	90	Diterima
	Akt 17 : Membuat Perancangan berdasarkan Konsep SAMIC		
	Akt 18 : Jentolak yang kuat		
Sesi 8 Penamatan	Akt 19 : Perjanjian & Pesanan buat diriku	89	Diterima
	Akt 20 : Lambaian Kasih		

Jadual 2 menunjukkan peratusan kesahan bagi lapan sesi kelompok dalam modul ini. Nilai peratusan minimum iaitu 77% bagi Aktiviti 9 (Kepelbagaian dimensi ketakutan gagal) dan Aktiviti 10 (Kolam yang indah). Peratusan maksimum

pula, sebanyak 90% bagi Aktiviti 16 (Senarai semak strategi CORE). Hasil analisis menunjukkan nilai peratusan keseluruhan kesahan melebihi 70%. Hal ini menunjukkan modul BKTPTTR mempunyai ketekalan yang kuat serta boleh dipercayai.

Kebolehpercayaan Modul BKTPTTR

Kerlinger (1979) berpendapat asas nilai kebolehpercayaan modul yang baik mempunyai nilai α (alpha) melebihi 0.6. Berdasarkan kajian rintis nilai kebolehpercayaan keseluruhan modul BKTPTTR adalah .98. Penilaian nilai alpha terendah mengikut adalah ialah bagi Aktiviti 8 : Mengenal pasti isu psikologi iaitu .64. Nilai paling tinggi pula adalah bagi Aktiviti 15 : Enam buah jendela dengan nilai $\alpha = .93$. Lantaran itu, nilai alpha ini membuktikan bahawa modul BKTPTTR boleh digunakan sebagai intervensi untuk menangani isu berkaitan KKKAP, KMK dan KMC. Nilai kebolehpercayaan sesi dan aktiviti modul BKTPTTR dapat dilihat dalam Jadual 3.

Jadual 3: Nilai kebolehpercayaan bagi sesi dan aktiviti dalam Modul Bimbingan Kelompok Teori Pilihan Terapi Realiti (BKTPTTR) berdasarkan penilaian pakar

Sesi kelompok/ submodul BKTPTTR	Aktiviti/ Pengisian	Nilai kebolehpercayaan
Sesi 1 Bina hubungan	Akt 1 : Colek-colek manja	0.74
	Akt 2 : Rangkaian Kasih	0.66
	Akt 3 : Epok- epok bom	0.88
Sesi 2 Memahami keseluruhan dunia kualiti/ kehendak dalaman dan keperluan asas	Akt 4 : Keperluan asasku	0.84
	Akt 5 : Keinginan yang ingin Kucapai	0.74
	Akt 6 : Pokok keperluan asasku	0.70
Sesi 3 Melihat Dunia sebenar	Akt 7 : Dunia sebenarku	0.80
	Akt 8 : Mengenal pasti isu psikologi	0.64
Sesi 4 Mengenal pasti konflik keperluan asas dan dunia sebenar	Akt 9 : Kepelbagaian dimensi ketakutan gagal	0.84
	Akt 10 : Kolam yang indah	0.69

Sesi 5 Bersedia melakukan dan menunjuk arah	Akt 11 : Halangan dan cabaran	0.80
	Akt 12 : Kotak hitamku	0.70
	Akt 13 : Perbandingan antara murid berjaya dan gagal	0.81
Sesi 6 Arah tuju klien	Akt 14 : Akanku tawan puncak Everest	0.86
	Akt 15 : Enam Buah Jendela	0.93
Sesi 7 Membuat perancangan dan penilaian terhadap perancangan ahli kelompok	Akt 16 : Senarai Semak Strategi CORE	0.87
	Akt 17 : Membuat Perancangan berdasarkan Konsep SAMIC	0.90
	Akt 18 : Jentolak yang kuat	0.90
Sesi 8 Penamatan	Akt 19 : Perjanjian & Pesanan buat diriku	0.92
	Akt 20 : Lambaian Kasih	0.88

Perbincangan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengintergrasian beberapa dimensi teori ini telah berjaya diterjemahkan melalui amalan pembangunan modul yang berkesan dan mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan modul yang tinggi. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa setiap teori dan model yang dipilih mampu membantu murid dan guru untuk mengenal pasti kelemahan yang ada pada pelajar untuk ditambah baik. Senjata utama untuk menangani ketiga-tiga isu ini menggunakan strategi WDEP dalam TPTR. Strategi WDEP digunakan bertujuan meneroka isu, melihat persepsi, mengubah tingkah laku, membuat perancangan dan pelan tindakan murid untuk mencapai matlamat perubahan.

TPTR merupakan satu alternatif yang cepat, berfokus kepada jangka masa pendek dan menangani masalah tingkah laku secara sedar dan berkesan dalam membantu klien mencapai perubahan positif. Seterusnya, kajian turut berjaya menghasilkan manual modul untuk kegunaan GBK dan murid. Manual ini berperanan memandu GBK dalam pelaksanaan sesi bimbingan kelompok. Kajian akan datang disarankan menggunakan semula modul ini dan membuat penambahbaikan terhadap aktiviti ini agar bersesuaian dengan matlamat kajian dan perlu disesuaikan dengan budaya dan nilai masyarakat pada ketika itu. Tindakan penambahbaikan modul ini menghasilkan modul yang lebih mantap dan membuka lembaran baru bagi kajian pembinaan modul.

Rujukan

- Abdi, S., Sharifi, T., Qazanfari, A. & Solati, K. (2019). A comparison of the effectiveness of group reality therapy and positive psychotherapy on irrational beliefs and psychological hardiness in brilliant talent students. *Journal of Shahrekord University of Medical Sciences*, 21(1), 31–38. <https://doi.org/10.34172/jsums.2019.06>
- Adawiah, I. & Azemi, S. (2017). Pembinaan, kesahan dan kebolehpercayaan modul bimbingan terapi realiti teori pilihan. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 20, 77–87. <https://doi.org/10.32890/jps.20.2017.11544>.
- Ahmad Jazimin Jusoh, Md. Noor Saper, Mohammad Nasir Bistamam & Hapsah Md Yusof. (2021). Teori Pilihan Terapi Realiti (CTRTR) : *Konseptualisasi kes berdasarkan teori dan pengkhususan kaunseling*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Amnah Zanariah, A.R. (2021). *Pembangunan dan kebolegunaan Modul Psikopendidikan GIFTED dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat Universiti Kebangsaan Malaysia*. (PhD Thesis). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anggraini, T. and Mahmudi, A. (2021). Exploring the students' adversity quotient in online mathematics learning during the covid-19 pandemic. *Jramathedu; Journal of Research and Advances in Mathematics Education*, 6(3), 221-238. <https://doi.org/10.23917/jramathedu.v6i3.13617>
- Aslan, S. (2021). The Effect Of The Group Guidance Program Based On Reality Therapy To Reduce Academic Procrastination Behavior. Gaziantep University, Turkey.
- Asma Mat. (2019). Kesan modul terapi rasional emotif tingkah laku (REBT) terhadap sistem kepercayaan dan estim diri dalam kalangan pelatih di Sekolah Tunas Bakti. Prademic Press.
- Bozhani, E. F., Momeni, K., & Moradi, A. (2023). The Relationship Between School Culture and Students' Academic Well-Being: The Mediating Role of the Satisfaction of the Basic Psychological Needs. <https://doi.org/10.21203/rs.3.rs-2933930/v1>
- Chua, Y. P. (2022). *Asas statistik penyelidikan* (Edisi ke-4). Mc Graw Hill Education.

- Chuang, Y., Huang, T., Lin, S., & Chen, B. (2022). The influence of motivation, self-efficacy, and fear of failure on the career adaptability of vocational school students: moderated by meaning in life. *Frontiers in Psychology*, 13. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.958334>
- Conroy, D. E., Willow, J. P. & Metzler, J. N. (2002). Multidimensional fear of failure measurement: The performance failure appraisal inventory. *Journal of Applied Sport Psychology*, 14(2), 76– 90. <https://doi.org/10.1080/10413200252907752>.
- Doreen, T.J.C., Shahlan, S. (2021). Sorotan Literatur Bersistematik: Faktor-Faktor Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 6, Issue 12, (page 137 - 157), 2021 DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i12.1210>
- Fraenkel, J. R., Wallen, N. E. & Hyun, H. H. (2019). *How to design and evaluate research in education*(Edisi ke-10). Mc Graw Hill Education.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2021). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian* (Edisi ke-3). Penerbitan Universiti Malaya. <https://doi.org/10.14425/9789674881733>.
- Glasser, W. (1965). *Reality therapy: A new approach to psychiatry*. HarperCollins Publishers. Glasser, W. (1998). *Choice theory: A new psychology of personal freedom*. HarperCollins Publishers.
- Haziq Azree. (2020) Kesan Bimbingan Kelompok Choice Theory Reality Therapy (BKTPTR) terhadap daya tahan dan motivasi dalam kalangan pelajar ibu bapa bercerai (master thesis). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hajhosseini, M., Gholamali-Lavasani, M. & Beesti, M. R. (2017). Effectiveness of group counseling based on reality therapy on academic procrastination and behavioral self-regulation of student. *Journal of Mazandaran University of Medical Sciences*, 27(155), 27–36.
- Hofverberg, A., Winberg, M., Palmberg, B., Andersson, C., & Palm, T.. (2022). Relationships Between Basic Psychological Need Satisfaction, Regulations, and Behavioral Engagement in Mathematics. *Frontiers in Psychology*, 13. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.829958>
- Hulaikah, M., Degeng, I., & Murwani, F. D. (2020). The Effect of Experiential Learning and Adversity Quotient on Problem Solving Ability. *International Journal of Instruction*, 13(1), 869-884.

- Jamaludin Ahmad. (2008). Modul dan pengendalian bimbingan kelompok (Edisi ke-5). Penerbitan Universiti Putra Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2023). Laporan Awal Pencapaian Malaysia dalam PISA 2022. <https://www.moe.gov.my/muat-turun/lain-lain/6033-buku-laporan-pisa/file>
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2023). *Analisis keputusan Sijil Pelajaran Malaysia tahun2022*. <https://www.moe.gov.my/muat-turun/laporan-dan-statistik/lp/3324-laporan-analisis-keputusan-spm-2022/file>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013- 2025. Putrajaya, Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kerlinger, F. N. (1979). Foundations of behavioral research (Edisi ke-2). Holt, Rinehart and Winston.
- Kuhon, F. (2020). A study on students' adversity quotient and Academic performance in english subject. *Journal of Advanced English Studies*, 3(1), 24-29.
- Lakapu, D. and Mariana, N. (2020). Elementary school student creativity in solving geometry contextual problems based on adversity quotient. *Indomath Indonesia Mathematics Education*, 3(2), 110. <https://doi.org/10.30738/indomath.v3i2.7833>
- Linda Jamaludin. (2020). Kesan modul terapi bermain Adlerian terhadap kesejahteraan sendiri kanak-kanak mangsa pengabaian (PhD thesis). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mansoureh, H., & Masood, G.L. (2017) Effectiveness of group counseling based on Reality Therapy on Academic Procratination and Behavioural Self-Regulation of Student. *Journal of Mazandaran University of Medical Sciences*, 27(155)-27-36
- Mason, C. P. (2018). Using lead management principles to decrease the academic achievement gap in P-12 schools. *International Journal of Choice Theory and Reality Therapy*, 38(1), 21–32
- Mohammad Aziz Syah, .M.A. (2010). Kesan bimbingan kelompok ke atas konsep sendiri, penilaian konsep sendiri-rakan sebaya, daya tahan dan kelangsangan remaja pertengahan yang sederhana rendah konsep sendiri (PhD thesis). Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Masliza Siti Ramli & Nor'ain Mohd Tajuddin. (2021). Analisis keperluan untuk membangunkan Modul Pembelajaran berasaskan challenge dalam mempelajari Matematik bagi murid tingkatan 4. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 50–58. <https://doi.org/10.37134/jpsmm.vol11.sp.5.2021>.
- Mohd Effendi, M., Rosli, Z., Nadmilail, A. I., Asli, N. F., Agir, N., & Faamanatu-Eteuati, N. (2022). The Wright map pattern in assessing adversity quotient for Malaysian polytechnic students from CORE model perspective. *Proceedings of Mechanical Engineering Research Day, 2022*, 193- 195.
- Mohd Majid Konting. (2004). *Kaedah penyelidikan pendidikan* (Edisi ke-4). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zaharen Md Zahir, Md Noor Saper & Mohammad Nasir Bistamam. (2019). Kesahan dan kebolehppercayaan modul bimbingan kelompok integrasi REBT-Tazkiyah An-Nafs. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*, 9(1), 58–69. <https://doi.org/10.37134/jrptte.vol9.no1.6.2019>.
- Mohamad Zainun, Mohd Ropizam & Wahab, Nubli & Aziz, Abdul. (2023). Pembinaan, Kesahan Dan Kebolehppercayaan Modul Kaunseling Kelompok Berdasarkan Teknik Surah Lukman (Ayat12 Hingga 19) Terhadap Murid Sekolah Menengah. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*. 42-52. 10.15282/ijhtc.v8i2.9867.
- Neufeld, A., Mossière, A. & Malin, G. (2020). Basic psychological needs, more than mindfulness and resilience, relate to medical student stress: A case for shifting the focus of wellness curricula. *Medical Teacher*, 42(12), 1401–1412. *Taylor and Francis*. <https://doi.org/10.1080/0142159X.2020.1813876>.
- Nor Asikhin Ishak. (2022). Pembinaan Dan Kesan Modul Kaunseling Kelompok Berstruktur (K²B) Terapi Rasional Emotif Tingkah Laku (REBT) Dalam Mengurangkan Kemurungan Remaja (Tesis PHD). Universiti Sains Malaysia.
- Normadiyahana Abdullah, Abu Yazid Abu Bakar, Mohd Izwan Mahmud. (2021). The Development Of Ps3 Psychoeducational Module Based On Cognitive Behavioural Therapy (cbt) Approach. - *International Journal Of Academic Research In Business & Social Sciences*. 861-876.

- Nurul Fathihah dan Ahmad Jazimin (2024). Modul Bimbingan Kelompok Teori Pilihan Terapi Realiti dalam Meningkatkan Akademik Pelajar. (Edisi ke-2). Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- OECD. (2023). PISA 2022 Results (Volume I): The State of Learning and Equity in Education, PISA.OECD Publishing, Paris,<https://doi.org/10.1787/53f23881-en>
- Passanisi, A., Sorrenti, L., Costa, S., Toffle, M., & Filippello, P. (2021). The relationship between school-basic psychological need satisfaction and frustration, academic engagement and academic achievement. *School Psychology International*, 42(5), 497-519. <https://doi.org/10.1177/01430343211017170>
- Rusell, J. D. (1974). Modular instruction: A guide to the design, selection, utilization and evaluation of modular materials. Publishing Company.
- Ryan, R. M. & Deci, E. L. (2000). Self-determination theory and the facilitation of intrinsic motivation, social development, and well-being. *American Psychologist*, 55(1), 68–78. <https://doi.org/10.1037/0003-066X.55.1.68>.
- Ryan, R. M. & Deci, E. L. (2017). Self-Determination Theory: Basic psychological needs in motivation, development and wellness. The Guilford Press.
- Salwana Mahamud & Norasmah Othman. (2021) Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kecerdasan menghadapi cabaran teknologi menggunakan model Rasch. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan Asia Tenggara*. Volume 90, No. 3, Special issues 2020, Pages 29 to 41.
- Shukree Yusof & Ahmad Jazimin Jusoh (2023). The Effects of the CTRT Guidance Group Module on Career Exploration and Career Decision-Making Based on Students` Gender. *International Journal of Education, Information Technology, and Others*, 6(2), 1-17. <https://doi.org/10.5281/zenodo.7797603>
- Sidek Mohd Noah. (1997). *Modul penilaian dalam kaunseling*. Universiti Putra Malaysia.
- Sidek Mohd Noah. (2001). *Perkembangan kerjaya: Teori dan praktis*. Universiti Putra Malaysia. Stoltz, P. G. (1997). Adversity quotient: Turning obstacles into opportunities. John Wiley & Sons.

- Yoosefi Jooybari, F., Hassanzadeh, R. & Fakhri, M. K. (2018). Comparison of the effectiveness of creativity therapy training and group counseling based on choice theory on students' motivation improving. *International Clinical Neuroscience Journal*, 5(2), 67–71. <https://doi.org/10.15171/icnj.2018.13>.
- Xiong, C. (2022). Correlates of the School-Based Guidance Program to Freshman Students in Guangdong Province, China: Basis for Enhanced Guidance Program. *Journal of Contemporary Educational Research*, 6(9), 53–64. <https://doi.org/10.26689/jcer.v6i9.4320>
- Zamarripa, J., Rodríguez-Medellín, R., Pérez-García, J. A., Otero-Saborido, F. & Delgado, M. (2020). Mexican basic psychological need satisfaction and frustration scale in physical education. *Frontiers in Psychology*, 1–8. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.00253>

Meneroka Faktor Yang Mempengaruhi Tekanan Emosi Dalam Kalangan Pelajar Perempuan di Kolej Matrikulasi

Faradila Zainal Abidin¹, Zubaidah Zakaria²

¹²Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan

¹faradila@kmn9.matrik.edu.my

²zubaidah.zakaria@kmn9.matrik.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui faktor yang mempengaruhi tekanan emosi dalam kalangan pelajar perempuan di sebuah kolej matrikulasi. Kajian ini melibatkan empat responden yang dipilih secara sukarela yang sedang menghadapi tekanan emosi pada ketika tersebut. Tekanan emosi dalam kalangan pelajar tidak boleh dipandang remeh berikutan pelajar adalah aset penting negara kerana mereka adalah generasi pelapis dan penggerak kemajuan negara kelak. Walaubagaimanapun kelompok ini sangat terdedah dengan isu kesihatan mental dan perlunya pencegahan awal. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah temu bual berstruktur bagi mendapatkan data. Analisis kualitatif digunakan untuk membentuk tema-tema hasil daripada temu bual. Analisis kajian menunjukkan faktor utama yang mempengaruhi tekanan emosi yang dihadapi peserta kajian adalah penolakan daripada rakan sebaya, isu kekeluargaan, mempunyai hubungan yang kurang baik dengan pensyarah, menjadi harapan yang tinggi kepada ibu bapa dan isu pembelajaran itu sendiri. Kesimpulan daripada hasil kajian ini dapat digunakan untuk merancang intervensi atau langkah bantuan yang bersesuaian kepada pelajar. Melalui kajian ini diharap dapat memberikan impak positif kepada pelajar dari segi sokongan psikologikal agar potensi mereka dapat dibangunkan secara optimum.

Kata kunci: Stres pelajar; Tekanan emosi; Kesihatan Mental

Pengenalan

Tekanan emosi adalah satu keadaan individu yang mengalami desakan-desakan dari dalam diri individu tersebut dan juga persekitarannya. Desakan yang terlalu banyak dapat mengakibatkan berlakunya perubahan dari segi fisiologi, mental dan tingkah laku yang dikatakan sebagai stres. Menurut Sapora (2013) tekanan emosi adalah sesuatu yang tidak boleh dijangkakan tetapi manusia masih boleh menguruskannya supaya menjadi berkurangan. Tekanan emosi juga boleh dialami oleh setiap individu pada setiap peringkat umur. Terdapat individu yang menjadikan tekanan emosi sebagai pemacu motivasi instrinsik untuk lebih berjaya. Namun begitu, terdapat juga individu yang semakin berputus asa dan hilang motivasi dengan tekanan emosi yang dialami.

Ivan Hoe dan rakan (2013) mengelaskan tekanan kepada tiga tahap. Tekanan reaktif iaitu berpunca dari faktor luaran yang menyebabkan individu hilang sebahagian kehendak atau minat untuk meneruskan aktiviti seharian. Individu ini akan merasa rendah diri, kelesuan dan tidak bersemangat, hilang tumpuan dan mengasingkan diri dari aktiviti sosial. Tahap kedua ialah endogenus iaitu disebabkan oleh faktor dalaman iaitu keturunan atau faktor biokimia dalam badan. Individu di tahap ini sering berfikir untuk mencederakan diri atau menamatkan hidup dengan membunuh diri, berasa diri tidak berguna dan merasakan masa depan mereka gelap. Tahap tekanan yang ketiga atau paling membimbangkan adalah tahap psikosis. Pada tahap ini individu tidak lagi menghiraukan diri sendiri dan persekitarannya sehingga berpotensi membunuh. Terkini, menurut tinjauan yang dijalankan oleh Rakuten Insight di Malaysia pada Mei 2022 mendapati sebanyak 59 peratus daripada responden berumur antara 16 dan 24 tahun menunjukkan tahap tekanan atau kebimbangan yang lebih tinggi dalam tempoh 12 bulan yang lalu. Seterusnya mempengaruhi statistik masalah kesihatan mental di Malaysia.

Manakala, remaja pula merupakan golongan yang akan melalui fasa perubahan melibatkan sistem biologi, fizikal, emosi, psikologi dan sosial seiring dengan peningkatan usia mereka. Perubahan ini akan memberi tindak balas agresif kepada golongan remaja sehingga menyebabkan emosi dan mental mereka berada dalam keadaan yang tidak stabil (Ahmad Janaidi et al., 2022). Menurut kajian tinjauan yang dilakukan oleh Persatuan Psikologi Amerika (APA) (2020) mendapati bahawa remaja Gen-Z yang berumur 13 hingga 17 tahun mempunyai tahap tekanan yang sangat tinggi malah berdasarkan Statistik Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2015 menyatakan bahawa satu daripada tiga rakyat Malaysia berumur 16 tahun dan ke atas mempunyai masalah mental. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) 2022 mendapati sebanyak (50%) peratus remaja yang mengalami kesihatan mental bermula sebelum mereka berumur 14 tahun dan (75%) bermula pada umur 20-an.

Menurut Lee (2022), isu kesihatan mental ini sudah pasti membimbangkan masa depan negara kerana masalah mental bukan saja terjadi dalam kalangan penduduk dewasa tetapi turut berlaku kepada golongan remaja. Sekiranya perkara ini tidak diselesaikan, ia akan memberi masalah kepada masa hadapan negara. Justeru, penulisan ini bertujuan untuk meneroka tahap dan punca tekanan emosi di kalangan remaja. Bahkan penulisan ini berfokus kepada beberapa orang pelajar perempuan di sebuah Kolej Matrikulasi di Malaysia kesan daripada cara penyelesaian yang salah oleh pelajar tersebut. Hal ini amat penting kerana ia akan turut memberi kesan serius terhadap kesihatan mental pelajar akibat tekanan yang dialami jika tidak dibantu.

Pernyataan Masalah

Dewasa ini, isu kesihatan mental dan kemurungan sering menjadi perhatian dan kebimbangan warga dewasa terhadap golongan muda atau remaja. Menurut Omar (2021), laporan yang diperolehi daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan terdapat peningkatan pada kes bunuh diri yang dilaporkan pada tahun 2020 berbanding tahun 2019. Tahun 2019 terdapat 609 kes manakala tahun 2020 terdapat 631 kes. Peningkatan dianggarkan sebanyak 20 kes. Sehingga Mac 2021, sejumlah 336 kes bunuh diri telah dilaporkan kepada PDRM (Omar, 2021). Ini menggambarkan hanya dalam 3 bulan pertama sahaja bilangan kes bunuh diri melebihi separuh daripada bilangan kes tahun sebelumnya.

Remaja atau individu yang mengambil keputusan untuk membunuh diri kerana tekanan emosi menunjukkan bahawa akal fikiran mereka berada pada tahap yang sangat kritikal. Hal ini juga membuktikan bahawa kecerdasan emosi mereka berada pada tahap yang sangat rendah kerana tidak mampu untuk memahami dan mengawal emosi sehingga melakukan perkara yang memudaratkan diri sendiri dan mungkin dapat memudaratkan orang lain. Individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi pasti mampu untuk menguruskan emosi negatif yang mereka ekspresikan ketika berdepan dengan tekanan. Semakin tinggi kecerdasan emosi seseorang maka semakin rendah tekanan yang dihadapi (Chlarasinta Duri Kartika, 2015). Bukan itu sahaja, individu yang memiliki kecerdasan emosi juga mampu untuk memahami emosi sendiri, mahir dalam mengendalikan tekanan emosi, mampu untuk memotivasikan diri ketika berdepan dengan sebarang kesulitan ataupun masalah, menyedari emosi orang lain seterusnya dapat mengekalkan hubungan dan nilai sosial dengan orang lain (Goleman, 1995).

Berdasarkan statistik Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2017 yang lalu juga mendedahkan keadaan kesihatan mental dalam kalangan remaja semakin membimbangkan. Selain itu, statistik Kajian Morbiditi Kesihatan Kebangsaan (NHMS) pada tahun 2019 mendapati 2.3% rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas mengalami masalah kemurungan (*National Health and*

Morbidity Survey, 2019). Kesehatan mental merupakan aspek sangat penting bagi setiap fasa kehidupan manusia seperti mana pentingnya kesehatan fizikal. Kesehatan mental turut dilihat dari aspek baik dan buruk. Dalam kehidupan setiap individu, ada kemungkinan mengalami kedua-dua aspek tersebut. Kadangkala keadaan mentalnya sangat sihat, tetapi pada sesuatu masa yang lain adalah sebaliknya. Pada saat mengalami masalah kesehatan mental, seseorang individu memerlukan pertolongan ataupun sokongan sosial dari orang sekeliling untuk mengatasi masalah yang dihadapinya. Kesehatan mental dapat memberikan kesan terhadap kehidupan sehari-hari atau masa depan seseorang termasuk kanak-kanak, remaja dan belia. Merawat dan melindungi kesehatan mental mereka merupakan aspek yang sangat penting yang dapat membantu perkembangan individu yang lebih baik di masa depan.

World Health Organization (WHO) (2018) turut mendefinisikan kesehatan adalah keadaan atau aspek kesejahteraan fizikal, mental dan rohani serta kerja sosial. Ketiga-tiga aspek ini perlu dipenuhi oleh setiap individu bagi mencapai tahap kesehatan yang optimum. Manakala, kesehatan mental pula merupakan satu keadaan di mana seseorang individu menyedari kebolehan dirinya, boleh menghadapi tekanan hidup yang normal, boleh bekerja dengan produktif dan mampu memberi sumbangan kepada komuniti. Isu kesehatan mental bukan hanya menjurus kepada masalah tekanan sahaja tetapi menekankan aspek bagaimana seseorang individu mengatasi masalah tekanan mental. Oleh sebab itu, faktor-faktor penyebab tekanan emosi dalam kalangan pelajar adalah sangat penting untuk dikenal pasti supaya intervensi pengurusan tekanan emosi yang berkesan dapat dirancang dan dilaksanakan. Menurut Hezzrin (2019), remaja perlukan elemen pembangunan positif terutama aspek pembangunan kognitif dan kemahiran sosial untuk kesejahteraan hidup mereka.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mendalami dengan lebih terperinci tentang perkara yang dialami oleh peserta kajian. Pengkaji turut memilih kajian kes sebagai kajian untuk memahami isu tekanan emosi dalam kalangan peserta kajian dan mengumpul maklumat secara sistematik serta mendalam tentang tingkah laku individu, peristiwa khusus atau keadaan sosial untuk mengetahui bagaimana tekanan emosi boleh berlaku. Oleh itu, kajian ini amat bertepatan dalam mendapatkan pemahaman dan penjelasan daripada peserta kajian tentang permasalahan dan cabaran yang dihadapi sehingga memberi kesan terhadap gaya daya tindak mereka.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan untuk :

1. Mengenal pasti kefahaman pelajar perempuan tentang tekanan emosi.

2. Mengenal pasti faktor tekanan emosi dalam kalangan pelajar perempuan.
3. Mengenal pasti cara pengurusan tekanan emosi dalam kalangan pelajar perempuan.

Persoalan Kajian

Pengkaji menyenaraikan tiga persoalan kajian, iaitu:

1. Apakah tahap kefahaman pelajar perempuan terhadap tekanan emosi ?
2. Apakah faktor tekanan emosi dalam kalangan pelajar perempuan?
3. Apakah langkah yang diambil untuk menguruskan tekanan emosi pelajar perempuan?

Tinjauan Literatur

Menurut Khan et al. (2013) menyatakan bahawa pelajar mengalami tekanan disebabkan oleh perubahan gaya hidup, hubungan interpersonal dan tekanan akademik seperti peperiksaan, kerja rumah dan keperluan tambahan yang mungkin melampaui kebolehan mereka. Menurutnya, faktor utama tekanan dalam kalangan pelajar ialah tekanan keluarga, tekanan emosi, tekanan kewangan dan tekanan sosial. Tekanan keluarga terjadi apabila kebanyakan pelajar ingin hidup bebas dan tidak mahu mengikut peraturan ketat yang dikawal oleh ibu bapa. Tekanan kewangan terjadi apabila pelajar ingin mempunyai kehidupan yang kaya untuk masa hadapan mereka. Hal ini menyebabkan mereka mengalami tekanan untuk merealisasikannya. Tekanan sosial terjadi apabila kebanyakan pelajar memerlukan kelulusan (approval) dan kekaguman (admiration) daripada orang di sekeliling mereka. Mereka hidup dalam keadaan tekanan kerana perlu terus bergerak ke hadapan dan ia menyebabkan wujudnya tekanan sosial.

Lin dan Huang (2012) pula menyatakan bahawa faktor tekanan seperti kesunyian dan keruntuhan (burnout) menjadi masalah biasa dalam kalangan pelajar dan ia merupakan sesuatu yang mungkin mereka hadapi sewaktu di universiti. Keadaan sunyi akan mewujudkan perasaan negatif, terencil dan tidak berharga yang terjadi akibat beberapa faktor termasuk kurangnya kepuasan dalam hubungan sosial, jangkaan yang tidak memenuhi status sosial sebenar, atau defisit dalam kesalinghubungan emosi (Stoliker & Lafreniere 2015). Hal ini turut dinyatakan oleh Al-Dubai et al. (2011) tekanan emosi mempunyai hubungan signifikan dengan kebimbangan tentang masa hadapan, masalah kewangan, konflik interpersonal, masalah keluarga, harga diri rendah, konflik rakan sebilik, ketidakupayaan mendapatkan sokongan ibu bapa untuk menyelesaikan masalah, dan perubahan tabiat makan. Ramachandiran dan Dhanapal (2018) pula menyatakan bahawa pelajar mengalami tekanan disebabkan oleh masalah keluarga, keperluan biasiswa, beban kewangan, persaingan dalam kelas, peperiksaan, pengurusan masa, dan tekanan yang berkaitan dengan kursus.

Manakala menurut Bhat U et al. (2018), tekanan emosi terjadi apabila kebanyakan pelajar sentiasa mencari pasangan yang paling sesuai untuk memahami diri mereka. Setiap pelajar ingin merasakan kehidupan positif, sihat, dan memuaskan dengan pasangan mereka dan untuk mencari pasangan yang baik serta sepadan boleh menyebabkan berlakunya tekanan. Sementara itu, Hanna et al. (2018) menyatakan bahawa pilihan kerjaya dan peluang pekerjaan mendorong kepada tekanan dalam kalangan pelajar. Yikealo et al. (2018) juga turut menyatakan bahawa pelajar kebiasaannya mengalami tekanan disebabkan oleh keperluan untuk memastikan kelangsungan akademik dan persediaan untuk melanjutkan kerjaya mereka.

Dalam pada itu, Almojali et al. (2017) mendapati bahawa terdapat hubungan signifikan antara tekanan dengan kualiti tidur yang teruk. Tambahan pula, tekanan juga boleh berlaku disebabkan oleh masalah tidur yang tidak sempurna. Yadav dan Prakash (2020) juga menemukan bahawa pelajar mengalami gangguan psikologi seperti masalah tidur. Masalah tidur boleh mempengaruhi pelbagai proses tingkah laku dan fisiologi yang membawa kepada komplikasi kesihatan dan menyebabkan kemerosotan kualiti hidup (Buysse et al. 2008). Pascoe et al. (2020) juga menyatakan bahawa gangguan berkaitan dengan tekanan terhadap kualiti dan kuantiti tidur adalah faktor penting yang menyumbang kepada kelemahan pembelajaran dan kesejahteraan dalam kalangan pelajar.

Melalui tinjauan literatur di atas, dapatlah disimpulkan bahawa sememangnya terdapat dalam kalangan pelajar kolej matrikulasi yang mengalami masalah tekanan berpunca daripada faktor yang pelbagai. Justeru, makalah ini dirujuk signifikan untuk mengkaji tahap dan punca tekanan dalam kalangan pelajar perempuan di sebuah Kolej Matrikulasi bagi melihat situasi tekanan yang dialami oleh mereka seterusnya menjalankan intervensi mengurus tekanan ke arah mencapai kesejahteraan hidup.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif dan menggunakan instrumen *Depress, Anxiety And Stress Scale (DASS)* sebagai alat kajian mengukur bentuk tekanan emosi pelajar. Saringan minda sihat *DASS* ini telah diberikan kepada pelajar seramai 2000 orang pada awalnya dan menggunakan kaedah pemilihan sampel. Reka bentuk kajian kes ini telah dijalankan ke atas empat orang peserta kajian. Mereka adalah terdiri dari kalangan pelajar yang mendapat skor sederhana bagi stres dalam saringan minda sihat (*DASS*) seterusnya hadir secara sukarela namun mempunyai idea untuk mencederakan diri (*self harm*) pada diri sendiri. Peserta kajian ini juga merupakan pelajar di kolej matrikulasi X yang berusia antara 18 dan 19 tahun. Masing-masing berbangsa Melayu dan terdiri dari jantina perempuan. Pengkaji menggunakan kaedah pemilihan sampel bertujuan untuk pengumpulan data melalui sesi temu bual yang dijalankan secara berfokus melalui sesi kaunseling yang dijalankan secara berkala bersama peserta kajian.

Sesi temu bual ini berfokus kepada tiga persoalan utama kajian iaitu persoalan pertama berkaitan tahap kefahaman peserta kajian terhadap tekanan emosi, persoalan kedua berkaitan faktor tekanan emosi dalam kalangan peserta kajian dan persoalan terakhir berkaitan langkah yang diambil untuk menguruskan tekanan emosi mereka. Jawapan yang diberikan telah direkodkan menggunakan alat perakam suara pada telefon bimbit. Semua peserta kajian juga telah dimaklumkan bahawa mereka adalah peserta dalam kajian yang akan pengkaji laksanakan dan permohonan kebenaran bertulis telah diperolehi daripada semua peserta. Rakaman suara peserta kajian telah ditranskripkan menjadi verbatim dan dianalisa sebagai data. Data ini telah dianalisa dengan cara mendengar kembali, menyediakan transkrip, menyusun data, membuat penetapan tema dan membuat laporan berdasarkan sesi temu bual yang berlangsung antara pengkaji dengan peserta kajian.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian yang diperolehi ini dijelaskan mengikut persoalan dan objektif kajian yang telah dinyatakan pengkaji. Dapatan kajian berdasarkan temu bual yang telah dilakukan kepada empat orang peserta kajian menunjukkan terdapat kefahaman yang berbeza tentang makna tekanan emosi. Sebahagian peserta kajian menunjukkan kefahaman negatif terhadap persoalan kajian, iaitu mereka beranggapan bahawa individu yang mengalami tekanan emosi pasti berkecenderungan untuk mencederakan diri. Manakala sebahagian peserta kajian lagi menunjukkan kefahaman yang lebih natural dan berupaya menjelaskan dengan baik berkaitan isu tekanan emosi.

Analisis maklum balas peserta dalam kajian menunjukkan faktor peserta kajian mengalami tekanan emosi adalah apabila terdapat penolakan daripada rakan sebaya, isu kekeluargaan, mempunyai hubungan yang kurang baik dengan penyarah, menjadi harapan yang tinggi kepada ibu bapa dan isu pembelajaran itu sendiri.

Penolakan daripada rakan sebaya

Antara faktor yang menyebabkan tekanan emosi kepada peserta kajian adalah apabila rakan sekelas tidak menerima keberadaan individu tersebut. Peserta kajian menyatakan bahawa diri mereka tidak diterima rakan dan perkara ini menyebabkan mereka berasa tertekan. Peserta kajian terkesan dan merasa rendah diri dengan rakan-rakannya, seterusnya mengasingkan diri dari rakan-rakannya di dalam kelas dan asrama. Keadaan yang dialami oleh PK-1 menyatakan bahawa:

Responden	Petikan temu bual
Responden 1	dia buat tak tahu je bila saya balik bilik..., dia tak tanya pun keadaan saya macam mana walaupun dia tahu apa yang berlaku tadi.

Isu kekeluargaan

Isu kekeluargaan juga turut menyumbang kepada tekanan emosi peserta kajian. Sebagai contoh, trauma akibat keganasan rumah tangga ibu bapa, isu kewangan keluarga, dan ibu bapa yang kurang mengambil berat tentang anak mereka. Keluarga merupakan golongan yang paling dekat dengan seseorang pelajar. Sebagai seorang pelajar pra-universiti yang sedang menghadapi pelbagai cabaran, mereka sentiasa memerlukan sokongan sosial daripada persekitaran mereka terutamanya dengan keluarga terdekat. Kepincangan dalam struktur keluarga menimbulkan suasana yang tidak harmoni serta tidak selesa sehingga menyebabkan tekanan emosi kepada peserta kajian.

Responden	Petikan temu bual
------------------	--------------------------

Responden 2	Saya tak suka balik rumah.... sebab mak ayah saya selalu bergaduh.
-------------	--

Mempunyai hubungan yang kurang baik dengan pensyarah

Disamping itu, hubungan dengan pensyarah juga menjadi faktor tekanan emosi kepada peserta kajian. Hal ini kerana peserta kajian berasa kurang selesa apabila pensyarah sering memanggil peserta kajian untuk menjawab soalan di dalam kelas. Justeru menyebabkan peserta kajian berasa risau dan tertekan dengan keadaan tersebut apabila setiap hari diperlakukan perkara yang sama. Perkara ini menyebabkan peserta kajian berasa tertekan secara emosi untuk hadir ke kelas pensyarah berkenaan.

Responden	Petikan temu bual
------------------	--------------------------

Responden 3	Selalu sangat dia panggil nama saya dalam kelas sampai kawan saya gelarkan dia mak angkat saya...stres saya madam...
-------------	--

Menjadi harapan yang tinggi kepada ibu bapa

Selain itu, tekanan emosi peserta kajian juga berpunca daripada harapan atau kehendak ibu bapa mereka. Peserta kajian berasa tertekan kerana tidak dapat meluahkan perasaan kepada ibu bapa kerana ibu bapanya sangat mengharapkan dirinya boleh belajar dan berjaya dengan cemerlang dalam Program Matrikulasi ini. Peserta kajian juga terpaksa belajar di program matrikulasi dan membuat pilihan program di universiti dalam bidang yang kurang diminati kerana perlu mengikut cita-cita ibu bapa. Peserta kajian turut menyatakan bahawa ibu bapanya tidak akan menerima pandangannya untuk membuat perubahan pada pilihan program kemasukan ke universiti kerana inginkan dirinya melanjutkan pelajaran mengikut kehendak mereka.

Responden	Petikan temu bual
------------------	--------------------------

Responden 4	Mak saya tak akan dengar apa yang saya cakap.... dia nak saya ikut apa kehendak dia ja...
-------------	---

Isu pembelajaran itu sendiri

Kebiasaannya faktor tekanan emosi dalam kalangan peserta kajian adalah disebabkan isu pembelajaran. Mereka tidak dapat mengikut rentak pembelajaran yang sangat laju dan juga sering membandingkan diri dengan orang lain yang lebih pandai. Menurut Johari dan Ahmad (2019), faktor akademik merupakan pendorong utama wujudnya tekanan dalam kalangan pelajar universiti dan diikuti dengan faktor fizikal, sosial serta emosi.

Responden	Petikan temu bual
Responden 5	Saya tak boleh nak catch-up la madam . Lecturer ajar laju sangat..... saya rasa saya dah banyak ketinggalan

Langkah yang diambil untuk menguruskan tekanan emosi

Gaya hidup dan persekitaran yang positif dapat mengurangkan tekanan emosi yang dihadapi oleh individu. Oleh itu terdapat banyak langkah yang boleh diambil untuk menguruskan tekanan emosi. Melalui dapatan kajian, pengkaji telah mengenalpasti beberapa langkah intervensi yang diambil oleh peserta kajian berdasarkan sumbangsaran yang dibincangkan bersama mereka. Antaranya adalah:

1. *Self affirmation* (Peneguhan diri). Sebagai seorang individu yang positif perlu sentiasa bercakap perkara positif kepada diri sendiri setiap hari dan memberi *self-reward* walaupun dengan sekecil-kecil kejayaan bagi meningkatkan self-esteem diri. Pelajar disarankan untuk mengurangkan atau tidak bercakap sesuatu yang negatif kepada diri sendiri yang dapat mempengaruhi tekanan emosi mereka.
2. *Selection* (Pemilihan). Pelajar dinasihatkan untuk bijak memilih rakan sebaya yang membawa aura positif. Jauhkan diri daripada bergaul dengan individu yang membawa aura negatif yang juga membawa kepada perhubungan toksik. Hal ini dapat meningkatkan motivasi dan percaya diri individu tersebut dengan sokongan sosial yang baik dari rakan sebaya.
3. *Action* (Tindakan). Individu yang terlibat dengan tekanan emosi perlu mengambil tindakan proaktif dalam menjayakan langkah 1 dan 2 di atas. Disamping, mendekati diri kepada Tuhan dan mengamalkan amalan kerohanian dalam mencari makna dan tujuan untuk hidup.

Perbincangan

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mendalami dengan lebih terperinci tentang faktor yang mempengaruhi tekanan emosi pelajar perempuan dan langkah-langkah intervensi yang boleh di ambil bagi menguruskan tekanan emosi. Melalui kajian

ini, didapati tekanan emosi yang dihadapi oleh peserta kajian adalah berada di tahap tekanan reaktif iaitu berpunca dari faktor luaran yang menyebabkan individu hilang sebahagian kehendak atau minat untuk meneruskan aktiviti seharian.

Dapatan kajian membuktikan peserta kajian berkecenderungan merasai tekanan emosi apabila terdapatnya penolakan daripada rakan sebaya, isu kekeluargaan, mempunyai hubungan yang kurang baik dengan pensyarah, menjadi harapan yang tinggi daripada ibu bapa dan isu pembelajaran itu sendiri. Ini selaras dengan Irshad et al. (2015) menyatakan bahawa kebanyakan pelajar universiti mengalami tekanan dari segi beban kerja, keluarga, kawan dan pensyarah untuk mengekalkan hasil kerja yang baik dan menyelesaikan tugas tepat pada masanya tanpa gagal. Perkara ini menunjukkan kurangnya sokongan sosial kepada individu yang mengalami tekanan emosi. Sedangkan sokongan sosial memainkan peranan penting dalam membantu meningkatkan kualiti kehidupan seseorang ke arah kesejahteraan emosi mereka. Ini kerana, sokongan sosial adalah proses seseorang individu menyediakan pertolongan kepada orang lain. Melalui sokongan sosial dapat membantu individu menguruskan masalah-masalah yang dihadapi seharian yang boleh menyebabkan tekanan emosi. Menurut Nurullah (2012) sokongan sosial berasal daripada bantuan orang lain. Terdiri daripada individu terdekat misalnya rakan, ibu bapa, ahli keluarga, pensyarah dan orang disekeliling mereka. Oleh itu, kajian ini amat bertepatan dalam mendapatkan pemahaman dan penjelasan daripada peserta kajian tentang permasalahan dan cabaran yang dihadapi mereka sehingga memberi kesan terhadap gaya daya tindak mereka.

Sehubungan dengan ini, pengkaji dapat mengenal pasti langkah intervensi pengurusan tekanan emosi peserta kajian melalui langkah intervensi tekanan emosi 2SA. Langkah 2SA tersebut adalah merangkumi *Self affirmation* (peneguhan diri), *Selection* (pemilihan) dan *Action* (tindakan) seperti yang dijelaskan dalam dapatan kajian. Ini bertepatan dengan teknik-teknik yang dianjurkan oleh Sapora et. al (2013), iaitu 'Teknik menukar corak pemikiran dan perbualan dalaman,' dan 'Teknik menerima, memilih dan mengambil tindakan.'

Kesimpulan

Berdasarkan hasil dapatan temu bual, pengkaji mendapati tahap tekanan emosi pelajar perempuan dalam keadaan terkawal. Namun demikian faktor-faktor tekanan emosi yang dihadapi oleh mereka perlu ditangani dengan baik agar tidak berlaku tindakan ataupun mempunyai idea untuk mencederakan diri (self harm) pada diri sendiri. Diharap kajian ini dapat memberi impak positif kepada pelajar dari segi sokongan psikologikal agar potensi mereka dapat dibangunkan secara optimum. Disamping membantu para kaunselor melaksanakan intervensi yang bersesuaian kepada mereka. Seterusnya dapat memantapkan sistem sokongan dalam kalangan pelajar perempuan dalam mengurus isu tekanan emosi mereka.

Rujukan

- Eraman, S. N. F., Hamisan, Z., & Yaacob, H. F. (2021). Kajian Terhadap Sokongan Sosial dan Kesihatan Mental dalam Kalangan Anggota Polis di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor Bahru:[Research on Social Support and Mental Health amongst Police Officers Stationed in Johor Bahru Contingent Police Headquarter (IPK)]. *Sains Humanika*, 13(2-2).
- Irshad, S., Saleem, S.A.D.I.A., & Mahmood.Z. (2015). Coping Strategies of university students:A validation study. *Journal of Pakistan Psychiatric Society*, 12 (1),8-13.
- Khan, k.u.d., Gulzar, S., & Yahya,F. (2013). Crucial factors affecting stress: A study among undergraduates in Pakistan. *International Journal of Asian Social Science*, 3(2), 428-442
- Kong, Y. L., Anis-Syakira, J., Jawahir, S., R'ong Tan, Y., Rahman, N. H. A., & Tan, E. H. (2021). Factors associated with informal caregiving and its effects on health, work, and social activities of adult informal caregivers in Malaysia: findings from the National Health and Morbidity Survey 2019. *BMC Public Health*, 21, 1-13.
- Muldjamil, N. F. F. A., & Arifain, S. M. K. (2023). Hubungan Antara Kecerdasan Emosi Dan Nilai Sosial Terhadap Tekanan Dalam Kalangan Pelajar Di Sekolah Menengah Kebangsaan Sepagaya, Lahad Datu, Sabah. *Jurnal'Ulwan*, 8(2), 222-235.
- Mohamad Sahide, N., Mohd Pauzi, H., & Awang Noh, N. (2022). Isu dan Literasi Kesihatan Mental dalam kalangan Remaja. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8), e001688. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1688>
- Nadiana, B., Norisham, A. G., Norhanita, O., Zaipul Hasni, M. S., & Nor Hafizah, M. H. (2020). Hubungan Faktor Tekanan Akademik Dengan Kebimbangan Dalam Kalangan Siswa Pendidik Di Institut Pendidikan Guru. *Jurnal Psikologi Dan Kaunseling Tahun, Bil*, 11, 159-172.
- Pauzi, H. M., & Noh, N. A. (2022). Isu dan Literasi Kesihatan Mental dalam kalangan Remaja. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8), e001688-e001688.
- Ramli, M. W., & Dawood, S. R. S. (2020). Faktor tekanan dalam kalangan pelajar Universiti Sains Malaysia: Satu tinjauan awal. *e-BANGI*, 17(7), 66-76.

- Sapora Sipon, Khatijah Othman, Othman Abdul Rahman (2013). Stres Punca, Teori dan Pengurusan Efektif. University Sains Islam Malaysia
- Sham, F. M. (2005). Tekanan emosi remaja Islam. *Jurnal Islamiyyat*, 27(1), 3-24.
- Zin, D. M. M., Zainun, A., & Razak, F. A. (2017). Tekanan emosi dalam kalangan pelajar pintar berbakat. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*.

Kajian Tinjauan Terhadap Pengurusan Emosi Warga Pendidikan Daerah Lubok Antu

Ellan Balang Lau Chui Hsiang

Pejabat Pendidikan Daerah Lubok Antu

ellan.balang@moe.gov.my

Abstrak

Kajian ini memberi fokus kepada pengurusan emosi warga pendidikan Daerah Lubok Antu. Kajian ini berbentuk satu kajian tinjauan melibatkan guru dan anggota kumpulan pelaksana pejabat pendidikan daerah serta sekolah yang berkhidmat di Daerah Lubok Antu. Data kuantitatif diperolehi melalui analisis laporan pengumpulan data melalui Google Drive di mana guru dan anggota kumpulan pelaksana Daerah Lubok Antu diminta untuk menjawab soalan soal selidik Pengurusan Emosi Warga Pendidikan Daerah Lubok Antu. Warga guru dan anggota kumpulan pelaksana diberi 3 minggu mulai 2 haribulan Januari hingga 19 haribulan Januari 2024 untuk menjawab soal selidik tersebut. Secara keseluruhan, dapatan kajian tinjauan mendapati bahawa tahap mengenalpasti emosi dan kawalan emosi warga Pendidikan Daerah Lubok Antu adalah berada pada tahap yang tinggi. Manakala tahap kemahiran melayan berada dalam tahap sederhana. Isu paling ketara yang timbul adalah masih terdapat warga pendidikan yang tidak dapat mengenalpasti pencetus kepada perasaan negatif. Hasil dapatan membolehkan Sektor Psikologi Dan Kaunseling Pejabat Pendidikan Daerah Lubok Antu dapat merancang Bengkel Peningkatan Kepimpinan: Pengurusan Emosi bagi membantu warga Pendidikan mencapai kesejahteraan psikologi.

Kata Kunci: *Di bawah pengurusan emosi, Emosi*

Pendahuluan

Kajian tinjauan ini dilaksanakan bertujuan melihat tahap kesejahteraan psikologi warga pendidikan selaras dengan pemantapan profesionalisme pegawai perkhidmatan Pendidikan di bawah inisiatif #111 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) Kementerian Pendidikan Malaysia. Kemahiran Pengurusan Emosi menunjukkan keupayaan individu menjadi tuan kepada emosi mereka dan bukan bersifat kebudak-budakan. Mereka tidak akan dipengaruhi oleh impuls malahan mereka akan lebih memahami diri mereka sendiri dari segi emosi. Pengurusan emosi bukanlah secara semulajadi tetapi boleh dipelajari sepanjang hayat. Kemahiran yang boleh dikuasai adalah mamahami, mengawal dan mengubahsuai emosi diri sendiri. Justeru itu, kemahiran ini membolehkan diri individu tersebut memahami dengan lebih baik perasaan orang lain. Diberi maksud sebagai perasaan (feeling), pengaruh (affect), watak (disposition) atau / dan situasi minda (mood). (Moore & Oaksford, 2002; Gardner, 1987; George, 1991). Dalam penulisan Fredrickson (2009), menyatakan bahawa terdapat 10 emosi positif yang sering kali dirasai oleh manusia iaitu *joy* (gembira), *gratitude* (syukur), *serenity* (tenang), *interest* (minat), *hope* (harapan), *pride* (bangga), *amusement* (seronok), *inspiration* (inspirasi), *awe* (teruja), dan *love* (kasih sayang).

Persoalan Kajian

1. Sejauh mana warga pendidikan Daerah Lubok Antu dapat mengenalpasti emosi iaitu mengenalpasti jenis-jenis perasaan dalam diri; tahu sebab pencetus kepada emosi dalam diri; dan dapat menyatakan emosi dalam diri secara tepat.
2. Sejauh mana warga pendidikan Daerah Lubok Antu dapat mengawal emosi iaitu mengurus emosi dengan cara yang baik; mempunyai cara tersendiri dalam pengurusan emosi; dan kebolehan mengawal perasaan sendiri.
3. Sejauh mana warga pendidikan Daerah Lubok Antu menguasai kemahiran melayan iaitu membiarkan orang lain menguruskan emosinya terlebih dahulu sebelum mendekatinya; memahami perasaan orang lain; sedia mendengar luahan perasaan orang lain; dan menjadi rujukan kepada mereka yang ingin meluahkan perasaan.

Pengurusan Emosi

Pengurusan emosi merangkumi mengenalpasti emosi, kawalan emosi dan kemahiranmelayan emosi bagi memastikan kualiti interaksi antara individu tercapai. Mengenalpasti perasaan adalah pengikhtirafan perasaan dalam diri individu itu sendiri. Menurut penulisan Wright (2004), individu yang mengikhtiraf perasannya akan menunjukkan perlakuan, prestasi dan produktiviti yang positif.

Kawalan emosi adalah cara seseorang individu itu bertindak balas terhadap sesuatu situasi yang menyebabkan gangguan emosi supaya emosinya reda dan kembali tenang (Bernie Curwen, 2000). Menurut Zapf (2002), menyatakan bahawa kemahiran melayan merupakan kualiti interaksi antara seorang individu dengan individu yang lain adalah dipengaruhi oleh perasaan itu sendiri.

Emosi

Menurut Brockner & Higgins (2001), emosi akan memberi kesan kepada sikap pekerja dan kelakuan mereka. Maka, ini akan memberi kesan kepada kepuasan bekerja, semangat / motivasi serta membuat keputusan. Pekerja akan mengalami tekanan perasaan, sentiasa merungut dan prestasi kerja yang rendah ekoran daripada emosi negatif dalam pekerjaannya (Zapf, 2002). The Neglect And Importance of Emotion at Work dalam penulisan Briner (1999), menyatakan bahawa pekerja akan mengalami tekanan dalam kerja serta kepuasan kerja yang rendah akibat daripada emosi negatif.

Metodologi Kajian

Subjek

Kajian ini telah menggunakan kajian kuantitatif yang diperolehi melalui analisis laporan pengumpulan data melalui Google Drive di mana guru dan anggota kumpulan pelaksana pejabat pendidikan daerah dan sekolah Daerah Lubok Antu diminta untuk menjawab soalan soal selidik Pengurusan Emosi Warga Pendidikan Daerah Lubok Antu di alamat :<https://11nk.der/HCiIH>

Sampel Kajian

Sebanyak 776 orang guru dan anggota kumpulan pelaksana pejabat pendidikan daerah dan sekolah Daerah Lubok Antu berjaya menjawab soalselidik Pengurusan Emosi Warga Pendidikan Daerah Lubok Antu dialamat : <https://11nk.der/HCiIH> dalam tempoh 3 minggu mulai 2 haribulan Januari hingga 19 haribulan Januari 2024.

Jadual 1: Sampel Kajian

Responden	Bilangan (N)	Responden (n=776) %
Jantina		
Lelaki	324	41.8
Perempuan	452	58.2


Responden	Bilangan (N)	Responden (n=776) %
Jawatan		
Guru / Pegawai	529	68.2
Anggota Kumpulan Pelaksana	247	31.8
Organisasi		
Pejabat Pendidikan Daerah	40	5.2
Sekolah Kebangsaan	544	70.1
Sekolah Jenis Kebangsaan	34	4.3
Sekolah Menengah Kebangsaan	158	20.4
Tempat Berkhidmat		
Kawasan Luar Bandar	562	72.4
Kawasan Pendalaman	214	27.6
Tempoh Perkhidmatan		
0 - 5 Tahun	202	26.0
6 - 10 Tahun	109	14.0
11- 20 Tahun	239	30.8
21 Tahun Ke Atas	226	29.2

Dapatan Kajian

Berikut adalah hasil dapatan Kajian Soal Selidik seperti yang telah diperolehi daripada data yang telah dianalisis. Hasil dapatan ini menjawab semua persoalan kajian yang telah dikemukakan terdahulu.


1. Sejauh mana warga pendidikan Daerah Lubok Antu dapat mengenalpasti emosi:

Carta Pai 1: Warga pendidikan dapat mengenalpasti jenis-jenis perasaan dalam diri




Carta Pai 1 menunjukkan reaksi warga pendidikan dapat mengenalpasti jenis-jenis perasaan dalam diri. Bilangan responden soal selidik adalah sebanyak 776 orang. Seramai 766 orang responden dapat mengenalpasti jenis-jenis perasaan dalam diri iaitu 98.7%, manakala 10 orang responden adalah sebaliknya iaitu 1.3%.

Carta Pai 2: Warga pendidikan tahu sebab pencetus kepada emosi dalam diri




Carta Pai 2 menunjukkan warga pendidikan tahu sebab pencetus kepada emosi dalam diri. Bilangan responden soal selidik adalah sebanyak 776 orang. Seramai 764 orang responden tahu sebab pencetus kepada emosi dalam diri iaitu 98.5%, manakala 12 orang responden menganggap sebaliknya iaitu 1.5%.

Carta Pai 3: Warga pendidikan dapat menyatakan emosi dalam diri secara tepat



Carta Pai 3 menunjukkan warga pendidikan dapat menyatakan emosi dalam diri secara tepat. Bilangan responden soal selidik adalah sebanyak 776 orang. Seramai 704 orang responden dapat menyatakan emosi dalam diri secara tepat iaitu 90.7%, manakala 72 orang responden berasa sebaliknya iaitu 9.3%.

Carta Pai 4: Warga pendidikan Daerah Lubok Antu dapat mengenalpasti emosi




Tahap Mengenalpasti Emosi	
Tahap	Bilangan YA
Rendah	0
Sederhana	2
Tinggi	3

Carta Pai 4 menunjukkan tahap mengenalpasti emosi warga pendidikan Daerah Lubok Antu pada tahap yang tinggi iaitu sebanyak 696 orang (89.7%), tahap sederhana sebanyak 68 orang (8.8%) manakala 12 orang (1.5%) adalah berada pada tahap rendah.

2.


2. Sejauh mana warga pendidikan Daerah Lubok Antu dapat mengawal emosi:

Carta Pai 5: Warga pendidikan dapat mengurus emosi dengan cara yang baik




Carta Pai 5 menunjukkan warga pendidikan dapat mengurus emosi dengan cara yang baik. Bilangan responden soal selidik adalah sebanyak 776 orang. Seramai 740 orang responden dapat mengurus emosi dengan cara yang baik iaitu 95.4%, dan 36 orang responden adalah sebaliknya iaitu 4.6%.

Carta Pai 6: Warga pendidikan ada cara tersendiri dalam pengurusan emosi




Carta Pai 6 menunjukkan warga pendidikan ada cara tersendiri dalam pengurusan emosi. Bilangan responden soal selidik adalah sebanyak 776 orang. Seramai 762 orang responden ada cara tersendiri dalam pengurusan emosi iaitu 98.2%, dan 14 orang responden adalah sebaliknya iaitu 1.8%.

Carta Palang1: Kebolehan warga pendidikan mengawal perasaan tertentu



Carta Palang 1 menunjukkan Kebolehan warga pendidikan mengawal perasaan tertentu. Bilangan responden soal selidik adalah sebanyak 776 orang. Seramai 722 orang responden dapat mengawal perasaan marah iaitu 93.0%, 647 orang responden dapat mengawal perasaan kecewa iaitu 83.4%, 633 orang responden dapat mengawal perasaan sedih iaitu 81.6%, 615 orang responden dapat mengawal perasaan tidak puashati iaitu 79.3%, 602 orang responden dapat mengawal perasaan gelisah / bimbang iaitu 77.6%, 599 orang responden dapat mengawal perasaan cemburu / dengki iaitu 77.2%, 545 orang responden dapat mengawal perasaan murung iaitu 70.2% dan 527 orang responden dapat mengawal perasaan rasa bersalah iaitu 67.9%.


Carta Palang 2: Kebolehan warga pendidikan mengawal perasaan



Kebolehan Mengawal Perasaan	
Kebolehan	Jumlah Kawalan Perasaan
TIDAK	Dapat mengawal 2 perasaan dan kebawah
YA	Dapat mengawal 3 perasaan dan keatas

Carta Palang 2 menunjukkan Kebolehan warga pendidikan mengawal perasaan. Bilangan responden soal selidik adalah sebanyak 776 orang. Sebanyak 704 orang (90.7%) berkebolehan mengawal perasaan manakala sebanyak 72 orang (9.3%) adalah sebaliknya.

Carta Pai 7: Warga pendidikan Daerah Lubok Antu dapat mengawal emosi




Tahap Mengenalpasti Emosi	
Tahap	Bilangan YA
Rendah	0
Sederhana	2
Tinggi	3

Carta Pai 7 menunjukkan tahap mengawal emosi warga pendidikan Daerah Lubok Antu pada tahap yang tinggi iaitu sebanyak 677 orang (87.2%), tahap sederhana sebanyak 79 orang (10.2%) manakala 20 orang (2.6%) adalah berada pada tahap rendah.


3. Sejauh mana warga pendidikan Daerah Lubok Antu menguasai kemahiran melayan

Carta Pai 8: Warga pendidikan membiarkan orang lain menguruskan emosinya terlebih dahulu sebelum mendekatinya




Carta Pai 8 menunjukkan warga pendidikan membiarkan orang lain menguruskan emosinya terlebih dahulu sebelum mendekatinya. Bilangan responden soal selidik adalah sebanyak 776 orang. Seramai 637 orang responden membiarkan orang lain menguruskan emosinya terlebih dahulu sebelum mendekatinya iaitu 82.1%, manakala 139 orang responden adalah sebaliknya iaitu 17.9%.

Carta Pai 9: Warga pendidikan dapat memahami perasaan orang lain




Carta Pai 9 menunjukkan warga pendidikan dapat memahami perasaan orang lain. Bilangan responden soal selidik adalah sebanyak 776 orang. Seramai 664 orang responden dapat memahami perasaan orang lain iaitu 85.6%, manakala 112 orang responden bertindak sebaliknya iaitu 14.4%.

Carta Pai 10: Warga pendidikan sedia mendengar luahan perasaan orang lain




Carta Pai 10 menunjukkan warga pendidikan sedia mendengar luahan perasaan orang lain. Bilangan responden soal selidik adalah sebanyak 776 orang. Seramai 756 orang responden sedia mendengar luahan perasaan orang lain iaitu 97.4%, manakala 20 orang responden adalah sebaliknya iaitu 2.6%.

Carta Pai 11: Warga pendidikan adalah rujukan kepada mereka yang ingin meluahkan perasaan



Carta Pai 11 menunjukkan warga pendidikan adalah rujukan kepada mereka yang ingin meluahkan perasaan. Bilangan responden soal selidik adalah sebanyak 776 orang. Seramai 563 orang responden adalah rujukan kepada mereka yang ingin meluahkan perasaan iaitu 72.6%, manakala 213 orang responden menganggap sebaliknya iaitu 27.4%.

Carta Pai 12: Warga pendidikan Daerah Lubok Antu menguasai kemahiran melayan



Tahap Kemahiran Melayan	
Tahap	Bilangan YA
Rendah	0
	1
	2
Sederhana	3
	4
Tinggi	4

Carta Pai 12 menunjukkan tahap kemahiran melayan warga pendidikan Daerah Lubok Antu pada tahap yang tinggi iaitu sebanyak 446 orang (57.5%), tahap sederhana sebanyak 213 orang (27.4%) manakala 117 orang (15.1%) adalah berada pada tahap rendah.

Perbincangan

Berdasarkan analisis yang dibuat, sebanyak 12 orang (1.5%) berada dalam tahap rendah mengenapasti emosi, sebanyak 72 orang (9.3%) berada dalam tahap rendah mengawal emosi, dan sebanyak 117 orang (15.1%) berada dalam tahap

rendah kemahiran melayan di kalangan warga pendidikan Daerah Lubok Antu.

Rumusan

Kajian ini mendapati bahawa pengurusan emosi warga pendidik daerah Lubok Antu adalah kurang dari segi kawalan emosi dan kemahiran melayan. Perkhidmatan psikologi dan kaunseling seperti perkhidmatan sesi kaunseling dan Bengkel Peningkatan Kepimpinan: Pengurusan Emosi adalah satu intervensi alternatif yang boleh digunakan bagi tujuan meningkatkan kemahiran mengawal emosi dan kemahiran melayan. Namun begitu, perasaan-perasaan negatif yang timbul harus dipandang serius agar tidak mempengaruhi prestasi, kepuasan dan motivasi dalam pekerjaan warga pendidikan yang berkhidmat di Daerah Lubok Antu.

Rujukan

- Briner, R. B. 1999. *The Neglect And Importance Of Emotion At Work*. *European Journal Od Work And Organizational Psychology*, 8(3), 323 – 346.
- Brockner, J., & Higgins, E. T. 2001. *Regulatory Focus Theory : Implications For The Study Of Emotions At Work*. *Organizational Behavior And Human Decision Processes*, 86(1), 35 -66
- Curwen, B., Palmer, S. & Ruddell, P. 2000. *Brief Cognitive Behaviour Therapy*. London: SAGE Publications Ltd.
- Fredrickson, B. 2009. *Positivity: Groundbreaking Research Reveals How To Embrace The Hidden Strength Of Positive Emotion, Overcome negativity And Thrive*. Crown Publishers/Random House.
- Gardner, R. 1987. *Second Language Research*. Vol. 3, No.2, pp. 180-182. SAGE Publications Ltd.
- George, J. M. 1991. *State Or Trait: Effects Of Positive Mood Or Prosocial Behaviors At Work*. *Journal Of Applied Psychology*, 76(2), 299 - 307.
- Moore, S. C., &Oaksford, M. 2002. *Some Long – Term Effects Of Emotion On Cognition*. *British Journal Of Psychology*, 93(3), 383 – 395.
- Wright, T. A. 2004. The Role Of “Happiness” in Organizational Research: Past, Present and Future Directions. *Research in Occupational Stress And Well Being*. 4: 221-264.
- Zapf, D. 2002. *Emotion Work And Psychological Well-Being: A Review Of The Literature And Some Conceptual Considerations*. *Human Resource Management Review*, 12(2), 237 – 268.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen *Generalized Anxiety Disorder-7 (Gad-7)* dalam Kalangan Murid Sekolah di Malaysia

Haziq Azree Yazid¹, Fauziah Mohd Sa'ad, Ph.D²

¹²Universiti Pendidikan Sultan Idris

¹haziqazree7@gmail.com, ²fauziah_msaad@fpm.upsi.edu.my

Abstrak

*Kajian ini bertujuan untuk menilai nilai pekali kesahan dan kebolehpercayaan instrumen *Generalized Anxiety Disorder-7 (GAD-7)* versi bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah. Instrumen ini telah diterjemahkan daripada *GAD-7* yang dibangunkan Spitzer et. al (2006). *GAD-7* digunakan untuk mengukur simptom-simptom kebimbangan mengikut kriteria yang terdapat dalam *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorder, Fourth Edition (DSM-IV-TR)*. Pengujian kesahan dan kebolehpercayaan telah dilakukan ke atas instrumen *GAD-7*. Instrumen ini telah dinilai oleh tujuh orang panel pakar terlebih dahulu sebelum diedarkan kepada responden kajian. Selanjutnya, kajian rintis melibatkan seramai 327 orang murid yang berusia 16 dan 17 tahun di dua buah negeri di Malaysia iaitu Negeri Sembilan dan Selangor telah dilaksanakan bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan instrumen kajian menggunakan perisian *Statistical Package for Sosial Science (SPSS)* versi 26.0. Hasil kajian menunjukkan bahawa *GAD-7* memiliki nilai Indeks Kesahan Kandungan (CVI) yang tinggi berdasarkan penilai panel pakar iaitu 0.90. Dapatan kajian juga menunjukkan *GAD-7* mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu dengan nilai Alpha Cronbach $\alpha=.87$. Kesimpulannya, instrumen *GAD-7* versi bahasa Melayu boleh digunakan sebagai instrumen untuk mengenal pasti tahap kebimbangan dalam kalangan murid sekolah kerana terbukti mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.*

Kata kunci: *GAD-7, Kebimbangan, Murid sekolah, Kesahan, Kebolehpercayaan*

Pengenalan

Semua negara di dunia menunjukkan kadar peningkatan terhadap gangguan kesihatan mental (*World Mental Health Organization, 2022*). Mutakhir ini, secara purata satu daripada lapan orang penduduk dunia mengalami gangguan kesihatan mental, dan gangguan yang sering dihadapi ialah kebimbangan dan kemurungan (*World Mental Health Organization, 2022*). Statistik terkini menunjukkan bahawa gangguan kebimbangan merupakan gangguan mental paling tinggi di dunia yang telah menjejaskan seramai 301 juta orang pada tahun 2019 dan secara purata nisbah 4% daripada populasi penduduk dunia mengalami gangguan kebimbangan (*World Mental Health Organization, 2023*).

Di Malaysia, statistik terhadap isu kesihatan mental turut menunjukkan peningkatan khususnya dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Mobiditi 2019 mendapati bahawa seramai 424,000 kanak-kanak di Malaysia mengalami gangguan kesihatan mental (Institut Kesihatan Umum, 2020). Dapatan ini diperkukuhkan lagi dengan laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2022, mendapati bahawa satu daripada lapan orang remaja di Malaysia pernah terfikir untuk membunuh diri manakala satu daripada 10 orang remaja pernah cuba untuk membunuh diri (Institut Kesihatan Umum, 2022). Menyedari isu kesihatan mental dalam kalangan remaja kian membimbangkan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil langkah proaktif melalui arahan dalam surat siaran KPM.600-17/1/22 JLD.6 (34) yang bertarikh 16 Oktober 2022 yang mewajibkan semua institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia diwajibkan melaksanakan Saringan Minda Sihat menggunakan instrumen seperti senarai semak keperluan emosi murid, *Patient Health Questionnaire (PHQ-9)* dan *General Anxiety Disorder (GAD-7)* (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2022). Saringan ini dijalankan bertujuan bagi mengenal pasti murid yang mengalami masalah emosi, psikologi dan mental pasca pandemik COVID-19, serta membolehkan murid-murid mendapatkan bantuan awal daripada Guru Bimbingan dan Kaunseling (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2022).

Salah satu soal selidik yang digunakan dalam Saringan Minda Sihat ialah *Generalized Anxiety Disorder-7 (GAD-7)* (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2022). *Generalized Anxiety Disorder (GAD)* adalah merupakan kebimbangan yang berlebihan terhadap sesuatu peristiwa atau aktiviti. Individu yang di diagnosis mengalami GAD menghadapi kesukaran untuk mengawal kebimbangan tersebut dan akan kekal dalam keadaan kebimbangan hingga mengganggu perhatian mereka (Cotiga et. al 2023). Manakala, *GAD-7* adalah merupakan satu set soal selidik yang dibangunkan untuk mengukur sejauh mana tahap

gangguan kebimbangan dalam diri seseorang (Spitzer et. al 2006). Hasil kajian yang dibangunkan pada awalnya oleh Spitzer, Kronke, Williams dan Low ke atas 2740 pesakit dewasa di klinik-klinik kesihatan di Amerika Syarikat mendapati bahawa *GAD-7* mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu nilai Alpha Cronbach $\alpha=0.92$ (Spitzer et. al 2006).

GAD-7 merupakan soal selidik yang amat popular dalam bidang kesihatan mental adalah kerana bilangan item dalam *GAD-7* tidak banyak dan mudah digunakan (Budikayanti et. al 2019). Oleh kerana *GAD-7* bersifat ringkas dan padat, *GAD-7* telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa di seluruh dunia seperti Afrika Selatan (Kigozi et al., 2019; Marlow et al., 2023), Hong Kong (Ip et al., 2022), Norway (Brattmyr et al., 2022), China (Gong et al., 2022; Zhang et al., 2021), Taiwan (Shih et al., 2022), Utopia (Manzar et al., 2021), Bangladesh (Dhira et al., 2021), Columbia (Monterrosa-Blanco et al., 2021), Amerika (Byrd-Bredbenner et al., 2021; Zhong et al., 2015), United Kingdom (Shah et al., 2021), Iran (Fattah et al., 2021), Kenya (Nyongesa et al., 2020), Norway (Johnson et al., 2019), Indonesia (Budikayanti et al., 2019; Idiani et al., 2022), Iran (Omani-Samani et al., 2018), Portugal (Bártolo et al., 2017; Sousa et al., 2015), Singapura (Lam et al., 2017), Korea (Seo et al., 2014), Turki (Konkan et al., 2013), Sepanyol (Galindo-Vázquez et al., 2023; Martínez-Vázquez et al., 2022), Latvia (Vrublevska et al., 2022), India (De Man et al., 2021), Arab Saudi (Manzar et al., 2021) dan England (Stochl et al., 2020). Walau bagaimanapun bagi menggunakan *GAD-7* untuk mengukur tahap kebimbangan dalam kalangan murid-murid sekolah di Malaysia, pengujian kesahan dan kebolehpercayaan hendaklah dijalankan terlebih dahulu terhadap instrumen ini.

Pernyataan Masalah

Pengkaji mendapati terdapat beberapa kajian-kajian lepas di Malaysia berjaya menterjemahkan *GAD-7* ke dalam versi bahasa Melayu menggunakan kaedah back to back translation. Walau bagaimanapun hasil analisis kajian literatur yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa kajian-kajian penggunaan instrumen *GAD-7* di Malaysia hanya memfokuskan penggunaannya dalam kalangan orang dewasa yang berusia 18 tahun ke atas sahaja. Misalnya kajian Sherina et al. (2012) mengkaji penggunaan *GAD-7* dalam kalangan wanita yang mendapatkan rawatan di klinik kesihatan manakala kajian Sy-Cherng Woon (2020) dan mengkaji penggunaan *GAD-7* dalam kalangan warga emas yang berusia 60 tahun ke atas. Kajian Pheh et al. (2023) mengkaji penggunaan *GAD-7* dalam kalangan mahasiswa universiti yang berusia 18 tahun ke atas. Oleh itu, pengkaji mendapati terdapat jurang penyelidikan kajian penggunaan *GAD-7* terhadap murid-murid sekolah di Malaysia masih lagi belum pernah dijalankan. Sedangkan di luar

negara, beberapa pengkaji berjaya membuktikan bahawa *GAD-7* mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi sekiranya dijalankan terhadap murid-murid sekolah seperti kajian di Hong Kong (Ip et al., 2022), kajian di Portugal (Bártolo et al., 2017), kajian di Latvia (Vrublevska et al., 2022) dan di kajian Afrika (Marlow et al., 2023).

Selain itu, kajian pembangunan instrumen *GAD-7* sebelum ini tidak menghuraikan formula yang jelas untuk mendapatkan nilai kesahan instrumen. Meskipun terdapat banyak kajian-kajian awal menghuraikan kaedah untuk mendapatkan nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach namun pengkaji mendapati tidak banyak kajian pembangunan instrumen menjelaskan formula untuk mendapatkan nilai kesahan sesuatu instrumen. Menurut Ramlee et al (2021), proses kesahan amat penting untuk menilai ketepatan perkataan dan ayat dalam setiap item. Malah Omarsdottir et. al (2023) menegaskan apabila berlaku perubahan terhadap subjek kajian, maka terdapat keperluan untuk mendapatkan semula kesahan sesuatu instrumen. Hal ini kerana, segala perubahan terhadap perkataan atau frasa dalam item hendaklah dinilai semula kesahannya oleh panel pakar serta temu bual kognitif hendaklah dilaksanakan bagi memastikan responden benar-benar faham terhadap makna dalam setiap item yang dinyatakan. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menjelaskan formula untuk mendapatkan nilai kesahan instrumen menggunakan formula Item Content Validation (I-CVI) dan Item Content Validation (I-CVI) (Polit & Beck, 2006).

Tujuan Kajian

1. Mengkaji sejauh mana nilai kesahan kandungan instrumen *Generalized Anxiety Disorder-7 (GAD-7)* versi bahasa Melayu terhadap kebimbangan berdasarkan penilaian panel pakar.
2. Mengkaji nilai kebolehpercayaan soal selidik *Generalized Anxiety Disorder-7 (GAD-7)* terhadap kebimbangan dalam kalangan murid sekolah.

Objektif Kajian

1. Mengkaji nilai *Item Content Validation Indeks (CVI)* instrumen *Generalized Anxiety Disorder-7 (GAD-7)* versi bahasa Melayu berdasarkan penilaian tujuh orang panel pakar.
2. Mengkaji nilai *Alpha Cronbach Generalized Anxiety Disorder-7 (GAD-7)* berdasarkan analisis perisian *Statistical Package for Sosial Science (SPSS)* versi 26.0.

Persoalan Kajian

1. Adakah instrumen *Generalized Anxiety Disorder-7 (GAD-7)* versi bahasa Melayu mempunyai nilai *Item Content Validation Indeks (CVI)* yang baik berdasarkan penilaian tujuh orang panel pakar?
2. Adakah instrumen *Generalized Anxiety Disorder-7 (GAD-7)* mempunyai nilai Alpha Cronbach yang baik apabila dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Sosial Science (SPSS)* versi 26.0?

Hipotesis Kajian

1. Tidak terdapat nilai *Item Content Validation Indeks (CVI)* yang baik berdasarkan penilaian tujuh orang panel pakar terhadap instrumen *Generalized Anxiety Disorder-7 (GAD-7)*.
2. Tidak terdapat nilai Alpha Cronbach yang baik apabila *Generalized Anxiety Disorder-7 (GAD-7)* dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Sosial Science (SPSS)*.

Tinjauan Literatur

Merujuk kajian-kajian literatur yang lepas, pengkaji telah menganalisis menggunakan kaedah *Systematic Literature Review (SLR)*. Menurut Hayrol Azril et al. (2021) semakan kajian literatur secara sistematik (SLR) bertujuan untuk mencari dan mensintesis kajian-kajian berkaitan secara komprehensif menggunakan reka bentuk yang tersusun, telus dan membolehkan prosedur-prosedur dalam kajian-kajian lepas di jadikan panduan dalam setiap langkah-langkah dan proses kajian tersebut dijalankan. Dalam menjalankan kaedah SLR ini, Hayrol Azril et. al (2021) menyarankan agar menggunakan kaedah Menemonic of PICo yang merujuk kepada P (*Population or Problem*), i (*Interest*) dan Co (*Context*). Dalam kajian ini pengkaji akan menjalankan tiga proses iaitu *Identification*, *Screening* dan *Eligibility*. Melalui proses identifikasi, pengkaji menggunakan beberapa kata kunci seperti *validity GAD-7* dan kemudiannya pengkaji telah menggunakan teknik *screening* di database *Scopus*, *Researchgate*, *Googlesholars* dan *ProQuest*.

Jadual 1.: Analisis secara Systematic Literature Review (SLR) nilai kebolehpercayaan GAD-7 yang diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa di dunia

Penulis	Negara	N	Subjek Kajian	Usia (tahun)	Alpha Cronbach (α)	SD
Marlow et. al (2023)	Afrika Selatan	302	Murid sekolah	10-19	.78	5.05
Galindo-Vazques et. al (2023)	Sepanyol	163	Pesakit kanser	19-79	.89	5.69
Omarsdottir et. al (2023)	Iceland	226	Pesakit kebimbangan	18-65	.89	4.78
Cotiga et. al (2023)	Romania	747	Pesakit hospital	14-65	.92	5.68
Pheh et. al (2023)	Malaysia	1272	Pelajar universiti	18-22	.76	3.69
Shih et. al (2022)	Taiwan	107	Pesakit hospital	20-62	.93	-n/a
Indiani (2022)	Indonesia	1020	Pekerja kementerian kesihatan	20-60	.88	11.4
Gong et. al (2022)	China	30823	Pesakit simptom bersalin awal	20-50	.89	3.99
Vrubleska (2022)	Latvia	1459	Klinik kesihatan	18-65	.87	5.1
Martinez-Vazquez (2022)	Sepanyol	170	Pelajar universiti kos kejururawatan	21-24	.90	7.03
Brattmyr et. al (2022)	Norway	831	Pesakit klinik psikiatri	18-72	.81	9.99
De man et. al (2021)	India	1209	Pesakit diabetes	30-60	.76	7.5
Manzar et. al (2021)	Arab Saudi	270	Pelajar universiti	18-20	.81	-n/a

Penulis	Negara	N	Subjek Kajian	Usia (tahun)	Alpha Cronbach (α)	SD
Byrd-Bredbenner (2021)	Amerika Syarikat	4128	Pelajar universiti	18-26	.85	5.80
Shah et. al (2021)	UK	127	Pesakit	18-29	.74	5.4

*Nilai Alpha Cronbach $\alpha \geq .50$

Jadual 1 menunjukkan analisis secara *Systematic Literature Review* (SLR) nilai kebolehppercayaan *GAD-7* yang diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa di dunia. Pada mulanya, sebanyak 40 artikel telah dikenal pasti namun pengkaji telah membuat penilaian untuk memilih hanya 15 artikel lima tahun terkini yang berkaitan dengan kesahan dan kebolehppercayaan *GAD-7*. Pengkaji mendapati bahawa *GAD-7* mempunyai julat nilai kebolehppercayaan yang tinggi antara .74 hingga .93.

Metodologi Kajian

Penyertaan

Dalam kajian ini, seramai 327 orang murid sekolah menengah yang belajar di Negeri Sembilan dan negeri Selangor Malaysia telah dipilih secara rawak. Menurut In (2017) dalam menjalankan sesebuah kajian rintis 30 sampel kajian sudah memadai namun dicadangkan seramai 50 orang subjek kajian diambil untuk mengelakkan isu penarikan diri subjek kajian. Data telah dikutip menggunakan soal selidik ini yang telah ditebarkan secara bersemuka di sekolah-sekolah mereka. Data telah dikutip pada 5 Januari 2024 di Negeri Sembilan manakala 17 Januari 2024 di negeri Selangor.

Instrumen Kajian

Soal selidik *Generalized Anxiety Disorder-7 (GAD-7)* telah dibangunkan oleh Spitzer, Kroenke, Williams dan Lowe pada tahun 2006. Pada awalnya *GAD-7* mengandungi 13 item yang merujuk kepada simptom-simptom kebimbangan seperti mana kriteria yang disenaraikan dalam *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorder, Fourth Edition (DSM-IV-TR)* (Spitzer et al., 2006). Walau bagaimanapun setelah soal selidik ini diagihkan kepada 1184 pesakit dan dikorelasikan dengan Inventori Kemurungan Beck (BDI), hanya tujuh item sahaja dikekalkan daripada 13 item yang asal. Hal ini demikian kerana hanya tujuh item ini sahaja yang memiliki nilai pekali kesahan dan kebolehppercayaan yang tinggi. Selain itu, pemilihan hanya tujuh item sahaja adalah kerana item-item ini mudah

untuk difahami serta sesuai untuk digunakan ke atas pelbagai populasi kajian, bukan hanya sesuai untuk populasi tertentu sahaja (Spitzer et al., 2006).

Jadual 2: Item-item dalam *Generalized Anxiety Disorder-7 (GAD-7)*

Item	Item <i>GAD-7</i>	Kriteria kebimbangan mengikut DSM-IV-TR
1	Berapa kerap anda rasa resah, gelisah atau tegang?	Kebimbangan
2	Berapa kerap anda tidak dapat mengawal kebimbangan?	Tidak mampu menghentikan kebimbangan
3	Berapa kerap anda terlalu risau mengenai pelbagai perkara dalam hidup?	Kebimbangan berlebihan
4	Berapa kerap anda rasa sukar untuk bertenang?	Rasa gelisah
5	Berapa kerap anda terlalu resah gelisah sehingga anda rasa sukar untuk duduk diam?	Sukar bertenang
6	Berapa kerap anda rasa sakit hati dan cepat marah?	Mudah rimas
7	Berapa kerap anda rasa terlalu risau kemungkinan sesuatu yang buruk akan terjadi?	Rasa takut sesuatu yang dahsyat akan berlaku

Jadual 2 menunjukkan item-item dalam *GAD-7*. Item-item yang dibangunkan dalam *GAD-7* merujuk kepada beberapa kriteria dalam manual DSM-IV-TR iaitu 1) kebimbangan 2) tidak mampu menghentikan rasa bimbang dalam diri 3) kebimbangan berlebihan 4) rasa gelisah 5) sukar untuk bertenang 6) mudah rasa rimas 7) rasa takut akan berlaku sesuatu yang dahsyat. Subjek kajian akan disoal seberapa kerap mereka rasa terganggu dengan setiap tujuh simptom-simptom kebimbangan dalam tempoh dua minggu yang lalu (Gong et. al 2023).

Pernyataan	Skor
Tidak pernah	0
Beberapa hari	1
Lebih seminggu	2
Hampir setiap hari	3

Jadual 3: Skor skala 4 likert

Jadual 3 menunjukkan skor penilaian skala likert 4 mata yang digunakan. Soal selidik ini menggunakan skala likert empat mata iaitu 0,1,2 dan 3. Terdapat empat kategori yang diwakili bagi setiap skor iaitu 0: tidak pernah, skor 1: beberapa hari, skor 3 : lebih seminggu, skor 4: hampir setiap hari.

Pernyataan	Skor
Kebimbangan minimum	0-4
Kebimbangan sederhana	5-9
Kebimbangan tinggi	10-14
Kebimbangan teruk	15-21

Jadual 4: Tahap kebimbangan mengikut jumlah skor

Jadual 4 menunjukkan tahap kebimbangan mengikut jumlah skor secara keseluruhan. Jumlah skor keseluruhan dikira dengan cara menambahkan semua skor yang diperolehi bagi setiap item yang dijawab. Julat skor yang diperolehi ialah 0 hingga 21. Skor dikategorikan kepada empat tahap iaitu 0-4 (kebimbangan minimum), 5-9 (kebimbangan sederhana), 10-14 (kebimbangan tinggi) dan skor 15-21 (kebimbangan teruk) (Pheh et. al. 2023).

Etika

Sebelum soal selidik ini diagihkan, pengkaji terlebih dahulu telah menjalani kursus *Human Research Ethics Online Workshop* (RMIC) Siri 3/2023 yang telah dianjurkan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris dan dijalankan pada 19 September 2023 selama empat jam. Seterusnya, pengkaji telah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Kementerian Pendidikan Malaysia melalui sistem *Educational Research Application System* (ERAS) di laman sesawang <https://eras.moe.gov.my> sebelum membuat agihan soal selidik kepada murid-murid sekolah. Pengisian borang permohonan atas talian telah dibuat pada 27 September 2023 dan pengkaji telah mendapat surat kebenaran bersyarat untuk menjalankan kajian pada 10 Oktober 2023 melalui surat rujukan [Ref: KPM.600-3/2/3-eras (17685)].

Pengujian Statistik

Statistik deskriptif akan dibentangkan dalam bentuk peratusan, $\text{min} \pm$ dan standard deviation. Pengkaji menggunakan IBM *Statistical Package for the Sosial Science* (SPSS, Version 26) untuk membuat analisis data *Alpha Cronbach*.

Kesahan GAD-7

Kesahan kandungan *GAD-7* ini akan dinilai oleh tujuh orang panel pakar terdiri daripada golongan akademik yang mempunyai kepakaran lebih 10 tahun dalam bidang kesihatan mental, pakar-pakar dalam pembinaan instrumen psikometri dan guru-guru pakar dalam bimbingan dan kaunseling (Guru Cemerlang). Berdasarkan cadangan dan pandangan mereka, beberapa perkataan dalam setiap item perlu dimurnikan semula dan diubah suai mengikut tahap kognitif murid-murid sekolah. Hal ini demikian kerana *GAD-7* pada asalnya dibangunkan untuk menilai tahap kebimbangan dalam kalangan orang dewasa yang berusia 18 hingga 95 tahun sahaja. Melalui proses kesahan kandungan ini, hal ini akan dapat memastikan objektif kajian ini dicapai.

Kebolehpercayaan GAD-7

Proses berikutnya adalah item-item dalam *GAD-7* akan dinilai pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach. Nilai ≥ 0.7 merupakan nilai kebolehpercayaan yang boleh diterima manakala nilai di bawah ≤ 0.5 menunjukkan aras korelasi yang tidak boleh diterima.

Hasil Kajian

Kesahan instrumen

Kesahan kandungan instrumen soal selidik ini telah dinilai oleh tujuh orang panel pakar. Menurut Muhamad Saiful Bahri (2019), bagi mendapatkan kesahan kandungan daripada panel pakar jumlah panel yang sering kali dicadangkan ialah seramai enam orang. Pemilihan panel yang dicadangkan hendaklah mempunyai pengalaman dalam bidang yang dikaji melibatkan enam hingga 10 namun tidak boleh melebihi 10 orang panel. Dalam kajian ini, seramai tujuh orang panel pakar yang berpengalaman lebih 10 tahun telah dilantik terdiri daripada seorang pensyarah dalam bidang kesihatan mental dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), seorang pensyarah cemerlang (Bimbingan dan kaunseling) dari Institut Aminuddin Baki (IAB), seorang pegawai Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPSK), Kementerian Pendidikan Malaysia dan empat orang Guru Cemerlang (Bimbingan dan Kaunseling). Pemilihan panel pakar ini adalah bertujuan untuk menilai sejauh mana kesesuaian item-item dalam instrumen daripada aspek laras bahasa, kandungan dan formatnya. Selanjutnya, pengkaji telah membuat pengubahsuaian setiap item dalam instrumen *GAD-7* ini, berdasarkan cadangan dan pandangan daripada panel pakar dibantu oleh penilaian pensyarah penyelia. Ayat yang panjang dalam item telah diringkaskan dan contoh dalam ayat yang tidak sesuai dengan kehidupan masa kini telah diubah suai namun masih mengekalkan

makna yang sama. Ketujuh-tujuh item ini masih dikekalkan seperti mana item yang asal.

$$\text{Item Content Validation (I-CVI)} = \frac{\text{Jumlah skor setiap pakar}}{\text{Jumlah skor sebenar}}$$

$$\text{Content Validation Indeks (CVI)} = \frac{\text{Jumlah skor setiap pakar}}{\text{Jumlah panel pakar yang dilantik}}$$

Rajah 1: Formula untuk mengira Item Content Validation (I-CVI) dan Item Content Validation (I-CVI) (Polit & Beck, 2006)

Rajah 1 menunjukkan formula untuk mengira *I-CVI* dan *CVI*. Bagi menentukan nilai kesahan daripada panel pakar, formula Indeks Kesahan Kandungan *CVI* telah digunakan dengan mengambil kira purata kesesuaian penilaian pakar. Terdapat dua fasa untuk mendapatkan nilai *CVI*. Pertama, pengkaji menggunakan formula *I-CVI* terlebih dahulu. Setelah itu, pengkaji menggunakan formula *CVI* untuk menentukan nilai kesahan secara keseluruhan. Setiap panel pakar telah diberikan satu set soal selidik yang lengkap mengandungi latar belakang soal selidik, objektif kajian dan borang penilaian kesahan. Panel pakar diminta untuk memberikan penilaian terhadap setiap item dengan menggunakan skala likert 10 mata iaitu skala 1 (sangat rendah) hingga 10 (sangat tinggi). Skor penilaian bagi setiap item telah ditambahkan dan kemudiannya dibahagikan dengan nilai skor penuh bagi mendapatkan nilai *I-CVI*.

Jadual 5: Markah Indeks Kesahan Kandungan GAD-7 yang diberikan oleh setiap panel pakar

Item	Panel 1	Panel 3	Panel 3	Panel 4	Panel 5	Panel 6	Panel 7
<i>GAD-1</i>	9	8	10	9	9	9	8
<i>GAD-1</i>	9	8	10	9	8	9	10
<i>GAD-1</i>	9	10	10	9	9	9	8
<i>GAD-1</i>	9	7	10	7	10	9	8
<i>GAD-1</i>	9	9	10	9	8	9	10
<i>GAD-1</i>	9	7	10	4	7	9	8

Item	Panel 1	Panel 3	Panel 3	Panel 4	Panel 5	Panel 6	Panel 7
<i>GAD-1</i>	9	9	10	9	9	9	10
Jumlah skor	63	58	70	63	60	62	62
Skor sebenar	70	70	70	70	70	70	70
Nilai <i>I-CVI</i>	0.90	0.83	1.00	0.90	0.86	0.89	0.89

Jadual 5, menunjukkan markah penilaian kesahan kandungan *GAD-7* daripada setiap panel pakar. Hasil daripada penilaian setiap pakar maka *I-CVI* dapat dikira dengan cara membahagikan jumlah skor setiap pakar dengan jumlah skor sebenar. Berdasarkan Jadual 5, markah keseluruhan paling tinggi diberikan ialah Panel 3 dengan nilai 1.0, diikuti Panel 1 dan Panel 4 dengan nilai 0.9, Panel 6 dan Panel 7 dengan nilai 0.89, Panel 5 dengan nilai 0.86 dan markah paling rendah dari Panel 2 dengan nilai 0.83. Proses kedua, untuk mendapatkan jumlah *CVI*, nilai *I-CVI* yang diperolehi daripada setiap panel pakar akan ditambahkan terlebih dahulu. Kemudian total nilai *I-CVI* akan dibahagikan dengan jumlah panel pakar yang dilantik.

Jadual 6: Keputusan *I-CVI* bagi setiap panel pakar yang dilantik

<i>GAD-7</i>	n	<i>I-CVI</i>							<i>CVI</i>
	7	1	2	3	4	5	6	7	
		0.90	0.83	1.00	0.9	0.86	0.89	0.89	0.90

Jadual 6, menunjukkan purata *I-CVI* bagi instrumen *GAD-7* ialah 0.90. Menurut Muhamad Saiful Bahri (2019) nilai kesahan kandungan dikatakan mempunyai nilai kesahan yang baik adalah sekurang-kurangnya 0.83 sekiranya melibatkan enam hingga lapan orang panel pakar. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa instrumen *GAD-7* versi bahasa Melayu ini mempunyai nilai kesahan yang amat baik dan sesuai digunakan untuk mengukur tahap kebimbangan dalam kalangan murid-murid sekolah.

Kebolehpercayaan instrumen

Menurut Ramlee et al. (2021) kebolehpercayaan merujuk kepada konsistensi sesuatu jawapan atau skor yang disediakan oleh sesuatu instrumen meskipun digunakan beberapa kali. Bagi memastikan sesuatu instrumen itu stabil, boleh meramal dan boleh menghasilkan dapatan yang tepat serta tidak diragui maka analisis kebolehpercayaan hendaklah dilaksanakan (Hamidah et al., 2014). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan Program *Statistical Package for Sosial Science (SPSS)* versi 26.0 untuk mengukur kebolehpercayaan item menggunakan *Alpha*

Cronbach. Nilai *Alpha Cronbach* boleh ditafsirkan sebagai korelasi koefisien dengan nilai julat angka kosong (0) hingga satu (1) (Zuriani Hanim & Muhammad Izzat, 2021). Dapatan kajian rintis ini kemudiannya boleh dibandingkan dengan jadual Nilai Kebolehpercayaan.

Jadual 7: Jadual Nilai Kebolehpercayaan *GAD-7*

Pekali kebolehpercayaan	Tahap kebolehpercayaan
.90 dan ke atas	Amat Baik
.80-.89	Baik
.60-.79	Sederhana
.40-.59	Diragui
.00-.39	Ditolak

Jadual 7, menunjukkan jadual nilai kebolehpercayaan dan tahap kebolehpercayaan sesuatu instrumen. Menurut Sidek (2005) nilai pekali kebolehpercayaan sesuatu alat ukuran yang dianggap boleh diterima pakai ialah melebihi .60, manakala nilai pekali kebolehpercayaan alat ukuran yang tinggi ialah .90. Dalam kajian ini, nilai kebolehpercayaan akan dinilai menggunakan nilai *Alpha Cronbach*. Menurut Ramlee et. al (2021) nilai paling minima .65 sudah memadai namun sekiranya mendapat nilai *Alpha Cronbach* melebihi .70 adalah lebih baik.

Jadual 8.: Analisis Ujian Kebolehpercayaan dan Nilai pekali kolerasi antara Item *GAD-7*

Bil	Item	Nilai pekali kolerasi antara item	<i>Alfa Cronbach</i>
1	Kebimbangan	.421-.577	.855
2	Tidak mampu menghentikan keseimbangan	.439-.577	.856
3	Kebimbangan berlebihan	.441-.527	.855
4	Rasa gelisah	.491-.614	.852
5	Sukar bertenang	.425-.614	.856
6	Mudah rimas	.421-.491	.865

Bil	Item	Nilai pekali kolerasi antara item	Alfa Cronbach
7	Rasa takut sesuatu yang dahsyat akan berlaku	.482-.595	.853
General Anxiety Disorder-7 (GAD-7)		.421-.614	.874

Jadual 8 menunjukkan nilai pekali kebolehppercayaan *Alpha Cronbach GAD-7* secara keseluruhan ialah .874. Nilai pekali kebolehppercayaan *Alpha Cronbach* paling tinggi antara setiap item ialah item mudah rasa rimas ialah .865, diikuti item tidak mampu menghentikan kebimbangan dan sukar bertenang ialah .856, diikuti item kebimbangan dan kebimbangan berlebihan ialah .855, item rasa takut sesuatu yang dahsyat akan berlaku ialah .853 dan paling rendah ialah item rasa gelisah .852. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa nilai pekali *Alpha Cronbach* bagi setiap item dalam instrumen kajian ini adalah baik dan mempunyai kebolehppercayaan yang tinggi iaitu melebihi $\alpha \geq .70$.

Selain itu, pengkaji turut mengkaji nilai pekali korelasi antara item dalam *GAD-7*. Menurut Ramlee et. al (2021), nilai korelasi bagi item di bawah .30 harus digugurkan kerana item-item ini tidak mempunyai nilai korelasi yang baik dengan nilai skala secara keseluruhan. Namun sekiranya nilai korelasi antara item lebih besar daripada .30 maka item tersebut boleh dikekalkan kerana telah memenuhi kriteria dalam kesahan. Jadual 8 menunjukkan, nilai pekali korelasi antara item secara keseluruhannya adalah dalam julat .421 sehingga .614. Hal ini membuktikan bahawa nilai korelasi antara item adalah baik kerana melebihi 0.3. Dapatan ini membuktikan bahawa nilai pekali korelasi antara item dalam *GAD-7* versi bahasa Melayu ini perlu dikekalkan kerana mempunyai hubungan yang kuat antara satu sama lain.

Perbincangan

Dalam kajian ini tujuan utama adalah untuk mengukur kesahan dan kebolehppercayaan item-item dalam instrumen soal selidik *GAD-7* yang digunakan untuk mengukur tahap kebimbangan dalam kalangan murid-murid di Malaysia. Instrumen ini telah pun diadaptasi, diubahsuai dan dimurnikan semula ke dalam bahasa Melayu daripada *GAD-7* yang dibangunkan Spitzer et. al (2006) untuk mengukur simptom-simptom kebimbangan mengikut *DSM-IV-TR*. Kajian ini merupakan satu kajian rintis yang berbentuk kajian kes dan hanya melibatkan 372 subjek kajian yang melibatkan murid-murid di Malaysia iaitu di Negeri Sembilan dan Selangor. Hasil analisis kebolehppercayaan yang telah dilakukan mendapati bahawa nilai pekali kebolehppercayaan *Alpha Cronbach* bagi instrumen *GAD-*

7 ialah .87. Selain itu, analisis kesahan kandungan *GAD-7* telah dinilai oleh tujuh orang panel pakar terdiri daripada golongan akademik yang mempunyai kepakaran dalam bidang kesihatan mental. Hasil kajian menggunakan *Content Validation Indeks (CVI)* instrumen *GAD-7* ialah amat baik iaitu 0.90. Hal ini jelas menunjukkan bahawa instrumen soal selidik yang digunakan ini mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi serta kesemua item-item mempunyai nilai korelasi antara item yang baik.

Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian awal pembinaan, kesahan dan kebolehpercayaan *GAD-7* yang dibangunkan Spitzer et. al (2006). Hasil kajian Spitzer et. al (2006) mendapati bahawa nilai pekali kebolehpercayaan *Alpha Cronbach GAD-7* adalah tinggi dengan nilai $\alpha \geq .92$. Hasil kajian Test-retest bagi mengukur kesahan kandungan *GAD-7* juga menunjukkan nilai kesahan yang tinggi dengan nilai .90 sama seperti nilai kesahan dalam kajian ini. Oleh kerana *GAD-7* didapati mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi serta bersifat ringkas dan padat, maka telah ramai pengkaji menterjemahkan *GAD-7* ke dalam pelbagai bahasa ibunda mereka. Malah kajian-kajian yang dijalankan turut mendapati bahawa *GAD-7* mempunyai nilai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* yang amat baik meskipun diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa yang berbeza oleh pengkaji-pengkaji di seluruh dunia. Misalnya kajian Shih et. al (2022) di Taiwan mendapati bahawa *GAD-7* mempunyai nilai kebolehpercayaan $\alpha \geq .93$, Cotiga et. al (2023) di Romania mendapati *GAD-7* mempunyai nilai kebolehpercayaan $\alpha \geq .92$, Martinez-Vazquez (2022) di Sepanyol mendapati *GAD-7* mempunyai nilai kebolehpercayaan $\alpha \geq .90$, Gong et. al (2022) di China mendapati *GAD-7* mempunyai nilai kebolehpercayaan $\alpha \geq .89$, Omarsdottir et. al (2023) di Iceland mendapati *GAD-7* mempunyai nilai kebolehpercayaan $\alpha \geq .89$, Indiani (2022) di Indonesia mendapati *GAD-7* mempunyai nilai kebolehpercayaan $\alpha \geq .88$ dan Vrubleška (2022) di Latvia mendapat nilai kebolehpercayaan $\alpha \geq .87$. Malah hasil kajian ini juga adalah selari dengan dapatan kajian-kajian di luar negara kerana pengkaji mendapati bahawa *GAD-7* versi Bahasa Melayu mempunyai nilai kebolehpercayaan yang amat baik $\alpha \geq .87$.

Selain itu, dapatan kajian ini juga dapat menjawab persoalan sejauh mana *GAD-7* sesuai digunakan untuk mengukur tahap kebimbangan dalam kalangan murid-murid sekolah. Dalam kajian awal yang dijalankan oleh Spitzer et. al (2006) pemilihan subjek kajian adalah terdiri daripada pesakit-pesakit klinik kesihatan yang berusia 18 hingga 95 tahun. Malah kajian-kajian lanjutan di Malaysia (Sy-Cherng Woon, 2020) dan luar negara juga banyak memfokuskan penggunaan *GAD-7* di klinik-klinik kesihatan dan hospital-hospital untuk mengukur tahap kebimbangan dalam kalangan pesakit (Brattmyr et al., 2022; De Man et al., 2021; Galindo-Vázquez et al., 2023; Gong et al., 2022; Omarsdottir et al., 2023; Shah et al., 2021; Shih et al., 2022). Meskipun terdapat beberapa kajian mula

menggunakan *GAD-7* ke atas pelajar-pelajar, namun kebanyakan subjek kajian terdiri dalam kalangan pelajar universiti yang telah melebihi usia 18 tahun (Byrd-Bredbenner et al., 2021; Manzar et al., 2021; Martínez-Vázquez et al., 2022; Pheh et al., 2023). Oleh itu, kajian ini telah berjaya mengisi kelompangan yang wujud di Malaysia kerana belum ada kajian-kajian di Malaysia yang mengkaji kesahan dan kebolehpercayaan penggunaan *GAD-7* dalam kalangan murid sekolah. Hasil kajian ini membuktikan bahawa *GAD-7* versi bahasa Melayu sesuai digunakan untuk murid-murid sekolah malah turut memiliki nilai Alpha Cronbach yang baik 0.87. Dapatan ini selari dengan kajian terkini di luar negara yang mendapati bahawa *GAD-7* bukan sahaja sesuai untuk digunakan untuk mengukur tahap kebimbangan dalam kalangan dewasa malah sesuai digunakan untuk mengukur tahap kebimbangan dalam kalangan murid sekolah yang berusia di bawah 18 tahun (Marlow et al., 2023).

Kajian ini mempunyai beberapa kekurangan iaitu responden kajian hanya terdiri daripada murid-murid sekolah menengah. Oleh itu, dicadangkan agar kajian-kajian lanjutan dijalankan untuk menguji kesesuaian penggunaan *GAD-7* dalam kalangan murid sekolah rendah. Hal ini demikian kerana pasca pandemik COVID-19 telah memperlihatkan isu kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak Malaysia turut menunjukkan peningkatan yang luar biasa (Institut Kesihatan Umum, 2020, 2022). Oleh itu, kajian-kajian lanjutan perlu memberi tumpuan untuk membangunkan soal selidik yang sesuai digunakan dalam kalangan murid-murid sekolah rendah. Hal ini demikian kerana menurut Laporan World Mental Health Organization (2022) bagi menurunkan statistik kesihatan mental di peringkat global bukan lagi perlu memfokuskan kepada pesakit-pesakit yang terbukti mempunyai gangguan mental, sebaliknya rawatan terbaik ialah membangunkan program-program pencegahan awal di peringkat sekolah rendah lagi. Akhir sekali, diharapkan instrumen kajian ini boleh memberikan manfaat bagi mencegah isu-isu kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak dan institusi pendidikan di Malaysia.

Kesimpulan

Kesimpulannya, instrumen *GAD-7* mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.90 bagi nilai kesahan dan .87 bagi nilai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach*. Oleh itu, instrumen ini sesuai untuk disebar luaskan bagi menilai tahap kebimbangan dalam kalangan murid-murid di Malaysia. Walau bagaimanapun, item-item yang digunakan hendaklah merujuk kepada dapatan kajian ini kerana terdapat perubahan struktur ayat dalam setiap item yang dicadangkan oleh panel pakar. Diharap kajian ini dapat dijadikan model rujukan untuk membangunkan lebih banyak instrumen yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

Rujukan

- Bártolo, A., Monteiro, S., & Pereira, A. (2017). Factor structure and construct validity of the Generalized Anxiety Disorder 7-item (GAD-7) among Portuguese college students. *Cadernos de Saude Publica*, 33(9), 1–12. <https://doi.org/10.1590/0102-311X00212716>
- Brattmyr, M., Lindberg, M. S., Solem, S., Hjemdal, O., & Havnen, A. (2022). Factor structure, measurement invariance, and concurrent validity of the Patient Health Questionnaire-9 and the Generalized Anxiety Disorder scale-7 in a Norwegian psychiatric outpatient sample. *BMC Psychiatry*, 22(1), 1–11. <https://doi.org/10.1186/s12888-022-04101-z>
- Budikayanti, A., Larasari, A., Malik, K., Syeban, Z., Indrawati, L. A., & Octaviana, F. (2019). Screening of Generalized Anxiety Disorder in Patients with Epilepsy: Using a Valid and Reliable Indonesian Version of Generalized Anxiety Disorder-7 (GAD-7). *Neurology Research International*, 2019. <https://doi.org/10.1155/2019/5902610>
- Byrd-Bredbenner, C., Eck, K., & Quick, V. (2021). GAD-7, GAD-2, and GAD-mini: Psychometric properties and norms of university students in the United States. *General Hospital Psychiatry*, 69(January), 61–66.
- De Man, J., Absetz, P., Sathish, T., Desloge, A., Haregu, T., Oldenburg, B., Johnson, L. C. M., Thankappan, K. R., & Williams, E. D. (2021). Are the PHQ-9 and GAD-7 Suitable for Use in India? A Psychometric Analysis. *Frontiers in Psychology*, 12(May), 1–14.
- Dhira, T. A., Rahman, M. A., Sarker, A. R., & Mehareen, J. (2021). Validity and reliability of the Generalized Anxiety Disorder-7 (GAD-7) among university students of Bangladesh. *PLoS ONE*, 16(12 December), 1–16. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0261590>
- Fattah, A., Ebadi, A., Borumand, N., Saeedi, A., Darbani, M., Setayesh, S., Mohammadi, G., & Babakhanian, M. (2021). Generalized Anxiety Disorder 7-Item Scale and Templer's Death Anxiety Scale in Iranian Inpatients with COVID-19: Evaluation of Psychometric Properties and Diagnostic Accuracy. *Middle East Journal of Rehabilitation and Health Studies*, 8(4). <https://doi.org/10.5812/MEJRH.111377>

- Galindo-Vázquez, O., Núñez Gómez, P., Vidal Millán, S., Bargalló Rocha, E., Lerma, A., Sánchez Contreras, Y., & Álvarez Gómez, R. M. (2023). Psychometric evidence of the Patient Health Questionnaire (PHQ-9) and Generalized Anxiety Scale (GAD-7) in patients with genetic counseling in Oncology. *Psicooncologia*, *20*(2), 267–281.
- Gong, L. L., Xie, X. L., Liu, S. T., Hu, W. H., Niu, Y. J., Sun, Y., Liu, J. S., & Xia, X. (2022). Reliability and validity of generalized anxiety disorder 7-item scale in early pregnant women. *Reproductive and Developmental Medicine*, *6*(4), 249–253.
- Hamidah, Y., Jamal, Y., & Khalip, M. (2014). Kaedah Penyelidikan : *Pengurusan Pendidikan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hayrol Azril, M. S., Asnarulkhadi, A. S., & Syafila, K. (2021). Speaking of the devil: a systematic literature review on community preparedness for earthquakes. *Natural Hazards*, *108*(3), 2393–2419. <https://doi.org/10.1007/s11069-021-04797-4>
- Idiani, S., Herawati, M. H., Mubasyiroh, R., Indrawati, L., Yunita, I., Sitorus, N., & Isfandari, S. (2022). *Reliability of the General Anxiety Disorder -7 Questionnaire for Non-Healthcare Workers*. 298–305. <https://doi.org/10.26911/icphepidemiology.fp.08.2021.07>
- In, J. (2017). Introduction of a pilot study. *Korean Journal of Anesthesiology*, *70*(6), 601–605.
- Institut Kesihatan Umum. (2020). Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS 2019): Penyakit tidak berjangkit, Permintaan Jagaan Kesihatan, dan Literasi Kesihatan: Penemuan Utama. In *Kementerian Kesihatan Malaysia* (Vol. 1, pp. 1–392).
- Institut Kesihatan Umum. (2022). Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2022. Kesihatan Remaja: Penemuan Utama. In *Kementerian Kesihatan Malaysia*.
- Ip, H., Suen, Y. N., Hui, C. L. M., Wong, S. M. Y., Chan, S. K. W., Lee, E. H. M., Wong, M. T. H., & Chen, E. Y. H. (2022). Assessing anxiety among adolescents in Hong Kong: psychometric properties and validity of the Generalised Anxiety Disorder-7 (GAD-7) in an epidemiological community sample. *BMC Psychiatry*, *22*(1), 1–11.

- Johnson, S. U., Ulvenes, P. G., Øktedalen, T., & Hoffart, A. (2019). Psychometric properties of the GAD-7 in a heterogeneous psychiatric sample. *Frontiers in Psychology, 10*(JULY), 1–8. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2019.01713>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022). *Panduan Pelaksanaan Minda Sihat Kalendar Akademik Sesi 2022/2023*.
- Kigozi, G., Africa, S., Kigozi, G., Province, F. S., & Commons, C. (2019). *onstruct ali it an relia ilit of the eneralise an iet isor er scale in a sa le of tu erculosis atients in the ree State ro ince South Africa*. 1–6.
- Konkan, R., Şenormanci, Ö., Güçlü, O., Aydın, E., & Sungur, M. Z. (2013). Validity and reliability study for the Turkish adaptation of the generalized anxiety disorder-7 (GAD-7)scale. *Noropsikiyatri Arsivi, 50*(1), 53–58. <https://doi.org/10.4274/npa.y6308>
- Lam, A. Y. R., Xin, X., Tan, W. B., Gardner, D. S. L., & Goh, S. Y. (2017). Psychometric validation of the hypoglycemia fear survey-II (HFS-II) in Singapore. *BMJ Open Diabetes Research and Care, 5*(1), 1–9. <https://doi.org/10.1136/bmjdr-2016-000329>
- Manzar, M. D., Alghadir, A. H., Anwer, S., Alqahtani, M., Salahuddin, M., Addo, H. A., Jifar, W. W., & Alasmee, N. A. (2021). Psychometric properties of the general anxiety disorders-7 scale using categorical data methods: A study in a sample of university attending ethiopian young adults. *Neuropsychiatric Disease and Treatment, 17*, 893–903.
- Marlow, M., Skeen, S., Grieve, C. M., Carvajal-Velez, L., Åhs, J. W., Kohrt, B. A., Requejo, J., Stewart, J., Henry, J., Goldstone, D., Kara, T., & Tomlinson, M. (2023). Detecting Depression and Anxiety Among Adolescents in South Africa: Validity of the isiXhosa Patient Health Questionnaire-9 and Generalized Anxiety Disorder-7. *Journal of Adolescent Health, 72*(1), S52–S60. <https://doi.org/10.1016/j.jadohealth.2022.09.013>
- Martínez-Vázquez, S., Martínez-Galiano, J. M., Peinado-Molina, R. A., Gutiérrez-Sánchez, B., & Hernández-Martínez, A. (2022). Validation of General Anxiety Disorder (GAD-7) questionnaire in Spanish nursing students. *PeerJ, 10*, 1–16.

- Monterrosa-Blanco, A., Cassiani-Miranda, C. A., Scoppetta, O., & Monterrosa-Castro, A. (2021). Generalized anxiety disorder scale (GAD-7) has adequate psychometric properties in Colombian general practitioners during COVID-19 pandemic. *General Hospital Psychiatry*, 70(February), 147–148. <https://doi.org/10.1016/j.genhosppsy.2021.03.013>
- Muhamad Saiful Bahri, Y. (2019). ABC of Content Validation and Content Validity Index Calculation. *Education in Medicine Journal*, 11(2), 49–54. <https://doi.org/10.21315/eimj2019.11.2.6>
- Nyongesa, M. K., Mwangi, P., Koot, H. M., Cuijpers, P., Newton, C. R. J. C., & Abubakar, A. (2020). The reliability, validity and factorial structure of the Swahili version of the 7-item generalized anxiety disorder scale (GAD-7) among adults living with HIV from Kilifi, Kenya. *Annals of General Psychiatry*, 19(1), 1–10. <https://doi.org/10.1186/s12991-020-00312-4>
- Omani-Samani, R., Maroufizadeh, S., Ghaheri, A., & Navid, B. (2018). Generalized Anxiety Disorder-7 (GAD-7) in people with infertility: A reliability and validity study. *Middle East Fertility Society Journal*, 23(4), 446–449. <https://doi.org/10.1016/j.mefs.2018.01.013>
- Omarsdottir, H. R., Vésteinsdóttir, V., Asgeirsdóttir, R. L., Kristjansdóttir, H., & Thorsdóttir, F. (2023). Can GAD-7 be used reliably to capture anxiety?: approaching evaluation of item quality using IRT. *Nordic Psychology*, 0(0), 1–19.
- Pheh, K. S., Tan, C. S., Lee, K. W., Tay, K. W., Ong, H. T., & Yap, S. F. (2023). Factorial structure, reliability, and construct validity of the Generalized Anxiety Disorder 7-item (GAD-7): Evidence from Malaysia. *PLoS ONE*, 18(5 May), 1–10.
- Polit, D., & Beck, C. T. (2006). Focus on Research Methods Handling Missing Data in Self-Report Measures. *Research in Nursing & Health*, 29, 489–497.
- Ramlee, I., Jamal@Nordin, Y., & Marinah, A. (2021). *Analisis Data dan Pelaporan dalam Penyelidikan Pendidikan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Seo, J. G., Cho, Y. W., Lee, S. J., Lee, J. J., Kim, J. E., Moon, H. J., & Park, S. P. (2014). Validation of the generalized anxiety disorder-7 in people with epilepsy: A MEPSY study. *Epilepsy and Behavior, 35*, 59–63. <https://doi.org/10.1016/j.yebeh.2014.04.005>
- Shah, N., Cader, M., Andrews, B., McCabe, R., & Stewart-Brown, S. L. (2021). Short Warwick-Edinburgh Mental Well-being Scale (SWEMWBS): performance in a clinical sample in relation to PHQ-9 and GAD-7. *Health and Quality of Life Outcomes, 19*(1), 19
- Sherina, M. S., Arroll, B., & Goodyear-Smith, F. (2012). Validation of the GAD-7 (Malay version) among women attending a primary care clinic in Malaysia. *Journal of Primary Health Care, 4*(1), 5–11. <https://doi.org/10.1071/hc12005>
- Shih, Y. C., Chou, C. C., Lu, Y. J., & Yu, H. Y. (2022). Reliability and validity of the traditional Chinese version of the GAD-7 in Taiwanese patients with epilepsy. *Journal of the Formosan Medical Association, 121*(11), 2324–2330.
- Sidek, M. N. (2005). *Pengujian & penilaian dalam kaunseling. Teori & Aplikasi* (p. 95).
- Sousa, T. V., Viveiros, V., Chai, M. V., Vicente, F. L., Jesus, G., Carnot, M. J., Gordo, A. C., & Ferreira, P. L. (2015). Reliability and validity of the Portuguese version of the Generalized Anxiety Disorder (GAD-7) scale. *Health and Quality of Life Outcomes, 13*(1), 1–8.
- Spitzer, R., Kroenke, K., Williams, J., & Löwe, B. (2006). A brief measure or assessing generalized anxiety disorder: The GAD-7. *Archives of Internal Medicine, 166*(10), 1092–1097.
- Stochl, J., Fried, E. I., Fritz, J., Croudace, T. J., Russo, D. A., Knight, C., Jones, P. B., & Perez, J. (2020). On Dimensionality, Measurement Invariance, and Suitability of Sum Scores for the PHQ-9 and the GAD-7. *Assessment, 29*(3), 355–366.
- Sy-Cherng Woon, L. (2020). Factor Structure of The Malay-Version Generalized Anxiety Disorder-7 (GAD-7) Questionnaire among Patients with Diabetes Mellitus. *Medicine & Health, 15*(1), 208–217. <https://doi.org/10.17576/mh.2020.1501.19>

- Vrublevska, J., Renemane, L., Kivite-Urtane, A., & Rancans, E. (2022). Validation of the generalized anxiety disorder scales (GAD-7 and GAD-2) in primary care settings in Latvia. *Frontiers in Psychiatry, 13*. <https://doi.org/10.3389/fpsyt.2022.972628>
- World Mental Health Organization. (2022). World mental health: transforming mental health for all. In *The BMJ*. <https://doi.org/10.1136/bmj.o1593>
- World Mental Health Organization. (2023). Anxiety Disorder. In *Portal World Health Organization* (Issue September).
- Zhang, C., Wang, T., Zeng, P., Zhao, M., Zhang, G., Zhai, S., Meng, L., Wang, Y., & Liu, D. (2021). Reliability, Validity, and Measurement Invariance of the General Anxiety Disorder Scale Among Chinese Medical University Students. *Frontiers in Psychiatry, 12*(May), 1-11.
- Zhong, Q. Y., Gelaye, B., Zaslavsky, A. M., Fann, J. R., Rondon, M. B., Sánchez, S. E., & Williams, M. A. (2015). Diagnostic validity of the generalized anxiety disorder - 7 (GAD-7) among pregnant women. *PLoS ONE, 10*(4).
- Zuriani Hanim, Z., & Muhammad Izzat, M. (2021). Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen soal selidik kepimpinan transformasional guru besar di sekolah. *Ilmi Journal, 11*, 70–80.

Tahap Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Guru Pelatih IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan

Shahida Nalini binti Mat Sabri¹, Nurulaini binti Moshidi², Zawiyah binti Zali³,
Hj. Hatim Aziwir bin Zaadun Zabir⁴, Shafie bin Majid⁵

¹²³⁴⁵Jabatan Bimbingan dan Kaunseling, IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan

¹snms2107@gmail.com, ²nurulainimoshidi@gmail.com, ³zawiyah80@gmail.com,

⁴aziwir@yahoo.com, ⁵shafiemajid@gmail.com

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji dan mengenal pasti tahap kecerdasan emosi dalam kalangan guru pelatih tahun akhir IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan. Kajian ini dilakukan ke atas 308 orang responden yang terdiri daripada guru pelatih tahun akhir IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan yang sedang menjalani internship. Pemilihan responden kajian dipilih melalui teknik persampelan rawak mudah. Kaedah kajian yang digunakan adalah melalui edaran soal selidik kecerdasan emosi. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences version 29.0. Hasil analisis mendapati tahap kecerdasan emosi guru pelatih tahun akhir IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan berada di tahap yang tinggi. Secara kesimpulannya, guru pelatih merupakan persona yang akan memberikan contoh yang baik kepada para pelajar ketika menjalani internship di sekolah. Di era zaman teknologi pesat ini, guru pelatih perlu lebih ke hadapan baik dari segi teknologi dan juga kemahiran. Malahan guru pelatih juga perlu bijak untuk menangani emosi dan menguruskan emosi dengan baik supaya dapat menjalani internship dengan cemerlang.

Kata kunci: Kecerdasan emosi, guru pelatih tahun akhir

Pengenalan

Tugas guru yang kompleks dan penuh dengan cabaran diakui boleh mendatangkan tekanan bukan sahaja pada fizikal dan mental malah pada emosi juga. (Wan Norhayati 2019). Justeru, guru perlu mempunyai kemahiran mengenal dan mengurus emosi dengan baik seperti yang terkandung dalam gagasan kecerdasan emosi. Mayer et al. (2004) mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai keupayaan untuk menaakul dengan perasaan dan menggunakan perasaan untuk meneguhkan pemikiran. Dengan lebih terperinci, kecerdasan emosi merangkumi kebolehan untuk mempersepsikan perasaan dengan tepat, kebolehan untuk mencapai dan menjana perasaan supaya dapat membantu pemikiran, kebolehan untuk memahami perasaan dan pengetahuan tentang perasaan, dan untuk mengawal perasaan secara reflektif dengan tujuan akhirnya untuk menggalakkan perkembangan perasaan dan kecerdasan. Ringkas kata, emosi yang tepat boleh merangsang pemikiran yang hebat. Kecerdasan emosi merupakan salah satu cabang ilmu dalam disiplin psikologi. Emosi manusia turut menjadi subjek kajian dan eksperimen ahli-ahli psikologi dan klinikal serta dalam pelbagai perspektif sains sosial dan kemanusiaan seperti sosiologi, geografi, pendidikan, linguistik, sejarah dan sebagainya. Emosi yang dipamerkan oleh setiap individu adalah dalam bentuk tindakan dengan tujuan untuk memenuhi kepuasan diri individu itu sendiri dan ia boleh dikatakan sebagai satu keadaan di mana perasaan yang ditunjukkan pada proses fisiologi dan psikologi seseorang individu itu (Wan Anor, 2021).

Menurut Goleman (1996) kecerdasan emosi (EQ) adalah kebolehan seseorang memahami perasaan sendiri dan menggunakannya untuk membuat keputusan yang berkesan dalam kehidupan seharian. Melalui EQ seseorang dapat mengawal rasa kecewa, sedih dan perasaan negatif lain dengan baik. Kecerdasan emosi juga membolehkan seseorang mengawal dorongan (*impulses*) diri. Menurut Goleman (1995) EQ adalah kebolehan untuk mengawasi emosi diri dan emosi pihak lain, dapat membezakan kebaikan, dan dapat menggunakan maklumat untuk membantu fikiran dan tindakan seseorang. Corser dan Rakoff (1971) menjelaskan komitmen sebagai kecenderungan dalaman yang positif di mana seseorang pekerja yang komited kerjayanya akan berasa bangga dengan kerjaya yang diceburinya. Dalam kerjaya yang berstatus tinggi, komitmen bukan sahaja tertumpu kepada kerjaya tetapi juga melibatkan komitmen terhadap rakan sekerja. Goleman (1998)

mengemukakan pandangan terhadap komitmen dari sudut organisasi sebagai satu reaksi emosional. Perkara ini memberi maksud seseorang individu itu mempunyai hubungan atau kelekatan yang kuat kepada matlamat organisasi. Individu yang setia dan taat kepada matlamat organisasi bukan sahaja akan menjalankan tugasnya dengan sedaya upaya, malah mereka sudi mengorbankan kepentingan diri apabila diperlukan demi kepentingan organisasi.

Guru adalah insan yang cukup istimewa lantaran tanggungjawab dan amanah yang terpaksa dipikul untuk mendidik manusia menjadi insan yang berperibadi mulia, berakhlak tinggi dan kamil. Guru merupakan role-model oleh itu sudah semestinya guru menunjukkan contoh yang baik dan mereka haruslah mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi. Perkembangan yang pesat dan juga kelahiran generasi alpha guru juga tidak ketinggalan akan mengalami pelbagai cabaran sekolah.

Menerusi artikel ini, pengkaji ingin mengetahui dengan lebih mendalam mengenai tahap kecerdasan emosi dalam kalangan guru pelatih di IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan yang sedang menjalani internship. Oleh yang demikian, pengkaji melaksanakan kajian tinjauan untuk melihat tahap kecerdasan emosi guru pelatih tahun akhir.

Berikut merupakan objektif, persoalan dan hipotesis kajian

Objektif kajian

1. Untuk mengenal pasti tahap kecerdasan emosi dalam kalangan guru pelatih tahun akhir IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan.
2. Untuk mengenal pasti perbezaan antara jantina dengan kecerdasan emosi dalam kalangan guru pelatih tahun akhir IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan.

Persoalan kajian

1. Apakah tahap kecerdasan emosi dalam kalangan guru pelatih tahun akhir IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan ?
2. Adakah terdapat perbezaan antara jantina dengan kecerdasan emosi dalam kalangan guru pelatih tahun akhir IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan ?

Hipotesis kajian

Ha¹ : Terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan kecerdasan emosi dalam kalangan guru pelatih tahun akhir IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan

Kajian Literatur

Kajian-kajian lepas yang berkaitan ialah Kecerdasan emosi didefinisikan sebagai kebolehan memproses maklumat emosi secara tepat dan efisien (Mayer & Cobb, 2000; Mayer & Salovey, 1997; Robert Zeidner & Matthew, 2001). Mayer, Caruso & Salovey, (1999) mengelompokkan kecerdasan emosi kepada empat kebolehan yang saling bekerjasama dalam proses membuat keputusan, penilaian dan kepimpinan. Empat kebolehan tersebut merangkumi keupayaan (i) mempersepsi emosi secara tepat, (ii) mengetahui dan menjana emosi dalam membantu pemikiran, (iii) meregulasi emosi secara reflektif dan (iv) mengurus dengan melibatkan emosi ke dalam pemikiran dan tindakan. Kebolehan-kebolehan tersebut secara tidak langsung membantu pertumbuhan emosi dan intelektual seseorang.

Kecerdasan emosi (EQ) merupakan trait personaliti yang perlu dimiliki oleh setiap guru untuk berjaya dalam kerjayanya. Pengenalpastian tahap EQ menyediakan maklumat berharga kepada para guru dalam menilai keberkesanan diri seterusnya menjadi pemangkin ke arah meningkatkan kualiti peribadi. Meskipun kajian EQ telah dijalankan secara meluas dalam berbagai seting, namun kajian yang mengaitkan kecerdasan emosi ini dengan aspek profesionalisme bakal guru masih belum banyak diterokai.

Antara kajian yang pernah dijalankan sebelum ini oleh pengkaji luar negara ialah oleh Boyatzis, Goleman dan Rhee (1999). Kumpulan pengkaji ini telah mengkaji tentang hubungan kecerdasan emosi dan komitmen dalam organisasi. Kajian seterusnya dilakukan oleh Griffin (1967) yang mengkaji kepentingan kecerdasan emosi dalam membangunkan kepemimpinan dalam organisasi.

Mohd. Najib, Azizi dan Yusof (2002) dalam Siti Balqis (2017) dari UTM, Skudai telah menjalankan kajian berhubung dengan tahap kestabilan emosi dalam kalangan pensyarah di Fakulti Pendidikan. Seramai 65 orang responden

dari kalangan pelajar dan pensyarah yang terlibat. Analisis utama kajian adalah untuk menguji instrumen, diikuti dengan perbandingan tahap-tahap emosi antara pensyarah dan pelajar dan analisis temubual untuk menerangkan kaedah kestabilan emosi. Keputusan bagi menguji instrumen menunjukkan hampir kesemua responden memberikan maklumbalas yang baik terhadap kategori-kategori dalam mengukur tahap EQ. Perbezaan hanya berlaku dari segi kaedah dan cara responden menstabilkan emosi.

Kajian yang dijalankan Mariah Ishak (2019) ke atas 90 orang guru disekolah-sekolah menengah dalam daerah Johor Bahru menunjukkan terdapat hubungan perkaitan di antara tahap kecerdasan emosi dengan tahap kepuasan kerja dan komitmen terhadap kerjaya. Dapatan menunjukkan kecerdasan emosi guru-guru kaunseling sekolah-sekolah menengah di daerah Johor Bahru adalah tinggi, tahap kepuasan kerja berada pada tahap yang sederhana dan tahap komitmen terhadap kerjaya berada pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang kuat dan signifikan antara kecerdasan emosi dengan kepuasan kerja. Hasil kajian juga mendapati wujudnya hubungan yang signifikan di antara tahap kecerdasan emosi dengan komitmen terhadap kerjaya.

Kajian yang dijalankan oleh Cooper dan Sawaf (1997) mendapati individu yang mempunyai ketahanan emosi yang baik (salah satu komponen dalam EQ) membolehkannya berupaya menguruskan emosi diri dan orang lain. Dengan ini, mereka dapat memahami sebab wujudnya tekanan dan mampu mengurus tekanan yang dihadapi. Individu yang mempunyai ketahanan emosi yang baik di tempat kerja membolehkannya mencapai kepuasan terhadap kerjanya berbanding individu yang tidak mempunyai ketahanan emosi.

Laporan oleh Centre for Creative Leadership (1994) mengemukakan bahawa individu yang kurang kesedaran terhadap tahap EQ mereka tidak berkeupayaan mengurus masalah peribadi, tidak berpuas hati dengan kepimpinan berkumpulan dan tidak dapat menyesuaikan diri dalam sesuatu perubahan.

Goleman (1995) menganggap bahawa kecerdasan emosi sebagai suatu kompetensi yang boleh diperkembangkan melalui latihan. Beliau mengklasifikasikan kecerdasan emosi kepada beberapa domain yang utama iaitu kesedaran sendiri (*self-awareness*), pengurusan emosi sendiri (*self-*

regulation), motivasi diri (*motivation*), empati (*empathy*) dan kemahiran sosial (*social skills*).

Kesedaran sendiri bermaksud keupayaan seseorang dalam mengenali emosi dalam diri mereka. Keupayaan ini adalah merupakan kemampuan seseorang individu untuk memantau dan mengawasi perasaan mereka dari masa ke semasa. Faktor ini dapat menjadi pengaruh terhadap kepekaan seseorang apabila membuat sesuatu keputusan dalam masalah peribadi mereka.

Komponen pengurusan emosi sendiri adalah merupakan kebolehan seseorang dalam mengurus, menangani, dan mengawasi emosi mereka. Contohnya kebolehan untuk menghiburkan diri mereka sendiri, mengawal kegelisahan, tekanan, kemurungan dan perasaan lain yang muncul dalam diri mereka. Individu yang dapat mengawal emosi mereka dengan baik dikatakan mampu untuk menghadapi dan menangani cabaran, dugaan, kesusahan yang mereka alami sehingga mampu untuk bangun kembali dari situasi negatif itu. Manakala, seseorang yang tidak pandai untuk mengawal dan mengatur emosi mereka pula akan melakukan sebaliknya dan akan terus berada dalam situasi yang negatif dan tidak sihat.

Individu yang berupaya untuk memotivasikan diri mereka sendiri akan lebih produktif dan efektif dalam semua kegiatan dan perbuatan yang mereka lakukan. Kemampuan seseorang untuk memberikan motivasi kepada diri mereka sendiri antaranya termasuklah optimis, mahir dalam pemikiran positif, dan mempunyai kawalan desakan hati mereka. Individu yang menyandang sikap empati dalam diri mereka dapat membaca, menyedari, dan memahami pandangan orang lain. Mereka mampu untuk menyesuaikan diri mereka dengan orang lain dan dapat membina hubungan dan kepercayaan di antara mereka. Dinyatakan bahawa, individu yang mempunyai empati dalam diri mereka lebih mudah bergaul dan bersosial kerana mereka dapat membaca apa yang diperlukan oleh individu yang lain. Individu yang mempunyai kemampuan untuk membina dan menjalinkan hubungan dengan individu yang lain dengan lebih baik dapat membaca, memahami dan lebih peka dalam menganalisis reaksi yang dipamerkan dan ini akan membantu mereka untuk menangani sebarang masalah atau konflik yang muncul. Individu yang mempunyai ciri ini juga dikatakan mampu untuk menjadi pemimpin bagi sesebuah organisasi.

Komponen-komponen yang telah dinyatakan di atas membuktikan bahawa sekiranya seseorang individu mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi, maka mereka mempunyai kebolehan dan sikap yang lebih optimis apabila menghadapi konflik, memiliki kebolehan untuk memotivasikan diri mereka sendiri, dapat mengawal kehendak hati mereka, berkemampuan untuk mengenali dan menangani emosi dengan bijak, mempunyai empati terhadap orang lain dan akhirnya dapat mewujudkan hubungan yang positif dengan individu dalam sesebuah komuniti.

Metodologi

Reka bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan gabungan antara kajian deskriptif dan juga kajian berbentuk inferensi. Kajian deskriptif ialah kajian yang memberikan penerangan yang sistematik mengenai fakta, tahap dan ciri-ciri populasi yang dikaji oleh penyelidik (Sidek Mohd Noah, 2002). Kajian deskriptif digunakan untuk menjawab objektif kajian yang pertama. Manakala, bagi objektif kajian yang kedua akan menggunakan reka bentuk kajian inferensi. Kajian inferensi ini mampu untuk menjawab objektif yang mempunyai hubungan antara pemboleh ubah. Secara keseluruhan kajian ini akan menumpukan kepada mengenalpasti tahap kecerdasan emosi guru pelatih tahun akhir IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan.

Sampel Kajian

$$S = \frac{x^2 N p (1 - p)}{e^2 (N - 1) + x^2 p (1 - P)}$$

Berdasarkan formula pengiraan sampel di sebelah. Jumlah sampel kajian yang dipilih ialah 94 orang di mana jumlah keseluruhan Guru Pelatih IPGKM Tengku Ampuan Afzan adalah seramai 127 orang. Walau bagaimanapun, menurut Tuckman (1978), saiz sampel perlu dimaksimakan agar dapat meminimalkan ralat persampelan, Ini adalah kerana sampel kajian bukan sahaja mewakili populasi tetapi juga meyakinkan pengkaji tentang kebolehpercayaannya mewakili populasi yang dikaji. Di mana,

S= saiz sampel yang diberikan
 x^2 = Tahap keyakinan yang diinginkan (0.05)
berdasarkan jadual chi-squared table = 3.841
N = Saiz populasi (127)
P = p = Bahagian populasi (0.5)
e = Margin error (0.05)

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai alat untuk pengumpulan data, pengukuran dan analisis. Soal selidik ini memeriksa soal selidik Kecerdasan Emosi (Schutte,1998) yang diterjemah oleh Norhayati Zakaria (2011). Kebolehpercayaan soal selidik Kebolehpercayaan soal selidik mengikut kajian lepas Soal Selidik Kecerdasan Emosi .87 yang digunakan di dalam kajian Mazila Ghazali (2017). Soal selidik yang digunakan adalah mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi

Penganalisan Statistik

Bagi soal selidik Bagi soal selidik kecerdasan emosi terdapat 28 item. Tahap kecerdasan emosi dapat ditentukan berdasarkan skor, skor 0 hingga 84 menunjukkan bahawa kecerdasan emosi berada di tahap yang rendah. Manakala skor 85 hingga 140 pula menunjukkan bahawa kecerdasan emosi berada di tahap yang sederhana. Nilai skor kecerdasan emosi bagi tahap tinggi pula ialah jumlah skor 141 hingga 196..

Dapatan Kajian

Pengujian objektif 1: Tahap kecerdasan emosi guru pelatih tahun akhir IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan (KE).

Jadual 1: Tahap kecerdasan emosi guru pelatih tahun akhir

Pemboleh ubah	Minimum	Maksimum	Min
KE	113.00	196.00	157.1974

Berdasarkan jadual di atas menunjukkan tahap kecerdasan emosi guru pelatih tahun akhir IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan berada di tahap yang baik di mana skor min ialah sebanyak 157.1974.

Pengujian hipotesis 1: perbezaan tahap kecerdasan emosi guru pelatih tahun akhir antara jantina.

Jadual 2: Tahap kecerdasan emosi guru pelatih tahun akhir mengikut jantina

Jantina	Bil.	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Sig.
Lelaki	145	157.8478	22.98209	-3.68	.713
Perempuan	163	159.5377	27.18094		

Berdasarkan jadual di atas mendapati nilai-t bagi perbandingan tahap kecerdasan emosi guru pelatih tahun akhir , lelaki dan perempuan ialah $t=5.047$ dan tahap signifikan $p=.713$. Tahap signifikan ini lebih besar daripada $.05(p<.05)$. Jadi, terdapat tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap antara lelaki dan perempuan. Hipotesis terdapat perbezaan yang signifikan kecerdasan emosi guru pelatih tahun akhir antara jantina ditolak.

Skor min tahap kecerdasan emosi guru pelatih tahun akhir lelaki ($\text{min}=157.8478$) hanya berbeza sedikit daripada perempuan ($\text{min}=159.5377$). Ini bermakna tahap kecerdasan emosi guru pelatih IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan antara jantina adalah hampir sama.

Perbincangan

Analisis tahap kecerdasan emosi dalam kalangan guru pelatih tahun akhir IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini mendapati bahawa tahap kecerdasan emosi guru pelatih tahun akhir IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan berada di tahap yang tinggi. Dapatan kajian ini adalah selari atau sama dengan dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji-pengkaji Siti Balqis Mad Noor (2011) dan Mustaffa Sharif et.al (2013) yang mendapati bahawa tahap kecerdasan emosi yang tinggi dalam kalangan guru dan ini akan membantu guru untuk menguruskan keupayaan emosi dengan baik.

Perbezaan tahap kecerdasan emosi dalam kalangan guru pelatih tahun akhir IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh pengkaji menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kecerdasan emosi dalam kalangan guru pelatih tahun akhir IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan berdasarkan jantina. Hasil dapatan kajian ini disokong dengan dapatan kajian yang diperolehi oleh Amalia, D., & Slamet, M. R. (2019). yang turut mendapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan tahap kecerdasan emosi dalam kalangan guru pelatih tahun akhir IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan berdasarkan jantina.

Implikasi kajian kepada guru pelatih tahun akhir IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan

Kajian ini memberikan bukti kepada guru pelatih sejauhmana kemampuan dan kesedaran di dalam diri mereka dalam mengendalikan dan menguruskan emosi mereka. Justeru itu, berdasarkan kajian ini dapat dilihat bahawa guru pelatih masih perlu diberikan penegasan dari sudut mengawal dan mengendalikan emosi mereka. Malahan, di zaman yang penuh dengan cabaran dunia digital ini, para guru perlu peka dan bijak mengendalikan peristiwa atau keadaan yang boleh menjejaskan kredibiliti bidang pendidikan.

Implikasi kajian kepada Kementerian Pendidikan Malaysia , Institut Pendidikan Guru Malaysia dan Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Tengku Ampuan Afzan

Dengan adanya kajian yang meluas berkenaan kecerdasan emosi dalam kalangan guru pelatih ini , ianya dapat memberi input yang berguna kepada entiti-entiti di atas dalam membantu pembentukan karakter atau watak guru. Kajian seperti ini juga dapat membantu pihak-pihak ini supaya dapat merancang program atau seminar yang sesuai dalam membina kualiti guru agar dapat bersikap terbuka, mampu mengurus dan mengendalikan emosi dengan baik dan sesuai dengan prinsip etika seorang penjawat awam khususnya insan yang bergelar guru.

Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa kecerdasan emosi guru pelatih tahun akhir IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan berada di tahap yang baik. Ini boleh diinterpretasikan bahawa guru pelatih yang mempunyai kecerdasan emosi yang baik juga menunjukkan prestasi kerja yang baik terutamanya apabila mereka berkhidmat di sekolah nanti. Kajian ini mempunyai impak yang besar kepada dasar pendidikan guru di mana latihan kecerdasan emosi untuk guru-guru perlu diperkenalkan di dalam kurikulum pendidikan guru di Malaysia.

Rujukan

- Adi Bhat. (2020). *Qualitative Research: Definition, Types, Methods and Examples*. Dimuat turun pada 5 April 2024 dari laman web <https://www.thoughtco.com/qualitative-research-methods-3026555>.
- Ahmad, A. A., & Ambotang, A. S. B. (2020). Pengaruh kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual dan persekitaran keluarga terhadap stres akademik murid sekolah menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(5), 12-23.
- Amalia, D., & Slamet, M. R. (2019). Pengaruh Kecerdasan Emosional dan Kecerdasan Spiritual terhadap Kepemimpinan Transformasional Dilihat dari Perspektif Gender. *Journal of Applied Managerial Accounting*, 3(1), 126-139.
- Appelbaum, M., Cooper, H., Kline, R. B., Mayo-Wilson, E., Nezu, A. M., & Rao, S. M. (2018). *Journal article reporting standards for quantitative research in psychology: The APA Publications and Communications Board task force report*. *American Psychologist*, 73(1), 3.
- Che Ani, R. (2013). Kecerdasan emosi dalam kalangan Pelajar Diploma Pendidikan Lepas Ijazah (DPLI) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence*. New York: Bantam Books.
- Goleman, D. (1998). *Working with Emotional Intelligence*. London: Bloomsbury, Publishing
- Goleman, D. (2001a) *An EI-based theory of performance*. Dlm Cherniss C. & Goleman D. (Editor). *The Emotionally intelligent workplace: how to select for, measure, and improve emotional intelligence in individuals, groups, and organization*. San Francisco: Jossey - Bass.

- Goleman, D. (2001b) *Emotional intelligence. Issues in paradigma building. Dlm C.Cherniss & D. Goleman (Editor). The Emotionally intelligent workplace: how to select for, measure, and improve emotional intelligence in individuals, groups, and organization.* San Francisco: Jossey – Bass
- Mariah Ishak (2019) *Komitmen Terhadap Organisasi Di Kalangan guru-Guru Sekolah Menengah Daerah Bandar Baharu, Kedah. Ijazah sarjana Sains (Perguruan) Universiti Utara Malaysia]*
- Mayer, J. D. & Geher, G. (1996). Emotional intelligence and the identification of emotion. *Journal of Intelligence*, 22(2): 89 - 113.
- Mayer, J. D., Caruso, D. R., & Salovey, P. (1999). Emotional intelligence meets traditional standards for an intelligence. *Journal of Intelligence*, 27(4): 267-298
- Mayer, J. D. & Salovey, P. (1997). *What is emotional intelligence?* .Dlm P. Salovey & D. Sluyter (Editor) *Emotional development and emotional intelligence: Education implications* (hlm 3-31). New York: Basic Books.
- Mazila Ghazali. (2017). *Pengaruh Kesejahteraan, Emosi dan Spritual serta Efikasi Kendiri terhadap Perkembangan Diri Kaunselor Pelatih. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia.*
- Sidek Mohd. Noah, (2005). *Pengujian dan penilaian dalam kaunseling: teori & aplikasi.* Selangor. Penerbit UPM.
- Surin, M. and Surat, S. (2021) “Hubungan Antara Kecerdasan Emosi dengan Prestasi Akademik Pelajar Sarjana”, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(8), pp. 236 - 248. doi: 10.47405/mjssh.v6i8.926.
- Yahaya, A., Boon, Y., & Abdul, A. H. (2010). Kecerdasan emosi dan hubungannya dengan pencapaian akademik dan tingkahlaku pelajar. *Journal of Science & Mathematics Education*, 1-17.Ying,

N. G. (2017). Hubungan Kecerdasan Emosi Dan Prestasi Kerja Dalam kalangan guru SJKC daerah Kota Tinggi. Thesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.

Zainuddin, J. (2017). Impact of Emotional Intelligence on Academic Achievement of English Language Learners. *Journal of Social Sciences and Humanities*.

Aplikasi Model ABC - REBT Terhadap Klien *Austism Spectrum Disorder (ASD) with Psychosis and Behavioral Major Depression Disorder (MDD)* Menggunakan Pendekatan *Play Therapy*

Nur Hafiza binti Mohd Akhir KB,;PA.

Kolej Matrikulasi Kedah
hafiza.akhir@kmk.matrik.edu.my

Abstrak

*Kajian kes ini bertujuan membincangkan intervensi yang telah dijalankan terhadap seorang klien yang mengalami *Austism Spectrum Disorder (ASD) with Psychosis and Behavioral Issue Major Deppression Disorder (MDD)*. Kaunselor mengaplikasikan intervensi Model ABC Rational Emotive Behavior Therapy (REBT) dan *Play Therapy* bagi menangani isu klien. Kaunselor mengenal pasti sistem kepercayaan dan pemikiran tidak rasional klien yang menyebabkannya mengalami kebimbangan, kemurungan, dan hilang semangat. Proses pengumpulan data dan penerokaan isu klien dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Dapatan Ujian Saringan Minda Sihat iaitu *Depression Anxiety Stress Scale (DASS)* digunakan bagi mengenal pasti tahap stress, kebimbangan, kemurungan serta daya gaya tindak klien. Hasil pengesahan rawatan dan juga kesungguhan klien menamatkan pengajian menjadi indikator utama kepada kaunselor untuk membantu klien. Hasil intervensi yang dijalankan menunjukkan klien berupaya mengubah kepercayaan dan pemikiran baharu sekaligus menunjukkan perubahan yang positif dari segi keyakinan diri, prestasi akademik, kekuatan emosi dan penampilan diri.*

Kata kunci: *Model REBT, Autism Spectrum Disorder (ASD), Psychosis and Behavioral, Major Depression Disorder (MDD), Play Therapy*

Pengenalan

Kesejahteraan mental menjadi tunggak kebahagiaan dalam kehidupan. Kesihatan mental ini sangat berkait rapat dengan kehidupan seharian manusia. Pertubuhan Kesihatan Mental Sedunia (WHO) mendefinisikan kesihatan mental sebagai keupayaan individu merealisasikan potensinya, berupaya mengatasi tekanan kehidupan dan berfungsi dalam komuniti (Samsiah Mohd Jais, 2020). Kepincangan kesejahteraan mental akan berlaku apabila wujudnya unsur-unsur gangguan mental yang akan mengganggu gugat hidup yang sejahtera. Umum mengetahui isu kesihatan mental merupakan isu kesihatan kedua terbesar di Malaysia selepas isu kesihatan jantung. Apabila membincangkan aspek kesejahteraan mental, kita wajar mempertimbangkan senario gangguan kesihatan mental yang menjadi faktor utama kegagalan kefungsi manusia dalam kehidupan. Dewasa ini isu gangguan kesihatan mental ini sudah meliputi pelbagai lapisan umur bermula daripada kanak-kanak, remaja, dewasa dan akhir dewasa.

Menyedari kepentingan perkongsian ilmu melalui kajian kes ini, kaunselor berharap agar kajian kes ini dapat menggambarkan realiti sosial yang sedang melanda golongan remaja kita dewasa ini. Menurut Sabitha Marican (2006), kajian kes berupaya mempersembahkan sejarah seseorang individu, simptom-simptom, ciri-ciri tingkah laku, bentuk tindakan dalam sesuatu situasi menolong ataupun ransangan yang digunakan dalam usaha menolong.

Isu gangguan kesihatan mental telah makin meruncing dan berada pada tahap kritikal. Situasi ini berlaku dalam masyarakat kita secara senyap umpama kanser yang merebak perlahan-lahan tanpa kita sedari. Isu pandemik Covid-19 juga menjadi indikator penting dalam peningkatan kes-kes gangguan mental di kalangan masyarakat dan golongan remaja khususnya.

Latar Belakang Klien

Afiq (*bukan nama sebenar*) berumur 18 tahun merupakan seorang pelajar jurusan Sains di salah sebuah kolej di utara semenanjung. Klien merupakan anak sulung daripada lima orang adik beradik. Ayah klien bekerja di sektor swasta manakala ibu klien seorang suri rumah yang hanya mencari punca pendapatan melalui jualan kuih muih di kantin sekolah. Adik beradik klien masih bersekolah dan membantu ibu membuat kuih sebelum ke sekolah.

Klien datang bertemu kaunselor secara sukarela. Pada pertemuan pertama klien berkongsi tentang keadaan diri klien. Klien berkongsi klien pernah mendapatkan rawatan di Klinik Psikiatrik dan kini sudah lama klien

tidak meneruskan rawatan. Klien juga mengaku sudah lama tidak mengambil ubat dan ada kalanya ibu klien akan membekalkan ubat yang dibeli di farmasi. Klien memaklumkan apabila klien mengambil ubat ini akan menyebabkan klien mengantuk dan tidak dapat bangun untuk ke kelas. Pada perjumpaan ketiga, klien datang secara tiba-tiba dan terburu-buru masuk berjumpa kaunselor dan menyatakan klien tidak boleh bertenang dan emosi terganggu. Klien bercakap sendirian dan meminta 'individu' di sebelahnya bercakap juga. Keadaan klien pada ketika itu sangat tidak terurus dari segi emosi. Klien dibawa mendapatkan rawatan di Unit Kecemasan Hospital. Klien diberikan rehat selama seminggu dan akan menerima rawatan secara berkala pada minggu berikutnya di Klinik Psikiatrik. Setelah 3 minggu diberikan cuti rehat dan menerima rawatan, satu konsultasi bersama dua orang Doktor Pakar dan kaunselor kolej diadakan bagi membantu klien dalam meneruskan pengajian. Klien dikenal pasti mempunyai ciri-ciri autisme berdasarkan pemerhatian doktor sewaktu tempoh rawatan diberikan. Satu sesi konsultasi diadakan oleh Doktor Pakar yang mengendalikan kes klien dan kaunselor serta waris dijemput bersama-sama bagi membantu klien ke arah kesejahteraan klien.

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti isu yang dihadapi oleh klien.
2. Mengenal pasti punca klien mengalami *Major Depression Disorder* (MDD).
3. Membantu klien mendapatkan alternatif bagi menangani *Major Depression Disorder* (MDD) yang dialaminya menggunakan Model ABC REBT dan pendekatan *Play Therapy*.

Persoalan Kajian

1. Apakah isu yang sebenar yang sedang dialami oleh klien ketika bertemu kaunselor?
2. Apakah punca yang menyebabkan klien mengalami *Major Depression Disorder* (MDD)?
3. Apakah tindakan sesuai yang boleh dilakukan oleh klien menggunakan Model ABC REBT dan pendekatan *Play Therapy* dalam menangani *Major Depression Disorder* (MDD) yang dialaminya.

Latar Belakang Masalah

Berdasarkan perkongsian permasalahan klien dan sesi yang telah dijalankan, kaunselor mengenal pasti bahawa klien perlu dibantu dari aspek sokongan emosi serta mentalnya. Pada peringkat awal pertemuan, klien menceritakan tentang

permasalahan klien iaitu sukar fokus dengan pembelajaran di dalam kelas. Klien juga memaklumkan klien sukar untuk tidur dan terlewat untuk ke kelas. Permasalahan ini berlarutan apabila pensyarah mula membuat laporan dengan ketidak hadiran pelajar sewaktu kuliah yang telah melebihi lima kali. Klien mengaku jadual tidur yang tidak teratur menyebabkan dirinya ponteng kelas. Maklumat daripada rakan-rakan sekelas menyatakan klien banyak menghabiskan masa dengan bermain game secara atas talian. Apabila memasuki sesi ketiga, rawatan segera perlu diberikan kerana melibatkan tingkah laku mencederakan diri dan klien bercakap dengan ‘teman rapat’ dimana ia perlu dibantu dengan sokongan pihak hospital. Klien diberikan Ujian DASS sewaktu berada di Unit Kecemasan dan hasil ujian mendapati tahap kemurungan klien berada pada skala teruk. Kes klien dirujuk ke Unit Psikiatrik. Klien diberikan cuti selama seminggu dan kembali pada minggu seterusnya untuk mendapatkan rawatan.

Setelah 21 hari diberikan cuti rehat, satu konsultasi bersama dua orang Doktor Pakar HSB diadakan bersama kaunselor, waris dan Afiq. Melalui dapatan perbincangan, doktor memaklumkan bahawa pelajar disahkan mempunyai tanda-tanda Autism Spectrum Disorder dan ini baru disedari dalam tempoh pelajar menerima rawatan baru-baru ini. Ibu bapa klien juga tidak mengetahui akan perkara ini. Melalui dapatan perbincangan, klien disahkan mengalami *Autism Spectrum Disorder (ASD) with Psychosis and Behavioral Issue Major Depression Disorder (MDD)* memerlukan perhatian khusus dalam membantu klien meneruskan kehidupan seharian. Oleh itu, kaunselor dan ibu bapa dipanggil dalam membantu klien untuk meneruskan kehidupan klien di kolej. Disebabkan tempoh klien di kolej adalah minggu ulangkaji sebelum menduduki peperiksaan, maka ibu klien dibenarkan tinggal bersama-sama dengan klien di rumah tamu untuk memantau klien dalam tempoh peperiksaan. Namun setelah dua hari bersama klien, klien memutuskan untuk menangguhkan pengajian. Sewaktu berada bersama ibu klien, klien menyembunyikan diri di dalam almari dan juga di bawah katil. Klien menceritakan kepada ibunya yang klien nampak kapal terbang akan jatuh. Melihat keadaan klien sedemikian, ibu klien memutuskan untuk menangguhkan pengajian buat sementara waktu.

Setelah setahun menangguhkan pengajian, klien akhirnya kembali meneruskan pengajian. Sewaktu di semester pertama, klien tidak mempunyai sebarang masalah samada dengan pensyarah atau pelajar. Klien juga sibuk dengan pengajian dan mengikuti kelas serta aktiviti kolej dengan aktif. Klien menghadiri temu janji rawatan mengikut masa yang ditetapkan dengan bantuan ibu bapa. Apabila memasuki semester kedua, klien kembali dirujuk oleh pensyarah. Klien berkongsi keadaan kesihatan bersama pensyarah dimana klien sudah lama tidak mengambil ubat. Klien dipanggil oleh kaunselor untuk mendapatkan maklum

balas apa yang dikongsikan dan klien mengaku sudah lama tidak mengambil ubat kerana ubat akan menyebabkan klien mengantuk. Kaunselor menghubungi segera ibu bapa klien untuk membawa klien mendapatkan semula rawatan di klinik. Klien dibawa ke klinik oleh ibu bapa dan diberikan cuti sakit selama seminggu. Setelah kembali ke kolej, kaunselor dihubungi oleh doktor yang menguruskan klien dan meminta untuk memantau klien kerana klien menolak untuk mengambil ubat. Klien tidak dibekalkan ubat dan segala laporan daripada kaunselor akan digunakan oleh doktor untuk membantu klien dalam perjumpaan seterusnya.

Kaunselor memantau perkembangan klien melalui maklum balas pensyarah dan juga rakan-rakan. Berdasarkan perkongsian ketua kelas klien yang datang berkongsi rasa tidak puas hati dengan sikap klien di dalam kelas. Klien tidak menyiapkan tugas berkumpulan dan banyak menghabiskan masa dengan bermain game. Apabila rakan sekelas menegur sikap klien, klien telah bertindak mencederakan diri dengan membuat kelaran di tangan. Klien juga telah menghantar gambar kelaran di tangan kepada pensyarah dan ibunya. Ibu klien mula mengadu sudah penat memujuk klien untuk mengambil ubat dan klien tetap tidak mahu mengambil ubat.

Segala maklumat perkembangan klien dimaklumkan terus kepada doktor yang merawat klien dan klien diberikan cuti rehat sehingga menduduki peperiksaan. Menjelang seminggu sebelum menduduki peperiksaan klien pulang ke kolej dan pada waktu ini klien dibekalkan ubat. Pemantauan ubat dibuat oleh kaunselor di mana klien akan datang mengambil ubat pada waktu petang setiap hari. Sepanjang seminggu melalui minggu ulang kaji, klien akan datang setiap petang mengambil ubat dan bimbingan secara tidak langsung diberikan supaya klien dalam keadaan sedar yang klien memilih untuk meneruskan pengajian dan menduduki peperiksaan. Sepanjang tempoh itu juga kaunselor menjalankan satu aktiviti bersama klien dan pelajar yang menerima rawatan psikatrik di klinik yang mengalami tekanan menghadapi peperiksaan. Melihat kepada kesungguhan klien untuk menamatkan pengajian, kaunselor meminta kebenaran klien terlebih dahulu sama ada klien sudi untuk berkongsi kisah bagaimana klien membantu diri. Klien bersetuju dan bersemangat untuk melakukan tugas. Klien menjadi penasihat dan fasilitator dalam kelompok menceritakan bagaimana klien menguruskan emosi ketika menghadapi tekanan belajar dan pengalaman klien sebelum ini.

Metodologi

i. Persampelan

Klien merupakan sampel kajian ini dan sampel dipilih khusus bertujuan berkongsi intervensi yang diguna pakai iaitu Model ABC REBT dan *Play Therapy* yang digunakan kaunselor dalam membantu klien.

ii. Kaedah Kutipan Data

Data diperoleh adalah secara kaedah kutipan data secara pemerhatian temubual/ sesi kaunseling individu dan konsultasi bersama Doktor Pakar. Kaunselor melakukan pemerhatian secara terus ketika sesi kaunseling dijalankan. Kaedah pemerhatian secara terus ini dapat membantu kaunselor memperoleh data tanpa prejudis dan dapat membuat laporan secara lebih objektif.

iii. Pendekatan Kuantitatif

Ujian Saringan Minda Sihat iaitu *Depression Anxiety Stress Scale* (DASS) telah dijalankan terhadap klien oleh Pegawai Perubatan yang mengendalikan klien. Dapatan Ujian DASS telah dimaklumkan kepada kaunselor memandangkan kaunselor berada bersama pada ketika itu. Hasil keputusan mendapati tahap kebimbangan dan stress klien berada pada tahap teruk manakala kemurungan di tahap sangat teruk.

iv. Pendekatan Kualitatif

Sepanjang menjalankan sesi dan intervensi terhadap klien ini, kaunselor menggunakan pendekatan kualitatif melalui pengumpulan data berdasarkan sesi kaunseling, tingkahlaku dan gambar yang diperolehi yang dikongsikan oleh pensyarah, ibu dan rakan sekelas klien.

v. Teori dan Teknik yang Digunakan

Sepanjang menjalankan sesi dan intervensi bersama klien ini, kaunselor telah mempraktikkan pendekatan teori *Rational Emotive Behavior Therapy* (REBT) dengan mengaplikasikan ketiga-tiga teknik iaitu teknik kognitif, teknik emosi dan teknik tingkah laku. Kaunselor juga menggunakan terapi bermain (*play therapy*) iaitu salah satu kaedah intervensi yang efektif bagi seseorang individu untuk menurunkan atau mencegah kecemasan sebelum dan sesudah tindakan operatif. Penggunaan permainan ini bertujuan untuk memberikan klien melepaskan emosi buat seketika agar klien merasa aman buat seketika.

Penggunaan teknik kognitif di bawah teori REBT iaitu penggunaan imej dan visual dimana klien diminta untuk menceritakan apakah yang bermain di minda klien. Melalui respons yang diberikan klien menceritakan bahawa imej yang berada bersama klien adalah buruk dan hodoh. Terdapat juga binatang seperti ular hitam yang sering muncul di kawasan kolam di mana tempat klien sering beriadah pada waktu petang. Ada kalanya muncul pelangi cantik dan watak animasi *Mickey Mouse*. Kaunselor mengaplikasikan teknik emosi dan tingkah laku sewaktu klien mula kembali ke kolej menjelang peperiksaan semester akhir. Pada waktu ini kaunselor melibatkan klien dalam perbincangan tertutup bersama klien yang mengalami tekanan menghadapi peperiksaan. Klien menjadi fasilitator dalam perbincangan yang terdiri daripada 3 orang ahli kelompok. Klien berjaya

memberikan semangat dan dorongan positif sewaktu mengendalikan sesi. Klien juga sering bertanya keadaan terkini ahli kelompok dan memberikan semangat yang positif.

Penggunaan *Play Therapy* secara tidak langsung bertujuan memberikan keselesaan kepada klien untuk berada bersama-sama kaunselor. *Play Therapy* berupaya mewujudkan suasana lebih santai kepada klien untuk klien bertenang. Walaupun menurut Ellis, perhubungan yang mesra antara klien dan kaunselor tidak begitu penting dalam pendekatan teori ini, namun suasana terapeutik dan keselesaan emosi klien juga penting demi kejayaan sesi (Sapora Sipon dan Ruhaya Hussin, 2014).

vi. Penerangan Klien berdasarkan Model ABC

D: Description of the client and situation (Penerangan tentang klien)

Pertemuan antara kaunselor dan klien tidak dirancang. Klien datang secara walk in. Pada pertemuan pertama, penampilan fizikal nampak sugul. Klien memaklumkan klien tidak dapat fokus di dalam kelas dan terganggu. Penampilan klien yang tidak terurus dari segi kekemasan rambut dan juga nada suara yang tidak jelas pada awalnya. Klien menceritakan klien pernah diminta oleh pensyarah untuk berjumpa kaunselor bagi membantu klien namun klien bertanggung dan mencari masa yang sesuai untuk hadir. Rambut klien tidak terurus dan pandangan mata klien menunjukkan klien sedang cuba menyesuaikan diri dengan situasi. Wajah klien juga sangat lesu dan seakan tidak cukup tidur.

Klien menceritakan yang klien pernah mendapatkan rawatan di klinik psikiatrik sewaktu Tingkatan 5 dan hanya sempat hadir selama dua kali perjumpaan. Setelah itu klien tidak diberikan sebarang rawatan dan hanya mengambil ubat mengikut kehendak klien. Berdasarkan dapat sesi kaunseling yang dijalankan mendapati klien mempunyai masalah untuk memberikan tumpuan di dalam kelas. Ini disebabkan pengurusan masa klien yang tidak teratur dan menyebabkan klien sering ponteng kelas. Sewaktu awal perbincangan klien mengaku suka bermain game dan sukar tidur. Makluman awal daripada pensyarah juga menyatakan klien pernah berkongsi rasa kebencian klien terhadap bapanya yang sering mabuk dan memukul ibunya. Klien juga mengaku pernah dipukul bapanya dan ini menyebabkan klien berterusan membenci bapanya. Klien merasa kasihan terhadap ibunya yang terpaksa bekerja menyara keluarga. Ini dibuktikan apabila sepanjang perbincangan melibatkan klien dan waris, bapa klien banyak menyalahkan klien dan sering menggunakan alasan bekerja dan sukar mendapat cuti untuk membawa klien ke klinik. Bapa klien pada awalnya menafikan keadaan kesihatan klien dan menyalahkan pihak pengurusan kolej yang cuba mengada-adakan cerita. Pada penghujung sesi, ibu klien akhirnya berkongsi bahawa ibu klien juga mengambil

ubat penenang bagi membantu dirinya kekal sihat untuk menguruskan keluarga dan mencari rezeki.

Kaunselor telah menggunakan pendekatan Teori *Rational Emotive Behavior Therapy* (REBT) dalam mengendalikan kes ini. Teori ini memberikan penekanan kepada interpretasi yang dibuat sendiri oleh klien terhadap masalah yang dihadapinya. Menurut Melati Sumari dan rakan-rakan (2014), manusia itu merupakan penyumbang kepada masalah psikologi yang mereka alami. Interpretasi yang dibuat oleh manusia sendiri sebenarnya yang akan memberikan impak terhadap aspek psikologi mereka.

Berdasarkan perkongsian klien di dalam sesi, kaunselor berpandangan klien wajar dirasionalkan berdasarkan tiga aspek penting menurut teori REBT iaitu kognitif (pemikiran), emosi dan tingkah laku. Ini selaras dengan pandangan teori bahawa manusia menggunakan kognitifnya untuk menginterpretasi sesuatu peristiwa yang berlaku, manakala emosi dan tingkah lakunya akan berteraskan kepada pemikiran tersebut. Melalui pendekatan teori REBT ini juga, kaunselor membimbing klien untuk bertindak menukar cara berfikir dan bertingkah laku.


Matlamat utama kaunselor menggunakan pendekatan teori REBT dalam mengendalikan kes ini adalah untuk membantu klien meminimumkan gangguan emosi dan mengurangkan tingkah laku yang negatif. Akhirnya, klien akan berupaya menjadi individu yang lebih gembira dengan kehidupannya. Menurut Teori REBT, manusia berpotensi berfikir secara rasional dan tidak rasional. Malahan mereka akan seringkali dikuasai pemikiran dogmatik 'sepatutnya', 'seharusnya' dan 'semestinya'. Pemikiran ini akan membentuk sistem kepercayaan tidak rasional yang akan mengganggu kefungsiian logik klien dari segi kognitif, emosi dan tingkah laku.

Pendekatan teori REBT berperanan membimbing klien untuk mengubah pemikiran tidak rasional klien. Kaunselor bertindak mendidik dan membimbing klien mengenal diri sendiri serta menyedari bahawa selama ini klien telah dibelenggu oleh satu sistem kepercayaan yang memerangkap dirinya ke dalam situasi negatif. Kaunselor berperanan membantu klien menyedari bahawa masalah dan gangguan emosi yang dialaminya adalah hasil daripada kepercayaan tidak rasional tersebut. Klien diberi kesedaran untuk menukar sistem kepercayaan tersebut kepada kepercayaan baharu yang akan memberi hidupnya lebih sejahtera dan dinamik.

Seterusnya klien dibantu untuk mengubah suai kepercayaan tidak rasional tersebut kepada kepercayaan baharu yang lebih logik dan rasional. Proses ini berlaku secara beransur-ansur mengikut tahap kemampuan pemikiran klien.

Setelah melalui 9 sesi wujud unsur kejelekitan pada tahap minima namun terdapat perubahan personaliti serta keupayaan kognitif klien.

Kejayaan membentuk pemikiran baharu telah meletakkan klien dalam situasi selesa untuk menjalani cabaran emosi. Akhirnya klien menyedari bahawa klien sebenarnya berupaya mengawal dan menentukan emosinya berdasarkan pemikirannya sendiri. Proses ini dilaksanakan oleh kaunselor menggunakan Model ABC dalam teori REBT bagi menjelaskan A (peristiwa), B (kepercayaan), C (kesan), D (pertikaian), E (kepercayaan baharu) dan F (perasaan baharu)



Rajah 1: Model ABC Teori REBT

Proses Intervensi *Play Therapy* Dalam Pendekatan Rebt

Kaunselor menggunakan *stress ball* dan fidget sebagai salah satu alat dalam mengendalikan sesi. Penggunaan alat ini bertujuan untuk menggalakkan pergerakan jari dan mengalihkan perhatian. Sewaktu klien datang kali pertama berjumpa kaunselor, kelihatan tangan klien bermain dengan kad matrik ketika bercerita. Ada kalanya apabila klien berhenti menggerakkan kad matrik, jari klien kelihatan menggigil. Klien juga teragak-agak dalam bercakap dan ada kalanya apa yang disampaikan oleh klien sukar difahami. Berdasarkan pemerhatian ini membuatkan kaunselor berfikir bagaimana untuk membantu sekiranya berhadapan dengan perkara sedemikian lagi.

Pada perjumpaan kedua, klien dipanggil kerana kehadiran ke kelas merosot. Pada ketika ini, klien kelihatan tidak bersedia untuk berkongsi dan agak terkejut. Kaunselor membiarkan klien seketika di ruangan distress centre untuk klien bertenang. Berdasarkan pemerhatian secara tidak langsung, klien menyentuh permainan di bilik terutama mainan pasir untuk seketika waktu. Setelah itu perbincangan bersama berjalan dan klien hanya memaklumkan dia merasa dirinya tidak sihat jadi tidak mampu hadir ke kelas.

Klien pernah berkongsi gambar lukisan klien. Klien menyatakan bahawa lukisannya terpilih menjadi johan dalam pertandingan yang diadakan di asrama. Klien menunjukkan reaksi gembira apabila hasil usahanya dihargai. Berdasarkan pemerhatian sejak awal sesi sehingga penghujung sesi, klien seorang yang sukakan perhatian dan dorongan untuk setiap aktiviti yang dilakukan. Namun ciri-ciri autisme dalam diri ada kalanya menyebabkan fokus pemikiran klien terganggu. Klien sukar mengawal emosi apabila terganggu. Ini kerana sepanjang dua tahun menjalankan sesi bersama, kaunselor bertindak memantau secara klinikal keadaan klien terutama dari segi pengambilan ubat dan juga keadaan klien di kolej.

Perbincangan

Berdepan klien yang mempunyai *Austism Spectrum Disorder* (ASD) with *Psychosis and Behavioral Issue Major Depression Disorder* (MDD) memerlukan kaunselor belajar memahami dan mendekati klien dengan lebih mendalam mengenai kaedah mendekati dan berkomunikasi klien. Ini kerana tingkah laku ciri-ciri autisme seperti mudah tantrum, kurang bersosial dan berkomunikasi ciri-ciri yang ada pada klien. Setiap perkataan yang diguna pakai akan menjadi ingatan dan lekatan kepada klien. Klien akan menginterpretasi setiap maksud mengikut pemahaman sendiri. Sebagai contoh, kaunselor mengingatkan klien bahawa sekiranya klien masih berterusan tidak hadir ke kelas ini akan menyebabkan klien dibuang kolej.

Klien telah menceritakan apa yang dimaklumkan kepada doktor yang merawat dengan mengatakan kaunselor tidak suka akan klien dan akan memberhentikan klien dari kolej.

Merujuk kes ini, kaunselor bertuah kerana klien ini cepat mendapat celik akal terhadap punca isu permasalahannya setelah hampir setahun setengah menjalani rawatan. Pada penghujung semester, klien menunjukkan kesungguhan dalam membantu dirinya untuk menamatkan pengajian.

Kaunselor berkeyakinan tinggi bahawa klien ini mampu mendapat kembali hidupnya yang 'sejahtera' sekiranya mendapat sokongan moral dan kasih sayang serta perhatian daripada individu yang signifikan dengannya. Klien ini sebenarnya mempunyai jiwa yang kuat dan peribadi serta sahsiah diri yang terpuji. Pendekatan teori REBT sebagai intervensi dalam membantu klien ini telah memberi peluang kepada klien untuk menilai diri sendiri dan mengenal pasti pemikirannya yang telah menjadi punca masalahnya selama ini. Melalui pendekatan teori REBT yang digunakan, akhirnya klien telah dapat mengenal pasti peristiwa yang dialaminya sejak kecil, kepercayaan irrational yang lahir daripada peristiwa itu dan kesan emosi serta tingkah laku yang terhasil.

Akhirnya, klien mengakhiri pengajian di kolej dengan jayanya dan kini menyambung pengajian di sebuah universiti awam dengan mengambil jurusan sains komputer yang sangat diminati sejak dari kolej lagi. Klien juga memaklumkan tidak perlu lagi mengambil ubat dan klien sendiri sedar bahawa dirinya mempunyai ciri-ciri autisme yang cenderung mencederakan diri. Klien kini cenderung menguruskan emosi dengan baik dan banyak melibatkan diri dengan aktiviti yang membantu menguruskan emosinya dengan baik.

Rumusan

Secara keseluruhannya, kesan daripada perhubungan kaunseling, klien telah berupaya menjalani kehidupan dengan lebih baik berbanding sebelumnya. Sesi kaunseling yang dijalankan menggunakan intervensi REBT, telah menunjukkan perubahan yang positif. Kefahaman tentang kepercayaan dan pemikirannya yang salah sebelum ini telah menjadi *turning point* utama kepada klien untuk terus bergerak ke hadapan tanpa menoleh ke belakang lagi. Klien hanya berhasrat untuk memperbaiki dan mengatasi kekurangan diri walaupun ada kala tindakan yang dilakukannya itu di luar kawalannya. Klien seorang yang sangat kuat dan mempunyai semangat ingin mengubah dirinya dan kini mula memahami semangat baharu hasil sokongan ibu, kaunselor dan rakan-rakan baharu yang dikenalnya.

Rujukan

- Mahmood Nazar Mohamed. (2005). *Pengantar psikologi: Satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Melati Sumari, Ida Hartina Ahmed Tharbe, Norfaezah Md Khalid dan Azmawaty Mohamad Nor. (2014). *Teori kaunseling dan psikoterapi*. Penerbit Universiti Malaya.
- Sabitha Marican. (2006). *Penyelidikan sains sosial: Pendekatan paragnostik*. Edusystem Sdn.Bhd.
- Samsiah Mohd Jais. (2020). *Kesihatan mental dalam kaunseling*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sapora Sipon dan Ruhaya Hussin. (2014). *Teori kaunseling dan psikoterapi* (Edisi ketiga). Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

Gaya Belajar Murid Menengah Rendah Di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Kota Tinggi, Kota Tinggi

Ibrahim Ya'akub K.B;P.A
SMK Bandar Kota Tinggi, Johor Darul Takzim
Ibrahimiyaakub68@gmail.com

Abstrak

Setiap murid mempunyai gaya belajar yang berbeza. Kejayaan pembelajaran bergantung kepada usaha dan kaedah pembelajaran berkesan. Bagi murid yang berprestasi rendah dan sederhana, pasti boleh meningkatkan pencapaian pembelajaran mereka menerusi usaha dan cara belajar berkesan. Kaedah pembelajaran berkesan sebenarnya telah lama wujud, cuma tidak ramai bilangan murid dididik dan dibimbing mengenainya. Guru perlu memahami dan mengenali setiap murid yang mempunyai cara pembelajaran yang berbeza. Justeru dalam pendekatan Pedagogi Terbeza yang guru-guru praktikkan di dalam dan di luar bilik darjah, kepelbagaian murid dari aspek cara murid belajar wajar diberi perhatian. Kajian deskriptif yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenalpasti gaya belajar yang diamalkan oleh 195 orang murid tingkatan satu dan dua di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Kota Tinggi. Dapatan kajian menunjukkan gaya belajar Auditori merupakan gaya belajar yang paling dominan diamalkan oleh murid dan diikuti oleh gaya belajar Visual dan Kinestetik. Kesimpulannya, penerapan gaya belajar dalam proses pembelajaran dan pengajaran melalui Pedagogi Terbeza dapat menyokong perkembangan potensi serta meningkatkan pencapaian setiap individu murid pada tahap maksima.

Kata kunci: gaya belajar, pedagogi terbeza, visual, auditori, kinestetik.

Pengenalan

Kemahiran belajar merupakan kemahiran seumur hidup yang perlu dikuasai dan dikembangkan kepada setiap murid supaya mereka ini peka dengan teknik pembelajaran yang berkesan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001). Dari perspektif seorang guru, ia perlu mengetahui tentang muridnya antaranya aspek gaya belajar supaya guru dapat mengambil kira faktor kebolehan dan minat murid sebelum merancang aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan (pdpc) yang berkesan sama ada yang berlaku di dalam atau di luar bilik darjah. Dari perspektif murid pula, melalui kemahiran belajar yang diberi pendedahan, murid dapat mengenal diri dari aspek kekuatan dan kelemahan dalam proses belajar dan seterusnya mengambil langkah proaktif untuk memperbaiki sesuatu kelemahan yang telah dikenal pasti.

Pencapaian akademik murid sering dikaitkan dengan jenis gaya belajar yang diamalkan. Kebanyakan murid kurang sedar tentang amalan gaya belajar masing-masing. Gaya belajar yang bersesuaian dengan murid perlu diketahui supaya dapat membantu mereka mencapai kejayaan yang dikehendaki. Kesedaran oleh murid, guru dan ibubapa berkenaan konsep kemahiran belajar dapat membantu murid merancang pembelajaran secara sistematik dan berkesan.

Para pendidik perlu menyedari suatu hakikat bahawa setiap murid mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza (Mel Silberman, 2004). Kejayaan pembelajaran sebenarnya lebih bergantung kepada usaha dan kaedah pembelajaran berkesan. Bagi murid yang berkebolehan sederhana, pasti boleh meningkatkan pencapaian pembelajarannya menerusi usaha dan cara belajar berkesan. Menurut Khalid (2006) kaedah pembelajaran berkesan sebenarnya telah lama wujud, cuma tidak ramai murid dididik dan dibimbing mengenainya.

Kajian ini dijalankan bertepatan dengan pelaksanaan amalan pendekatan Pedagogi Terbeza dan Pembelajaran Abad ke 21 (PAK-21), dimana ia menjadi pelengkap kepada inisiatif yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) dalam usaha memantapkan sistem pendidikan negara ketika ini (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013;2017;2022).

Pernyataan Masalah

Terdapat pelbagai gaya pembelajaran yang diamalkan oleh murid mengikut kesesuaian masing-masing. Dengan menggunakan gaya pembelajaran yang bersesuaian, ia dapat meningkatkan pencapaian murid-murid. Kajian ini dapat membantu guru mengenal pasti gaya pembelajaran jenis manakah yang bersesuaian dengan murid. Dengan ini, proses pengajaran dan pembelajaran juga dapat berjalan dengan baik Aziz et al., 2006 (dalam Farah Wazera dan Mohammad Mujaheed (2021). Gaya pembelajaran yang betul juga sangatlah penting untuk memastikan seseorang murid terus cemerlang dalam akademik.

Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi meninjau profil gaya belajar di kalangan murid menengah rendah SMK Bandar Kota Tinggi, Kota Tinggi, Johor Darul Takzim.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti gaya belajar yang diamalkan dikalangan murid menengah rendah di SMK Bandar Kota Tinggi, Kota Tinggi, Johor Darul Takzim.

Tinjauan Literatur

Supyan Hussin dan Saharudin Ujang (2006) dalam kajiannya bertajuk “Antara masalah pembelajaran dan masalah sosial” telah meneliti seserius manakah masalah murid yang digolongkan dalam lima katagori iaitu masalah pembelajaran (kognitif), masalah dengan keluarga atau di rumah, masalah dengan rakan, masalah dengan sekolah dan masalah sahsiah atau diri murid. Sampel kajian terdiri dari murid tingkatan tiga dan lima seramai 1,463 murid sekolah di Pahang. Dapatan kajian ini mendapati pada keseluruhan masalah pembelajaran 87.6% (kognitif) merupakan masalah yang paling serius di kalangan murid diikuti masalah diri 87.0% (sahsiah), masalah dengan keluarga 60.7% (rumah), masalah dengan rakan 53.3% (komunikasi/sosial) dan masalah dengan sekolah (interaksi formal) 44.1%.

Siti Wahiedha Awang dan Fitri Shahwaliah Binti Su’ut (2016) telah menjalankan kajian yang bertujuan untuk mengkaji gaya pembelajaran dalam kalangan murid tingkatan empat di dua buah sekolah menengah Kluster Kecemerlangan di Sarawak. Kajian berbentuk kuantitatif ini melibatkan seramai 195 orang murid tingkatan empat. Gaya pembelajaran yang dikaji adalah berdasarkan model Skala Gaya Pembelajaran Grasha-Riechmann (Grasha Riechmann Student

Learning Style Scales, GRSLSS) yang terdiri daripada 42 item yang merangkumi enam dimensi gaya pembelajaran iaitu berdikari, mengelak, bekerjasama, bergantung, bersaing dan melibatkan diri telah digunakan. Hasil kajian mendapati bahawa murid tingkatan empat di sekolah menengah Kluster Kecemerlangan menunjukkan gaya pembelajaran jenis bekerjasama (collaborative) adalah yang paling dominan diamalkan oleh murid, diikuti dengan gaya pembelajaran bergantung (dependent), gaya pembelajaran jenis melibatkan diri (participatory), gaya pembelajaran jenis bersaing (competitive), gaya pembelajaran jenis berdikari dan terakhir gaya pembelajaran jenis mengelak. Terdapat perbezaan gaya pembelajaran di antara murid lelaki dan perempuan. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan gaya pembelajaran murid dengan gred pencapaian Sains. Selain itu kajian ini juga telah menunjukkan bahawa murid yang berlainan jantina dan gred pencapaian mempunyai kecenderungan memilih gaya pembelajaran yang berbeza.

Azizi Hj. Yahaya, Shareeda Abdul Karim dan Nordin Yahya (2003) telah menjalankan kajian untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik murid. Kajian ini juga ingin mengenalpasti gaya pembelajaran yang manakah menjadi amalan murid atau yang paling dominan dengan murid ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Seramai 109 orang murid tingkatan empat di dua buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Undang Musa Al-Haj, Kuala Kelawang, Jelevu, Negeri Sembilan dan Sekolah Datuk Abdul Razak, Seremban, Negeri Sembilan telah terlibat dalam kajian ini. Soal selidik yang digunakan ialah Learning Styles Questionnaires Honey and Mumford (1992), yang mengandungi lapan puluh soalan. Bagi faktor rangsangan rakan sebaya, keluarga dan pengajaran guru telah disediakan tiga puluh soalan. Kajian ini juga telah mendapati bahawa gaya pembelajaran yang menjadi amalan ialah gaya pembelajaran Reflektor diikuti dengan Teoris, Pragmatis dan akhir sekali ialah Aktivis. Hasil kajian juga mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara perbezaan gaya pembelajaran dengan latar belakang keluarga dan juga terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor rangsangan rakan sebaya, keluarga dan pengajaran guru dengan gaya pembelajaran murid.

Ibrahim (2019) telah menjalankan kajian bagi mengenalpasti gaya belajar yang diamalkan oleh murid-murid menengah atas di SMK Linggiu, Kota Tinggi. Kajian deskriptif ini melibatkan seramai 90 orang murid menengah yang dipilih sebagai sampel. Pemilihan sampel adalah secara rawak mudah. Data dikumpulkan dengan menggunakan Soal Selidik VAK Learning Test untuk mengukur gaya belajar. Dapatan kajian menunjukkan gaya belajar Auditori merupakan gaya belajar yang paling banyak digunakan oleh murid dan diikuti oleh gaya belajar Visual dan Kinestetik.

Ibrahim (2022) telah menjalankan kajian bagi mengenalpasti gaya belajar yang diamalkan oleh murid Tingkatan Dua di SMK Bandar Kota Tinggi. Kajian deskriptif ini melibatkan seramai 73 orang murid. Pemilihan sampel adalah secara rawak mudah. Data dikumpulkan dengan menggunakan Soal Selidik *VAK Learning Test* untuk mengukur gaya belajar. Dapatan kajian menunjukkan gaya belajar Auditori merupakan gaya belajar yang paling banyak digunakan oleh murid tingkatan dua dan diikuti oleh gaya belajar Kinestetik dan Visual.

Metodologi Kajian

Sampel Kajian

Sampel kajian terdiri daripada 195 orang murid tingkatan satu dan dua yang sedang belajar di SMK Bandar Kota Tinggi, Kota Tinggi, Johor Darul Takzim. Pemilihan subjek adalah secara rawak mudah.

Alat Kajian

Gaya pembelajaran responden diukur dengan menggunakan satu set soal selidik yang telah digubal oleh O'Brien (1985) iaitu '*Learning Channel Preference*'. Soal selidik ini mengandungi 3 bahagian dan setiap bahagian mempunyai 12 item soalan. Bahagian I menjurus kepada gaya pembelajaran visual. Bahagian II menjurus kepada gaya belajar auditori dan Bahagian III menjurus kepada gaya belajar kinestetik. Gaya belajar dapat diklasifikasi kepada gaya pembelajaran utama apabila murid mendapat skor tertinggi bagi setiap katagori soalan yang dikelompokkan kepada gaya belajar Visual, Auditori dan Kinestetik. Jika skor dalam bahagian adalah lebih kurang sama, murid berkemungkinan tidak mempunyai saluran pembelajaran yang diminati, murid adalah lebih cenderung kepada pelbagai sensori.

Penganalisan Data

Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif iaitu kekerapan dan peratus.

Dapatan Kajian

Gaya Belajar

Amalan gaya belajar merujuk kepada amalan gaya belajar yang dominan atau sering diamalkan oleh murid sama ada visual, auditori atau kinestetik. Berdasarkan Jadual 1, secara keseluruhannya murid-murid tingkatan 1 dan 2 cenderung menggunakan gaya belajar Auditori sebagai gaya belajar utama diikuti gaya belajar Visual dan ketiga Kinestetik.

Melalui kajian ini, didapati responden lebih memilih dua gaya pembelajaran iaitu auditori dan visual. Pemilihan lebih dari satu gaya pembelajaran tidak menghairankan. Murid menggunakan lebih dari satu deria mereka untuk menerima maklumat pada satu tempoh masa tertentu. Hal ini menyokong kajian yang pernah dijalankan oleh Wehrwein et al., 2007 (dalam Farah Wazera dan Mohammed Mujahid, 2021) yang mana pengkaji mendapati bahawa murid akan lebih memilih arahan multi model. Mereka juga berpendapat, salah satu cara untuk meningkatkan prestasi adalah dengan menyesuaikan pendekatan gaya pengajaran untuk memenuhi pemilihan gaya pembelajaran murid yang berbeza.

Jadual 1: Analisis Gaya Pembelajaran (N=95)

Gaya Belajar	Jantina		Jumlah	Peratus	Pangkatan
	Lelaki N	Perempuan N			
1. Visual (V)	35	24	59	30.25	2
2. Auditori (A)	32	29	61	31.28	1
3. Kinestetik (K)	20	29	39	20.00	3
4. Visual-Auditori (V-A)	3	8	11	5.64	5
5. Visual-Kinestetik (V-K)	5	9	14	7.17	4
6. Auditori-Kinestetik (A-K)	2	7	9	4.61	6
7. Visual-Auditori-Kinestetik (V-A-K)	0	2	2	1.02	7

Perbincangan

Gaya pembelajaran adalah pra-disposisi kebiasaan murid terhadap pemprosesan maklumat dengan cara tertentu Skehan,1991 (dalam Oleksandr Malykhin dan Nataliia Aristova, 2019). Murid-murid berbeza sama ada dari aspek keturunan, latar belakang pendidikan, keperluan situasi, umur, atau faktor lain, memahami dan memproses maklumat secara berbeza Lawrence, 1993 (dalam Oleksandr Malykhin dan Nataliia Aristova, 2019). Di kalangan murid, misalnya, lebih suka mendengar maklumat (pembelajar auditori), manakala yang lain lebih suka melihatnya (murid visual).

Secara umum, gaya pembelajaran dikategorikan kepada tiga iaitu Visual, Auditori dan Kinestetik (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2011; O'Brien, 1990). Menurut O'Brien, 1990 (dalam Farah Wazera dan Mohammed Mujahid (2021), pentingnya nilai dalam menyamakan gaya pembelajaran murid dengan arahan yang sesuai. Murid harus sedar tentang gaya pembelajaran mereka dan bagaimana ia berkait dengan cara mereka belajar dan mengambil ujian. Model VAK ini memberi perspektif yang berbeza untuk memahami dan menerangkan gaya pembelajaran yang dominan dan kekuatannya.

Gaya Belajar Visual

Murid yang cenderung menggunakan gaya belajar visual lazimnya belajar melalui deria dan aktiviti penglihatan (Farah Wazera dan Mohammed Mujahid, 2021). Gaya pembelajaran ini adalah kecenderungan terhadap imej, warna, graf, gambar, peta, teks berbentuk perkataan dan lain-lain. Dengan kata lain, murid yang gaya pembelajaran visual mahukan sesuatu yang dapat memikat mata mereka. Informasi akan diproses dan difahami dengan lebih cepat apabila maklumat dibentangkan di hadapan mereka. Sebagai contoh, murid akan lebih mengingat dan memahami penerangan melalui pembacaan ayat atau teks. Murid gaya ini akan menulis nota yang diberi oleh guru dan mereka akan menggunakan pen warna untuk menekankan dan membezakan sesuatu fakta. Teknik menulis nota syarahan dan arahan lisan juga akan digunakan jika ingin mengingat selalu.

Gaya Belajar Auditori

Murid yang gemar menggunakan gaya belajar auditori lebih cenderung kepada deria pendengaran (Farah Wazera dan Mohammed Mujahid, 2021). Murid auditori ini akan belajar dengan mendengar perkataan yang disebut. Mereka menggunakan teknik bercerita sebagai alat pembelajaran. Contohnya, mereka akan mendengar dahulu pengajaran yang diberi oleh guru sebelum membaca nota yang diberikan, menggunakan pita rakaman dan menggunakan komputer. Penerangan tentang sesuatu lebih mudah diingat apabila membaca dengan kuat atau mengerakkan bibir ketika membaca. Untuk mengingat kembali apa yang dibaca, mereka akan mendengar rakaman audio, menerangkan dan berbincang dengan rakan. Mereka lebih menyukai muzik dan semua jenis bunyi terutamanya yang menarik seperti puisi, irama dan perkataan yang dilafazkan. Aktiviti yang disarankan kepada murid auditori adalah menghadiri kuliah, perbincangan, rakaman, permainan dan temuduga. Pembelajaran auditori mengekalkan pengetahuan yang terbaik melalui maklumat pendengaran dan bukannya melihatnya.

Gaya Belajar Kinestetik

Murid-murid yang memiliki profil gaya pembelajaran kinestetik belajar melalui pergerakan badan, pembuatan dan sentuhan (Farah Wazera dan Mohammed Mujahid, 2021). Mereka mempunyai kemahiran psikomotor yang hebat. Mereka belajar melalui sesuatu dan lebih suka untuk belajar melalui pengalaman praktikal dan hadirkan diri secara fizikal dalam aktiviti kelas. Mueid ini mudah terganggu, jadi guru-guru haruslah sediakan aktiviti yang mengharuskan penglibatan secara aktif dan sentiasa fokuskan mereka.

Jadual 2 meringkaskan ciri yang boleh diperhatikan bagi tiga gaya pembelajaran. Ia menyediakan cara tidak formal untuk menilai pendekatan pilihan murid untuk pembelajaran.

Jadual 2: Cara Tidak Formal Pendekatan Pilihan Pembelajaran

MODALITI	VISUAL	AUDITORI	KINESTETIK (hands on)
GAYA PEMBELAJARAN YANG DIUTAMAKAN	Belajar dengan melihat atau menonton demonstrasi	Belajar melalui arahan lisan daripada diri sendiri atau orang lain.	Belajar dengan melakukan dan penglibatan secara langsung.
EJAAN	Mengenal perkataan melalui penglihatan; bergantung pada konfigurasi perkataan.	Menggunakan pendekatan fonik mempunyai kemahiran serangan perkataan auditori.	Selalunya bermasalah dengan ejaan; menulis perkataan untuk menentukan sama ada mereka “berasa” betul.
MEMBACA	Suka penerangan; kadang-kadang berhenti membaca untuk merenung ke langit dan membayangkan pemandangan; konsentrasi tinggi.	Suka dialog dan drama/lakonan; mengelakkan penerangan yang panjang lebar; tidak cakna ilustrasi; menggerakkan bibir atau sub-vocalize.	Lebih suka cerita di mana tindakan/aksi berlaku lebih awal; gelisah semasa membaca; bukan seorang yang gemar membaca.

MODALITI	VISUAL	AUDITORI	KINESTETIK (hands on)
TULISAN TANGAN	Cenderung menjadi yang baik, terutamanya semasa muda; jarak dan saiz adalah baik; penampilan adalah penting.	Mempunyai lebih kesukaran belajar pada peringkat awal; cenderung menulis dengan sedikit.	Baik pada mulanya, tetapi merosot apabila ruang menjadi lebih kecil; menekan lebih kuat pada alat tulis.
MEMORI	Ingat wajah, tetapi lupa nama; menulis perkara; mengambil nota.	Ingat nama, tetapi lupa muka; mengingati dengan pengulangan pendengaran.	Ingat paling baik apa yang telah dilakukan, tetapi bukan apa yang dilihat atau dibicarakan.
IMAGERI	Imaginasi yang terang; berfikir dalam gambaran; menggambarkan secara terperinci	Sub-menyuarakan; membayangkan sesuatu dalam bunyi; butiran kurang penting.	Imejian tidak penting; imej yang berlaku disertai dengan pergerakan.
KETIDAKSARAAN	Tidak cakna dengan bunyi; terganggu oleh pergerakan.	Mudah terganggu oleh bunyi.	Tidak memberi perhatian kepada persembahan visual atau pendengaran jadi mungkin kelihatan terganggu.
PENYELESAIAN MASALAH	Sengaja; merancang terlebih dahulu; menyusun pemikiran dengan menulisnya; menyenaraikan masalah.	Membicarakan masalah; mencuba penyelesaian secara lisan atau subvokal; bercakap sendiri mengenai masalah.	Menghadapi masalah secara fizikal; impulsif; selalunya memilih penyelesaian yang melibatkan banyak pergerakan.

MODALITI	VISUAL	AUDITORI	KINESTETIK (hands on)
RESPON TERHADAP TEMPOH TIDAK AKTIF	Rermenung atau membuat coretan; menari sesuatu untuk dilakukan.	Bersenandung, bercakap dengan diri sendiri, atau bercakap dengan orang lain.	Gelisah atau mencari sebab untuk bergerak.
RESPON KEPADA SITUASI BARU	Melihat sekeliling atau meneliti struktur	Bercakap tentang situasi; membincangkan kebaikan dan keburukan apa yang perlu dilakukan.	Mencuba sesuatu; menyentuh, merasakan atau memanipulasi.

Cadangan

Beberapa cadangan dikemukakan bagi meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran serta mengoptimumkan gaya pembelajaran murid;

- i. Adalah diharapkan kajian ini dapat memberikan murid mendapat celik akal tentang gaya belajar mereka yang paling sesuai. Justeru, mereka boleh berusaha untuk memaksimumkan proses pembelajaran dan mengurangkan rasa kecewa kerana banyak masa digunakan untuk belajar tetapi keputusannya tidak memberangsangkan. Murid-murid perlu menggunakan strategi pembelajaran iaitu teknik atau kaedah yang berkesan dalam situasi pembelajaran untuk menyelesaikan masalah, mendekati tugasan, bersedia untuk ujian, atau melibatkan diri dalam aktiviti bilik darjah.
- ii. Maklumat ini dapat membantu guru memahami dan mengenali setiap murid yang mempunyai cara pembelajaran yang berbeza berdasarkan kepelbagaian keperluan, latar belakang, sosioekonomi, minat dan budaya untuk melaksanakan Pedagogi Terbeza.
- iii. Guru perlu merancang strategi pengajaran dan pembelajaran berdasarkan dokumen kurikulum, minat, keupayaan serta profil murid. Selain memberi tumpuan kepada cara murid belajar, guru juga sewajarnya mengubah suai strategi pengajaran dan pembelajaran mengikut minat dan gaya pembelajaran murid.

- iv. Bagi Guru Bimbingan dan Kaunseling pula boleh menggunakan hasil kajian dengan berkongsi dapatan kajian bersama pihak pengurusan sekolah, guru-guru dan ibubapa dimana semua pihak boleh menerima dan menghargai perbezaan gaya belajar dikalangan murid serta potensi murid semasa hari terbuka sekolah atau aktiviti perundingan atau konsultasi. Melalui perbincangan ini, tindakan boleh diambil bagi membantu murid yang bermasalah belajar dan murid lembam supaya dapat dibantu bagi meningkatkan tahap pencapaian mereka (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001).
- v. Guru bimbingan dan kaunseling boleh membantu pihak sekolah membimbing murid supaya belajar secara “pintar” (*study smart*) dengan menggunakan teknik belajar tertentu dan bukan belajar “rajin” (*study hard*) semata-mata melalui bimbingan kelompok atau bengkel kemahiran belajar. Selain itu perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah harus dipertingkatkan termasuk mengadakan program-program motivasi, i-THINK, pengurusan diri dan pengurusan tekanan.
- vi. Bagi guru bimbingan dan kaunseling, maklumat cara belajar bermanfaat bagi mereka membantu murid dalam masalah peribadi serta perancangan kerjaya masa hadapan.
- vii. Dipihak pengurusan sekolah, program yang dijalankan di sekolah haruslah mempunyai kesinambungan antara satu sama lain. Misalnya Program Kecemerlangan pada peringkat awal pihak sekolah haruslah mengenal pasti potensi murid dari sudut stail pembelajaran, diikuti dengan mengadakan ikrar aku janji, kelas tambahan, kelas bimbingan, klinik mata pelajaran, siri motivasi (mingguan, bulanan dan perdana), ponteng sifar, mentor-mentee, gerak gempur mata pelajaran teras, terutama subjek kritikal serta teknik menjawab.
- viii. Pihak pengurusan sekolah serta guru-guru boleh merancang secara bersama dengan menggunakan kerangka konsep gaya atau stail belajar untuk menyediakan kurikulum yang diperkayakan dan penuh rangsangan, menghargai sumbangan yang berbeza oleh setiap guru dari segi perancangan, organisasi dan pelaksanaan kurikulum serta mengambil tanggungjawab secara bersama ke atas pembelajaran pelajar. Natiujahnya, di sekolah guru dan murid-murid akan lebih bersedia untuk mengambil risiko dan menjana sokongan masyarakat yang sangat diperlukan untuk mencapai hasil yang diinginkan.

Rumusan

Secara keseluruhan, kajian ini telah berjaya mencapai objektif yang dinyatakan. Kajian ini juga telah berjaya meneroka maklumat berkaitan gaya belajar yang didominasi oleh murid-murid tingkatan satu dan dua di SMK Bandar Kota Tinggi, Kota Tinggi, Johor Darul Takzim. Amla (2010) mendapati bukti dari beberapa kajian telah menunjukkan bahawa data dari ukuran dapat membantu murid memahami minat mereka sendiri. Dari situ mereka dapat mengenal potensi diri dari aspek kekuatan dan kelemahan diri serta maklumat yang penting untuk membolehkan sesorang murid mendapat motivasi dan menyusun semula strategi belajar mereka agar lebih berjaya. Pelaksanaan Pedagogi Terbeza yang mengambil kira kepelbagaian murid dari segi cara murid belajar dan kecenderungan murid diyakini dapat merapatkan kesenjangan pencapaian murid sama ada di bandar dan luar bandar serta mengurangkan kadar keciciran.

Rujukan

- Amla Mohd. Salleh (2010). *Pendidikan Kejaya Dan Pembangunan Modal Insan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Farah Wazera Mohamed Jafer Sadiq, Mohammad Mujaheed Hassan (2021). *Konsep Kendiri dan Gaya Pembelajaran terhadap Motivasi Akademik dalam kalangan Mahasiswa*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 2, pp. 75 - 105. www.msocsciences.co
- Ibrahim bin Yaakub (1995). *Perkaitan Gaya Belajar Dengan Minat Vokasional Pelajar- Pelajar Di Sekolah Menengah Vokasional Juasseh Kuala Pilah, Negeri Sembilan*. Kajian Ilmiah Yang Tidak Diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Ibrahim bin Ya'akub (2017). *Kajian Gaya Belajar Pelajar SMK Linggiu, Kota Tinggi*
- Ibrahim bin Ya'akub (2019). *Kajian Gaya Belajar Pelajar Menengah Atas SMK Linggiu, Kota Tinggi*.
- Ibrahim bin Ya'akub (2019). *Kajian Gaya Belajar Pelajar Menengah Rendah di SMK Linggiu, Kota Tinggi*.
- Ibrahim bin Ya'akub (2022). *Kajian Gaya Belajar Pelajar Menengah Rendah di SMK Bandar Kota Tinggi*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2001). *Belajar Cara Belajar*. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Panduan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2017). *Panduan Pelaksanaan Pendidikan Abad Ke-21*. Institut Aminuddin Baki. Kementerian Pendidikan Malaysia (2022). *Modul Pedagogi Terbeza*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Khalid Mohamed Nor (2006). *Belajar Dengan Cekap dan Berkesan*. Kuala Lumpur: Bakti Tulin Sdn.Bhd.

- O'Brien, L. (1990). *The learning channel preference checklist*. In J. M. Reid (Ed.), 1995, *Learning styles in the ESL/EFL classroom* .pp. 196–201. Boston, MA: Heinle & Heinle.
- Oleksandr Malykhin, Nataliia Aristova. (2019). *Learning-Style Based Activities In Boosting Undergraduate Students' Translation Skills: Agrarian Sphere Translators' Training*. The Journal Of Teaching English For Specific And Academic Purposes Vol. 7, No 1, pp. 105-114.
- Persatuan Kaunselor Pendidikan Malaysia (2018). *Manual Intervensi Psikometrik*. Akademi Latihan dan Perundingan PEKA: Kajang.
- Rosnah Edinin (2012). *Penyelidikan Tindakan: Kaedah dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizon Sdn Bhd.
- Sidek Mohd Noah (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis: Sebuah Buku Mesra Pengguna*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Silberman, Mel (2004). *Pembelajaran Aktif: 101 Strategi Untuk Mengajar Apa Jua Subjek*. Terj: Zainab Ahmad. Kua

Biodata Penulis Kajian

1. DR. MAZLI SHAM BINTI ABDULLAH

Pegawai Cemerlang dan Ketua Unit Pembangunan Penyelidikan Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsK). Beliau memiliki ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling), Universiti Putra Malaysia (UPM), Sarjana dalam bidang Psikologi Pendidikan Fakulti Pendidikan Universiti kebangsaan Malaysia (UKM) dan Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Psikologi Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bidang kepakaran beliau adalah bimbingan dan kaunseling dan Psikologi Pendidikan terutamanya dalam bidang Pengurusan Tingkah laku Remaja dan kanak-kanak, Metakognitif, Kemahiran Membuat Keputusan, Pengaturan Kendiri dan Kerohanian. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar. Penulis buku *Terbang Bersama dan pemenang pingat perak inovasi DarulAman International, Innovation Competition & Exhibition On 2023*.

2. MOHD HAFIZ BIN MAT HUSSIN

Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Psikologi Pendidikan dalam bidang psikologi, Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 2023 dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada tahun 2012. Beliau merupakan kaunselor berdaftar dan merupakan ahli seumur hidup Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA). Beliau mempunyai kemahiran dan berkepakaran dalam mengendalikan kaunseling perkembangan remaja, kanak-kanak, kerjaya dan keluarga.

3. ZURAIHAN BINTI ABU BAKAR

Penolong Setiausaha Kanan di Unit Pembangunan dan Penyelidikan, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia. Beliau berkelulusan Sarjana Psikologi Pendidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 2022, Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) 2007. Kini beliau sedang melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah dalam bidang Psikologi Pendidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Bepengalaman dalam bidang penyelidikan, penulisan artikel dalam bidang bimbingan dan kaunseling dan psikologi pendidikan. Beliau merupakan kaunselor berdaftar dan ahli seumur hidup PERKAMA.

4. SITI NOR MARIANI BINTI SALLEH

Kaunselor Pendidikan Daerah di Pejabat Pendidikan Daerah Pekan. Mempunyai pengalaman sebagai Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa selama 16 tahun. Memiliki Sarjana Bimbingan dan Kaunseling di Universiti Pendidikan Sultan Idris 2017 dan Diploma Pengajian Islam Bahasa dan Kesusasteraan Arab di KUSZA pada tahun 2002. Kepakaran dalam bidang bimbingan dan kaunseling, pendidikan, pembinaan modul, psikometrik, kaunseling kerjaya dan kaunseling kewangan serta penggunaan alatan biofeedback. Aktif menulis penulisan kajian serta menyertai pertandingan inovasi sejak 2017 sehingga sekarang . Sepanjang perkhidmatan beberapa pengiktirafan telah diperolehi antaranya adalah Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013 dan 2022. Merupakan kaunselor berdaftar dan ahli seumur hidup PERKAMA dan PEKA.

5. SUHAILA BINTI M. HARUN NARASIT

Kaunselor Pendidikan Daerah, Pejabat Pendidikan Daerah Bera. Beliau berkelulusan Bachelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) di Universiti Putra Malaysia 2002 dan Matrikulasi Pengurusan Perniagaan di Universiti Putra Malaysia pada tahun 2000. Kepakaran dalam bidang bimbingan dan kaunseling, pendidikan, pembinaan modul, kaunseling kerjaya dan kaunseling kewangan. Merupakan kaunselor berdaftar dan ahli seumur hidup PERKAMA dan PEKA.

6. NORHUSNA BINTI ABU BAKRI

Kaunselor Pendidikan Negeri, Jabatan Pendidikan Negeri Pahang. Berkelulusan Bachelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) di Universiti Pendidikan Sultan Idris 2009 dan Diploma Dakwah Dan Pengurusan Di Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah 2003. Kepakaran dalam bidang bimbingan dan kaunseling, pendidikan, pembinaan modul, kaunseling kerjaya dan kaunseling kewangan. Merupakan kaunselor berdaftar dan ahli seumur hidup PERKAMA.

7. AZLINA BINTI ANMERI

Merupakan Kaunselor Pendidikan Daerah, Pejabat Pendidikan Kuantan bermula dari 2019 hingga sekarang. Berkelulusan Bachelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) tahun 2000. Kepakaran dalam bidang bimbingan dan kaunseling, pendidikan, pembinaan modul, kaunseling kerjaya dan kaunseling kewangan. Merupakan kaunselor berdaftar dan ahli seumur hidup PERKAMA.

8. JURAIMI BIN HJ. MOHAMAD

Kaunselor Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Daerah Kuantan. Beliau merupakan graduan lepasan Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) (Sekarang UMT) dalam bidang Pengurusan Kaunseling (2003) dan seterusnya menyambung pengajian dalam bidang pendidikan di Maktab Perguruan Raja Melewar, Negeri Sembilan (2004). Kepakaran dalam bidang bimbingan dan kaunseling, pendidikan, pembinaan modul kesejahteraan kerjaya guru. Sepanjang perkhidmatan beberapa pengiktirafan telah diperolehi antaranya adalah Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2016 dan 2023 serta Penarafan Cemerlang Kebangsaan, Kementerian Pendidikan Malaysia 2019. Beliau juga aktif dalam bidang penulisan puitis ini dan memang menjadi minat yang mendalam dalam diri beliau selama ini. Karya pertama yang diterbitkan adalah Projek Penulisan Buku Puisi “Aku Orang Bukan Orang-Orang”, “Sepilihan Memorabilia 2020: Suara Dalam Dinding”, dan “Januari”.

9. NURUL FATHIHAH BINTI NOR AZHAR

Nurul Fathihah Bt Nor Azhar merupakan Kaunselor Pendidikan di IPG Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur. Sepanjang perjalanan karier beliau telah menyertai beberapa penulisan kajian tindakan, artikel dan cerpen. Antaranya (1) *Needs analysis: Academic Enhancement Psychoeducation Module Based on Guidance & Counselling Teachers and Subject Teachers Review* (2023); (2) Modul Bimbingan Kelompok Teori Pilihan Terapi Realiti Dalam Menangani Isu Pencapaian Murid (2023; 2024). Penerima pingat perak Penyelidikan Psikologi & Kaunseling Tahun 2023 Persidangan Antarabangsa Kaunselor Pendidikan KPM, Anugerah Perak Persidangan Antarabangsa Edu@Inovate UPSI, Pingat Emas I-Mind Pamer IPG 2024.

10. PROF. DR. AHMAD JAZIMIN BIN JUSOH

Ahmad Jazimin bin Jusoh merupakan penerima anugerah Graduan Terbaik bagi Program Bimbingan dan Graduan Terbaik Kolej Kediaman Keenam Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 1998. Kini beliau bertugas sebagai Profesor dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling di UPSI. Kepakaran beliau adalah dalam Teori Pilihan Terapi Realiti. Sehingga kini beliau telah menghasilkan sebanyak 287 penerbitan. Selain itu, beliau turut mencurahkan ilmu dengan menyelia seramai 14 orang pelajar PHD dan 40 orang pelajar sarjana.

11. FARADILA ZAINAL BINTI ABIDIN

Kaunselor di Unit Psikologi dan Kaunseling, Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling dari Universiti Pendidikan Sultan Idris 2009. Kepakaran di bidang bimbingan dan kaunseling, kaunseling kerjaya pelajar dan pembina modul kesejahteraan psikologi pelajar. Merupakan kaunselor berdaftar dan ahli Persatuan Kaunselor Pendidikan Malaysia (PEKA).

12. ZUBAIDAH BINTI ZAKARIA

Kaunselor di Unit Psikologi dan Kaunseling, Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling dari Universiti Utara Malaysia 2010. Kepakaran di bidang bimbingan dan kaunseling, kaunseling kerjaya pelajar dan salah seorang pembina bahan intervensi pencegahan bunuh diri. Merupakan kaunselor berdaftar dan ahli Persatuan Kaunselor Pendidikan Malaysia (PEKA).

13. ELLAN BALANG LAU CHUI HSIANG

Ellan Balang Lau Chui Hsiang bekerja sebagai Kaunselor Pendidikan Daerah di Pejabat Pendidikan Daerah Lubok Antu. Beliau mendapat Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan Dan Kaunseling) di Universiti Putra Malaysia pada Tahun 2002. Kepakaran beliau adalah dalam Bimbingan Dan Kaunseling, Pembinaan Modul Peningkatan Kepimpinan Dan Modul Team Building.

14. HAZIQ AZREE BIN YAZID

Haziq Azree bin Yazid merupakan Guru Cemerlang Bimbingan dan Kaunseling. Kini sedang menyambung pengajian dalam Doktor Falsafah Bimbingan dan Kaunseling di UPSI. Kepakaran utama adalah pembangunan modul dan melaksanakan lebih 800 program-program motivasi lebih di seluruh negara. Pernah mendapat Anugerah Graduan Cemerlang Negara 2015, Anugerah Graduan Cemerlang PERKAMA 2013, Anugerah Kepimpinan Anak Johor UPSI (MAJOR) dan Anugerah Pelajar Cemerlang Jabatan Psikologi dan Kaunseling UPSI 2012.

15. PROF. MADYA DR. FAUZIAH BINTI MOHD SA'AD

Profesor Madya Dr. Fauziah Mohd Sa'ad berkhidmat sebagai pensyarah di Jabatan Bimbingan dan Kaunseling, Fakulti Pembangunan Manusia (FPM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim, Perak. Beliau telah berkhidmat di UPSI sejak tahun 2005. Beliau memiliki Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam bidang Psikologi Kaunseling dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Pengarah pusat kaunseling UPSI selama 5 tahun. Beliau aktif dalam bidang kaunseling psikologi dan kesihatan mental serta sering dirujuk sebagai pakar oleh surat khabar dan TV di Malaysia.

16. SHAHIDA NALINI BINTI MAT SABRI

Setiausaha dan Pensyarah Jabatan Bimbingan & Kaunseling, IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan. Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bimbingan & Kaunseling (UPSI) dan Master Pendidikan Bimbingan & Kaunseling (UPM). Beliau merupakan Guru Bimbingan & Kaunseling sebelum memulakan kerjaya sebagai pensyarah setelah tamat cuti belajar. Bidang kepakaran beliau adalah bimbingan dan kaunseling terutamanya dalam bidang intervensi dalam kaunseling, kaunseling silang budaya dan pentaksiran dalam kaunseling. Beliau juga merupakan kaunselor berdaftar.

17. NURULAINI BINTI MOSHIDI

Ketua Unit Akademik, Jabatan Bimbingan dan Kaunseling IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan Kuala Lipis. Beliau mempunyai memiliki ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Sarjana dalam bidang Pendidikan Bimbingan Dan Kaunseling, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Bidang kepakaran beliau adalah bimbingan dan kaunseling terutamanya dalam bidang inovasi digital bimbingan dan kaunseling, kaunseling keluarga dan pentaksiran dalam kaunseling. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

18. ZAWIYAH BINTI ZALI

Ketua Unit Latihan, Jabatan Bimbingan dan Kaunseling IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan Kuala Lipis. Beliau mempunyai memiliki Bachelor dalam bidang Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling), Universiti Putra Malaysia (UPM), Sarjana dalam bidang Pendidikan Psikologi Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bidang kepakaran beliau adalah bimbingan dan kaunseling di sekolah terutamanya dalam bidang Psikologi dalam kaunseling. Beliau juga merupakan seorang kaunselor berdaftar.

19. HAJI HATIM AZIWIR BIN ZAADUN ZABIR

Ketua Jabatan Bimbingan & Kaunseling, IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan. Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Pendidikan Bimbingan & Kaunseling (UPM) dan Ijazah Sarjana Kurikulum & Pedagogi (UKM). Beliau juga merupakan kaunselor berdaftar.

20. SHAFIE BIN MAJID

Pensyarah Jabatan Bimbingan & Kaunseling, IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan namun, telah bersara pada 2 September 2024. Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Pendidikan Bimbingan & Kaunseling (UPM) dan Ijazah Sarjana Bimbingan & Kaunseling (UKM). Telah berkhidmat selama 37 tahun 9 bulan dalam bidang pendidikan. Beliau juga merupakan kaunselor berdaftar.

21. NUR HAFIZA BINTI MOHD AKHIR

Nur Hafiza binti Mohd Akhir dilahirkan di Alor Setar, Kedah pada 21 Oktober 1987. Beliau merupakan seorang Kaunselor Berdaftar dan memiliki Perakauan Amalan. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling dari UPSI, Perak pada tahun 2011 dan Sarjana Sains Kaunseling dari UUM, Kedah pada tahun 2018. Berpengalaman sebagai guru bimbingan dan kaunseling sepenuh masa selama 7 tahun di beberapa sekolah di Negeri Selangor dan Kedah sebelum dilantik menjadi Kaunselor Pendidikan di Kolej Matrikulasi.

22. IBRAHIM BIN YA'AKUB

Cikgu Ibrahim bin Ya'akub adalah seorang Guru Bimbingan dan Kaunseling yang sedang berkhidmat di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Kota Tinggi, Kota Tinggi, Johor Darul Takzim. Beliau berkelulusan Sijil Asas Perguruan, Bachelo Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) dari Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor Darul Ehsan dan Sarjana Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) dari Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Darul Takzim. Beliau memulakan kerjaya sebagai guru sekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Ladang Nam Heng, Kota Tinggi, Johor Darul Takzim dan di Sekolah Kebangsaan Bandar Baharu Serting, Negeri Sembilan Darul Khusus. Beliau juga berpengalaman mengajar di sekolah menengah antaranya SMK Jelai, Kuala Pilah, SMK Datuk Abdul Samad, Tanjung Ipoh di Negeri Sembilan Darul Khusus, Sekolah Sukan Malaysia Bandar Penawar, SMK Tun Habab, Kota Tinggi dan di SMK Linggiu, Kota Tinggi, Johor Darul Takzim. Beliau juga berpengalaman sebagai pensyarah di Institut Pendidikan Guru (IPG) Temenggong Ibrahim, Johor Baharu, Johor Darul Takzim.



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

ISSN 1985-3602



9 771985 360007

BAHAGIAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA